







LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan

NEGERI SABAH

Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan NEGERI SABAH Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Perikanan Sabah Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar	3
Lembaga Industri Getah Sabah Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak	19
Jabatan Air Negeri Sabah Pengurusan Pengebilan Bekalan Air	34
Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Di Pekan Baru	62
Majlis Perbandaran Sandakan Majlis Daerah Beaufort Program Kerja Naik Taraf Bangunan Dan Infrastruktur PBT	79
Majlis Daerah Keningau Majlis Daerah Ranau Majlis Daerah Sipitang Pengurusan Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan	93
Majlis Daerah Beaufort Majlis Daerah Kota Belud Lembaga Bandaran Kudat Pengurusan Penyenggaraan Kemudahan Awam	104
Majlis Daerah Penampang Pengurusan Cukai Taksiran	122
Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Pengurusan Rumah Warga Tua	142
Jabatan Hidupan Liar Sabah Pengurusan Gua Sarang Burung Walit	163
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah Pengurusan Program Latihan Teknikal Dan Perdagangan	192
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	215

PERKARA	MUKA SURAT
Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah POIC Sabah Sdn. Bhd.	215
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah Perkasa Realty Sdn. Bhd.	230
Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat Negeri Sabah Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.	243
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	265
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010	265
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2010	270
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah	270
PENUTUP	275



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 15 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 3 buah Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	**:**	**Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri**
Bahagian II	**:**	**Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
Bahagian III	**:**	**Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2011 yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 61 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha

penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan **"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
13 Jun 2012



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

1. JABATAN PERIKANAN SABAH
- Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

1.1. Program Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur (Marin) merupakan salah satu inisiatif yang diwujudkan bagi melaksanakan industri ternakan ikan dalam sangkar. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan pengkulturan spesies akuakultur marin kepada kumpulan sasaran melalui kaedah sistem ternakan dan pengurusan operasi yang berkesan ke arah peningkatan pengeluaran. Pelaksanaan program dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh 2006 hingga 2010, sejumlah RM2.79 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan RM2.22 juta daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan.

1.2. Hasil pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 di Pejabat Jabatan Perikanan Sabah daerah Kota Kinabalu, Tuaran, Sandakan dan Lahad Datu mendapati prestasi pengeluaran ternakan ikan dalam sangkar adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program ini iaitu:

1.2.1. Bekalan benih ikan yang tidak mencukupi.

1.2.2. Pemilihan penternak yang tidak mematuhi syarat pemilihan.

1.2.3. Bantuan peralatan ternakan ikan tidak dilaksanakan mengikut kriteria yang ditetapkan.

1.2.4. Kawasan Zon Industri Akuakultur yang dikenal pasti belum dizonkan sepenuhnya.

1.3. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi projek ini adalah disyorkan supaya Jabatan Perikanan Sabah mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

1.3.1. Meningkatkan pengeluaran benih dan memastikan bantuan bekalan benih mencukupi khususnya kepada penternak kecil yang tidak berkemampuan.

1.3.2. Jabatan juga perlu membuat pemantauan dan memberi bimbingan kepada penternak agar dapat memastikan ternakan berdaya maju terutamanya dari segi penyenggaraan sangkar.

1.3.3. Jabatan perlu menarik balik pakej insentif bagi penternak yang tidak mengusahakan ternakan seperti peraturan dan syarat yang ditetapkan.

1.3.4. Jabatan hendaklah bertindak mempercepatkan proses pengezonan bagi kawasan akuakultur yang dikenal pasti agar kawasan tersebut terpelihara daripada pencerobohan dan pencemaran.

1.3.5. Menambah baik sistem pengurusan fail yang sedia ada mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi memudahkan pengesanan dan rujukan maklumat penting.

1.3.6. Memastikan keperluan kewangan dan modal insan yang mencukupi bagi melaksanakan dan menjayakan aktiviti ternakan ikan dalam sangkar agar industri ini dapat berkembang maju.

2. LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH

- **Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak**

2.1. Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok telah dilaksanakan mulai tahun 1981 bertujuan untuk mengembangkan kawasan baru penanaman getah yang mana kumpulan sasar adalah pemilik tanah yang tidak diusahakan, petani yang mengamalkan kehidupan berpindah randah dan golongan miskin dari kawasan pedalaman serta terpencil. Klon Lateks Balak dipilih kerana berpotensi untuk menghasilkan lateks sehingga melebihi 2,000 kilogram sehektar setahun serta mampu menghasilkan jumlah isipadu kayu getah melebihi satu meter padu (m^3) sepokok dalam tempoh 25 tahun. Bagi RMKe-9, sejumlah RM68.53 juta telah diperuntukkan bagi program ini yang terdiri daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan RM21.72 juta (31.7%), Kerajaan Negeri RM22.99 juta (33.5%) dan Ses Penanaman Semula Getah RM23.84 juta (34.8%).

2.2. Hasil pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2011 di Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) di daerah Sipitang, Keningau, Kota Marudu dan Kudat mendapati prestasi Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak adalah baik kerana 90.2% peserta memaklumkan berpuas hati dengan program yang dijalankan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan program antaranya ialah:

2.2.1. Pelan muktamad kerja pengukuran lewat dikeluarkan sehingga 325 hari.

2.2.2. Kerja pembersihan di 4 kawasan lewat disiapkan.

2.2.3. Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual.

2.2.4. Kelewatan pembayaran bagi pembelian hasil getah sehingga 39 hari.

2.3. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi program ini, adalah disyorkan supaya pihak LIGS mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

2.3.1. Memastikan juruukur yang dilantik melaksanakan kerja pengukuran dan penyediaan pelan muktamad dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan. Selain itu, pihak LIGS juga hendaklah memastikan kontraktor pembersihan kawasan yang dilantik melaksanakan kerja pembersihan dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan.

2.3.2. Melibatkan peserta program untuk melaksanakan kerja penanaman bibit dan penyenggaraan dengan memberikan latihan yang bersesuaian serta menyediakan bekalan baja yang mencukupi.

2.3.3. Memastikan bancian ukur lilit dilaksanakan terlebih dulu sebelum penyerahan kepada peserta dibuat.

2.3.4. Memastikan modal pusingan adalah mencukupi bagi mengatasi masalah kelewatan pembayaran hasil getah yang dibeli secara kredit daripada peserta.

3. JABATAN AIR NEGERI SABAH

- Pengurusan Pengebilan Bekalan Air

3.1. Jabatan Air Negeri Sabah menjalankan fungsi di bawah Enakmen Bekalan Air 2003 bagi mengawal dan mengawal selia pembekalan dan pengagihan air terawat kepada penduduk Negeri Sabah. Dasar JANS adalah untuk membekalkan air berkualiti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada pengguna. Salah satu perkhidmatan yang mesti disediakan kepada pengguna adalah pengurusan pengebilan yang cekap dan tepat. Setakat September 2011, JANS mempunyai 245,662 akaun berdaftar yang aktif di 28 daerah di Negeri Sabah. Terdapat 9 JANS di Bahagian dan 19 di Daerah yang melaksanakan sistem pengebilan dan memungut hasil menggunakan sistem *Utility Billing and Information System* (UBIS) mulai tahun 2007 bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan pengebilan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati, pengurusan pengebilan bekalan air di JANS Kota Kinabalu, Tawau, Kudat, Keningau dan Pusat Bil Kota Kinabalu adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang diperhatikan antaranya seperti berikut:

3.2.1. Pengurusan pembacaan jangka yang lemah mengakibatkan berlaku penurunan pengeluaran bil antara 7.8% hingga 83.7% pada tahun 2010 di daerah Kota Kinabalu, Tawau dan Kudat.

3.2.2. Sebanyak 7,156 akaun baru belum dibaca dan dikeluarkan bil air bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011.

3.2.3. Pengeluaran Bil Anggaran sebanyak 22,606 pada tahun 2011 mengakibatkan Kerajaan tidak menerima hasil yang sepatutnya dalam tempoh tersebut.

3.2.4. Tunggakan hasil air berjumlah RM117.96 juta pada akhir tahun 2011 masih tinggi.

3.2.5. Perkhidmatan pelanggan dan aduan yang tidak mencukupi untuk kemudahan dan keselesaan pelanggan.

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan pengebilan bekalan air ini disyorkan JANS mengambil langkah berikut:

3.3.1. Menyediakan jadual pelaksanaan operasi pemotongan yang lebih teratur dan mengurangkan penglibatan pembaca jangka dalam operasi pemotongan dengan mewujudkan alat pengesan meter pelanggan atau menyediakan pelan kedudukan meter pelanggan yang lengkap dan kemas kini.

3.3.2. Sentiasa memantau pengurusan pengeluaran bil terutamanya akaun baru diwujudkan dan pengeluaran bil anggaran kerana halangan dan meter berusia melebihi 7 tahun yang belum diganti bagi memperolehi kutipan hasil yang sepatutnya.

3.3.3. Memastikan semua modul aplikasi di dalam Sistem UBIS, ePos Client dan MIS digunakan. Selain itu, mewujudkan program pemulihan bencana untuk memastikan maklumat dan kemudahan pemprosesan beroperasi tanpa gangguan.

3.3.4. Mengambil tindakan mengutip deposit yang tidak dibayar dan mengesan pendeposit yang belum menuntut deposit.

3.3.5. Menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap pelanggan yang mempunyai akaun tertunggak.

4. LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

- Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Di Pekan Baru

4.1. Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) adalah sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan pekan baru untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

4.2. Kerajaan Negeri melalui LPPB telah membelanjakan sejumlah RM64.85 juta bagi tempoh RMKe-5 hingga RMKe-8 untuk menyiapkan persediaan tapak, jalan raya, medan letak kereta, perparitan dan lain-lain kemudahan awam di 53 pekan baru di seluruh Negeri Sabah. Dalam RMKe-9 (2006-2010), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM51.10 juta untuk melaksanakan sebanyak 67 buah projek infrastruktur di 25 pekan baru. Setakat 31 Disember 2011, perbelanjaan bagi peruntukan Kerajaan Negeri Sabah adalah berjumlah RM41.41 juta.

4.3. Pengauditan terhadap 13 buah projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati, penyediaan infrastruktur asas yang dilaksanakan oleh LPPB adalah memuaskan kecuali kelemahan dalam pelaksanaan dan penyenggaraan projek infrastruktur seperti berikut:

4.3.1. Projek pembinaan jalan berjumlah RM0.50 juta di atas tanah simpanan Kerajaan Negeri.

4.3.2. Sebanyak 5 projek Persediaan tapak dengan kos berjumlah RM3.81 juta telah siap tetapi tidak dibangunkan dengan projek lain yang dirancang seperti bangunan komersil.

4.3.3. Tapak projek tidak disenggara kerana peruntukan penyenggaraan tidak disediakan.

4.3.4. Projek yang melibatkan kos berjumlah RM2.32 juta terbengkalai.

4.4. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan terhadap 4 sampel Pekan baru dalam laporan ini tidak berulang, adalah disyorkan supaya LPPB memberi perhatian terhadap pelaksanaan projek infrastruktur asas di Pekan Baru yang lain dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

4.4.1. LPPB perlu mengutamakan pelaksanaan projek infrastruktur di kawasan yang bebas daripada sebarang halangan.

4.4.2. Kemudahan infrastruktur yang telah siap dibina sama ada untuk pembinaan bangunan komersil, perumahan, gerai dan sebagainya perlu dimanfaatkan supaya pembangunan di Pekan Baru boleh dinikmati oleh masyarakat setempat.

4.4.3. Mengadakan pakatan strategik bersama agensi lain untuk menarik minat pihak swasta membina bangunan di kawasan yang telah disediakan kemudahan infrastruktur asas dengan segera.

4.4.4. Kos penyenggaraan projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru perlu disediakan untuk memanjangkan usia penggunaan, memberi perlindungan dari sebarang pencerobohan/bencana yang mungkin timbul, meminimakan kos projek dan mempertingkatkan imej LPPB di mata masyarakat. Sehubungan itu, KKTP perlu mempertimbangkan tambahan peruntukan penyenggaraan.

4.4.5. LPPB perlu meningkatkan pemantauan terhadap setiap kerja yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik untuk memastikan pelaksanaan kerja adalah mematuhi syarat kontrak.

5. MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN
MAJLIS DAERAH BEAUFORT
- Program Kerja Naik Taraf Bangunan Dan Infrastruktur PBT

5.1. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan keperluan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat dengan membina bangunan dan infrastruktur baru, menaik taraf dan menyenggara bangunan dan infrastruktur yang sedia ada. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Majlis Daerah Beaufort (MDB) telah melaksanakan 227 kerja naik taraf melalui peruntukan Persekutuan, peruntukan Negeri dan dana sendiri. Majlis telah membelanjakan RM26.21 juta untuk tujuan tersebut. Pengauditan antara bulan Jun hingga September 2011 terhadap pelaksanaan 34 kerja naik taraf yang dipilih mendapati secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana hanya 10 daripadanya mempunyai kelemahan. Kelemahan pelaksanaan kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur di MPS dan MDB adalah seperti berikut:

5.1.1. Kerja naik taraf yang dilaksana tidak mengikut perancangan kerana sebanyak 135 daripada 152 kerja naik taraf melalui peruntukan Persekutuan yang dilaksanakan adalah kerja yang tidak mengikut rancangan. Keadaan ini berlaku kerana peruntukan adalah terhad dan kerja dilakukan berdasarkan keutamaan.

5.1.2. Tiga bangunan dinaik taraf secara berulang antara 2 hingga 3 kali pada tahun yang sama atau dalam tempoh 2 tahun kerana tiada pemeriksaan yang menyeluruh terhadap bangunan sebelum perancangan kerja naik taraf disediakan.

5.1.3. Tiga kerja naik taraf tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan, satu kerja naik taraf tidak berkualiti dan 2 kerja naik taraf tidak dilaksana disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak MDB.

5.1.4. Parit yang telah dinaik taraf tidak dapat digunakan kerana laluan air tersekat akibat parit lama tidak dibersihkan. Selain itu, sebanyak 26 daripada 32 gerai di bangunan pasar yang dinaik taraf terbiar kosong disebabkan peniaga kurang berminat kerana terpaksa bersaing dengan peniaga ditepi jalan.

5.2. Bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kualiti bangunan dan infrastruktur adalah disyorkan MPS dan MDB mengambil tindakan berikut:

5.2.1. Kerja naik taraf terhadap bangunan dan infrastruktur yang telah dikenal pasti hendaklah dirancang secara menyeluruh supaya bangunan dan infrastruktur berkenaan menjadi lengkap serta memenuhi keperluan pengguna, selesa dan selamat digunakan.

5.2.2. Memeriksa bangunan dan infrastruktur yang di bawah tanggungjawab Majlis pada awal tahun untuk menentukan sama ada ianya perlu dinaik taraf atau tidak sebelum mengemukakan permohonan peruntukan pada bulan November setiap tahun.

5.2.3. Memantau kerja semasa pelaksanaan untuk menentukan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor adalah mengikut spesifikasi, berkualiti dan dilaksana dalam tempoh yang ditetapkan.

6. MAJLIS DAERAH KENINGAU
MAJLIS DAERAH RANAU
MAJLIS DAERAH SIPITANG

- Pengurusan Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

6.1. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Majlis Daerah Keningau (MDK), Majlis Daerah Ranau (MDR) dan Majlis Daerah Sipitang (MDS) telah melaksanakan sebanyak 270 perolehan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM24.89 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 terhadap 45 perolehan, mendapati MDK, MDR dan MDS telah melaksanakan perolehan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

6.1.1. Projek Membina Parit Konkrit Bertetulang Di Belakang Bangunan Kedai Pekan Kundasang, Ranau bernilai RM88,490 dan Projek Menaik Taraf Kawasan Letak Kenderaan Di Hadapan Masjid Pekan, Ranau bernilai RM127,460 lewat disiapkan.

6.1.2. Sebanyak 5 perolehan kerja berjumlah RM1.12 juta tidak mengikut spesifikasi kerja.

6.1.3. Projek Pembinaan Tapak Tamu Malamam, Sipitang bernilai RM85,000 tidak digunakan dan Projek Menaik Taraf Sebuah Pusat Pengumpulan Sampah, Keningau bernilai RM23,500 telah dirobohkan kerana mendapat bantahan Jabatan Muzium Sabah.

6.2. Bagi memastikan perolehan PBT dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat serta kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi di masa hadapan, adalah disyorkan supaya PBT mengambil tindakan berikut:

6.2.1. Meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja pembinaan dan perolehan yang dilaksanakan, mengambil tindakan menyenarai hitam kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak, membuat pengiraan semula kos terlibat, mendapatkan kelulusan KKTP bagi perubahan kerja yang dibuat dan membuat pemeriksaan terperinci serta pengukuran fizikal untuk setiap kerja atau projek siap sebelum mengeluarkan Sijil Pengesahan Siap Praktikal.

6.2.2. Mengarahkan kontraktor melakukan kerja membaik pulih kerosakan bagi perolehan kerja atau projek yang masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

6.2.3. Membuat kajian awal di peringkat perancangan mengenai kesesuaian tapak projek bagi mengelakkan kerugian di pihak kerajaan.

7. MAJLIS DAERAH BEAUFORT
MAJLIS DAERAH KOTA BELUD
LEMBAGA BANDARAN KUDAT

- **Pengurusan Penyenggaraan Kemudahan Awam**

7.1. Majlis Daerah Beaufort (MDB), Majlis Daerah Kota Belud (MDKB) dan Lembaga Bandaran Kudat (LBK) bertanggungjawab menyenggara kemudahan awam bagi memastikan keselesaan dan keselamatan orang awam yang menggunakannya. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, MDB, MDKB dan LBK telah melaksanakan sebanyak 123 senarai kerja projek penyenggaraan dengan menggunakan kaedah perolehan secara pemberian terus dan sebut harga.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 dan beberapa lawatan susulan terhadap pengurusan penyenggaraan kemudahan awam oleh 3 PBT yang dipilih mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

7.2.1. Program penyenggaraan secara rutin dan berjadual tidak disediakan untuk memastikan kemudahan awam selesa dan selamat digunakan oleh orang awam.

7.2.2. Pelaksanaan penyenggaraan bagi 8 kerja penyenggaraan didapati tidak mengikut spesifikasi kerja dan tidak berkualiti.

7.3. Bagi memastikan penyenggaraan kemudahan awam dibuat dengan teratur agar kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi, PBT disyorkan supaya mengambil tindakan berikut:

7.3.1. Menyediakan Program Penyenggaraan bagi memastikan kemudahan awam disenggara secara rutin dan berjadual, teratur dan dilaksanakan mengikut keutamaan.

7.3.2. Meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi.

7.3.3. Memastikan kemudahan awam dapat beroperasi selepas kerja penyenggaraan dilaksanakan.

7.3.4. Memastikan semua projek kemudahan awam di PBT lengkap atau sempurna dan sesuai dengan fungsi kemudahan awam disediakan.

7.3.5. Pemasangan papan tanda aduan kerosakan di setiap lokasi kemudahan awam untuk memudahkan laporan aduan awam dibuat.

8. MAJLIS DAERAH PENAMPANG

- Pengurusan Cukai Taksiran

8.1. Mengikut Seksyen 82, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, setiap pemilik hartanah dalam kawasan perkadaran hendaklah membayar cukai taksiran tahunan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Cukai taksiran merupakan cukai yang boleh dikenakan terhadap hartanah yang dikenali sebagai harta pegangan berkadar seperti bangunan kediaman, perniagaan, perusahaan, pejabat dan tanah kosong dalam kawasan perkadaran. Pada tahun 2011, sejumlah 24,065 hartanah direkodkan dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Penampang dan cukai taksiran yang boleh dikutip daripada pemilik hartanah adalah sejumlah RM9.75 juta.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga Oktober 2011 terhadap penentuan kawasan perkadaran, kerja penilaian hartanah, proses pungutan cukai taksiran dan kawalan sistem berkomputer cukai taksiran mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

8.2.1. Prestasi kutipan cukai taksiran tidak menunjukkan peningkatan ketara.

8.2.2. Keluasan kawasan perkadaran tidak dikaji semula.

8.2.3. Penilaian semula hartanah tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

8.2.4. Kerja penilaian semula hartanah lewat disiapkan.

8.2.5. Senarai penilaian baru tidak dilaksanakan.

8.2.6. Penambahan ruang premis tidak dinilai semula.

8.2.7. Pangkalan data sistem berkomputer cukai taksiran tidak lengkap.

8.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan cukai taksiran, pihak Audit mengesyorkan Majlis Daerah Penampang mengambil tindakan seperti berikut:

8.3.1. Majlis perlu sentiasa memantau prestasi Syarikat selaku pemungut tunggakan cukai taksiran dengan menetapkan sasaran jumlah kutipan. Selain itu, Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip cukai taksiran dengan mengadakan program galakan pembayaran cukai taksiran seperti kempen kesedaran, pengiklanan di akhbar tempatan atau laman web dan kaunter bergerak.

8.3.2. Surat peringatan perlu dikeluarkan secara berkala dan menyatakan dengan jelas mengenai tunggakan cukai taksiran dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pembayaran tidak dibuat dalam tempoh tersebut, tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pemilik hartanah.

8.3.3. Mewujudkan kordinasi antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Akaun untuk memastikan cukai taksiran dijelaskan sebelum Lesen Operasi Perniagaan dapat diperbaharui.

8.3.4. Keluasan kawasan perkadaran perlu dikaji semula dari semasa ke semasa supaya perkhidmatan Majlis dapat disampaikan ke kawasan pembangunan di luar kawasan perkadaran dan cukai taksiran dapat dikenakan.

8.3.5. Melaksanakan senarai penilaian baru dengan segera selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi pelantikan sebuah syarikat tempatan untuk melaksanakan kerja pengemaskinian data cukai taksiran. Selain itu, Majlis perlu melakukan pemantauan atau pemeriksaan di kawasan perkadaran untuk memastikan pengubahsuaian atau tambahan ruang premis dinilai semula mengikut keluasan terkini.

8.3.6. Had capaian terhadap sistem berkomputer cukai taksiran oleh kakitangan syarikat selaku pemungut tunggakan cukai taksiran hendaklah dihadkan mengikut kesesuaian manakala bagi urusan membatalkan hartanah dan akaun hendaklah disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa bagi menjamin integriti data.

9. JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM SABAH

- Pengurusan Rumah Warga Tua

9.1. Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (Jabatan) Negeri Sabah bertanggungjawab untuk mentadbir Rumah Warga Tua (RWT). Objektif penubuhan RWT adalah untuk memberikan penjagaan dan perlindungan kepada warga tua yang tidak mempunyai pendapatan, tempat tinggal dan anak yang sanggup menyara kehidupan mereka. Jabatan mentadbir 3 institusi RWT di Negeri Sabah iaitu RWT Sri Pritchard Kinarut, Papar, RWT Sri Harapan, Sandakan dan RWT Air Panas, Tawau.

9.2. Pengauditan dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 dan auditan susulan mendapati, pengurusan RWT telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali beberapa perkara seperti:

9.2.1. Makanan tidak diagihkan berdasarkan diet penghuni.

9.2.2. Menu makanan tidak berdasarkan keupayaan pemakanan penghuni.

9.2.3. Jadual makan tidak mematuhi waktu disarankan.

9.2.4. Pemberian ubat kepada penghuni tidak dapat disahkan.

9.2.5. Kakitangan penjagaan dan rawatan kurang terlatih.

9.2.6. Bilik penghuni tidak dikemaskan dan dilengkapkan.

9.2.7. Kemudahan dan alat bantuan tidak disediakan.

9.2.8. Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.

9.2.9. Peralatan *snoezelen* tidak digunakan, katil besi dan kabinet tidak digunakan.

9.2.10. Persekitaran RWT tidak disenggara.

9.2.11. Kawalan keselamatan tidak mencukupi.

9.3. Bagi memastikan pengurusan institusi RWT dilaksanakan dengan teratur, Jabatan disyorkan untuk mengambil langkah-langkah berikut:

9.3.1. Makanan diagihkan kepada penghuni berdasarkan saranan yang disyorkan oleh pegawai perubatan dan menu makanan disediakan berdasarkan diet yang disarankan pegawai Dietetik. Selain itu, jadual waktu makan diubah dengan mengambil kira waktu yang disarankan untuk warga tua.

9.3.2. Pemantauan rawatan pemberian ubat dilakukan secara sistematik dan Jururawat dibantu kakitangan berkelayakan seperti Atendan Kesihatan untuk menjalankan tugas penjagaan dan rawatan penghuni.

9.3.3. Memastikan bilik penghuni dikemaskan dan dilengkapkan dengan kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan penghuni serta menyediakan kemudahan dan alat bantuan yang mencukupi untuk keselesaan dan keselamatan penghuni. Selain itu, kemudahan yang disediakan dikendalikan kakitangan yang berkelayakan dan digunakan oleh penghuni.Perolehan peralatan perlu dirancang dan dibuat dengan lebih teliti untuk memastikan penggunaannya.

9.3.4. Membina bangunan baru menggantikan RWT yang uzur dan memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi serta menyenggara persekitaran RWT secara berjadual.Aspek kawalan keselamatan di RWT ditambah agar khidmat kawalan keselamatan sentiasa diadakan.

9.3.5. Mewujudkan RWT yang boleh dijadikan contoh terbaik untuk penjagaan dan perlindungan warga tua.

10. JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

- Pengurusan Gua Sarang Burung Walit

10.1. Jabatan Hidupan Liar Sabah (Jabatan) bertanggungjawab memelihara dan mengurus 23 buah gua sarang burung walit termasuk mengutip hasil sarang burung walit di samping melindungi burung walit sebagai spesis yang terlindung. Matlamat Jabatan adalah untuk menjadikan gua sarang burung walit sebagai pusat rekreasi, pelancongan, latihan dan

pendidikan. Pengurusan kutipan sarang burung yang dilaksanakan secara tender di gua milik Kerajaan Negeri menjadi hasil Kerajaan Negeri sepenuhnya manakala kutipan sarang burung dari gua milik warisan dikenakan bayaran royalti 10% dari jumlah kutipan. Bagi tahun 2009, 2010 dan 2011, hasil kutipan sarang burung adalah berjumlah RM19.07 juta, RM19.07 juta dan RM 12.04 juta masing-masing.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 terhadap pengurusan gua sarang burung walit yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

10.2.1. Sebanyak 21 daripada 23 buah gua di bawah tanggungjawab Jabatan tidak diurus dan dilindungi disebabkan masalah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan dan logistik.

10.2.2. Kawasan hutan di sekitar gua telah diceroboh menyebabkan keseimbangan suhu dan kelembapan dalam gua terjejas serta mengganggu habitat semulajadi burung walit.

10.2.3. Notis penuaian dikeluarkan semasa anak burung belum matang menyebabkan kematian dan menjejaskan populasi burung walit.

10.2.4. Kaedah dan peraturan penuaian tidak dipatuhi kerana kontraktor menggunakan peralatan yang dilarang dan pekerja tinggal di kawasan gua menyebabkan aktiviti di kawasan gua sukar dikawal terutama pada waktu malam.

10.2.5. Kawalan keselamatan di Gua Gomantong dan Gua Madai tidak mencukupi kerana syarikat dan jawatankuasa keselamatan yang dilantik tidak berfungsi dan laluan keluar masuk tidak dikawal.

10.2.6. Program pelancongan hanya tertumpu di Gua Gomantong manakala tiada perancangan khusus disediakan bagi membangunkan akiviti eko-pelancongan di gua-gua lain menyebabkan ianya terbiar begitu sahaja.

10.2.7. Keadaan gua yang kotor dan dicemari dengan sampah-sarap, pondok terbiar serta kesan vandalisma ke atas dinding-dinding gua telah menjejaskan imej gua sebagai destinasi pelancongan menarik.

10.2.8. Kemudahan pelancongan tidak disedia sepenuhnya, terbiar rosak dan tidak disenggara serta tidak digunakan mengakibatkan kerugian serta menjejaskan imej Jabatan.

10.2.9. Pengurusan pemberian tender tidak mematuhi peraturan kewangan kerana syarikat yang masih mempunyai tunggakan dilantik semula dan dokumen kontrak tidak disediakan.

10.3. Bagi memantapkan pengurusan gua sarang burung walit agar matlamatnya tercapai, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

10.3.1. Jabatan hendaklah mengurus, mengawal dan memelihara semua gua yang telah diwartakan dengan membuat lawatan dan pemeriksaan berkala. Sehubungan itu, program pemantauan bersama antara Jabatan dengan Jabatan Perhutanan bagi mengawal hutan simpan di kawasan gua perlu dipertingkatkan.

10.3.2. Jabatan hendaklah memastikan notis penuaian sarang burung dikeluarkan dalam tempoh yang sesuai dengan kitaran hidup burung walit agar populasi burung walit tidak terjejas. Selain itu, Jabatan hendaklah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak dan memantau kerja yang dilaksanakan.

10.3.3. Jabatan perlu menyediakan perancangan yang bersepadu, peruntukan pembangunan dan penyenggaraan yang mencukupi bagi menjayakan program eko-pelancongan burung walit.

10.3.4. Mengadakan perbincangan dengan pihak pewaris bagi mengatasi masalah pengurusan gua, kawalan hutan simpan dan kaedah kutipan sarang burung bagi menambah baik pengurusan gua milik warisan.

10.3.5. Jabatan hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik semula telah menjelaskan tunggakan, mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan tunggakan hasil dan menyediakan dokumen kontrak pelantikan agar kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara.

11. JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA SABAH

- Pengurusan Program Latihan Teknikal Dan Perdagangan

11.1. Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan (ILTP), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Kemahiran Bumiputera telah ditubuhkan pada awal tahun 1980-an dan merupakan salah sebuah Bahagian di bawah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (Jabatan). ILTP bertanggungjawab melaksanakan program latihan kemahiran teknikal dan perdagangan dengan memberi latihan kemahiran kepada pelatih yang mengikuti latihan di kampus ILTP. ILTP mempunyai 2 buah kampus latihan yang terletak di daerah Papar dan Kota Kinabalu. ILTP kampus Papar merupakan kampus utama dan telah beroperasi sejak tahun 1982 manakala kampus Kota Kinabalu mula beroperasi pada tahun 2006. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010, ILTP telah berjaya melatih seramai 1,604 orang pelatih peringkat Sijil dari pelbagai kursus.

11.2. Prestasi pengurusan program latihan anjuran ILTP adalah memuaskan di mana objektif ILTP dalam melaksanakan program latihan kemahiran teknikal dan perdagangan adalah tercapai. Bagaimanapun, pelaksanaan program latihan kurang berjalan lancar kerana terdapat kelemahan dalam pengurusannya yang telah dikenal pasti. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

11.2.1. Keadaan asrama yang kurang kondusif serta bangunan asrama baharu dengan kos pembinaan sejumlah RM4.90 juta belum diduduki sejak siap pada tahun 2008.

11.2.2. Meja dan kerusi yang dibeli dengan kos sejumlah RM95,800 pada tahun 2010 belum digunakan serta fizikal kelengkapan asrama bernilai RM0.48 juta tidak dapat dikesan.

11.2.3. Pembayaran elaun bulanan kepada pelatih tidak konsisten pada setiap bulan serta pengagihan pakaian seragam dan kasut keselamatan kepada pelatih dibuat antara 6 hingga 10 bulan selepas sesi latihan bermula.

11.2.4. Peralatan latihan belum disediakan mengikut keperluan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan serta tindakan pembaikan bagi peralatan latihan yang rosak sejak tahun 2008 belum dilaksanakan. Selain itu, 10 unit *Metal Inert Gas* dan 1 Unit *AC Spot Welder* tidak digunakan sejak tahun 2006.

11.3. Bagi memastikan program latihan yang dianjurkan oleh ILTP dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar, pihak Audit mengesyorkan pihak Jabatan dan pihak ILTP khasnya mengambil tindakan-tindakan bagi tujuan penambahbaikan seperti berikut:

11.3.1. Melaksanakan program penyenggaraan *preventive* dan *corrective* secara berkala terhadap bangunan asrama dan peralatan latihan agar ia selamat digunakan dan berfungsi dengan baik.

11.3.2. Mengambil tindakan sewajarnya untuk membolehkan permohonan Sijil Layak Menduduki bagi bangunan asrama baharu diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

11.3.3. Merancang dengan teliti dan melaksanakan perolehan terhadap kelengkapan asrama, peralatan latihan serta pakaian seragam dan kasut keselamatan mengikut keperluan pelatih dengan dalam tempoh masa yang bersesuaian.

11.3.4. Melaksanakan sistem pengurusan kewangan yang berkesan seperti menjalankan pemeriksaan aset dan inventori sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun bagi memastikan kewujudan fizikal aset, meningkatkan kerja penyeliaan terhadap pembekalan makanan bagi menjamin kualiti bekalan makanan serta menetapkan jadual pembayaran elaun kepada pelatih pada setiap bulan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

12. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SABAH
- POIC Sabah Sdn. Bhd.

12.1. POIC Sabah Sdn. Bhd. (POIC) ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Syarikat 1965. POIC mempunyai saham dibenarkan berjumlah RM150 juta dan berbayar penuh

berjumlah RM108.06 juta. POIC merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Perindustrian.

12.2. Pada amnya, Prestasi Kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus POIC adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang berlaku dalam pengurusan aktiviti utama POIC seperti berikut:

12.2.1. Jeti yang telah siap pada tahun 2008 belum beroperasi dan pelabur tidak menyiapkan kilang serta menjelaskan bayaran harga tanah mengikut tempoh yang ditetapkan.

12.2.2. Kelemahan dalam tadbir urus pula adalah seperti Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan, *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak komprehensif.

12.2.3. Pengurusan pembayaran, perolehan serta aset kurang memuaskan.

12.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan agar pihak POIC mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

12.3.1. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja pembinaan oleh pelabur untuk memastikan penyiapan kilang mengikut tempoh yang ditetapkan.

12.3.2. Mengenakan penalti terhadap pelabur yang gagal menjelaskan bayaran harga tanah mengikut syarat perjanjian jual beli.

12.3.3. Mengemas kini Standard Operating Procedures (SOP) agar lebih terperinci. SOP tersebut perlu mengandungi prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab.

12.3.4. Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan bagi memastikan pengurusan kewangan terutamanya kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan aset teratur.

13. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH

- Perkasa Realty Sdn. Bhd.

13.1. Perkasa Realty Sdn. Bhd. (PRSB) yang diperbadankan pada tahun 1977, telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1975 dengan nama Syarikat Perusahaan Padi Sdn. Bhd. PRSB adalah anak syarikat SEDCO iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal berbayar PRSB adalah sebanyak RM300,102 dan modal dibenarkan adalah berjumlah RM10 juta. Objektif penubuhan PRSB adalah menambah bilangan bumiputera menceburi bidang perniagaan dan membantu usahawan bumiputera memiliki rumah kedai melalui skim

pinjaman *soft loan*. Aktiviti utama syarikat adalah dalam bidang hartanah iaitu membina dan menyiapkan bangunan rumah kedai untuk dijual ataupun disewakan kepada golongan usahawan bumiputera yang berminat terutama di kawasan luar bandar dan pekan baru. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah kukuh kerana dalam tempoh 2 tahun PRSB telah mencatatkan keuntungan untuk tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM1.41 juta kecuali pada tahun 2008, PRSB mengalami kerugian berjumlah RM0.74 juta. Selain itu, analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati nisbah kecekapan, keuntungan dan kestabilan menunjukkan kedudukan positif dan kukuh.

13.2. Dari segi pengurusan aktiviti, pembinaan rumah kedai oleh PRSB adalah berjaya dan mencapai sasaran kerana 97.1% rumah kedai telah dibeli atau disewa oleh usahawan bumiputera. Manakala, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan memuaskan.

13.3. Bagi memantapkan pengurusan syarikat dari aspek pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

13.3.1. Prestasi Kewangan terutama nisbah semasa dan nisbah pulangan ke atas aset perlu ditingkatkan.

13.3.2. Sijil Layak Menduduki untuk projek rumah kedai pekan Nabawan yang telah siap perlu diselesaikan dengan segera supaya rumah kedai tersebut dapat dijual ataupun disewakan bagi meningkatkan pendapatan syarikat PRSB.

13.3.3. Rekod penghutang dan penyewa hendaklah dikemas kini supaya jumlah tunggakan pinjaman dan sewaan adalah tepat dan membolehkan tindakan susulan diambil terhadap penyewa yang ingkar. Usaha mengutip tunggakan perlu dipergiatkan dan penghutang/penyewa tegar perlu diambil tindakan tegas seperti tindakan mahkamah dan menyita premis.

14. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SABAH

- Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.

14.1. Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SECSB) ditubuhkan pada 1 April 1996 di bawah Akta Syarikat 1965. SECSB mempunyai saham dibenarkan sejumlah RM500 juta dan berbayar sejumlah RM242.67 juta. SECSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat. Objektif SECSB adalah untuk menerajui pembangunan sumber tenaga di Negeri Sabah dan menjalankan projek pembangunan termasuk aktiviti pengilangan, pemasangan, pemprosesan dan pemasaran. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada keseluruhannya prestasi kewangan SECSB adalah baik. Selain itu, SECSB telah mencatat keuntungan yang meningkat sejumlah RM3.55 juta, RM7.39 juta dan RM11.09 juta pada

tahun 2008, 2009 dan 2010. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti utama SECSB seperti penyenggaraan premis kurang memuaskan.

14.2. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan pihak SECSB mengambil tindakan berikut:

14.2.1. Mempercepatkan pembangunan hartanah atau menyewakan 6 lot tanah yang belum dibangunkan dengan mengenalpasti pemaju dan penyewa yang berpotensi.

14.2.2. Memastikan semua premis yang akan disewakan sentiasa disenggara untuk memastikan premis tidak cepat usang dan dalam keadaan yang baik supaya dapat menarik minat penyewa.

14.2.3. Mematuhi pekeliling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan tadbir urus syarikat.



BAHAGIAN I
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2011, sebanyak 11 aktiviti telah dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi telah dipilih dan dikaji iaitu Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak, Pengurusan Pengebilan Bekalan Air, Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Di Pekan Baru, Program Kerja Naik Taraf Bangunan Dan Infrastruktur PBT , Pengurusan Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pengurusan Penyenggaraan Kemudahan Awam, Pengurusan Cukai Taksiran, Pengurusan Rumah Warga Tua, Pengurusan Gua Sarang Burung Walit dan Pengurusan Program Latihan Institut Teknikal Dan Perdagangan. Pemerhatian Audit tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN PERIKANAN SABAH

2. PENGURUSAN TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Perikanan Sabah (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk merancang dan memajukan sektor perikanan di Negeri Sabah. Ternakan ikan dalam sangkar boleh ditafsirkan sebagai satu proses tumbesaran ikan dari peringkat juvenil ke saiz pasaran di dalam satu isipadu air yang terkurung di semua permukaannya dengan jaring kasar. Kaedah ternakan ikan ini merupakan sistem yang terkenal di kalangan penternak kerana teknologinya yang mudah dan boleh diamalkan di kebanyakan perairan yang luas buatan manusia atau semula jadi. Sangkar ikan lazimnya diapungkan di ruangan tengah atau dasar perairan.

2.1.2. Bagi melaksanakan pembangunan industri ternakan ikan dalam sangkar khususnya untuk pengusaha baru dan giat maju, Jabatan telah mewujudkan Program Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur (Marin). Penternak baru merupakan bakal pengusaha berkelayakan yang tidak mempunyai peralatan ternakan yang mencukupi serta belum mempunyai asas ternakan. Penternak giat maju adalah pengusaha berkelayakan yang sedang mengusahakan aktiviti akuakultur marin. Bagi kategori penternak baru, pakej ini terdiri daripada bahan dan peralatan asas untuk membina satu set sistem ternakan bagi

memulakan operasi. Manakala untuk kategori giat maju, pakej ini terdiri daripada bahan dan peralatan asas bagi meningkatkan keupayaan operasi pengkulturan atau sistem ternakan sedia ada. Antara bahan dan peralatan utama pakej ini termasuklah jaring, tong dram, kayu beruti, papan, tali, *bolt*, *nut* dan *washer* serta paku marin. Kos bahan dan peralatan bagi satu set sangkar ikan adalah berjumlah RM6,262. Pakej insentif ini tidak melibatkan pembekalan benih ikan.

2.1.3. Program Pakej Insentif ini terdiri daripada 4 kategori iaitu Pembangunan Sistem Ternakan, Pembangunan Kolam Ternakan, Pembangunan Benih dan Induk (Kupang dan Rumpai Laut) serta Pembangunan Infrastruktur dan Fasiliti Sokongan. Bagi tempoh 2008 hingga 2011, pakej peralatan ternakan ikan dalam sangkar ini telah membantu seramai 92 orang penternak baru dan giat maju. Pada tahun 2011, terdapat 53 pusat pengeluaran benih ikan milik Kerajaan Negeri dan swasta.

2.1.4. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan pengkulturan spesies akuakultur marin kepada penternak skala kecil melalui kaedah sistem ternakan dan pengurusan operasi yang berkesan ke arah peningkatan pengeluaran. Sehubungan itu, program ini dapat membantu penternak tersebut mengatasi kesukaran mendapatkan keperluan bagi memulakan atau mengembangkan sistem ternakan dan fasiliti sokongan lain. Kesan pelaksanaan program ini akan dapat melahirkan pengusaha akuakultur marin berdaya maju yang boleh dijadikan contoh dan rujukan kepada pengusaha lain.

2.1.5. Bagi menjayakan objektif program ini, Jabatan telah diperuntukkan sejumlah RM3.02 juta oleh Kerajaan Negeri dan RM3.52 juta oleh Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2006 sehingga 2010. Manakala, tiada peruntukan untuk program ini pada tahun 2011. Sebanyak RM2.78 juta peruntukan Persekutuan dan RM2.23 juta peruntukan Negeri telah dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut. Selain itu, program ini juga dibantu dengan menggunakan peruntukan lain melibatkan perbelanjaan sebanyak RM13.07 juta melalui program pembangunan industri ternakan ikan dalam sangkar,latihan nelayan dan penternak, program kemudahan awam akuakultur dan program pembangunan pengusaha kecil akuakultur marin.

2.1.6. Pengurusan ternakan ikan dalam sangkar adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa seperti Enakmen Perikanan Darat Dan Akuakultur 2003, Garis Panduan Pelaksanaan Program Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur (Marin) 2009 (PIPAM), Kod Amalan Ternakan Ikan Dalam Sangkar dan Asas-asas Ternakan Ikan Sangkar.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan ternakan ikan dalam sangkar terhadap penternak skala kecil telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan ternakan ikan dalam sangkar iaitu dari tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan ini melibatkan lawatan dan pemeriksaan ke 4 pejabat Perikanan Daerah dan 30 penternak. Daerah yang dilawati adalah Kota Kinabalu, Tuaran, Sandakan dan Lahad Datu. Untuk tujuan pengauditan ini, penumpuan khusus diberikan kepada bantuan peralatan ikan dalam sangkar yang diberikan oleh Jabatan sahaja. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail, laporan kemajuan serta laporan lain yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek yang dipilih juga dilakukan untuk mendapatkan bukti terhadap pelaksanaan yang telah dibuat. Soal selidik diedarkan kepada penternak dan analisis terhadap prestasi pencapaian sasaran dan pelaksanaan juga disediakan untuk menentukan pencapaian objektif Jabatan secara keseluruhan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya, prestasi pengeluaran ternakan ikan dalam sangkar adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Bekalan benih ikan yang tidak mencukupi.
- Pemilihan penternak yang tidak memenuhi kriteria.
- Pengurusan peralatan ternakan ikan tidak dilaksanakan dengan baik.
- Kawasan Zon Industri Akuakultur belum dizonkan.

2.4.1. Prestasi Pengeluaran Hasil Ternakan Ikan Dalam Sangkar

2.4.1.1. Berdasarkan Cadangan Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jabatan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan pengeluaran ikan ternakan dalam sangkar kepada 1,300 tan metrik pada tahun 2010. Manakala bagi RMKe-10, Jabatan mensasarkan pengeluaran ikan dalam sangkar kepada 1,600 tan metrik pada tahun 2015. Bagi mencapai sasaran ini, peningkatan dalam bilangan penternak dan jumlah keluasan sangkar ikan mestilah meningkat secara seiring. Prestasi penternak dan keluasan sangkar bagi tempoh 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Prestasi Penternak Dan Keluasan Sangkar Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010

Perkara	Tahun		
	2008	2009	2010
Bilangan Penternak (Orang)	662	612	607
Perubahan Bilangan Penternak (Orang)	(35)	(50)	(5)
Perubahan Peratusan Bilangan Penternak (%)	(5.0)	(7.6)	(0.8)
Keluasan (Ha)	33.27	41.73	26.24
Perubahan keluasan (Ha)	18.82	8.46	(15.49)
Perubahan Keluasan (%)	130.0	25.0	(37.0)

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.1.2. Analisis Audit terhadap bilangan penternak mendapati, berlaku penurunan sebanyak 55 orang penternak atau 8.4% pada tahun 2009 dan 2010 berbanding tahun 2008. Manakala bagi keluasan ternakan ikan dalam sangkar, berlaku peningkatan sebanyak 25% dan penurunan sebanyak 37%. Bilangan penternak yang kurang adalah disebabkan oleh pendekatan pihak Jabatan dalam mengambil perhatian terhadap keperluan kualiti penternak yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, serta kecekapan setiap unit sistem ternakan. Kesan daripada tindakan proaktif ini telah menyebabkan jumlah hasil pengeluaran ikan mencapai sasaran yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Pengeluaran Ternakan Ikan Dalam Sangkar Bagi Tempoh 2008 Hingga 2011

Tahun	Sasaran Pengeluaran (Tan Metrik)	Pengeluaran Ternakan Ikan Dalam Sangkar (Tan Metrik)	Perbezaan Pengeluaran Terhadap Sasaran Tahunan (Tan Metrik)	Peratusan Pencapaian Terhadap Sasaran Tahunan (%)
2008	950	970.98	20.98	102.21
2009	1,150	750.62	-399.38	34.73
2010	1,300	1,323.10	23.10	101.77
2011	1,400	1,490.76	90.76	106.48

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.1.3. Analisis Audit mendapati, trend pengeluaran ikan dalam sangkar mencatatkan penurunan yang amat ketara iaitu daripada 970.98 tan metrik pada tahun 2008 kepada 750.62 tan metrik pada tahun 2009. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peralihan motif majoriti penternak untuk memelihara ikan marin bernilai tinggi (ikan kerapu sunoh, kerapu tikus, mameng dan sebagainya) berbanding tahun sebelumnya (ikan siakap, ikan baulu, ikan merah, kerapu biasa dan sebagainya). Bagaimanapun, jumlah pengeluaran pada tahun 2010 dan 2011 telah meningkat dan melebihi sasaran tahunan iaitu masing-masing sebanyak 1,323.10 tan metrik dan 1,490.76 tan metrik.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran hasil ternakan ikan dalam sangkar secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana pengeluaran tahunan mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali pada tahun 2009.

2.4.2. Bekalan Benih Ikan

2.4.2.1. Berdasarkan Kod Amalan Akuakultur Ternakan Ikan Dalam Sangkar (Kod Amalan Akuakultur), penternak hendaklah menternak ikan yang bernilai komersil serta mempunyai sumber bekalan benih yang mudah diperolehi seperti ikan merah *(red snaper)*, ikan siakap *(barammundi)* dan ikan kerapu *(grouper).* Hasil lawatan pihak Audit ke kawasan ternakan di daerah Tuaran, Sandakan dan Lahad Datu mendapati, penternak menghadapi kesukaran untuk mendapat bekalan benih. Pihak Jabatan hanya mempunyai satu pusat pengeluaran benih ikan bagi tujuan penyelidikan sahaja. Selain itu, penternak juga tidak mampu untuk mendapatkan bekalan benih daripada pusat swasta kerana kos pembelian yang tinggi. Kos bagi pembelian benih untuk satu set sangkar terapung sahaja berjumlah RM6,480 pada kadar harga benih RM3/ekor. Kekurangan benih ikan liar di kawasan berhampiran yang ditangkap melalui kaedah bubu juga merupakan masalah yang dihadapi oleh penternak. **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** menunjukkan pusat pembenihan swasta dan penggunaan bubu bagi penangkapan benih liar.

Gambar 2.1
Pusat Pembenihan Ikan (Swasta)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Silam Hatchery, Lahad Datu
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 2.2
Penggunaan Bubu Bagi Menangkap Benih Liar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pensurun, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011

2.4.2.2. Berdasarkan Anggaran Perangkaan Tahunan Perikanan Akuakultur 2010, terdapat 19 pusat pembenihan di Sabah iaitu satu pusat milik Jabatan dan 18 pusat milik pihak swasta. Prestasi pengeluaran benih bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Prestasi Pengeluaran Benih Ikan Mengikut Pusat Pembenihan Ikan Dalam Sangkar Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Perkara	Tahun		
	2008	2009	2010
	Kuantiti (Ekor/m²)	Kuantiti (Ekor/m²)	Kuantiti (Ekor/m²)
Pengeluaran Benih Ikan Dalam Sangkar - Jabatan (Kerajaan)	108,182	152,715	4,910
Pengeluaran Benih Ikan Dalam Sangkar - Swasta	6,650,000	7,228,062	9,360,823
Jumlah	**6,758,182**	**7,380,777**	**9,365,733**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah
Nota: Maklumat pada tahun 2011 tidak diselenggara

2.4.2.3. Analisis trend bagi tahun 2008 hingga 2009 mendapati, jumlah pengeluaran benih ikan di pusat Jabatan telah meningkat sebanyak 44,533 ekor atau 41% kepada 0.15 juta ekor. Bagaimanapun, jumlah tersebut telah menurun mendadak sebanyak 147,805 ekor atau 96.8% kepada 4,910 ekor pada tahun 2010. Pengeluaran benih oleh pusat swasta telah meningkat masing-masing sebanyak 0.58 juta ekor atau 8.7% kepada 7.23 juta ekor pada tahun 2009 dan 2.14 juta ekor atau 29.5% kepada 9.36 juta ekor pada tahun 2010.

2.4.2.4. Semakan Audit terhadap fail dan rekod penerimaan bekalan benih mendapati, tiada rekod dan bukti penerimaan bekalan benih bagi 65 orang penternak yang menerima bantuan. Bagi mendapatkan maklum balas penternak mengenai bantuan bekalan benih ikan, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 21 soal selidik kepada penternak. Berdasarkan kepada soal selidik yang diterima, pihak Audit mendapati 8 daripada 21 responden telah menerima bantuan benih ikan. Selain itu, seramai 20 daripada 21 responden menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan benih ikan disebabkan oleh harga benih pasaran yang mahal serta kekurangan benih liar di kawasan sasaran. Senarai penternak yang mempunyai masalah bekalan benih mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Bilangan Penternak Yang Mempunyai Masalah Mendapatkan Bekalan Benih

Daerah	Penternak Yang Dilawati (Bil. Orang)	Penternak Yang Menerima Bantuan Bekalan Benih Ikan (Bil. Orang)	Masalah Penternak Untuk Mendapatkan Bekalan Benih Ikan (Bil. Orang)
Tuaran	10	2	10
Sandakan	9	4	8
Lahad Datu	2	2	2
Jumlah	**21**	**8**	**20**

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.2.5. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, Jabatan menjelaskan bahawa bantuan pakej insentif yang diterima penternak sama ada kategori baru atau giat maju hanya melibatkan peralatan sistem ternakan sahaja dan tidak termasuk bekalan benih ikan. Penternak yang memohon perlu mengesahkan bahawa mereka mampu

menyediakan bekalan benih dan makanan untuk ikan ternakan sebelum pakej diserahkan. Penternak yang dipilih boleh memohon insentif benih ikan melalui program lain tertakluk kepada kelayakan dan bekalan benih yang ada. Jabatan mengakui bahawa kekurangan bekalan benih ikan merupakan faktor utama menyekat perkembangan ternakan ikan di Negeri Sabah.

2.4.2.6. Jabatan telah mengambil langkah proaktif untuk menggunakan pendekatan *private sector driven* dimana pihak swasta diberi galakan dan insentif bagi mengeluarkan benih ikan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, Jabatan akan mendapatkan bekalan dari pusat penetasan swasta dan membekalkan kepada pengusaha yang berkelayakan. Sebagai usaha tambahan, Pelan Pembangunan Industri Pembenihan Perikanan Sabah di bawah RMKe-10 telah dibangunkan bagi mengatasi masalah ini.

Pada pendapat Audit, bekalan benih ikan yang mencukupi kepada penternak semasa program ini dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana kekurangan pusat pengeluaran benih Kerajaan untuk mendapatkan bekalan benih ikan.

2.4.3. Pemilihan Penternak

2.4.3.1. Bagi tahun 2009 sehingga 2011, bilangan permohonan yang diproses di Pusat Pengembangan Akuakultur Sabah adalah sebanyak 65 permohonan. Semua permohonan bagi ketiga-tiga tahun tersebut telah diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur. Bilangan permohonan yang diluluskan mengikut tahun dan daerah adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Bilangan Permohonan Yang Diluluskan Mengikut Tahun Dan Daerah

Bil.	Daerah	2009		2010		2011		Jumlah Keseluruhan	
		Lulus (Bil.)	Peratusan (%)	Lulus (Bil.)	Peratusan (%)	Lulus (Bil.)	Peratusan (%)	Lulus (Bil.)	Peratusan (%)
1.	Tuaran	11	44	1	5	1	6	13	20
2.	Sandakan	0	0	0	0	2	11	2	3
3.	Kudat	5	20	2	9	8	44	15	23
4.	Kuala Penyu	7	28	14	63	2	11	23	35
5.	Semporna	0	0	0	0	4	22	4	6
6.	Kunak	0	0	0	0	1	6	1	2
7.	Pitas	0	0	5	0	0	0	5	8
8.	Kota Marudu	2	8	0	23	0	0	2	3
Jumlah		**25**		**22**		**18**		**65**	**100**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.3.2. Analisis Audit mendapati sepanjang tahun 2009 hingga 2011, bilangan penternak yang terbesar adalah di daerah Kuala Penyu iaitu seramai 23 penternak atau 35%, manakala daerah Kudat mempunyai bilangan penternak kedua terbesar seramai 15

penternak atau 23%; seterusnya daerah Tuaran adalah yang ketiga terbesar dengan bilangan penternak seramai 13 penternak atau 20%. Manakala, bagi daerah lain seperti Sandakan, Semporna, Pitas dan Kota Marudu masing-masing adalah kurang dari 10 penternak atau 6.5%. Bilangan penternak tertinggi di daerah Kuala Penyu disebabkan kawasan ini telah dizonkan sebagai Zon Industri Akuakultur.

2.4.3.3. Pematuhan Terhadap Syarat Pemilihan

a. Setiap penternak yang ingin menyertai projek ternakan ikan dalam sangkar perlulah memenuhi syarat pemilihan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan. Syarat umum dan khusus yang perlu dipenuhi oleh penternak adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Syarat Pemilihan Penternak

Bil.	Syarat Umum	Syarat Khusus
1.	Peserta mestilah warganegara Malaysia dan pemastautin tetap.	Tapak yang dicadangkan sesuai dengan spesies serta sistem ternakan yang dicadangkan untuk dikembangkan.
2.	Berumur 18 tahun ke atas.	Penternak mampu menyediakan benih dan makanan untuk melaksanakan operasi ternakan.
3.	Mempunyai lokasi yang sesuai dan mempunyai geran (*TOL/NC/TC*).	Pemohon hendaklah menghadiri latihan asas ternakan ikan dalam sangkar atau mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.
4.	Pemohon tergolong dalam kumpulan sasar.	Sistem ternakan masih beroperasi dan boleh dikembangkan.
5.	Ternakan diusahakan sendiri oleh pemohon.	Tujuan memohon adalah untuk meningkatkan pengeluaran.
6.	Pemohon bersetuju dengan syarat yang ditetapkan.	Lokasi projek masih bersesuaian.

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

b. Semakan Audit terhadap 29 rekod permohonan, didapati seramai 9 orang penternak atau 31% tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Syarat yang tidak dipenuhi penternak adalah tidak menghadiri latihan ternakan dan tidak mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa 9 orang penternak berkenaan telah memenuhi syarat kelayakan dari segi pengalaman untuk dipilih sebagai penerima pakej insentif tersebut. Selain keperluan untuk menghadiri latihan asas, tempoh penglibatan penternak di dalam bidang ini boleh diambil kira sebagai mempunyai pengalaman untuk pertimbangan pemilihan. Selepas teguran Audit, Jabatan akan mengambil langkah proaktif lain bagi mengatasi masalah ini. Penerima bantuan peralatan ternakan dari kategori giat maju yang telah beroperasi akan diwajibkan mengikuti kursus sebelum atau selepas penyerahan bantuan tersebut.

2.4.3.4. Penternak Yang Lulus Tidak Mempunyai Rekod

a. Garis Panduan Perlaksanaan Program Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur (Marin) 2009, menyatakan pemohon yang berkelayakan adalah bertanggungjawab mengemukakan permohonan menggunakan borang permohonan rasmi sebelum

permohonan diproses dan dipertimbangkan. Semua borang permohonan yang diterima daripada penternak disemak di peringkat daerah sebelum dihantar ke Pusat Pembangunan Akuakultur Sabah (Cawangan Pembangunan Akuakultur) untuk dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Pakej Insentif Pembangunan Akuakultur. Status rekod permohonan terhadap 65 penternak yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Status Rekod Permohonan Bagi Tahun 2009 hingga 2011

Bil.	Daerah	Bilangan Penternak Diluluskan	Rekod Permohonan		Peratusan Tiada Borang Permohonan (%)
			Ada	Tiada	
1.	Tuaran	13	0	13	100
2.	Sandakan	2	2	0	0
3.	Kudat	15	8	7	47
4.	Kuala Penyu	23	14	9	39
5.	Semporna	4	4	0	0
6.	Kunak	1	1	0	0
7.	Pitas	5	0	5	100
8.	Kota Marudu	2	0	2	100
Jumlah		**65**	**29**	**36**	**55**

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Semakan Audit mendapati, seramai 29 orang penternak mempunyai rekod permohonan dan 36 tidak mempunyai rekod permohonan. Jabatan tidak dapat mengemukakan rekod bagi 36 permohonan disebabkan sistem fail yang tidak teratur. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat memastikan status kelayakan penternak yang dipilih. Selepas teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, Jabatan memaklumkan telah melantik 2 orang pegawai di Pusat Pengembangan Akuakultur Sabah dan pegawai tersebut telah menghadiri kursus pengurusan fail pada bulan Oktober 2011.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan penternak adalah memuaskan kecuali 9 orang penternak atau 31% yang berjaya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Selain itu, rekod permohonan tidak diselenggara dengan teratur.

2.4.4. Pengendalian Bantuan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

2.4.4.1. Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Pakej Insentif Akuakultur (Marin), bantuan peralatan ternakan ikan dalam sangkar hendaklah diuruskan dan dilaksanakan dengan baik. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Kriteria Pengendalian Bantuan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Bil.	Kriteria	Keterangan
1.	Tempoh Penyerahan	Tempoh penyerahan peralatan ternakan ikan dalam sangkar kepada penternak adalah dalam masa 32 hari selepas tarikh kelulusan.
2.	Pengesahan Penerimaan	Penternak hendaklah menerima dan menandatangani borang pengesahan penerimaan peralatan ternakan ikan dalam sangkar, perjanjian dan borang lain yang berkaitan.
3.	Bantuan Penuh	Bantuan peralatan ternakan ikan dalam sangkar yang penuh hendaklah diagihkan kepada penternak.
4.	Penyenggaraan	Penyenggaraan sangkar dan jaring perlu dibuat oleh penternak bagi memastikan sangkar sentiasa dalam keadaan bersih. Jaring yang kotor akan mengurangkan bekalan oksigen di dalam pengaliran air. Selain itu, kesihatan ikan akan terjejas akibat pembiakan parasit.
5.	Penarikan Peralatan	Jabatan hendaklah menarik balik peralatan sangkar yang tidak diusahakan selepas memberi 1 surat amaran penarikan semula dan menyenaraihitamkan nama penternak. Jabatan berhak menarik balik sebahagian atau semua peralatan jika penternak melanggar syarat semasa atau baru seperti berikut: i. Komponen bahan dan peralatan ternakan ikan dalam sangkar tidak dipasang mengikut spesifikasi Jabatan. ii. Menjual, menyewa atau melakukan apa cara sekalipun yang menyebabkan peralatan sangkar ikan atau sebarang komponen peralatan tersebut bukan lagi di bawah jagaan atau kawalan penternak. iii. Bahan dan peralatan ternakan ikan dalam sangkar tidak digunakan semata-mata untuk ternakan ikan dalam sangkar sahaja atau yang diluluskan. iv. Bahan dan peralatan yang diberikan tidak di senggara dengan sewajarnya. v. Bahan dan peralatan yang diberikan tidak mematuhi aspek keselamatan. vi. Gagal menghadiri kursus atau perjumpaan yang ditetapkan oleh Jabatan.

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.4.2. Hasil semakan Audit terhadap 65 rekod penternak yang diluluskan mendapati, wujud 5 kelemahan dalam pengendalian bantuan peralatan ternakan ikan dalam sangkar. Kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Kelemahan Pengendalian Bantuan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Bil.	Kelemahan	Bilangan Kes				Jumlah
		Tuaran	Sandakan	Kuala Penyu	Kudat	
1.	Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar Lewat Serah Kepada Penternak	5	0	0	0	5
2.	Tiada Pengesahan Penerimaan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar	8	4	2	3	17
3.	Bantuan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar Tidak Diberikan Sepenuhnya	3	0	0	0	3
4.	Peralatan Sangkar Ikan Tidak Di senggara	11	0	0	0	11
5.	Penarikan Peralatan Ternakan Ikan Dalam Sangkar Tidak Dilaksanakan	11	0	0	0	11
Jumlah		**38**	**4**	**2**	**3**	**47**

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Sebanyak 5 kes kelewatan penyerahan peralatan ternakan ikan dalam sangkar kepada penternak berlaku di daerah Tuaran. Tempoh kelewatan penyerahan peralatan tersebut adalah antara 72 hari hingga 325 hari. Masalah ini adalah disebabkan oleh kekurangan perkhidmatan kenderaan pengangkutan Jabatan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, pihak Jabatan memaklumkan telah mengambil langkah awal untuk mempercepatkan proses penyerahan peralatan yang meliputi seluruh Negeri Sabah bagi program yang sedang dilaksanakan. Langkah-langkah yang diambil termasuklah menggunakan lori Jabatan daripada bahagian lain dan juga berusaha menambah bilangan kenderaan pengangkutan melalui pembelian kenderaan pengangkutan baru. Selain itu, beberapa strategi lain turut diteliti dan akan dilaksanakan sekiranya bersesuaian, antaranya penempatan peralatan insentif di lokasi berdekatan kawasan sasaran, pengagihan berjadual dan penempatan kakitangan tambahan untuk aktiviti pengagihan.

b. Semakan Audit terhadap pengesahan penerimaan peralatan ternakan ikan dalam sangkar mendapati seramai 17 orang penternak di daerah Tuaran, Sandakan, Kuala Penyu dan Kudat tidak mengesahkan dan menandatangani penerimaan peralatan tersebut. Perkara ini jika tidak ditangani boleh menyebabkan penyerahan peralatan ternakan ikan dalam sangkar berulang kepada penternak yang sama.

c. Manual Prosedur Kerja Pakej Insentif Akuakultur (Marin) telah menetapkan bahawa bantuan peralatan hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada penternak. Semakan Audit mendapati, seramai 3 orang penternak di daerah Tuaran tidak menerima kesemua bantuan peralatan seperti beruti dan papan. Ini disebabkan oleh galakan pihak Penguasa Perikanan Daerah kepada penternak untuk membeli sendiri peralatan yang tidak diberikan oleh Jabatan. Perkara ini menyebabkan penternak tidak dapat melaksanakan projek ternakan ikan dalam sangkar dengan segera. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, Jabatan menjelaskan bahawa bantuan insentif bagi penternak giat maju tidak semestinya menerima satu set peralatan yang lengkap. Selaras dengan tujuan pakej insentif ini, peralatan boleh sama ada lengkap atau sebahagian darinya atau peralatan berkaitan yang lain selagi ia bertujuan meningkatkan keupayaan operasi pengkulturan atau sistem ternakan sedia ada diserahkan kepada penternak.

d. Pemeriksaan Audit terhadap rekod pemantauan dan temu bual dengan pegawai mendapati, pemantauan terhadap peralatan ternakan ikan dalam sangkar yang diterima oleh penternak ada dijalankan. Namun demikian, pemantauan yang dijalankan tidak mencukupi dan aktiviti pemantauan tidak direkodkan. Lawatan Audit pada 9 Jun 2011 terhadap 11 penternak di daerah Tuaran mendapati, keadaan fizikal peralatan seperti jaring dan rakit berada dalam keadaan rosak dan terbiar. Penternak tidak menyenggara peralatan yang diterima menyebabkan peralatan tersebut reput, rosak serta tidak boleh digunakan semula. Aktiviti pemantauan ke atas penternak tidak dapat dibuat oleh Jabatan kerana peruntukan yang terhad bagi pembelian minyak bot dan kekurangan kakitangan. Bagaimanapun, penambahbaikan Program

Pemantauan telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2011, melibatkan penyerapan 2 orang pegawai Jabatan daripada bahagian lain. Pegawai pemantau sedia ada dan lantikan baru akan diberikan kursus dan latihan secara berkala untuk meningkatkan kecekapan bagi membolehkan bimbingan lebih berkesan kepada penternak. **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.8** menunjukkan peralatan ternakan ikan dalam sangkar yang di senggara dan tidak di senggara.

Gambar 2.3
Peralatan Sangkar Kaedah *Pen-Culture* (Kandang) Di senggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pulau Tengah (Sakkar), Lahad Datu
Tarikh: 8 Julai 2011

Gambar 2.4
Peralatan Sangkar Rosak Dan Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pensurun, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011

Gambar 2.5
Peralatan Sangkar Yang Di senggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pulau Tengah (Sakkar), Lahad Datu
Tarikh: 8 Julai 2011

Gambar 2.6
Peralatan Sangkar Rosak Dan Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg.Karambunai, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011

Gambar 2.7
Peralatan Sangkar
Yang Di senggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjung Aru, Sandakan
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 2.8
Peralatan Sangkar
Rosak dan Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Separuk, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011

e. Mengikut perjanjian, bantuan pakej insentif akan ditarik sebahagian atau semua sekiranya penternak tidak aktif. Lawatan Audit pada 13 Jun 2011 terhadap 18 penternak yang menerima bantuan peralatan ternakan ikan dalam sangkar mendapati, seramai 7 penternak masih beroperasi manakala 11 orang atau 61% penternak telah memberhentikan operasi. Pihak Audit mendapati, tiada tindakan dilakukan oleh Jabatan untuk menarik bantuan peralatan terhadap 11 penternak tersebut. Ini adalah disebabkan Jabatan tidak menjalankan pemantauan secara berjadual dan mengambil tindakan penarikan peralatan. Hasil perbincangan bersama pegawai Jabatan mendapati, sistem ternakan ikan dalam sangkar akan mudah rosak jika tidak di senggara dengan baik oleh penternak. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, Jabatan juga menjelaskan bahawa pelaksanaan penarikan semula pakej insentif adalah kurang bersesuaian dan melibatkan kos tambahan kepada Jabatan. Untuk menyelesaikan masalah ini pada masa akan datang, Jabatan sedang mengambil inisiatif baru terhadap pelaksanaan tersebut. Inisiatif yang diambil adalah penarikan balik selepas tempoh 6 bulan pertama penyerahan peralatan serta penyusunan semula program pemantauan oleh Pejabat Perikanan Daerah untuk mengesan penternak yang tidak aktif. **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10** menunjukkan peralatan ternakan ikan dalam sangkar yang tidak digunakan.

Gambar 2.9
Peralatan Sangkar Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Separuk, Tuaran
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 2.10
Peralatan Sangkar Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Layan, Tuaran
Tarikh: 13 Jun 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan bantuan peralatan ternakan ikan dalam sangkar adalah memuaskan, kecuali kelemahan yang berlaku di daerah Tuaran iaitu 38 kes daripada 47 kes keseluruhannya.

2.4.5. Kawasan Akuakultur Yang Belum Dizonkan

2.4.5.1. Mengikut Seksyen 8 dan 9, Enakmen Perikanan Darat Dan Akuakultur 2003 (Enakmen Perikanan 2003), Jabatan hendaklah mengisytiharkan satu kawasan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) untuk melindungi ekosistem kawasan tersebut daripada berlakunya pencemaran. Perenggan 7.2, Manual Prosedur Kerja Pakej Insentif Akuakultur (Marin) pula menerangkan bahawa pihak Jabatan hendaklah terlebih dahulu menjalankan aktiviti kaji selidik,membuat permohonan pewartaan dan menyediakan laporan kemajuan bagi memastikan projek yang dirancang untuk dilaksanakan di sesebuah kawasan yang dikenal pasti dapat menjamin keberhasilan projek.

2.4.5.2. Pihak Jabatan juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti kawasan yang telah atau boleh ditetapkan sebagai ZIA, mencadangkan kawasan yang hendak diwartakan untuk tujuan pembangunan akuakultur serta memperincikan cara pelaksanaan dan proses pewartaan tapak. Berdasarkan Program Projek Pembangunan Kawasan Ternak Air bagi RMKe-9, kawasan berpotensi untuk pembangunan akuakultur di Negeri Sabah adalah seluas 182,260 hektar. Semakan Audit mendapati, kawasan seluas 31,929 hektar telah dikenal pasti berpotensi dan dizonkan. Manakala 91,117 hektar telah dikenal pasti berpotensi tetapi masih belum dizonkan. Seluas 5,524 hektar daripada kawasan yang belum dizonkan adalah untuk aktiviti ternakan ikan dalam sangkar seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kawasan Yang Dikenal Pasti Untuk Ternakan Ikan Dalam Sangkar Belum Dizonkan

Bil.	Daerah	Keluasan (ha)	Peratus (%)
1.	Kota Kinabalu	182	3.30
2.	Tuaran	81	1.47
3.	Lahad Datu	4047	73.26
4.	Sandakan	202	3.66
5.	Kudat	405	7.33
6.	Kuala Penyu	202	3.66
7.	Kunak	405	7.33
Jumlah		**5,524**	**100**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.5.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Februari 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa permohonan bagi maksud pewartaan kawasan akuakultur telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah. Proses permohonan ini mengambil masa kerana sektor lain seperti pelancongan, perhotelan, perumahan, perladangan dan pertanian turut bersaing untuk mendapatkan kawasan sama ada di lautan atau di daratan. Sehingga kini beberapa kawasan yang telah diluluskan hanya diletakkan sebagai kawasan Rizab Perikanan dan masih boleh dipohon oleh sektor yang berkaitan. Sebagai usaha bagi mempercepatkan kelulusan mendapatkan kawasan, langkah proaktif Jabatan seperti menyediakan kertas kabinet untuk kelulusan Jemaah Menteri telah dilaksanakan khasnya dalam memenuhi keperluan kawasan akuakultur. Kawasan yang dikenal pasti untuk dizonkan sebagai kawasan ZIA adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Kawasan Zon Industri Akuakultur Yang Telah Dizonkan



Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

2.4.5.4. Lawatan Audit pada 9 Jun 2011 ke daerah Tuaran mendapati, kawasan zon industri akuakultur telah dibangunkan menjadi kawasan penempatan. Kawasan tersebut sepatutnya dilindungi agar ekosistemnya tidak terjejas seperti di **Gambar 2.11**.

Gambar 2.11
Pembinaan Penempatan Di Kawasan
Zon Industri Akuakultur Telah Menjejas Ekosistem



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pensurun, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pensurun, Tuaran
Tarikh: 9 Jun 2011

Pada pendapat Audit, proses pengezonan Zon Industri Akuakultur adalah tidak memuaskan. Jabatan hendaklah berusaha supaya aktiviti pengezonan dapat dilaksanakan dengan segera.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pengurusan ternakan ikan dalam sangkar, adalah disyorkan supaya Jabatan Perikanan Sabah mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

2.5.1. Meningkatkan pengeluaran benih dan memastikan bantuan bekalan benih mencukupi khususnya kepada penternak kecil yang tidak berkemampuan.

2.5.2. Jabatan juga perlu membuat pemantauan dan memberi bimbingan kepada penternak agar dapat memastikan ternakan mereka berdaya maju terutamanya dari segi penyenggaraan sangkar.

2.5.3. Jabatan perlu menarik balik pakej insentif dengan segera bagi penternak yang tidak mengusahakan ternakan seperti peraturan dan syarat yang ditetapkan.

2.5.4. Jabatan hendaklah bertindak mempercepatkan proses pengezonan bagi kawasan akuakultur yang dikenal pasti agar kawasan tersebut terpelihara daripada pencerobohan dan pencemaran.

2.5.5. Menambah baik sistem pengurusan fail yang sedia ada mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi memudahkan pengesanan dan rujukan maklumat penting.

2.5.6 Memastikan keperluan kewangan dan modal insan yang mencukupi bagi melaksanakan dan menjayakan aktiviti ternakan ikan dalam sangkar.

3. PROGRAM PENANAMAN BARU GETAH SECARA BERKELOMPOK DENGAN KLON LATEKS BALAK

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok mula dilaksanakan pada tahun 1981 bertujuan untuk mengembangkan kawasan baru penanaman getah manakala penggunaan Klon Lateks Balak mula dilaksanakan pada tahun 2002. Klon Lateks Balak dipilih kerana berpotensi untuk menghasilkan getah sehingga melebihi 2,000 kilogram sehektar setahun serta mampu menghasilkan jumlah isi padu kayu getah melebihi satu meter padu (m^3) sepokok dalam tempoh 25 tahun. Potensi penghasilan getah adalah bergantung kepada amalan pertanian yang baik oleh para pekebun kecil getah iaitu selepas projek diserahkan kepada mereka. Program ini tertumpu kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan miskin di Kawasan Pendalaman, Kawasan Pantai Barat dan Utara Negeri Sabah. **Peta 3.1** di bawah menunjukkan kawasan yang ditanam getah di Negeri Sabah.

Peta 3.1
Kawasan Yang Ditanam Getah Di Negeri Sabah



Sumber: Lembaga Industri Getah, Sabah
Nota: - Kawasan yang ditanam pokok getah
- Bandar utama Negeri Sabah

3.1.2. Sejumlah RM68.55 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-9 untuk program ini yang terdiri daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan RM21.72 juta (31.7%), Kerajaan Negeri RM22.99 juta (33.5%) dan Ses Penanaman Semula Getah RM23.84 juta (34.8%). Bagi melaksanakan Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) menggunakan proses dan prosedur pengurusan yang ditetapkan dalam Prosedur Kerja yang disediakan. Sehingga tahun 2011, keluasan tanah yang dibangunkan untuk tanaman getah adalah berjumlah 106,142 hektar seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Keluasan Tanaman Getah Sehingga Tahun 2011

Bil.	Projek	Keluasan (Hektar)
1.	Pekebun Kecil Getah	85,654
2.	FMU/ESTET	20,488
Jumlah		**106,142**

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah
Nota: FMU – *Forest Management Unit*

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program ini dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan adalah meliputi Program Penanaman Baru Getah Secara Berkelompok Dengan Klon Lateks Balak oleh pekebun kecil bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, maklumat-maklumat tambahan sebelum tahun 2009 juga digunakan dalam menilai keberkesanan program ini. Pengauditan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat LIGS dan pejabat LIGS daerah Sipitang, Keningau, Kota Marudu dan Kudat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen kontrak dan fail yang berkaitan dengan program. Pihak Audit juga menjalankan temu bual dan mengedarkan borang soal selidik kepada peserta program untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mengenai program ini. Selain itu, lawatan ke ladang yang dipilih dilakukan untuk tujuan pengesahan bagi memastikan program ini dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011, secara keseluruhannya mendapati pencapaian program adalah baik. Seramai 46 daripada 51 peserta atau 90.2% yang memberi maklum balas berpuas hati terhadap program yang dilaksanakan kerana program ini juga telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan peserta antara RM600 hingga RM2,000 sebulan berbanding sebelum menyertai program iaitu antara RM200 hingga RM600 sebulan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan

dalam pengurusan dan pelaksanaan program seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pelan muktamad kerja pengukuran lewat dikeluarkan iaitu antara 12 hingga 325 hari.
- Kerja pembersihan di 4 kawasan lewat disiapkan.
- Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual.
- Kelewatan pembayaran bagi pembelian hasil getah.

3.4.1. Prestasi Program

3.4.1.1. Bagi tempoh 2006 hingga 2010, sasaran keluasan tanah untuk dibangunkan adalah seluas 11,600 hektar dengan bilangan 3,000 peserta seperti di **Jadual 3.2**. Keluasan tanah yang dibangunkan dalam tempoh tersebut adalah seluas 11,018.52 hektar atau 95% berbanding jumlah keluasan yang disasarkan. Bilangan peserta yang dipilih menyertai program adalah seramai 3,811 orang atau 127% iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan.

Jadual 3.2
Bilangan Peserta Dan Keluasan Tanah Yang Telah Dibangunkan Bagi Tempoh 2006 hingga 2010

Tahun	Bilangan Peserta			Keluasan (Hektar)		
	Sasaran	Sebenar	Peratus (%)	Sasaran	Sebenar	Peratus (%)
2006	500	606	121.2	2,000	1,992.46	99.6
2007	500	755	151.0	2,000	1,998.16	99.9
2008	500	682	136.4	2,000	2,000.89	100.0
2009	750	1,044	139.2	3,000	3,060.13	102.0
2010	750	724	96.5	2,600	1,966.88	75.6
Jumlah	**3,000**	**3,811**	**127.0**	**11,600**	**11,018.52**	**95.0**

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

3.4.1.2. Bagi mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan program, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 72 peserta dan 51 peserta telah memberikan maklum balas. Hasil analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapati, seramai 46 peserta atau 90.2% berpuas hati terhadap program yang dilaksanakan. Selain itu, program ini juga telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan peserta antara RM600 hingga RM2,000 sebulan berbanding sebelum menyertai program iaitu antara RM200 hingga RM600 sebulan. Seramai 5 peserta atau 10% tidak berpuas hati disebabkan jalan perhubungan ke ladang sukar dilalui, Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB) tidak mencukupi serta khidmat nasihat susulan selepas penyerahan kawasan kurang diberikan. Pihak LIGS memaklumkan, bantuan mesin giling di PMGB tidak mencukupi disebabkan terdapat peserta yang mahukan PMGB dibina di tanah mereka atau mahukan PMGB dimiliki oleh mereka secara

persendirian. Selain itu, peruntukan kewangan dari Kerajaan bagi tujuan berkenaan tidak lagi disediakan dan mencadangkan pekebun kecil menjual hasil mereka dalam bentuk kentalan bagi mengurangkan penggunaan mesin giling.

3.4.2. Penyediaan Blok Kawasan Tanaman

Penyediaan blok adalah merangkumi pemilihan juruukur dan kontraktor untuk kerja pengukuran dan pembersihan kawasan yang mana perolehan dibuat secara sebut harga. Juruukur dan kontraktor yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja pengukuran dan pembersihan kawasan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap fail sebut harga bagi sampel yang dipilih mendapati pelantikan juruukur dan kontraktor telah dilaksanakan secara sebut harga seperti yang ditetapkan dalam Prosedur Pengendalian Perolehan. Manakala bagi kerja pengukuran dan pembersihan kawasan masih terdapat kelemahan-kelemahan seperti berikut:

3.4.2.1. Pengukuran Kawasan

Mengikut Prosedur Kerja Penyukatan Tanah Bagi Tanaman Baru Berkelompok yang dinyatakan dalam Arahan Kerja Pengukuran Tanah, kerja pengukuran adalah meliputi kerja merintis kawasan yang hendak dibangunkan bagi mengenal pasti sempadan keliling kawasan berkenaan dan menyediakan pelan muktamad yang menunjukkan pembahagian blok serta keluasan bagi setiap kawasan berkenaan.

a. Pelan Muktamad Lewat Dikeluarkan

Berdasarkan surat tawaran yang dikeluarkan, juruukur adalah dikehendaki menyediakan pelan muktamad yang menunjukkan sempadan pembahagian blok serta keluasannya dalam tempoh 4 minggu atau 28 hari dari tarikh surat tawaran.

i. Pihak LIGS telah melantik juruukur untuk melaksanakan kerja penyukatan ukur keliling sempadan untuk 42 kawasan pada tahun 2009 dan 36 kawasan pada tahun 2010 yang masing-masing berjumlah RM324,838 dan RM377,668. Daripada bilangan tersebut, pihak Audit telah menyemak sebanyak 8 fail projek pengukuran blok iaitu 3 blok bagi daerah Sipitang, 2 blok bagi daerah Keningau dan Kota Marudu serta satu blok bagi Daerah Kudat. Pihak LIGS telah melantik 4 syarikat juruukur bagi melaksanakan kerja pengukuran di kawasan tersebut iaitu Syarikat Jurukur Swasta, Jurukur Ong dan Rakan-Rakan, Smart Survey Consultant dan Mojigoh Surveying Consultant seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Tempoh Kelewatan Penyediaan Pelan Muktamad Oleh Syarikat Juruukur

Blok	Luas (Hektar)	Syarikat Jurukur	Tarikh Surat Tawaran	Tarikh Pelan Dihantar Ke LIGS	Tempoh Siap Sebenar (Hari)	Tempoh Kelewatan (Hari)
Daerah Sipitang						
Solob	52.40	Jurukur Swasta	19.3.2010	28.4.2010	40	12
Kabar	57.97	Jurukur Swasta	03.4.2009	20.7.2009	107	79
Malayuk	68.83	Jurukur Ong Dan Rakan-Rakan	03.4.2009	29.7.2009	116	88
Daerah Keningau						
Dalit Station	55.04	Smart Servey Consultant	19.3.2010	08.3.2011	353	325
Masin Bingkor	61.99	Smart Servey Consultant	19.4.2010	TM	TM	TM
Daerah Kota Marudu						
Marak-Parak	100.00	Mojigoh surveying Consultant	19.4.2010	06.7.2010	109	81
Toporoi	80.00	Jurukur Ong Dan Rakan-Rakan	3.4.2009	8.9.2009	158	130
Daerah Kudat						
Rampai Besar	66.46	Jurukur Swasta	16.6.2010	30.7.2010	44	16

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah
Nota: TM - Tiada Maklumat

ii. Semakan Audit mendapati penyediaan pelan muktamad bagi semua kawasan yang dipilih lewat dikemukakan kepada pihak LIGS antara 12 hari hingga 325 hari. Berdasarkan maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012, juruukur yang dilantik adalah berdasarkan tawaran sebut harga yang terendah. Oleh yang demikian, juruukur yang berjaya memperolehi 3 atau lebih kawasan yang berasingan tidak dapat menjalankan dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan kekurangan tenaga kerja. Bagi mengatasi masalah ini, LIGS akan memastikan pemilihan kawasan dipercepatkan, panggilan sebut harga dikeluarkan sebaik sahaja kawasan telah dikenal pasti dan mengeluarkan surat tawaran pengukuran lebih awal selewat-lewatnya akhir bulan Jun setiap tahun.

3.4.2.2. Pembersihan Blok Kawasan

Mengikut dokumen perjanjian, kontraktor dikehendaki untuk melaksanakan kerja membersihkan kawasan dengan menebas, menebang, membongkar tunggul, membina teres dan membina jalan (jalan pertanian) dan kerja berkenaan perlulah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati:

a. Kerja Pembersihan Lewat Disiapkan

i. Pada tahun 2009, LIGS telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja pembersihan di 42 blok seluas 3,169.81 hektar dengan kos berjumlah RM11.53 juta manakala pada tahun 2010, sebanyak 30 blok dengan keluasan 2,045.80 hektar dengan kos berjumlah RM7.13 juta. Semakan dokumen terhadap 7 projek pembersihan blok mendapati 4 projek lewat disiapkan dari tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Kelewatan Kerja Pembersihan Blok Kawasan

Luas (Hektar)	Kos Projek (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Sepatut Siap	Lanjutan Masa			Peratus Kemajuan Kerja (%)
				Pertama	Kedua	Ketiga	
Blok Solob, Sipitang							
52.40	167,635	01.11.10	31.3.11	Permohonan belum ada kelulusan	Tiada	Tiada	80.0
Blok Dalit Station, Keningau							
55.04	209,712	02.11.10	20.02.11	Tiada	Tiada	Tiada	TM
Blok Marak-Parak, Kota Marudu							
100.00	176,726	01.11.10	30.04.11	30.5.2011	30.6.2011	27.8.2011	86.0
Blok Rampai Besar, Kudat							
66.46	246, 645	01.11.10	17.04.11	1.10.2011	Tiada	Tiada	89.2

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah
Nota: TM - Tiada Maklumat

ii. Analisis Audit mendapati, tempoh bagi menyiapkan kerja pembersihan bagi blok Solob, Dalit Station, Marak-Parak dan Rampai Besar adalah antara 111 hari hingga 180 hari. Bagaimanapun, didapati pihak kontraktor gagal untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan walaupun lanjutan masa telah diluluskan. Semakan Audit terhadap fail projek dan laporan kemajuan kerja yang disediakan oleh pihak LIGS, didapati status kemajuan kerja pembersihan bagi blok Solob adalah 80% (kerja utama dan meneres). Pihak kontraktor telah membuat permohonan lanjutan masa dengan alasan keadaan cuaca yang selalu hujan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan, permohonan lanjutan masa masih belum diluluskan. Sementara itu, bagi blok Marak-Parak pencapaian kemajuan kerja adalah 86% (kerja meneres) manakala blok Rampai Besar adalah 89.2% (kerja utama dan meneres) walaupun tempoh lanjutan masa bagi menyiapkan kedua-dua projek berkenaan telah diluluskan sehingga bulan Ogos dan Oktober 2011. Berdasarkan surat permohonan lanjutan masa daripada kontraktor kelewatan adalah disebabkan hujan dan kekerapan kerosakan jentera. Status kemajuan kerja pembersihan bagi blok Dalit Station tidak dapat disahkan kerana laporan kemajuan kerja tidak disediakan. **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4** adalah contoh blok yang belum siap dibersihkan.

Gambar 3.1
Kerja Pembersihan Kawasan
Yang Belum Siap Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok A, Solob, Sipitang
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 3.2
Kerja Pembersihan Kawasan
Yang Belum Siap Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Dalit Station, Keningau
Tarikh: 20 Julai 2011

Gambar 3.3
Kerja Pembersihan Kawasan
Yang Belum Siap Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Marak Parak, Kota Marudu
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 3.4
Kerja Pembersihan Kawasan
Yang Belum Siap Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Rampai Besar, Kudat
Tarikh: 27 September 2011

iii. Berdasarkan maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012, pelantikan kontraktor adalah berdasarkan tawaran sebut harga yang terendah. Oleh yang demikian, kontraktor yang berjaya memperolehi 3 atau lebih kawasan yang berasingan tidak dapat menjalankan kerja-kerja pembersihan secara serentak dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan kerana kekurangan jentera dan pekerja. Selain itu, faktor cuaca yang sering hujan juga menjadi penyumbang kepada kelewatan kontraktor menyiapkan kerja pembersihan kawasan. Selepas teguran Audit, pihak LIGS akan memastikan tiada kontraktor yang akan ditawarkan lebih daripada 2 kontrak kerja serta memastikan kontraktor mempunyai jentera dan pekerja yang mencukupi.

Pada pendapat Audit, prestasi penyediaan kawasan adalah kurang memuaskan kerana pelan muktamad bagi kerja pengukuran serta pembersihan kawasan tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

3.4.3. Penanaman Bibit

3.4.3.1. Mengikut Prosedur Kerja, bibit yang dibekalkan adalah merupakan bibit cantuman muda yang mempunyai 2 pusaran daun getah dan jenis bibit yang diperakukan dan dikeluarkan dari tapak semaian LIGS. Jarak penanaman getah adalah 30 kaki x 8 kaki untuk kawasan berbukit/beralun dan 22 kaki x 11 kaki untuk kawasan tanah rata.

3.4.3.2. Semakan dokumen telah dijalankan terhadap 4 projek penanaman bibit bagi blok di daerah Sipitang, Keningau dan Kota Marudu mendapati bibit yang dibekalkan adalah daripada jenis bibit yang diperakukan oleh LIGS. Jenis klon bibit yang dibekalkan adalah PB260, PB350, RRIM911, RRIM936, RRIM2001, RRIM2002, RRIM2025, RRIM2027, RRIM908 dan RRIM921 yang diperolehi dari pusat semaian Tuaran dan Papar. Lawatan Audit ke daerah Sipitang dan Kota Marudu pada bulan Julai dan September 2011 mendapati penanaman bibit adalah mengikut standard yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat perbezaan antara bilangan pokok yang direkod dalam Buku Daftar Penanaman Bibit berbanding dengan bilangan pokok yang ditanam dan telah dibayar berdasarkan *checkroll* (pembayaran kerja penyenggaraan) seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Bilangan Bibit Yang Ditanam Dan Dibayar

Daerah	Blok	Buku Daftar Penanaman Bibit (Bil. Pokok)	*Checkroll* (Bil. Pokok)	Perbezaan (Bil. Pokok)
Sipitang	Malayuk	26,460	26,097	363
	Kabar	23,460	20,235	3,225
Kota Marudu	Toporoi	36,349	33,689	2,660

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

3.4.3.3. Semakan Audit mendapati, bagi kawasan Malayuk perbezaan jumlah bibit yang diterima dan jumlah bibit yang ditanam berdasarkan *checkroll* adalah sebanyak 363 bibit getah manakala bagi kawasan Kabar adalah sebanyak 3,225 bibit. Bagi Blok Toporoi jumlah perbezaan adalah sebanyak 2,660 bibit getah. Hasil temu bual dengan kakitangan LIGS, perbezaan adalah disebabkan terdapat pokok yang mati semasa proses penanaman dijalankan dan terdapat kawasan yang tidak sesuai untuk ditanam bibit getah. Berdasarkan maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012, pihak LIGS hanya membayar berdasarkan bibit yang ditanam dan hidup manakala bibit yang mati/rosak tidak akan dibayar.

Pada pendapat Audit kerja penanaman bibit adalah baik kecuali terdapat perbezaan jumlah bibit yang diterima dan yang ditanam.

3.4.4. Penyenggaraan Kawasan Tanaman

3.4.4.1. Berdasarkan Arahan Kerja, penyenggaraan ladang dimulakan selepas kerja-kerja penanaman bibit selesai. Kerja-kerja penyenggaraan yang meliputi menebas,

menyembur racun dan membaja dilaksanakan setiap pusingan selama 4 tahun seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Kaedah Kerja Penyenggaraan

Tahun	Kerja Penyenggaraan	Jumlah Pusingan/Bulan
Pertama	Menebas, Menyembur racun dan Membaja	4 Pusingan atau 3 bulan sekali
Ke – 2	Menebas, Menyembur racun dan Membaja	4 Pusingan atau 3 bulan sekali
Ke – 3	Menebas, Menyembur racun dan Membaja	2 Pusingan atau 4 bulan sekali
Ke – 4	Menebas, Menyembur racun dan Membaja	3 Pusingan atau 4 bulan sekali

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

3.4.4.2. Lawatan Audit antara bulan Julai hingga September 2011 ke 4 blok di daerah Sipitang, Kota Marudu, Kudat dan Keningau mendapati, kerja penyenggaraan adalah mengikut kaedah penyenggaraan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, berdasarkan semakan terhadap *checkroll* (pembayaran kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan) terdapat kerja-kerja yang tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan

Tahun	Kerja Penyenggaraan	Pusingan 1 (Zon 1-4)	Pusingan 2 (Zon 1-4)	Pusingan 3 (Zon 1-4)	Pusingan 4 (Zon 1-4)
Blok Malayuk, Sipitang					
Pertama	Menebas	√	√		
	Meracun	√	√		
	Membaja	√	x		
Blok Toporoi, Kota Marudu					
Pertama	Menebas	√	√	√	
	Meracun	√	√		
	Membaja	√	x		
Blok Rondomon, Kudat					
Pertama	Menebas	√	√	√	√
	Meracun	√	x	√	x
	Membaja	√	x	x	x
Kedua	Menebas	√	√	√	√
	Meracun	√	√	√	√
	Membaja	√	x	x	x
Ketiga	Menebas	√	√		
	Meracun	√	√		
	Membaja	√	x		
Keempat	Menebas	√			
	Meracun	√			
	Membaja	x			

Tahun	Kerja Penyenggaraan	Pusingan 1 (Zon A-B)	Pusingan 2 (Zon A-B)	Pusingan 3 (Zon A-B)	Pusingan 4 (Zon A-B)
Blok Mansiat, Keningau					
Pertama	Menebas	x	√	x	x
	Meracun	x	√	x	x
	Membaja	x	√	x	x
Kedua	Menebas	√	√	√	x
	Meracun	√	√	√	x
	Membaja	x	√	√	x
Ketiga	Menebas	√			
	Meracun	x			
	Membaja	x			

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

Nota: - Penyenggaraan hanya perlu dibuat 2 pusingan sahaja.
- Setakat Lawatan Audit
√ - Kerja penyenggaraan telah dilaksanakan
X - Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan

3.4.4.3. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.7** di atas**,** secara keseluruhan kerja penyenggaraan untuk tahun pertama bagi blok Malayuk, Sipitang dan Toporoi, Kota Marudu telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, kerja membaja bagi blok tersebut yang sepatutnya dilaksanakan sebanyak 2 pusingan hanya dilaksanakan satu pusingan sahaja disebabkan kekurangan bekalan baja dan kekurangan pekerja.

3.4.4.4. Pelaksanaan kerja penyenggaraan bagi blok Rondomon, Kudat adalah untuk tempoh 4 tahun. Pada tahun pertama, kerja meracun dan membaja yang sepatutnya dilaksanakan sebanyak 4 pusingan tetapi masing-masing hanya dibuat sebanyak 2 dan 3 pusingan sahaja. Bagi tahun kedua, kerja membaja hanya dilaksanakan satu pusingan sahaja daripada 4 pusingan yang dijadualkan. Bagi tahun ketiga, kerja penyenggaraan hanya perlu dibuat 2 pusingan sahaja. Semakan Audit terhadap *checkroll* bagi kerja penyenggaraan mendapati, kerja menebas dan meracun kawasan telah dilaksanakan mengikut jadual kecuali kerja membaja hanya dilaksanakan satu pusingan sahaja secara berperingkat iaitu pada bulan Februari, Mac, Julai, Oktober dan Disember 2010. Semakan Audit terhadap *checkroll* pada 27 September 2011 mendapati, kerja membaja bagi tahun keempat masih belum dilaksanakan.

3.4.4.5. Selain itu, kerja penyenggaraan bagi blok Mansiat, Keningau yang dibuat adalah untuk 3 tahun. Bagi tahun pertama dan kedua, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan sebanyak 4 pusingan manakala bagi tahun ketiga hanya 2 pusingan saja. Semakan Audit terhadap *checkroll* mendapati, pada tahun pertama kerja menebas, meracun dan membaja kawasan hanya dilaksanakan satu pusingan sahaja. Bagi tahun kedua kerja membaja hanya dilaksanakan 2 pusingan sahaja iaitu pada Februari dan November 2010. Bagi tahun ketiga pula, kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan adalah kerja menebas sahaja iaitu pada bulan Mei 2011. Kerja penyenggaraan kawasan tidak dapat dibuat mengikut jadual yang ditetapkan kerana kekurangan bekalan baja dan pekerja. Berdasarkan maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012, bagi kerja penyenggaraan dari tahun pertama hingga tahun kelima selepas ditanam, peserta

digalakkan bekerja sendiri dan akan dibayar upah oleh LIGS bagi menambah pendapatan peserta sementara menunggu tanaman getah mereka boleh ditoreh**.** Pihak LIGS juga akan memastikan kawasan tanaman getah ditanam dengan tumbuhan kekacang yang mampu mengurangkan pertumbuhan semak samun. Ini akan dapat mengatasi masalah pekerja untuk menjalankan kerja menebas keseluruhan dan kerja penyenggaraan hanya akan ditumpukan kepada kerja meracun barisan dan membaja sahaja.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan adalah memuaskan kecuali kerja-kerja meracun dan membaja di blok Mansiat dan Rondomon tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

3.4.5. Penyerahan Kawasan

3.4.5.1. Prosedur Kerja dan Manual Kerja LIGS telah menetapkan sebelum penyerahan blok kepada peserta dilakukan, bancian ukur lilit pokok getah perlu dijalankan bagi memastikan 75% daripada pokok yang ditanam mencapai 15 inci ukur lilit dengan mengisi borang LIGS-70 dan semua peserta perlu menghadiri kursus menoreh selama 10 hari dalam blok yang hendak diserahkan.

3.4.5.2. Hasil temu bual dengan peserta projek mendapati, peserta telah menghadiri kursus menoreh selama 10 hari di blok masing-masing seperti yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tiada rekod bancian ukur lilit disediakan di 2 daripada 4 blok yang dipilih bagi memastikan 75% daripada pokok yang ditanam mencapai 15 inci ukur lilit seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Blok Yang Telah Diserah

Daerah	Blok	Luas (Hektar)	Bilangan Peserta	Tahun Penyerahan Kawasan	Bancian Ukur Lilit
Sipitang	Rupan	51.39	16	2006	x
Keningau	Kabatang Baru	49.00	20	2007	√
Kota Marudu	Sunsui	93.12	19	2008	√
Kudat	Sinibulan II	62.85	17	2007	x

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah
Nota: √ - Bancian Ukur Lilit Ada Dijalankan
X - Bancian Ukur Lilit Tidak Ada Dijalankan

3.4.5.3. Blok Kebatang Baru dan Sunsui masing-masing telah diserahkan kepada peserta pada tahun 2007 dan 2008. Semakan Audit terhadap laporan hasil bancian ukur lilit bagi kawasan tersebut mendapati pokok-pokok getah yang diserahkan telahpun mencapai tahap tumbesaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi blok Sinibulan II telah diserahkan pada tahun 2007 dan blok Rupan pada tahun 2006, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan sama ada bancian ukur lilit pokok getah telah dijalankan sebelum penyerahan dibuat kerana Borang LIGS-70 tidak disediakan. Berdasarkan maklumat pihak LIGS, bancian ukur lilit bagi kawasan berkenaan telah dibuat tetapi laporannya tidak disediakan. Maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012 akan memastikan pada

masa hadapan, rekod-rekod bancian ukur lilit diselenggara dan disimpan dengan teratur. **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.8** menunjukkan keadaan fizikal blok yang telah diserahkan pada masa lawatan Audit.

Gambar 3.5
Blok Yang Telah Diserahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rupan, Sipitang
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 3.6
Blok Yang Telah Diserahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sunsui, Kota Marudu
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 3.7
Blok Yang Telah Diserahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sinibulan II, Kudat
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 3.8
Blok Yang Telah Diserahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kebatang Baru, Keningau
Tarikh: 20 Julai 2011

Pada pendapat Audit, prestasi penyerahan blok adalah baik kecuali penyerahan bagi blok Rupan dan Sinibulan II tidak dapat dipastikan kerana tidak mempunyai rekod bancian ukur lilit pokok getah sebelum blok diserah kepada peserta.

3.4.6. Proses Pembelian Hasil Getah

3.4.6.1. Berdasarkan pekeliling LIGS yang dikeluarkan pada tahun 2009 dan 2011 pembayaran secara tunai akan dibuat pada hari pembelian getah kecuali aliran tunai tidak mencukupi maka pembelian secara kredit akan dibuat dan menjamin untuk membayar dalam tempoh 7 hari atau antara 3 hingga 4 minggu dari tarikh pembelian.

3.4.6.2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Perindustrian (POP) adalah bertanggungjawab untuk membuat pembelian getah daripada peserta berdasarkan kualiti dan gred yang ditetapkan. Harga belian getah akan dibuat penilaian setiap 2 hari sekali oleh POP Ibu Pejabat dan harga akan dipamerkan di kaunter pembelian serta di laman sesawang LIGS. **Jadual 3.9** adalah statistik pembelian hasil getah untuk daerah Sipitang, Keningau, Kota Marudu dan Kudat bagi tempoh 2009 hingga 2011.

Jadual 3.9
Pembelian Hasil Getah Bagi Daerah Sipitang, Keningau, Kota Marudu Dan Kudat Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Hasil Getah	2009		2010		2011	
	Berat (kg)	Jumlah (RM)	Berat (kg)	Jumlah (RM)	Berat (kg)	Jumlah (RM)
Daerah Sipitang						
Lateks	239,664	1,277,497	288,077	2,618,794	145,734	1,721,951
Kepingan	158,402	549,171	316,250	1,854,264	101,029	807,133
Kentalan	121,908	319,454	235,959	1,032,541	84,914	499,356
Sekerap	0	0	175	469	2,644	6,533
Daerah Keningau						
Lateks	0	0	0	0	0	0
Kepingan	4,227,639	15,708,712	4,554,950	26,826,621	981,448	7,996,292
Kentalan	1,143,816	3,321,450	1,650,761	7,114,888	390,166	2,297,107
Sekerap	13	16	44,115	119,541	17,286	44,675
Daerah Kota Marudu						
Lateks	0	0	0	0	0	0
Kepingan	1,794,980	7,131,277	2,746,980	16,499,058	1,145,876	9,415,755
Kentalan	917,372	2,708,700	1,361,082	5,941,879	193,348	1,279,073
Sekerap	0	0	0	0	0	0
Daerah Kudat						
Kepingan	902,722	3,231,357	1,092,516	6,471,393	476,651	3,880,899
Kentalan	598,038	1,574,718	650,662	2,813,994	493,326	2,673,958
Sekerap	0	0	0	0	0	0

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

i. Pembelian lateks hanya dibuat di kawasan Sipitang disebabkan daerah tersebut berdekatan dengan kilang memproses lateks iaitu Kilang Beaufort *Speciality Rubber* (BSR) di daerah Beaufort. Oleh itu, hanya kawasan yang berdekatan dengan kilang sahaja yang dapat menjual lateks disebabkan sifat lateks yang mudah rosak dan perlu diproses segera. Pembayaran untuk penjualan lateks akan dibuat 2 kali setiap bulan. Kilang BSR akan mengeluarkan cek kepada Ketua Unit POP Sipitang dan pembayaran akan dibuat secara tunai kepada pekebun getah. Semakan Audit terhadap resit pembelian getah kepingan, kentalan dan sekerap di Pejabat POP daerah Keningau dan Kota Marudu mendapati pembelian secara kredit ada dibuat. Semakan mendapati terdapat kelewatan pembayaran antara 8 hingga 39 hari kepada peserta seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Tempoh Pembayaran Bagi Pembelian Getah Kepingan, Kentalan Dan Sekerap Bagi Keningau Dan Kota Marudu

Daerah	Tahun	No. Resit	Tarikh Pembelian	Tarikh Pembayaran	Tempoh Pembayaran (Hari)
Keningau	2010	B No. 500724 - 500734	16/08/2010	24/09/2010	39
		B No. 500736 - 500739	16/08/2010	24/09/2010	39
	2011	C No. 154647 - 154650	08/07/2011	05/08/2011	28
		C No. 190651- 190658	08/07/2011	05/08/2011	28
Kota Marudu	2010	B No. 485833	30/07/2010	13/08/2010	14
	2011	C No. 259240	01/08/2011	30/08/2011	29
		C No. 259238	01/08/2011	30/08/2011	29
		C No. 261181	12/08/2011	23/08/2011	11
		C No. 261201	15/08/2011	23/08/2011	8
		C No. 261270	24/08/2011	05/09/2011	12

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah

ii. Analisis Audit mendapati tempoh kelewatan pembayaran pada tahun 2010 bagi daerah Keningau adalah 39 hari dan bagi daerah Kota Marudu adalah 14 hari. Manakala pada tahun 2011, tempoh kelewatan pembayaran di kedua-dua daerah adalah antara 8 hingga 29 hari. Kelewatan pembayaran ini berlaku disebabkan harga getah yang telah meningkat dengan ketara pada tahun-tahun berkenaan yang menyebabkan modal pusingan LIGS tidak mencukupi. Bagi pembelian tahun 2009, pembayaran dibuat pada hari pembelian disebabkan harga getah yang masih murah berbanding tahun 2010 dan 2011. Berdasarkan maklum balas pihak LIGS bertarikh 16 Mei 2012, mulai bulan November 2011, semua pembayaran telah dibuat secara tunai pada hari pembelian.

Pada pendapat Audit, pembelian getah kurang memuaskan kerana masih membuat pembelian secara kredit dan tempoh pembayaran yang agak panjang kepada pekebun kecil.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan seperti di atas serta mengelakkan daripada terus berulang, pihak Audit mengesyorkan LIGS mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Memastikan Juruukur yang dilantik melaksanakan kerja pengukuran dan penyediaan pelan muktamad dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan. Selain itu, pihak LIGS hendaklah memastikan kontraktor pembersihan kawasan yang dilantik melaksanakan kerja pembersihan dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan.

3.5.2. Melibatkan peserta program untuk melaksanakan kerja penanaman bibit dan penyenggaraan dengan memberikan latihan yang bersesuaian serta menyediakan bekalan baja yang mencukupi.

3.5.3. Memastikan bancian ukur lilit dilaksanakan terlebih dulu sebelum penyerahan kawasan kepada peserta dibuat.

3.5.4. Memastikan modal pusingan adalah mencukupi bagi mengatasi masalah kelewatan pembayaran hasil getah yang dibeli secara kredit daripada peserta.

4. PENGURUSAN PENGEBILAN BEKALAN AIR

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI). JANS menjalankan fungsi di bawah Enakmen Bekalan Air 2003 bagi mengawal dan mengawal selia pembekalan dan pengagihan air terawat kepada penduduk Negeri Sabah. Dasar JANS adalah untuk membekalkan air berkualiti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada pengguna. Salah satu perkhidmatan yang mesti disediakan kepada pengguna adalah pengurusan pengebilan yang cekap dan tepat. Proses aliran kerja pengurusan pengebilan yang dilaksanakan oleh JANS adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Proses Aliran Kerja Pengurusan Pengebilan



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

4.1.2. Sehingga September 2011, JANS mempunyai 245,662 akaun berdaftar yang aktif di 28 daerah di Negeri Sabah dan terdapat 9 JANS di Bahagian dan 19 di Daerah yang melaksanakan sistem pengebilan dan memungut hasil. JANS menggunakan sistem *Utility Billing and Information System* (UBIS) pada tahun 2007 menggantikan sistem lama iaitu *New Billing System* (NBS) dalam sistem pengebilan bagi memudahkan dan mempercepatkan

urusan pengebilan. Sistem UBIS yang dibangunkan bernilai RM5.98 juta dan perolehan dibuat secara rundingan terus yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Sabah. Sistem UBIS yang dibangunkan merangkumi peralatan dan perisian antaranya seperti *firewall*, perkakasan *internet*, kelengkapan pembaca jangka dan pemindahan teknologi. Terdapat 41 modul aplikasi dalam sistem UBIS. Sistem pengebilan JANS mempunyai rangkaian sistem komputer yang berhubung di 28 JANS daerah.

4.1.3. JANS juga melantik agen pemungut hasil seperti Pejabat Daerah, Pos Malaysia Bhd., Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Telekom Malaysia Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Bank Simpanan Nasional dan Malayan Banking Berhad.

4.1.4. Pada tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM19.17 juta peruntukan telah diluluskan untuk perbelanjaan perolehan dan penyenggaraan sistem pemprosesan data elektronik dalam sistem pengebilan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM15.35 juta telah dibelanja. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Perolehan Dan Penyenggaraan Sistem Pemprosesan Data Elektronik Sistem Pengebilan

Tahun	Butiran Perbelanjaan	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Dibelanjakan (%)
2009	Perolehan	4.04	4.03	99.7
	Penyenggaraan	1.97	1.89	95.9
2010	Perolehan	4.30	3.48	80.9
	Penyenggaraan	3.16	1.07	33.9
2011	Perolehan	3.45	2.67	77.4
	Penyenggaraan	2.25	2.21	98.2
Jumlah		**19.17**	**15.35**	**80.1**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

4.1.5. Pada tahun 2009 hingga September 2011, JANS telah mengeluarkan sebanyak 3.10 juta bil air berjumlah RM423.67 juta dan menerima hasil daripada 2.30 juta bil air yang dibayar berjumlah RM351.35 juta seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Bilangan Bil Air Dikeluarkan Dan Dibayar

Tahun	Dikeluarkan		Dibayar	
	Bilangan Bil	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Bil	Jumlah (RM Juta)
2009	1,153,231	155.53	823,490	115.50
2010	1,121,194	159.26	856,443	131.76
2011*	827,113	108.88	619,382	104.09
Jumlah	**3,101,538**	**423.67**	**2,299,315**	**351.35**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: * - Sehingga September 2011

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengebilan oleh JANS telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi tempoh selama 3 tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2011. Pengauditan dijalankan di JANS Daerah Kota Kinabalu, JANS Daerah Tawau, JANS Daerah Keningau dan JANS Daerah Kudat serta Pusat Bil dan ICT di Ibu Pejabat. Antara aspek yang dikaji adalah pelaksanaan dan keberkesanan sistem pengebilan, integriti data, kawalan sistem, pengurusan pendaftaran baru, pengeluaran bil, pelarasan akaun debit dan kredit, kutipan hasil penguatkuasaan serta perkhidmatan pelanggan dan aduan. Semakan Audit dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan JANS, temu bual dan lawatan ke lokasi pelanggan yang telah dipilih. Analisis juga dibuat menggunakan *Audit Command Language (*ACL*)* terhadap data dan menjalankan *Walkthrough Test* bagi memastikan integriti data adalah tepat, sempurna dan kemas kini. Sampel akaun yang dipilih di 4 daerah yang dilawati untuk dianalisis menggunakan ACL merangkumi 100% bilangan akaun dan untuk *Walkthrough Test* sebanyak 20 akaun pelanggan dipilih di setiap daerah merangkumi proses pendaftaran akaun sehingga bil air dikeluarkan serta proses pembayaran bil air.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2011 hingga September 2011 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan pengebilan air di Sabah adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh JANS bagi memastikan pengurusan pengebilan dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi pengeluaran bil yang menurun.
- Akaun baru belum dikeluarkan bil.
- Pengeluaran bil secara anggaran.
- Pembacaan terhadap meter *under registration*.
- Perkhidmatan pelanggan secara talian kurang digunakan.
- Tunggakan hasil masih tinggi.

- Penguatkuasaan operasi pemotongan bekalan air di daerah tidak dirancang.

- Perkhidmatan pelanggan seperti kaunter aduan dan perkhidmatan kaunter tidak memberi keselesaan kepada pelanggan.

4.4.1. Pengeluaran Bil Air

Akaun pelanggan JANS terbahagi kepada 2 iaitu Akaun Biasa dan Akaun Besar. Akaun Biasa adalah untuk pelanggan yang menggunakan meter berukuran 15mm hingga 25mm. Manakala Akaun Besar menggunakan saiz meter antara 50mm hingga 150mm. Piagam Pelanggan JANS antaranya menetapkan bacaan secara normal dapat dilaksanakan sepenuhnya, meter pelanggan memberi bacaan yang tepat dan efisien, bil air dikeluarkan sebanyak 4 kali dalam setahun iaitu setiap 3 bulan untuk pengguna domestik, komersil dan industri. Bagi memastikan pengeluaran bil air mencapai sasaran kitaran bacaan jangka yang ditetapkan dan meningkatkan prestasi perkhidmatan pelanggan JANS Daerah telah menetapkan kitaran bacaan pengeluaran bil air seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kitaran Bacaan Pengeluaran Bil Air Mengikut Daerah

Daerah	Kitaran Bacaan (Bilangan Bacaan Akaun Dalam Setahun)	
	Akaun Biasa (bulan)	Akaun Besar (bulan)
Kota Kinabalu	4 hingga 6	12
Tawau	6	12
Keningau	4	12
Kudat	4	12

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

4.4.1.1. Prestasi Pengeluaran Bil

a. Sehingga Jun 2011, sebanyak 123,651 akaun aktif dibaca di Daerah Kota Kinabalu, Tawau, Keningau dan Kudat. Purata akaun aktif dibaca oleh seorang pembaca jangka adalah antara 200 hingga 5,000 akaun. Pembahagian bilangan akaun dibaca oleh pembaca jangka adalah bergantung kepada jenis akaun sama ada akaun bersaiz besar (contoh: sekolah) atau biasa. Nisbah akaun aktif berbanding pembaca jangka adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Nisbah Pembaca Jangka Berbanding Bilangan Akaun Aktif Sehingga Jun 2011

Bil.	Daerah	Bil. Pembaca Jangka (a)	Bil. Akaun Aktif (b)	Nisbah (a):(b)
1.	Kota Kinabalu	22	79,304	1 : 3,604
2.	Tawau	10	32,076	1 : 3,207
3.	Keningau	6	6,700	1 : 1,116
4.	Kudat	8	5,571	1 : 696

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

b. Prestasi pengeluaran bil mulai Januari 2010 hingga Jun 2011 di 4 daerah adalah seperti di **Jadual 4.5** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.5
Prestasi Pengeluaran Bil

Daerah	2010					2011		
	Jan-Mac	Apr-Jun	Jul-Sept	Okt-Dis	Jumlah (Bil.)	Jan-Mac	Apr-Jun	Jumlah (Bil.)
Kota Kinabalu	93,719	89,243	86,384	90,438	**359,784**	98,565	79,460	**178,025**
Tawau	44,299	33,822	38,801	37,838	**154,760**	31,041	26,295	**57,336**
Kudat	5,320	5,344	5,306	5,789	**21,759**	5,426	5,737	**11,163**
Keningau	4,412	5,917	6,098	720	**17,147**	3,873	3,196	**7,069**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

Carta 4.2
Prestasi Pengeluaran Bil Mengikut Daerah



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

i. **Kota Kinabalu** – Pada tahun 2010, berlaku penurunan jumlah pengeluaran bil pada bulan Julai hingga September (kitaran ketiga) sebanyak 7,335 (7.8%) berbanding pengeluaran bil bagi Januari hingga Mac 2010 (kitaran pertama) sebanyak 93,719 bil. Manakala pada tahun 2011, bilangan bil dikeluarkan masing-masing meningkat sebanyak 4,846 (5.2%) bagi pengeluaran bil bulan Januari hingga Mac (kitaran pertama) dan April hingga Jun (kitaran kedua) berbanding bil pada kitaran pertama tahun 2010.

ii. **Tawau** – Pada tahun 2010, berlaku penurunan jumlah pengeluaran bil pada bulan April hingga Jun (kitaran kedua) sebanyak 10,477 (23.7%) berbanding pengeluaran bil bagi Januari hingga Mac 2010 (kitaran pertama) sebanyak 44,299 bil. Manakala pada tahun 2011, bil dikeluarkan masing-masing semakin menurun sebanyak 13,258 (29.9%) bagi pengeluaran bil bulan Januari hingga

Mac (kitaran pertama) dan April hingga Jun (kitaran kedua) berbanding pengeluaran bil pada kitaran pertama tahun 2010.

iii. **Kudat** – Pada tahun 2010, berlaku peningkatan pengeluaran bil pada bulan April hingga Jun (kitaran kedua) sebanyak 24 (0.45%) dan bulan Oktober hingga Disember (kitaran keempat) sebanyak 469 (8.8%) berbanding pengeluaran bil bagi Januari hingga Mac 2010 (kitaran pertama) sebanyak 5,320 bil. Manakala pada tahun 2011, bil dikeluarkan masing-masing meningkat sebanyak 106 (2%) bagi pengeluaran bil bulan Januari hingga Mac (kitaran pertama) dan April hingga Jun (kitaran kedua) berbanding pengeluaran bil pada kitaran pertama tahun 2010.

iv. **Keningau** – Pada tahun 2010, berlaku penurunan ketara pengeluaran bil pada bulan Oktober hingga Disember (kitaran keempat) sebanyak 3,692 (83.7%) berbanding bilangan bil bagi Januari hingga Mac 2010 (kitaran pertama) sebanyak 4,412 bil. Manakala pada tahun 2011, bilangan bil dikeluarkan masing-masing menurun sebanyak 539 (12%) bagi pengeluaran bil bulan Januari hingga Mac (kitaran pertama) dan April hingga Jun (kitaran kedua) berbanding bilangan bil pada kitaran pertama tahun 2010.

c. Prestasi pengeluaran bil menurun di beberapa daerah pada kitaran tertentu adalah disebabkan pelaksanaan operasi pemotongan bekalan air yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa JANS. Operasi pemotongan yang dijalankan mengambil tempoh sekurang-kurangnya tiga minggu dan melibatkan sepenuhnya semua pembaca jangka di JANS Daerah. Ini menyebabkan aktiviti pembacaan jangka tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Ini memberi kesan berlakunya bacaan bil terkumpul yang tinggi dan membebankan pelanggan membayar bil pada amaun yang tinggi.

4.4.1.2. Akaun Baru Tidak Dikeluarkan Bil

a. Akaun pelanggan yang telah diaktifkan bekalannya dalam sistem pengebilan perlu dibaca penggunaannya dan dikeluarkan bil air mengikut kitaran bacaan yang ditetapkan. Analisis Audit terhadap data akaun baru belum dikeluarkan bil yang disediakan oleh Unit Pusat Bil mendapati, sebanyak 3,046 akaun baru pada tahun 2009 dan sebanyak 2,744 akaun baru pada tahun 2010 serta sebanyak 1,366 akaun baru sehingga November 2011 masih belum dibuat bacaan atau dikeluarkan bil air bagi daerah Kota Kinabalu, Tawau, Kudat dan Keningau seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Akaun Baru Yang Aktif Tidak Dikeluarkan Bil

Daerah	2009 (Bil.)	2010 (Bil.)	2011* (Bil.)
Kota Kinabalu	1,349	1,136	579
Tawau	1,389	1,192	481
Kudat	140	143	121
Keningau	168	273	185
Jumlah	**3,046**	**2,744**	**1,366**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: * - Sehingga November 2011

b. Akaun baru yang tidak dikeluarkan bil disebabkan oleh kesilapan menetapkan zon bacaan dan pengemaskinian meter lambat dibuat ke dalam sistem UBIS serta permohonan secara berkelompok oleh pemaju perumahan sedangkan pemasangan dan pengemaskinian meter dilaksanakan setelah pembeli menduduki rumah yang dibeli. Kesannya Kerajaan lewat menerima hasil sekurang-kurangnya untuk tahun 2011 berjumlah RM21,856 berdasarkan perkiraan terhadap 1,366 sampel akaun belum dibaca dengan kadar caj bil air minimum bernilai RM4.00 dan kitaran bacaan 4 kali setahun. Ini juga memberi kesan kepada pelanggan kerana dibebani caj bil air yang tinggi ketika mendapat bil air yang pertama kelak. JANS juga memaklumkan senarai akaun yang terlibat akan dikeluarkan untuk dimaklumkan kepada pengguna dan tindakan selanjutnya akan diambil bagi mengeluarkan bil mengikut jadual bacaan.

4.4.1.3. Pengeluaran Bil Anggaran

a. Sistem UBIS menjana 4 jenis bil air iaitu Bil Biasa, Bil Minimum, Bil Khas dan Bil Anggaran. JANS menetapkan setiap pembaca jangka perlu mengeluarkan Bil Biasa kecuali Bil Minimum dan Bil Khas kerana nilai caj yang dikenakan adalah lebih tepat berbanding Bil Anggaran di mana nilai caj dikenakan adalah mengambil kira purata 3 Bil Biasa terdahulu. Bil Anggaran dikeluarkan apabila pembaca jangka mendapat halangan semasa membuat bacaan di tempat pelanggan. Halangan yang dihadapi oleh pembaca jangka adalah seperti pintu berkunci, kebok ditutup, lain-lain halangan, meter hilang, meter rosak dan meter ditukar serta meter tidak dijumpai. Semakan Audit di 4 daerah yang dilawat mendapati, bilangan dan nisbah perbandingan untuk Bil Anggaran dengan Bil Biasa adalah sebanyak 27,539 (5.19%) daripada 530,020 Bil Biasa pada tahun 2009, sebanyak 29,095 (5.02%) daripada 580,067 Bil Biasa pada tahun 2010 dan sebanyak 22,606 (5.23%) Bil Anggaran daripada 424,626 Bil Biasa telah dikeluarkan sehingga September 2011. Bil Anggaran yang dikeluarkan bagi tempoh Januari hingga September 2011 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Pengeluaran Bil Anggaran

Sebab Bil Anggaran Dikeluarkan	Daerah			
	Kota Kinabalu (Bil)	Tawau (Bil)	Keningau (Bil)	Kudat (Bil)
Pintu berkunci	23	287	423	8
Kebok ditutup	400	16	3	3
Halangan	2,968	5,430	773	394
Meter hilang	32	7	4	1
Meter rosak	328	1,826	45	243
Tukar meter	467	2,840	6	54
Tidak jumpa meter	5	1,737	0	71
Caj terlalu tinggi	16	182	0	1
Bekalan sudah dipotong	2,173	93	11	121
Anjing garang	0	1,000	7	6
Kaunter hilang	0	105	0	2
Unknown	0	492	1	2
Jumlah	**6,412**	**14,015**	**1,273**	**906**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: Maklumat Bil Anggaran Dari Januari Hingga September 2011

b. Hasil lawatan Audit terhadap premis yang dikeluarkan Bil Anggaran mendapati, pembaca jangka menghadapi halangan semasa membuat bacaan seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Gambar 4.1
Meter Ditimbus Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Meruntum, Putatan, Kota Kinabalu
Tarikh: 14 Julai 2011

Gambar 4.2
Meter Terhalang Oleh Tangki Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plaza Juta, Likas, Kota Kinabalu
Tarikh: 14 Julai 2011

Gambar 4.3
Meter Di Dalam Pagar Yang Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kemajuan, Likas, Kota Kinabalu
Tarikh: 14 Julai 2011

Gambar 4.4
Meter Di Dalam Pagar Yang Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Shamrock, Tawau
Tarikh: 27 Julai 2011

c. Bil Anggaran dikeluarkan kerana kesilapan menetapkan zon bacaan iaitu pengagihan kawasan akaun pelanggan yang perlu dibaca oleh pembaca jangka yang ditetapkan, maklumat penyambungan dan pemotongan meter tidak dikemas kini, pemasangan meter tidak mengikut standard JANS oleh kontraktor binaan, kedudukan meter tidak dipindahkan oleh pelanggan semasa pengubahsuaian bangunan/rumah mengikut standard JANS dan pembaca jangka tidak tahu lokasi meter serta penggantian meter rosak dan meter melebihi 7 tahun dibuat secara berperingkat.

d. Dalam usaha untuk mengurangkan jumlah Bil Anggaran, JANS akan mengambil tindakan seperti membuat semakan yang kerap terhadap pusingan bacaan dan memantau prestasi Pembaca Jangka melalui laporan *No Access* (*estimate*), membekalkan meter yang mencukupi untuk menampung keperluan penggantian meter yang rosak dan memindahkan meter yang mempunyai halangan supaya boleh dibaca oleh pembaca jangka.

4.4.1.4. Meter *Under Registration*

a. Meter *under registration* atau kurang daftar berlaku apabila meter sudah melebihi usia tertentu terutamanya meter berusia 7 tahun dan ke atas dan melewati jangka hayat ekonomik. Bacaan penggunaan air yang diperolehi daripada meter ini adalah tidak tepat. Ini adalah berdasarkan keputusan *serial test* dan *bench test* yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam program *Non Revenue Water* (NRW) di Daerah Sandakan Fasa II pada tahun 2009 menunjukkan kadar pengurangan ketepatan bacaan meter berusia 7 hingga 10 tahun adalah dianggarkan sebanyak 13.5% hingga 31.3% berbanding bacaan meter yang dibuat pada peringkat awal selepas meter dipasang. Semakan Audit terhadap laporan meter pelanggan berakaun aktif setakat November 2011 mendapati, sebanyak 35,994 (24.8%) daripada 144,981 unit adalah meter kurang daftar melebihi 7 tahun dan telah dibaca serta dikeluarkan bil bagi 4 daerah dilawat seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Meter Berusia 7 Tahun Dan Ke Atas Masih Aktif

Daerah	Akaun Aktif (Bil.)	Meter 7 Tahun Dan Ke Atas (Bil.)	Meter 7 Tahun Dan Ke Atas (%)
Kota Kinabalu	90,419	24,807	27.4
Tawau	37,760	6,600	17.5
Keningau	8,957	3,534	39.5
Kudat	7,845	1,053	13.4
Jumlah	**144,981**	**35,994**	**24.8**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

b. Penggantian meter berusia 7 tahun dan ke atas tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana pengurusan meter JANS memberi keutamaan kepada sambungan baru dan penggantian meter yang rosak atau tidak berfungsi berbanding penggantian meter yang berusia 7 tahun dan ke atas. Bilangan meter pelanggan yang berusia 7 tahun dan ke atas serta penggantian meter yang dilaksanakan di 4 daerah adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Laporan Bilangan Meter Pelanggan Melebihi 7 Tahun dan Penggantian Meter Bagi Tahun 2009 hingga 2011

Bil.	Daerah	2009		2010		2011	
		Bil. Meter	Bil. Meter Diganti	Bil. Meter	Bil. Meter Diganti	Bil. Meter	Bil. Meter Diganti
1.	Kota Kinabalu	13,839	5,726	17,647	5,656	24,807	4,070
2.	Tawau	4,492	2,099	5,347	2,680	6,600	5,242
3.	Kudat	295	638	472	305	1,053	129
4.	Keningau	2,289	201	3,130	297	3,534	177
Jumlah		**20,915**	**8,664**	**26,596**	**8,938**	**35,994**	**9,618**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

c. Pada tahun 2009 hingga 2011, JANS telah membekalkan sebanyak 24,010 unit meter bagi penyambungan baru dan 25,757 unit meter bagi penggantian meter rosak. Sepanjang tahun 2009, perolehan meter ditingkatkan untuk menampung kerja penggantian meter yang berusia lebih dari tujuh tahun untuk memastikan *backlog* meter di dalam kategori tersebut dapat dikurangkan. Kesannya Kerajaan tidak menerima hasil yang tepat dan menyeluruh disebabkan bacaan meter yang tidak tepat. Pihak JANS memaklumkan peruntukan khusus untuk perolehan meter akan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk penggantian meter yang berusia lebih dari 7 tahun.

4.4.1.5. Perkhidmatan Pelanggan Secara Talian

a. JANS menyediakan perkhidmatan pelanggan secara talian mulai November 2010 yang boleh diakses oleh pelanggan melalui laman web JANS. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti menyediakan salinan Bil Biasa. Manakala kepada salinan Bil Khas juga boleh diperolehi apabila menghantar bacaan meter terkini kepada JANS untuk diproses. Semakan Audit mendapati, mulai November 2010 hingga September 2011 hanya 265 permintaan salinan bil dibuat menggunakan kemudahan ini. Perkhidmatan ini belum mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan kerana tidak dimaklumkan kepada pelanggan sepenuhnya. Oleh itu, perkhidmatan yang disediakan tidak dapat dimanfaatkan oleh pelanggan.

b. JANS memaklumkan sistem *Online Customer Service* telah dilaksanakan dan diakses untuk percubaan selama setahun pada 2011 yang bertujuan untuk menilai sejauh mana keberkesanan dan tahap kawalan keselamatan sistem ini. Pada tahun 2010 dan 2011, sistem telah diakses oleh pelanggan membabitkan permintaan dan pengeluaran bil sebanyak 345 salinan. Pihak MAMPU juga sentiasa melaksanakan pemantauan dan bimbingan kepada JANS mengenai sistem ini. Bagi memastikan pelanggan menggunakan sistem ini Pengurusan JANS akan mengambil langkah seperti berikut:

i. Menganjurkan promosi *roadshow* secara aktif kepada orang awam untuk dimanfaatkan mulai awal tahun 2012.

ii. Mempamerkan *banner* di semua pejabat JANS dan di tempat awam yang strategik.

iii. Menganjurkan taklimat tentang faedah penggunaan sistem semasa seminar ICT peringkat wilayah.

iv. Mempromosikan perkhidmatan melalui media seperti laman web dan laman rangkaian sosial.

Pada pendapat Audit, pengeluaran bil air adalah memuaskan kecuali kelemahan yang wujud dalam prestasi bilangan pengeluaran bil yang menurun, akaun baru belum dikeluarkan bil, pengeluaran bil secara anggaran, pembacaan terhadap meter *under registration* dan perkhidmatan yang disediakan kurang digunakan.

4.4.2. Sistem Pengebilan *Utility And Billing Information System* (UBIS)

4.4.2.1. Penggunaan Modul UBIS

Sistem pengebilan JANS telah ditambah baik dengan pelaksanaan UBIS pada tahun 2007 menggantikan *New Billing System* (NBS). Pelaksanaan UBIS bertujuan untuk menambah kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, mesra pengguna dan sistem mudah serta cepat diakses. Pembangunan UBIS melibatkan kos berjumlah RM5.99 juta untuk pembelian perisian dan kelengkapan. UBIS beroperasi sepenuhnya di 28 JANS Daerah pada Oktober 2008. UBIS mempunyai 41 modul aplikasi antaranya *spot billing, new account application, deposit bill* dan *consumer care* (*help desk*). Terdapat modul yang dibangunkan iaitu *help desk* tidak diguna pakai oleh pengguna (*user*) sistem pengebilan.

a. Modul *Help Desk* Tidak Digunakan Di JANS Daerah

i. *Consumer Care Module (Help Desk*) diwujudkan oleh Jabatan Air Negeri Sabah dalam sistem pengebilan untuk mengambil tindakan terhadap aduan pelanggan. Ia digunakan untuk merekod, memantau dan mengurus semua aduan pengguna air yang diterima oleh petugas JANS seperti di **Gambar 4.5**. Semakan Audit di Pusat Bil Kota Kinabalu mendapati perkhidmatan *help desk* ada disediakan dan dikendalikan oleh seorang petugas Gred N1. Namun begitu, JANS Kota Kinabalu, Tawau, Kudat dan Keningau hanya merekod aduan pelanggan secara manual tanpa menggunakan modul *help Desk* dalam operasi seharian.



Gambar 4.5
Consumer Care Module (Help Desk)

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

ii. Wakil JANS Daerah menyatakan tidak menerima arahan daripada pihak pengurusan untuk mengendalikan *help desk* tersebut dalam pengurusan aduan pelanggan. Pihak pengurusan JANS memaklumkan mereka mengalami

kekurangan kakitangan sokongan dari skim perkhidmatan teknikal Teknologi Maklumat (IT) yang sangat kritikal. Kesannya proses pengendalian aduan pelanggan tidak dapat disemak untuk tujuan penyelesaian yang pantas dan efisien.

4.4.2.2. Kawalan Fizikal Dan Persekitaran

a. Garis Panduan MyMIS Bab 3.10 menetapkan bangunan dan maklumat Kerajaan melibatkan ICT dilindungi dengan memastikan prosedur yang bersesuaian diambil untuk mengurangkan kemungkinan akses fizikal yang tidak diluluskan ke atas aset ICT, ancaman dan bahaya persekitaran seperti banjir dan serangan serangga perosak. Garis Panduan MyMIS 3.10.5 pula menetapkan lokasi kelengkapan komputer tidak didedahkan kepada orang awam.

b. Lawatan Audit ke Pusat Bil JANS mendapati, bilik *server* mempunyai pengudaraan yang baik dan berhawa dingin. Komputer *server* diletakkan dalam *server rack* di atas *platform* setinggi 2 kaki dari aras lantai. Bilik *server* juga mempunyai sistem pengesan dan pencegah kebakaran sistem Du-Pont FM200 yang mana boleh memadam kebakaran dalam masa kurang dari 10 saat seterusnya dapat mengurangkan kerosakan, kos membaik pulih dan menjamin keselamatan pengguna. Sistem ini juga berupaya mengurangkan tempoh gangguan talian dan meneruskan operasi harian dan memadam kebakaran yang disebabkan oleh elektrik dan cecair mudah terbakar. Akses ke bilik *server* adalah terkawal di mana ia dikunci sepanjang masa. Hanya kakitangan yang berkenaan sahaja dibenarkan masuk dan daftar penggunaan bilik *server* ada disenggara. Kedudukan *server* utama sistem UBIS di dalam bangunan Wisma MUIS dikawal 24 jam. Keadaan yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 4.6** hingga **Gambar 4.9**.

Gambar 4.6
3 Unit Penghawa Dingin Berkuasa 1.5 hp Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Server*, Pusat Bil JANS
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 4.7
***Platform* Setinggi 2 Kaki Dari Aras Lantai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Server*, Pusat Bil JANS
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 4.8
Sistem Pengesan dan Pencegah Kebakaran Du-Pont FM200



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Server*, Pusat Bil JANS
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 4.9
Bilik *Server* Utama Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Server*, Pusat Bil JANS
Tarikh: 5 Julai 2011

c. Semua JANS Daerah ada dibekalkan *backup server* bagi kegunaan sistem pengebilan. Pemeriksaan Audit mendapati *backup server* di JANS Kudat ditempatkan di dalam bilik Penolong Akauntan yang terdedah kepada orang awam seperti di **Gambar 4.10**. Disebabkan ruang pejabat yang sempit seperti di **Gambar 4.11**, JANS Kudat tidak dapat menyediakan bilik khas untuk *backup server*. Kesannya *backup server* terdedah kepada vandalisme dan keselamatan maklumat tidak terjamin. Pengurusan JANS dan JANS Daerah Kudat telah bersetuju untuk mewujudkan bilik khas bagi menempatkan *backup server* dan perkakasan komputer yang lain agar tidak terdedah kepada orang awam. Bilik tersebut akan dilengkapi kawalan akses supaya keselamatan *server* terjamin.

Gambar 4.10
***BackupServer* Ditempatkan**
Di Dalam Bilik Penolong Akauntan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Kudat
Tarikh: 27 September 2011

Gambar 4.11
Ruang Pejabat
JANS Kudat Yang Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Kudat
Tarikh: 30 September 2011

4.4.2.3. Kawalan Akses Logikal

a. Garis Panduan MyMIS Bab 4.2 menetapkan kawalan had capaian kepada sistem perlu mengehadkan capaian seseorang pengguna (*user*) kepada sistem

pengendalian, fail, data dan penggunaan. Bab 4.3 menetapkan kawalan had capaian kepada sistem melalui pengenalan pengguna manakala pengesahan pengguna dilakukan melalui kata laluan minimum 8 aksara yang mengandungi gabungan abjad dan angka. Pengenalan pengguna hendaklah ditukar sekali dalam tempoh 3 bulan.

b. Semakan Audit mendapati, kawalan akses logikal di 4 JANS Daerah yang dilawati ada dilaksanakan di mana had capaian hanya dibenarkan kepada modul yang berkaitan dengan tugas pengguna sahaja. Namun begitu, JANS Daerah terlibat tidak menyediakan daftar kata laluan untuk tujuan pemantauan. Pengguna juga tidak mematuhi penetapan garis panduan yang memerlukan kata laluan mengandungi minimum 8 aksara iaitu gabungan abjad dan angka serta pengguna yang tidak pernah menukar kata laluan atau menukar kata laluan sekali dalam tempoh 3 bulan. Hasil analisis terhadap maklumat yang diperolehi daripada 51 pengguna yang ditemu bual mendapati, berlaku ketidakpatuhan Garis Panduan MyMIS seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Bilangan Aksara Dan Kekerapan Penukaran Kata Laluan Berbanding Garis Panduan *ICT*

Daerah	Bilangan Pengguna	Bil. Aksara Kata Laluan Pengguna			Kekerapan Kata Laluan Ditukar Dari Tahun 2009 Hingga 2011		
		1 - 4	5 - 7	8 Dan Ke Atas	1 kali	2 kali	Tidak Pernah
Kota Kinabalu	24	19	4	1	1	0	23
Tawau	11	4	6	1	0	2	9
Keningau	6	5	1	0	0	0	6
Kudat	10	4	4	2	0	0	10
Jumlah	**51**	**32**	**15**	**4**	**1**	**2**	**48**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

c. Seperti ditunjukkan di **Jadual 4.10**, seramai 32 daripada 51 pengguna mempunyai kata laluan antara 1 hingga 4 aksara dan 15 daripada 51 pengguna mempunyai kata laluan 5 hingga 7 aksara dan hanya 4 orang mempunyai kata laluan minimum 8 aksara. Manakala 48 daripada 51 pengguna tidak pernah menukar kata laluan sejak 2009. Ini adalah disebabkan pengguna di JANS Daerah yang terlibat tidak maklum mengenai peraturan yang berkenaan dengan kawalan akses logikal yang diperlukan seperti dalam garis panduan. Selain itu, sistem UBIS tiada berfungsi untuk menolak secara automatik sebarang pengesahan pengenalan pengguna yang tidak mematuhi garis panduan. Kesan daripada kurang kawalan pengesahan pengguna ini membolehkan kata laluan disalah guna oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk memanipulasi data dan seterusnya mengakibatkan integriti data JANS dipertikaikan.

d. JANS akan melaksanakan kempen kesedaran keselamatan *ICT* yang merangkumi isu kata laluan yang perlu diganti dan mematuhi piawai kata laluan yang disarankan. Di samping itu, pemantauan akan dilakukan melalui daftar pengguna sistem dan jadual penukaran kata laluan. Selain itu, pengurusan Jabatan juga akan memaklumkan atau memberi peringatan melalui memo kepada semua pengguna sistem. Sistem UBIS akan dicadangkan untuk menambah baik kawalan kata laluan

untuk *force change* atau *password expiration* yang mana tertakluk kepada kemampuan kewangan sedia ada. Semakan terhadap *user audit log* akan dilakukan untuk membuat verifikasi tentang aktiviti pengguna sekiranya diperlukan.

4.4.2.4. Program Pemulihan Bencana

a. Garis Panduan MyMIS Bab 4.2.5 dan Bab 3.7.2 menetapkan agar data sandaran dibuat dan disimpan di tempat yang selamat dan Rancangan Pemulihan Bencana/*Disaster Recovery Plan* (DRP) hendaklah disediakan dan dipatuhi serta disemak semula secara berkala dan diuji. DRP yang disediakan hendaklah menggariskan peranan dan tanggungjawab sekiranya berlaku bencana atau perkara yang boleh menghalang fungsi urusan. DRP juga harus memastikan bahawa maklumat dan kemudahan pemprosesan dapat dipulihkan secepat mungkin selepas gangguan.

b. Semakan Audit mendapati, JANS ada mewujudkan program pemulihan bencana dengan menyediakan dan menyimpan data sandaran. Unit yang bertanggungjawab mengendalikan program ini adalah Pusat Bil di Ibu Pejabat JANS. Data sandaran disediakan secara harian, mingguan dan bulanan serta disimpan di dalam peti besi. Selain itu, data sandaran setiap bulan dihantar dan disimpan di Unit Pusat Data Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri. Unit Pusat Data ini berperanan memberi perkhidmatan pusat data kepada sektor awam negeri. Semakan lanjut terhadap program DRP mendapati, JANS akan mewujudkan Pusat *Server* Selari (*Parallel Backup Server*) bertempat di JANS Daerah Kota Kinabalu. Wakil JANS memaklumkan pembangunan pusat ini masih dalam proses memohon kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan Sabah kerana membabitkan peruntukan yang besar. Program DRP ini sekiranya tidak diadakan akan memberi kesan kepada pemberhentian operasi sistem pengebilan bagi tempoh tertentu sementara kerosakan akibat bencana dapat dipulihkan.

4.4.2.5. Penyenggaraan Sistem, Rangkaian Dan Perkakasan

a. Kontrak *Hardware and Software Maintenance for Water Billing and Collection System* menetapkan penyenggaraan terhadap sistem dan perkakasan perlu dilaksanakan oleh pembekal secara berkala mengikut jadual. Penyenggaraan dijalankan melalui 2 kaedah iaitu *preventive maintenance* dan *remedial maintenance.* Mengikut kontrak klausa 2(l)(ii), pihak kontraktor perlu menyiapkan penyenggaraan dalam masa 48 jam. Pihak kontraktor perlu menyediakan perkakasan tambahan bagi menggantikan perkakasan rosak yang masih dibaiki, tetapi telah melebihi daripada masa 48 jam yang telah ditetapkan. Kaedah penyenggaraan juga hendaklah tidak mengganggu kelancaran aplikasi sistem dan kerja penyenggaraan disahkan dan dipantau oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dan kemahiran *ICT*.

b. Semakan Audit mendapati, *preventive maintenance* ada dilaksanakan di 4 daerah yang dilawat. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan *remedial* dan *preventive* yang dilaksanakan oleh kontraktor dipantau dan disahkan oleh pegawai yang bukan bertauliah dan berkemahiran dalam *ICT* seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Pegawai Yang Mengesahkan Kerja Penyenggaraan Oleh Kontraktor

JANS Daerah	Pegawai Yang Mengesahkan Kerja Penyenggaraan *Preventive/Remedial Maintenance*	
	Gred Jawatan	Bilangan Pegawai
Kota Kinabalu	W41	1
	W27	1
	W17	1
	N22	1
	N17	19
Tawau	W32	1
	R1	1
Kudat	W32	1
	N17	1
Keningau	W32	1
	N17	1

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

c. Semakan Audit terhadap rekod di JANS Tawau mendapati, kontraktor tidak patuh terhadap kontrak penyenggaraan kerana tidak menyediakan *backup server* gantian untuk tempoh pembaikan pada 20 Julai 2011 hingga 1 Ogos 2011. Pengesahan dan pemantauan kerja penyenggaraan tidak dibuat oleh pegawai berkemahiran *ICT* kerana JANS kekurangan perjawatan *ICT*. Bilangan pegawai *ICT* di Pusat Bil dan 4 JANS daerah yang dilawat adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Bilangan Pegawai *ICT* Di JANS

Tempat	Nama Jawatan	Gred Jawatan	Bilangan Kakitangan	Status Jawatan
Pusat Bil	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	1	Dipinjam dari JPKN
	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1	Dipinjam dari JPKN
	Pen. Pegawai Sistem Maklumat	F27	1	Dipinjam dari JPKN
	Juruteknik Komputer	F22	1	Dipinjam dari JPKN
	Juruteknik Komputer	F17	1	Dipinjam dari JPKN
Kota Kinabalu	Tiada			
Tawau	Tiada			
Kudat	Tiada			
Keningau	Tiada			

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: JPKN – Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

d. Daftar aduan tidak di selenggara untuk perkakasan *ICT* yang rosak atau dibaiki di mana ia boleh dijadikan sebagai rujukan dan pemantauan terhadap kepenggunaan perkakasan. Pegawai bertanggungjawab akan berhubung terus sama ada melalui telefon atau menggunakan perkhidmatan sistem *e-ticketing* dengan kontraktor bagi membuat aduan kerosakan. JANS hanya menyelenggara laporan penyenggaraan yang dikemukakan oleh kontraktor sahaja.

e. Antara kesan yang dijangka daripada pemantauan dan pengesahan kerja yang tidak dilaksanakan oleh pegawai bertauliah adalah pihak JANS tidak dapat menentukan nilai ekonomi perkakasan terutamanya yang kerap rosak dan keselamatan data serta perkakasan tidak terjamin. Selain itu, operasi perkhidmatan pengebilan terpaksa diberhentikan kerana perkakasan tambahan seperti *backup server* tidak disediakan semasa kerja pembaikan. Lawatan Audit pada 27 Julai 2011 di JANS Tawau mendapati, operasi perkhidmatan kaunter terpaksa dihentikan selama 52 minit disebabkan *server* yang rosak masih dibaiki dan tiada *backup server* gantian disediakan oleh kontraktor seperti di **Gambar 4.12** dan **Gambar 4.13**.

Gambar 4.12
Kaunter Ditutup Dan Tanda Talian Sedang *Offline*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Tawau
Tarikh: 27 Julai 2011



Gambar 4.13
Pelanggan Menunggu Sebelum Kaunter Beroperasi Semula

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Tawau
Tarikh: 27 Julai 2011

Pada pendapat Audit, sistem pengebilan adalah memuaskan kecuali masalah modul *help desk* tidak digunakan di JANS daerah, kawalan akses logikal yang lemah, program pemulihan bencana tidak menyeluruh dan kontrak penyenggaraan perkakasan *ICT* tidak dipatuhi.

4.4.3. Kutipan Hasil

4.4.3.1. Prestasi Kutipan Hasil

Hasil jualan air terawat yang dikutip dan dikendalikan oleh JANS merupakan antara penyumbang terbesar hasil Kerajaan Negeri Sabah. JANS menetapkan peningkatan sasaran kutipan tahunan bagi 28 JANS Daerah sebanyak 5% setiap tahun. Semakan Audit mendapati, prestasi kutipan hasil jualan air berbanding sasaran untuk tahun 2009 hingga 2011 adalah baik kerana keempat-empat daerah yang diaudit iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Keningau dan Kudat mencapai peratusan pencapaian antara 98.6% hingga 114%. Pencapaian tahunan kutipan hasil adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Pencapaian Tahunan Kutipan Hasil Berbanding Sasaran Ditetapkan Oleh JANS

Tahun	Daerah	Pencapaian Kutipan Berbanding Sasaran Ditetapkan		
		Jumlah Kutipan (RM Juta)	Sasaran JANS (RM Juta)	Pencapaian JANS (%)
2009	Kota Kinabalu	58.20	52.10	111.7
	Tawau	10.82	12.72	85.1
	Keningau	2.10	2.14	98.1
	Kudat	2.13	2.33	91.4
	Jumlah	**73.23**	**69.29**	**105.7**
2010	Kota Kinabalu	63.10	54.40	116.0
	Tawau	13.95	12.98	107.5
	Keningau	2.46	2.15	114.4
	Kudat	2.50	2.40	104.2
	Jumlah	**82.01**	**71.93**	**114.0**
2011	Kota Kinabalu	68.34	59.60	114.7
	Tawau	14.43	16.79	85.9
	Keningau	2.65	2.45	108.2
	Kudat	2.60	3.03	85.8
	Jumlah	**108.02**	**81.87**	**98.6**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

4.4.3.2. Deposit Sewa Meter Air

a. Seksyen 13(1) dan (2) Enakmen Bekalan Air 2003 menyatakan pelanggan perlu membayar deposit yang ditetapkan oleh JANS untuk menampung amaun yang kena bayar atau akan kena bayar untuk sewa meter dan air yang dikenakan caj pada mana-mana premis. Semakan Audit terhadap akaun deposit jualan air mendapati, sehingga Jun 2011 sebanyak 227,707 akaun pelanggan yang aktif mempunyai deposit manakala sebanyak 51,421 akaun tiada deposit bagi seluruh pelanggan JANS. Anggaran deposit yang gagal dikutip berdasarkan kadar deposit minimum RM100 untuk 51,421 akaun tanpa deposit adalah berjumlah RM5.14 juta. Bilangan akaun yang tidak mempunyai deposit bagi 4 daerah yang dilawat seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Akaun Aktif Yang Tidak Mempunyai Deposit

Daerah	Akaun Aktif Yang Tidak Mempunyai Deposit (Bil.)	Jumlah Deposit Gagal Dikutip (RM Juta)
Kota Kinabalu	15,411	1.54
Tawau	7,830	0.78
Keningau	1,303	0.13
Kudat	1,629	0.16
Jumlah	**26,173**	**2.61**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: Maklumat sehingga bulan Jun 2011

b. Pengarah JANS telah mengeluarkan arahan kepada Jurutera Air Daerah untuk mengutip deposit dan tindakan telah diambil oleh Jurutera Daerah dengan mengeluarkan notis bertulis kepada pelanggan yang terbabit berdasarkan laporan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Hasil JANS Bil. 3/2010. Namun begitu, deposit belum dapat dikutip disebabkan pelanggan enggan membayar deposit kerana premis diduduki masih menggunakan nama pemaju dan premis terletak di atas tanah di mana status geran masih belum ditukar hak milik. JANS akan mengeluarkan satu surat arahan kepada pelanggan yang terlibat untuk membayar deposit dan sekiranya pelanggan masih enggan membayar deposit setelah beberapa peringatan dikeluarkan bekalan air pelanggan berkenaan akan dipotong. JANS terpaksa menanggung kerugian secara menyeluruh sekiranya pelanggan yang tidak membayar deposit menutup akaun atau bekalan air ditamatkan kerana tidak mampu menjelaskan tunggakan bil air.

c. Arahan Perbendaharaan 162 menetapkan deposit yang telah mencapai tujuan perlu dikembalikan dan jika tidak dituntut hendaklah diwartakan. Semakan Audit mendapati, pada tahun 1992 hingga 2011 sebanyak 5,445 akaun yang ditutup tanpa tunggakan tetapi masih mempunyai deposit yang belum dituntut berjumlah RM0.99 juta di 4 JANS Daerah yang dilawat seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Deposit Tidak Dituntut Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Akaun						Jumlah (RM)
	2011	2010	2009	2000 hingga 2008	1992 hingga 1999	Bilangan Keseluruhan	
Kota Kinabalu	653	810	897	2,126	111	4,597	894,380
Tawau	207	171	187	100	5	670	72,941
Keningau	4	1	5	28	3	41	6,900
Kudat	16	24	77	20	0	137	16,200
Jumlah	**880**	**1,006**	**1,166**	**2,274**	**119**	**5,445**	**990,421**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

d. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Pengarah JANS telah mengarahkan Jurutera Daerah untuk mengambil tindakan menghubungi pelanggan untuk menuntut deposit sebelum tindakan mewartakan deposit sebagai wang tidak dituntut. Deposit tidak

dituntut oleh pengguna adalah disebabkan jumlah deposit yang kecil, resit deposit asal hilang dan tiada surat akuan serta pelanggan tidak dapat dihubungi. Pengurusan JANS akan mengambil tindakan proaktif dengan menyenaraikan nama pendeposit yang telah menutup akaun tetapi belum menuntut deposit untuk disiarkan dalam akhbar supaya menuntut deposit mereka. Deposit yang tidak dituntut oleh pendeposit setelah pewartaan dibuat boleh dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

4.4.3.4. Tunggakan Jualan Air

a. Mengikut Seksyen 7(1)(a) Enakmen Bekalan Air 2003, JANS adalah berperanan untuk mengurus kutipan hasil jualan air dan Seksyen 7(1)(h) Enakmen Bekalan Air 2003, JANS boleh mendakwa terhadap apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini antaranya tunggakan jualan air. Semakan Audit mendapati, sehingga akhir tahun 2011, jumlah tunggakan hasil JANS adalah RM117.96 juta. Bagaimanapun, berlaku penurunan tunggakan setiap tahun bermula pada tahun 2003 sehingga 2011. Pada tahun 2011, tunggakan mencatatkan penurunan sejumlah RM54.96 juta atau 31.78% berbanding RM172.92 juta pada tahun 2003. Manakala purata penurunan tunggakan setiap tahun adalah sejumlah RM6.87 juta atau 12.5%. Tunggakan yang dilaporkan setiap tahun adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Tunggakan Hasil Air Bagi Tahun 2003 Hingga 2011

Tahun	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
2003	172.92
2004	166.50
2005	161.61
2006	146.77
2007	141.43
2008	135.93
2009	128.79
2010	122.26
2011	117.96

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

b. Hasil analisis Audit mendapati, tunggakan semasa bagi hutang RM5,000 dan ke atas di 4 daerah dilawat setakat Jun 2011 adalah berjumlah RM23.68 juta yang melibatkan 1,474 akaun pelanggan di mana sejumlah RM4.12 juta atau 17.4% adalah merupakan tunggakan bil air di premis Kerajaan seperti sekolah, hospital dan pihak berkuasa tempatan seperti di **Jadual 4.17** dan **Jadual 4.18**.

Jadual 4.17
Tunggakan Semasa Bagi Hutang Melebihi RM5,000

Daerah	Bilangan Akaun	Jumlah Tunggakan Sehingga Julai 2011 (RM Juta)
Kota Kinabalu	749	14.67
Tawau	612	7.48
Keningau	52	0.61
Kudat	61	0.92
Jumlah	**1,474**	**23.68**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

Jadual 4.18
Tunggakan Bagi Premis Kerajaan Persekutuan Dan Negeri Serta Pihak Berkuasa Tempatan Yang Melebihi RM5,000

Jenis Premis	Bil. Akaun/ Nilai Amaun	Daerah			
		Kota Kinabalu	Tawau	Keningau	Kudat
Pejabat Kerajaan Persekutuan	Bil. Akaun	51	6	3	5
	Nilai (RM)	1,446,484	241,077	32,733	106,850
Sekolah Kerajaan	Bil. Akaun	9	3	4	9
	Nilai (RM)	288,467	438,882	157,497	389,623
Pejabat Kerajaan Negeri	Bil. Akaun	9	2	1	0
	Nilai (RM)	275,141	67,702	6,737	0
Badan Berkanun Negeri	Bil. Akaun	7	0	0	0
	Nilai (RM)	80,182	0	0	0
Pihak Berkuasa Tempatan	Bil. Akaun	13	8	1	1
	Nilai (RM)	158,759	404,988	7,783	14,967
Jumlah Keseluruhan	**Bil. Akaun**	**89**	**19**	**9**	**15**
	Nilai (RM)	**2,249,033**	**1,152,649**	**204,750**	**511,440**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

c. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2008 hingga 2011 sejumlah RM8.36 juta tunggakan telah dihapus kira kerana tidak dapat dikutip seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Tindakan Hapus Kira Pada Tahun 2008 Hingga 2011

Tahun	Bilangan Akaun	Tunggakan Dihapus Kira (RM Juta)
2008	147	0.80
2009	30	0.16
2010	15,053	4.47
2011	20,802	2.93
Jumlah	**36,032**	**8.36**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

d. Penurunan tunggakan jualan air berlaku setiap tahun, namun JANS masih belum dapat mengutip tunggakan sejumlah RM117.96 juta disebabkan maklumat bayaran tunggakan dalam sistem belum dikemas kini dan kegagalan JANS menguatkuasakan undang-undang untuk mengutip tunggakan hasil kerana dokumentasi pendaftaran akaun tidak lengkap selain daripada ketiadaan Pegawai Undang-Undang. Antara usaha JANS untuk mengurangkan tunggakan adalah tindakan penguatkuasaan undang-undang, operasi pemotongan bekalan air, perundingan dengan pengguna yang mempunyai tunggakan bil tinggi, menawarkan bayaran secara ansuran, menghantar surat peringatan kepada pengguna, mengemukakan syor kepada

Kementerian Kewangan Sabah untuk menghapus kira tunggakan yang tidak boleh dikutip dan melaksanakan sistem bayaran pukal bagi pembayaran bil air Jabatan Persekutuan serta melantik agen untuk mengutip hutang.

Pada pendapat Audit, kutipan hasil adalah kurang memuaskan kerana tunggakan hasil masih tinggi.

4.4.4. Penguatkuasaan

4.4.4.1. Penguatkuasaan terhadap pengurusan bekalan air perlu diwujudkan dengan bilangan kakitangan penguatkuasa yang mencukupi dan pemantauan terhadap operasi pemotongan bekalan air dibuat secara efektif. Semakan Audit mendapati, seramai 81 kakitangan di Bahagian Penguatkuasa Jabatan Air Negeri Sabah termasuk JANS daerah terlibat dengan program pemotongan secara bersepadu kendalian Unit Penguatkuasa Ibu Pejabat. Ianya meliputi pemotongan bekalan air bagi pelanggan yang tidak menjelaskan tunggakan setelah notis pemotongan dikeluarkan dan gagal menjelaskan bayaran ansuran. JANS memaklumkan notis pemotongan dikeluarkan kepada pelanggan berstatus akaun aktif yang mempunyai tunggakan melebihi RM100. Unit Penguatkuasa di JANS daerah hanya melaksanakan operasi pemotongan terhadap pelanggan yang tidak menjelaskan bayaran ansuran. Operasi pemotongan bekalan air oleh Unit Penguatkuasa Ibu Pejabat secara bersepadu adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Operasi Pemotongan Bekalan Air Oleh Unit Penguatkuasa Ibu Pejabat Pada Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Daerah	Bilangan Operasi Dijalankan	Bilangan Akaun		Jumlah Tunggakan (RM Juta)
			Dikeluarkan Notis Pemotongan	Ansuran	
2009	Kota Kinabalu	3	8,943	3,233	12.52
	Tawau	2	6,544	0	7.29
	Keningau	2	1,060	93	1.14
	Kudat	2	597	375	1.19
2010	Kota Kinabalu	2	5,988	2,207	6.67
	Tawau	2	2,149	1,761	3.49
	Keningau	3	1,422	56	0.46
	Kudat	2	308	591	0.68
2011	Kota Kinabalu	2	5,622	3,278	7.83
	Tawau	1	2,384	943	2.96
	Keningau	2	562	11	0.20
	Kudat	1	310	312	0.54
Jumlah		**24**	**35,889**	**12,860**	**44.98**

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

4.4.4.2. Wakil Penguatkuasa Ibu Pejabat JANS memaklumkan bahawa semua operasi yang dirancang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, didapati operasi pemotongan bekalan air yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa JANS Daerah adalah secara *ad-hoc* dan tidak dirancang secara berjadual. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pelaksanaan operasi pemotongan ini dijalankan seperti yang dirancang kerana tiada

jadual pelaksanaan diselenggara. Ini mengakibatkan pemantauan terhadap tunggakan bil air di JANS Daerah tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Arahan akan dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasa kepada semua daerah untuk menyediakan Jadual Pelaksanaan di masa akan datang.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penguatkuasaan operasi pemotongan bekalan air secara bersepadu oleh Unit Penguatkuasa Ibu Pejabat JANS adalah memuaskan kerana semua program dirancang dilaksanakan kecuali operasi secara *ad-hoc* yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa JANS Daerah sendiri.

4.4.5. Perkhidmatan Pelanggan Dan Aduan

Dasar JANS adalah untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan pelanggan yang baik dan selesa serta memudahkan pelanggan melaksanakan urusniaga akaun, urusan bil air, pembayaran dan aduan pelanggan. Semakan Audit mendapati kemudahan pelanggan yang disediakan di 4 JANS daerah yang dilawati belum mencukupi seperti kaunter aduan, ruangan menunggu, mesin penggiliran digital dan kamera litar tertutup. Selain itu, di JANS Kudat mesin penggiliran digital telah rosak dan ruang menunggu yang sempit di mana berlaku kesesakan yang teruk apabila terdapat lebih daripada 6 pelanggan beratur untuk membuat pembayaran. Perkara ini berlaku disebabkan oleh ruangan pejabat yang sempit, kekurangan guna tenaga dan peralatan yang rosak tidak dibaiki. Ini memberi impak terhadap keselesaan pelanggan apabila datang berurusan di kaunter. Kemudahan yang disediakan adalah seperti di **Jadual 4.21** dan ruang kaunter yang sempit di **Gambar 4.14** hingga **Gambar 4.15**.

Jadual 4.21
Kelengkapan Perkhidmatan Pelanggan Yang Disediakan

Kemudahan Disediakan	Daerah				Ulasan
	Kota Kinabalu	Tawau	Keningau	Kudat	
Kaunter Perkhidmatan Pelanggan	/	/	/	/	Bilangan kaunter disediakan: • Kota Kinabalu: 8 • Tawau: 7 • Keningau: 3 • Kudat: 3
Kaunter Pembayaran	/	/	/	/	Bilangan kaunter disediakan: • Kota Kinabalu: 4 • Tawau: 2 • Keningau: 2 • Kudat: 1
Kaunter Aduan	X	X	X	X	Kaunter aduan tidak disediakan
Kerusi Pelanggan Di Kaunter	/	/	/	/	
Ruang Menunggu	/	/	/	X	JANS Kudat tidak menyediakan ruangan menunggu
Komputer di kaunter	/	/	/	/	

Kemudahan Disediakan	Daerah				Ulasan
	Kota Kinabalu	Tawau	Keningau	Kudat	
Alat Penyaman Udara	/	/	/	/	
Mesin Penggiliran Digital	/	/	X	X	• Mesin giliran di JANS Keningau rosak • Mesin giliran di JANS Kudat tidak disediakan
Televisyen	/	/	/	/	
Kamera Litar Tertutup (CCTV)	/	/	/	X	CCTV tidak disediakan di JANS Kudat

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Nota: / – Mematuhi; X – Tidak Mematuhi

Gambar 4.14
Ruangan Menunggu Yang Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Kudat
Tarikh: 27 September 2011

Gambar 4.15
Ruangan Kaunter Yang Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JANS Kudat
Tarikh: 27 September 2011

4.4.5.1. JANS memaklumkan semua Kaunter Khidmat Pelanggan adalah dianggap sebagai Kaunter Aduan Pelanggan yang menerima semua aduan dan seterusnya mengambil tindakan dengan kadar yang segera. JANS tidak dapat mewujudkan kaunter khas aduan pelanggan berasingan di semua daerah pada masa ini kerana faktor kekurangan ruang pejabat dan staf untuk berkhidmat di kaunter khidmat pelanggan.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan pelanggan dan aduan adalah memuaskan kecuali kaunter aduan tidak disediakan, peralatan rosak tidak dibaiki dan ruangan kaunter yang sempit tidak memberi keselesaan kepada pelanggan.

4.4.6. Maklum Balas Pelanggan

Bagi mendapat maklum balas mengenai program perkhidmatan pengeluaran bil JANS, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelanggan di daerah yang dilawat untuk mengetahui sama ada bil air sampai kepada pelanggan mengikut tempoh yang sepatutnya, perkhidmatan aduan pelanggan disediakan dan aduan diambil tindakan sewajarnya. Sebanyak 400 soal selidik diedarkan kepada pelanggan Jabatan Air Negeri Sabah dan 158 borang soal selidik telah dikembalikan. Analisis terhadap soal selidik mendapati:

4.4.6.1. Bil Air

a. Seramai 133 (84%) pelanggan ada menerima bil air dan 25 (16%) tidak menerima bil disebabkan meter berada dalam kawasan rumah yang berpagar dan berkunci (16%), rumah dikawal anjing garang (8%), pembaca jangka tidak menjalankan tugasnya (44%), rumah tidak mempunyai meter (12%) dan lain-lain (20%) adalah seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Tidak Menerima Bil Air



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

b. Berlaku kelewatan dalam penerimaan bil air, seramai 11 (7%) pelanggan memaklumkan menerima bil air antara 7 hingga 12 bulan, seramai 39 (25%) mendapat bil air antara 4 hingga 6 bulan dan selebihnya seramai 106 menerima bil antara 1 hingga 3 bulan. Seramai 138 (87%) pelanggan tidak mengetahui adanya perkhidmatan permintaan salinan bil secara *on-line* melalui laman JANS dan daripada 20 orang pelanggan yang tahu kewujudan perkhidmatan ini hanya 10 orang sahaja menyatakan pernah menggunakan perkhidmatan ini.

4.4.6.2. Aduan Bil Air

a. Daripada 158 pelanggan seramai 106 (68%) pernah membuat aduan mengenai bil air kepada JANS di daerah masing-masing dan aduan yang dibuat adalah perkara bil tidak diterima seramai 66 (62%). Antara perkara yang diadukan adalah bacaan penggunaan tinggi seramai 25 (24%) dan meter air rosak seramai 15 (14%) seperti di **Carta 4.4**. Aduan yang dibuat oleh pelanggan mendapat maklum balas daripada JANS, seramai 28 (26%) memaklumkan tempoh tindakan diambil oleh pihak JANS antara 1 hingga 3 hari, seramai 22 (21%) menyatakan antara 4 hingga 7 hari dan seramai 56 (53%) menyatakan melebih 8 hari.

Carta 4.4
Jenis Aduan Pelanggan



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

b. Sebagai penambahbaikan, pelanggan turut mencadangkan agar pihak JANS dapat menghantar bil tepat pada masanya, bil dikeluarkan kurang daripada 3 bulan agar tidak membebankan pelanggan, memperbaiki perkhidmatan kaunter, memastikan aduan pelanggan diambil tindakan segera, pegawai bertugas di kaunter harus peka terhadap masalah dan mahir dalam kerja, memastikan pelanggan tidak menunggu pada tempoh yang lama, maklumat bil adalah terkini dan meletak meter di luar kawasan bagi rumah kampung.

Pada pendapat Audit, pengeluaran bil air perlulah mengikut tempoh yang sesuai agar tidak membebankan pelanggan kerana menerima caj yang tinggi dan perkhidmatan yang disediakan mampu memudahkan urusan pelanggan untuk mendapatkan bil dan membuat pembayaran.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pengebilan bekalan air ini dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JANS mengambil langkah berikut:

4.5.1. Menyediakan jadual pelaksanaan operasi pemotongan yang lebih teratur dan mengurangkan penglibatan pembaca jangka dalam operasi pemotongan dengan mewujudkan alat pengesan meter pelanggan atau menyediakan pelan kedudukan meter pelanggan yang lengkap dan kemas kini.

4.5.2. Sentiasa memantau pengurusan pengeluaran bil terutamanya akaun baru diwujudkan dan pengeluaran bil anggaran kerana halangan dan meter berusia melebihi 7 tahun yang belum diganti bagi memperolehi kutipan hasil yang sepatutnya.

4.5.3. Memastikan semua modul aplikasi di dalam Sistem UBIS, *ePos Client* dan MIS digunakan. Selain itu, mewujudkan program pemulihan bencana untuk memastikan maklumat dan kemudahan pemprosesan beroperasi tanpa gangguan.

4.5.4. Mengambil tindakan mengutip deposit yang tidak dibayar dan mengesan pendeposit yang belum menuntut deposit.

4.5.5. Menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap pelanggan yang mempunyai akaun tertunggak.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

5. PROJEK PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI PEKAN BARU

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) adalah sebuah Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah (KKTP) yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan Pekan Baru untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

5.1.2. Program Pembangunan Pekan Baru dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Ke 5 (RMKe-5) dan masih diteruskan dalam RMKe-10. Projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru merupakan satu daripada komponen dalam Program Pembangunan Pekan Baru. Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi LPPB bertanggungjawab untuk melaksanakan projek infrastruktur biayaan Kerajaan Negeri/Persekutuan di bandar-bandar baru yang diluluskan di seluruh Negeri Sabah. Tujuan pelaksanaan projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru adalah untuk menyediakan infrastruktur asas bagi pembinaan rumah mampu milik, bangunan komersil, gerai dan sebagainya oleh LPPB secara berperingkat. Dengan wujudnya kemudahan dan perkhidmatan, maka masyarakat setempat akan dapat menikmati kemudahan di Pekan Baru ini dan tidak perlu bertumpu ke bandar.

5.1.3. Kerajaan Negeri melalui LPPB telah membelanjakan sejumlah RM64.85 juta bagi tempoh RMKe-5 hingga RMKe-8 untuk menyiapkan persediaan tapak, jalan raya, medan letak kereta, perparitan dan lain-lain kemudahan awam di 53 Pekan Baru di seluruh Negeri Sabah. Dalam RMKe-9 (2006-2010), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM51.10 juta untuk melaksanakan sebanyak 67 buah projek infrastruktur di 25 Pekan Baru seperti di **Peta 5.1**.

Peta 5.1
Pekan-Pekan Baru Di Seluruh Negeri Sabah



Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

5.1.4. Setakat 31 Disember 2011, perbelanjaan bagi peruntukan Kerajaan Negeri Sabah adalah berjumlah RM41.41 juta. Semua peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh LPPB disalurkan melalui KKTP. Peruntukan dan perbelanjaan projek infrastruktur asas di Pekan Baru LPPB setakat 31 Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Di Pekan Baru LPPB Bagi Tahun 2006 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
RMKe-9		
2006	21.20	4.98
2007	19.30	6.26
2008	9.80	5.18
2009	0.80	8.69
2010	0.00	13.35
Jumlah	**51.10**	**38.46**
2011	4.84	2.95
Jumlah	**55.94**	**41.41**

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek penyediaan infrastruktur asas bagi pembinaan bangunan komersil, perumahan, gerai dan sebagainya yang dilaksanakan oleh LPPB di Pekan Baru telah diurus secara teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek penyediaan infrastruktur asas LPPB di Pekan Baru bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Sebanyak 13 buah projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru yang dilaksanakan oleh LPPB merangkumi 4 buah Pekan Baru iaitu Kota Kinabatangan, Kinarut, Tandek dan Sindumin telah dipilih untuk lawatan Audit. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap fail, laporan bulanan dan tahunan serta minit mesyuarat. Selain itu, lawatan ke tapak di mana projek yang siap/sedang dibina telah dijalankan. Analisis terhadap data dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai juga dilakukan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap 13 buah projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati, penyediaan infrastruktur asas yang dilaksanakan oleh LPPB adalah memuaskan kecuali kelemahan dalam pelaksanaan dan penyenggaraan projek infrastruktur seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek pembinaan jalan yang dibina di atas tanah simpanan Kerajaan Negeri berjumlah RM0.50 juta.

- Satu projek yang melibatkan kos berjumlah RM2.32 juta hanya siap 70% kerana kontraktor meninggalkan tapak projek.

- Sebanyak 5 projek persediaan tapak berjumlah RM3.81 juta telah siap tetapi pembinaan bangunan komersil belum dibuat.

- Tapak projek tidak disenggara.

5.4.1. Prestasi Penyediaan Infrastruktur Asas

5.4.1.1. Dalam RMKe-9, LPPB telah mensasarkan pelaksanaan 92.97 hektar persediaan tapak, 24.56 kilometer pembinaan jalan dan 450 buah rumah kedai di 25 Pekan Baru. Pembinaan perumahan mampu milik merupakan satu komponen dalam pembangunan di Pekan Baru tetapi perancangannya dibuat secara berasingan dalam Program Pembangunan Rumah Awam. Semakan Audit di 4 Pekan Baru mendapati,

LPPB telah berjaya mencapai sasaran 100% bagi persediaan tapak dan pembinaan jalan kecuali sasaran bagi pembinaan rumah kedai hanya pada tahap 58.5%. LPPB hanya berjaya membina 62 unit rumah kedai berbanding 106 unit rumah kedai yang disasarkan kerana LPPB hanya mengemukakan permohonan untuk kelulusan pelan pembangunan bagi 44 unit rumah kedai daripada Pihak Berkuasa Tempatan Kota Kinabatangan, Papar dan Sipitang semasa pengauditan dijalankan. Bagi Pekan Baru Tandek, sasaran pembinaan rumah kedai tidak dapat diukur kerana tiada sasaran persediaan tapak dalam RMKe-9 disediakan. Prestasi penyediaan infrastruktur asas di 4 Pekan Baru adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Prestasi Penyediaan Infrastruktur Asas Di 4 Pekan Baru

Bil.	Pekan Baru	Persediaan Tapak (Hektar)			Pembinaan Jalan (Kilometer)			Rumah Kedai (Unit)		
		Sasaran	Sebenar	%	Sasaran	Sebenar	%	Sasaran	Sebenar	%
1.	Kota Kinabatangan	17.3	17.3	100	2	2	100	44	28	63.7
2.	Kinarut	10.9	10.9	100	1.1	1.1	100	34	24	70.5
3.	Sindumin	5.4	5.4	100	1.1	1.1	100	20	10	50
4.	Tandek	TM	TM	TM	1.4	1.4	100	8	0	0
Jumlah		**33.6**	**33.6**	**100**	**5.6**	**5.6**	**100**	**106**	**62**	**58.5**

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar
TM – Tiada Maklumat

5.4.1.2. Projek penyediaan infrastruktur asas yang dipilih di 4 Pekan Baru adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Yang Dipilih Di 4 Pekan Baru

Bil.	Nama Projek/ Nama Kontraktor	Harga Kontrak (RM Juta)	Tarikh Mula/ Tarikh Siap
1.	Pembinaan Jalan dan Sistem Perparitan Menuju ke Kawasan Perumahan Kos Rendah di Pekan Baru Kota Kinabatangan, Sandakan/Jestin Enterprise.	0.50	8.10.2009/ 16.11.2010
2.	Cadangan Kerja Infrastruktur untuk Pekan Baru Kota Kinabatangan, Sandakan / Syarikat Bina Makmur (Dibayar RM1.32 Juta).	2.32	27.11.2009/ Belum Siap
3.	Cadangan Penyediaan Tapak dan Jalan Masuk Ke Pusat Komersil di Pekan Baru Sindumin, Sipitang / Calawone Enterprise.	0.85	1.8.2007/ 19.12.2007
4.	Cadangan Kerja Sivil untuk Pekan Baru Sindumin / Pemborong Sejati.	0.60	2.6.2008/ 6.10.2008
5.	Cadangan Pembinaan Jalan Masuk dan Pembersihan Tapak Pusat Komersil di Pekan Baru Sindumin / Bina Putra Enterprise (Dibayar RM0.21 juta).	0.46	7.11.2009/ 5.2.2010
6.	Cadangan Kerja-kerja Persediaan Tapak serta Pembinaan Jalanraya dan Gerai di Pekan Baru Kota Kinabatangan, Sandakan/Raz Enterprise.	1.70	18.4.2007/ 7.12.2007
7.	Cadangan Sambungan ke Jalan B di Pekan Baru Kota Kinabatangan, Sandakan/Connie Contractor.	0.20	8.10.2009/ 31.12.2009
8.	Cadangan Penyediaan Tapak dan kerja sivil Ke Pusat Komersil Fasa II di Pekan Baru Kinarut Selatan, Papar / Pemborong Koundo.	0.28	2.10.2008/ 22.11.2008
9.	Cadangan kerja sivil Ke Pusat Komersil di Pekan Baru Kinarut Selatan, Papar / Wang's Enterprise.	0.58	21.11.2008/ 25.11.2009
10.	Cadangan kerja sivil Ke Pusat Komersil Fasa II di Pekan Baru Kinarut Selatan, Papar / Wang's Enterprise.	0.95	27.10.2009/ 1.2.2010

Bil.	Nama Projek/ Nama Kontraktor	Harga Kontrak (RM Juta)	Tarikh Mula/ Tarikh Siap
11.	Cadangan Penyediaan Tapak dan kerja sivil Ke Pusat Komersil di Pekan Baru Kinarut Selatan, Papar/Gana Enterprise.	0.47	13.10.2006/ 4.10.2007
12.	Cadangan Pembinaan Jalan sambungan ke Pitas-Kota Marudu di Pekan Baru Tandek, Kota Marudu / Pemborong Ampagong.	0.95	21.11.2008/ 10.4.2009
13.	Cadangan Kerja Sivil di Pekan Baru Tandek, Kota Marudu/Balaman Enterprise.	0.90	7.7.2010/ 27.10.2010
Jumlah		**10.76**	

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

Pada pendapat Audit, prestasi penyediaan infrastruktur asas bagi 4 Pekan Baru adalah memuaskan kecuali prestasi pembinaan rumah kedai yang tidak mencapai sasaran dan satu projek masih belum siap.

5.4.2. Pemilihan Tapak

5.4.2.1. LPPB tidak menyediakan garis panduan dan peraturan bagi pemilihan tapak. Oleh itu, pihak Audit merujuk kepada Pekeliling Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 2 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek. Mengikut pekeliling tersebut, antara kriteria yang perlu dipertimbangkan oleh semua Agensi semasa proses pemilihan tapak projek ialah lokasi, tapak bebas daripada halangan fizikal, geologi, topografi, kemudahan bekalan utiliti, nilai tambah dan saiz tapak. Semakan terhadap rekod dan dokumen serta lawatan tapak ke 13 projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru mendapati 12 projek adalah bebas daripada halangan fizikal dan geologi kecuali satu projek di Pekan Baru Kota Kinabatangan.

5.4.2.2. Projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Kota Kinabatangan bernilai RM0.50 juta adalah merangkumi pembinaan jalan masuk dan sistem perparitan menuju ke kawasan cadangan perumahan kos rendah di Pekan Baru Kota Kinabatangan yang ditawarkan secara rundingan terus kepada Jestin Enterprise telah siap pada 16 November 2010. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB pada 6 Julai 2011 mendapati, pembinaan jalan raya dan sistem perparitan telah dibina di atas tanah simpanan Kerajaan Negeri yang belum dimiliki oleh LPPB dan melalui kawasan tanaman kelapa sawit serta buah-buahan yang ditanam oleh penduduk sedia ada. Menurut maklum balas LPPB bertarikh 14 November 2011, perkara ini berlaku kerana projek asal yang ditawarkan kepada kontraktor pada 17 September 2009 adalah di tanah yang dimiliki oleh LPPB tetapi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah mendapat peruntukan khas dari Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara untuk melaksanakan projek penempatan mangsa banjir dan pembinaan jalan raya di tanah yang sama bermula pada 12 Oktober 2009. Sehubungan itu, LPPB telah mengarahkan kontraktor melaksanakan projek di lokasi lain iaitu di atas tanah simpanan Kerajaan Negeri pada 25 Mei 2010. LPPB menjelaskan pihaknya tidak menemui halangan semasa melaksanakan pembinaan jalan masuk tersebut dan telah mengemukakan permohonan tanah Kerajaan Negeri

kepada Pejabat Tanah Daerah Kinabatangan pada 25 Julai 2011 untuk membangunkan tapak ini menjadi kawasan perumahan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan sesuatu projek infrastruktur hendaklah dibuat di atas tapak yang dimiliki oleh LPPB bagi mengelakkan implikasi perundangan di samping membolehkan pembangunan yang dirancang di tapak tersebut dapat dilaksanakan dengan segera.

5.4.3. Pelaksanaan Projek Penyediaan Infrastruktur Asas

Bagi menilai pelaksanaan kemudahan infrastruktur asas adalah memberi manfaat kepada masyarakat maka pihak Audit telah membuat semakan terhadap dokumen dan membuat lawatan fizikal ke 13 projek. Pihak Audit mendapati 3 projek di Pekan Baru Sindumin dan 2 projek persediaan tapak di Kota Kinabatangan telah siap tetapi pembinaan gerai dan rumah kedai yang dirancang di tapak tersebut masih belum dibuat. Manakala penyenggaraan bagi 11 daripada 13 projek tidak dibuat. Selain itu, kontraktor bagi satu projek di Pekan Baru Kinabatangan telah meninggalkan tapak projek dengan pencapaian kerja pada tahap 70% sahaja.

5.4.3.1. Infrastruktur Asas Siap Tetapi Pembinaan Bangunan Komersil Belum Dibuat

Tujuan pelaksanaan projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru adalah untuk menyediakan infrastruktur asas bagi pembinaan projek perumahan, gerai, bangunan komersil dan sebagainya yang dibangunkan secara berperingkat. Dengan wujudnya kemudahan dan perkhidmatan, maka masyarakat setempat akan dapat menikmati kemudahan di pekan baru ini dan tidak perlu bertumpu ke bandar. Mengikut semakan Audit, sebanyak 5 projek infrastruktur asas siap tetapi bangunan belum dibuat seperti **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Projek Penyediaan Infrastruktur Asas Siap Tetapi Bangunan Belum Dibuat

Bil.	Nama Projek	Tarikh Mula/ Tarikh Siap
Pekan Baru Sindumin		
1.	Cadangan Penyediaan Tapak dan Jalan Masuk Ke Pusat Komersil.	1.8.2007/ 19.12.2007
2.	Cadangan Kerja Sivil untuk Pekan Baru Sindumin.	2.6.2008/ 6.10.2008
3.	Cadangan Pembinaan Jalan Masuk dan Pembersihan Tapak Pusat Komersil.	7.11.2009/ 5.2.2010
Pekan Baru Kota Kinabatangan		
4.	Cadangan Kerja-kerja Persediaan Tapak serta Pembinaan Jalanraya dan Gerai.	18.4.2007/ 7.12.2007
5.	Cadangan Sambungan ke Jalan B.	8.10.2009/ 31.12.2009

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

a. Lawatan Audit terhadap 5 projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Sindumin dan Kota Kinabatangan bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB mendapati infrastruktur asas siap tetapi bangunan belum dibuat seperti berikut:

i. Projek Infrastruktur Di Pekan Baru Sindumin

- Projek bernilai RM1.91 juta yang merangkumi kerja persediaan tapak, jalan masuk dan kerja sivil untuk pembinaan bangunan komersil di Pekan Baru Sindumin telah ditawarkan secara rundingan terus kepada 3 buah syarikat secara berperingkat dan siap dibina pada 5 Februari 2010. Lawatan Audit ke tapak projek pada 28 Julai 2011 mendapati bangunan komersil masih belum dibina dan tapak berada dalam keadaan semak samun seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.2**.

Gambar 5.1
Tapak Projek Yang Siap Tetapi Bangunan Komersil Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 5.2
Tapak Projek Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

- Lawatan Audit pada 28 Julai 2011 bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB di Pekan Baru Sindumin mendapati bangunan Imigresen, Balai Bomba dan lain-lain pembangunan telah wujud berhampiran dengan kawasan tapak ini seperti di Pelan Pembangunan Sindumin di **Peta 5.2**. Ini menunjukkan sekiranya bangunan komersil dibina, dibuka dan diurus dengan cekap, ianya dapat menarik kehadiran pelabur kerana Sindumin merupakan laluan penting ke Sarawak dan Negara Brunei atau sebaliknya. Hasil daripada teguran Audit, LPPB telah mengemukakan cadangan pembinaan 40 unit rumah kedai 2 tingkat di tapak ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan Sipitang untuk kelulusan.

Peta 5.2
Pelan Pembangunan Sindumin



Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

ii. Projek Infrastruktur Di Pekan Baru Kinabatangan

- Projek bernilai RM1.90 juta yang merangkumi kerja persediaan tapak, jalan masuk, sistem perparitan dan kerja sivil untuk membina gerai di Pekan Baru Kota Kinabatangan telah ditawarkan secara rundingan terus kepada 2 buah syarikat secara berperingkat dan siap dibina pada 31 Disember 2009. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB pada 5 dan 6 Julai 2011 mendapati, pembinaan gerai masih belum dilaksanakan walaupun tapak projek telah disediakan. Pihak Audit mendapati, di kawasan persekitaran tapak projek terdapat bangunan komersil Perkasa Realty dan Pasar Kota Kinabatangan telah wujud berhampiran dengan tapak projek LPPB seperti di **Gambar 5.3** hingga **Gambar 5.6**. Hasil teguran Audit, LPPB telah melantik pemaju bagi membina 52 unit rumah kedai di tapak komersil ini dan akan melaksanakan bangunan komersil setelah cadangan pelan pembangunan tersebut diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Kota Kinabatangan.

Gambar 5.3
Tapak Projek Yang Siap Tetapi Pembinaan Gerai Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 5.4
Bangunan Komersil Perkasa Realty Bersebelahan Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 5.5
Anjung Niaga Kota Kinabatangan Berhadapan Dengan Tapak projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.6
Pasar Kota Kinabatangan Berhadapan Dengan Tapak projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

5.4.3.2. Tapak Projek Tidak Disenggara

a. LPPB tidak menyediakan garis panduan mengenai penyenggaraan. Oleh itu, pihak Audit merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menyebut tujuan penyenggaraan adalah untuk menjaga, memulihkan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan setiap bahagian bangunan, perkhidmatan dan persekitaran supaya sentiasa berada dalam keadaan boleh guna bagi memelihara imej Jabatan. Semakan dan lawatan tapak ke 13 projek penyediaan Infrastruktur asas di Pekan Baru Sindumin, Kota Kinabatangan, Kinarut dan Tandek bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB mendapati tiada penyenggaraan dibuat di 11 projek infrastruktur bagi penyediaan tapak, jalan raya dan sistem perparitan seperti **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Kedudukan Tapak Tidak Disenggara

Bil.	Pekan Baru	Bil. Projek	Keadaan					Gambar
			Tiada Papan Tanda	Tidak Berpagar	Semak samun	Berair	Sampah Sarap Dan Diceroboh	
1.	Kota Kinabatangan	4	/	/	/	/	/	**5.7** hingga **5.12**
2.	Kinarut	4	TB	/	/	/	/	**5.13** hingga **5.20**
3.	Sindumin	3	/	/	/	TB	TB	**5.21** hingga **5.24**

Nota: / - Tidak Disenggara, TB - Tidak Berkenaan

b. Projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Kota Kinabatangan yang menelan belanja berjumlah RM3.72 juta berada dalam keadaan tidak berpagar, semak samun, berair dan sistem perparitan tertimbus semasa lawatan Audit pada 6 Julai 2011 seperti di **Gambar 5.7** hingga **Gambar 5.12**.

Gambar 5.7
Parit Tertimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.8
Pembentung Dalam Kawasan Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.9
Tapak Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.10
Tapak Terbiar Dan Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.11
Kawasan Tapak Projek
Ditakung Air Dan Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.12
Timbusan Tanah Oleh Pihak
Yang Tidak Bertanggungjawab



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

c. Lawatan Audit bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB pada 13 Julai 2011, mendapati projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Kinarut yang menelan belanja berjumlah RM2.28 juta telah diceroboh menyebabkan laluan masuk ke tapak projek terputus. Selain itu, tapak projek menjadi kawasan tempat pembuangan sampah kerana tidak berpagar. Hasil teguran Audit mendapati tapak projek telah disenggara. Keadaan tapak projek sebelum dan selepas teguran Audit adalah seperti di **Gambar 5.13** hingga **Gambar 5.20**.

Gambar 5.13
Tapak Projek Menjadi
Tempat Pembuangan Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 5.14
Tapak Projek Telah Ditimbus
Dan Dipagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Mac 2012

Gambar 5.15
Tapak Projek Semak Samun



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 5.16
Tapak Projek Telah Disenggara



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Mac 2012

Gambar 5.17
Laluan Ke Tapak Projek Terputus



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 5.18
Laluan Ke Tapak Projek Telah Ditimbus



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Mac 2012

Gambar 5.19
Tapak Projek Menjadi Tempat Simpanan Bot



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 5.20
Tapak Projek Telah Ditimbus



Sumber:Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 Mac 2012

d. Projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Sindumin yang menelan belanja berjumlah RM1.91 juta berada dalam keadaan tidak berpagar, ditumbuhi semak samun seperti di **Gambar 5.21** hingga **Gambar 5.24**. Semakan Audit terhadap rekod kewangan LPPB mendapati peruntukan penyenggaraan tidak disediakan bagi semua Pekan Baru. Oleh itu, peruntukan untuk menyenggara tapak projek infrastruktur asas adalah tidak mencukupi untuk menampung kos penyenggaraan bagi semua Pekan Baru. LPPB melalui maklum balas bertarikh 14 November 2011 akan berusaha untuk memohon peruntukan tambahan bagi menyenggara setiap projek yang telah dilaksanakan.

Gambar 5.21
Parit Tertimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 5.22
Pembentung Dalam Kawasan Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 5.23
Tapak Projek Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 5.24
Jalan Masuk Tidak Disenggara Dan Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sindumin, Sipitang
Tarikh: 28 Julai 2011

5.4.3.3. Projek Terbengkalai

a. Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja mengikut komponen, spesifikasi dan tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak. Sekiranya gagal, kontraktor boleh dikenakan denda kecuali mendapat kelulusan lanjutan masa daripada Agensi.

Semakan Audit terhadap 13 projek dan dokumen kontrak mendapati satu projek persediaan tapak untuk laluan pembinaan perumahan kos rendah di Pekan Baru Kota Kinabatangan yang ditawarkan kepada Syarikat Bina Makmur bernilai RM1.79 juta terbengkalai. Mengikut dokumen kontrak, kontraktor perlu melaksanakan komponen dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dalam tempoh 30 minggu iaitu bermula dari 27 November 2009 dan sepatutnya telah siap kerja pada 25 Jun 2010. Semakan Audit terhadap Laporan Jurutera LPPB mendapati kerja hanya siap 70% dengan bayaran berjumlah RM1.32 juta tetapi kontraktor telah meninggalkan tapak projek pada 16 Jun 2010. Pembinaan jalan, kawasan bulatan, *close turfing*, parit dan sayap dinding bernilai RM0.88 juta merupakan di antara kerja yang masih belum dibuat seperti **Gambar 5.25** hingga **Gambar 5.27**.

Gambar 5.25
Jalan Raya, Jalan Pejalan Kaki Dan Parit Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.26
Kawasan Bulatan Belum Dibina Dan Tiang Letrik Belum Dipindahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011



Gambar 5.27
Empat Pembahagi Jalan Dan *Close Turfing* Belum Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

b. Klausa 51(a), dokumen kontrak menetapkan apabila berlaku perlanggaran kontrak, Kerajaan perlu memberi notis pemberitahuan perlanggaran kontrak kepada kontraktor dalam tempoh 14 hari dari tarikh perlanggaran kontrak berlaku. LPPB didapati hanya mengemukakan notis pelanggaran kontrak kepada kontraktor pada 10 Mei 2011 iaitu selepas kontraktor meninggalkan tapak projek pada 16 Jun 2010. Semakan selanjutnya mendapati, kontraktor juga telah menuntut kemajuan kerja

yang melibatkan kos membuang '*unsuitable material'* berjumlah RM0.34 juta daripada LPPB melalui surat bertarikh 13 September 2010. Menurut Laporan Jurutera LPPB, kontraktor telah melaksanakan kerja tambahan untuk membuang '*unsuitable material'* yang tidak tersenarai dalam kontrak tanpa kebenaran LPPB. Oleh itu, satu mesyuarat antara LPPB dan kontraktor telah diadakan pada 28 September 2010. Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa kontraktor tidak boleh menuntut bayaran bagi kerja yang tidak tersenarai dalam komponen dan spesifikasi kerja. Komponen dan spesifikasi kerja bagi kontraktor adalah seperti **Jadual 5.6** dalam *bill of quantities* berikut:

Jadual 5.6
Bill Of Quantities (Site Clearance & Earthworks)

DESCRIPTION	UNIT	QTY	RATE	RM	sen
BILLS OF QUANTITIES (cont'd.)					
SITE CLEARANCE & EARTHWORKS (ALL PROVISIONAL)					
Earthworks (PL+19.50m) [Phase 3 Housing Area]					
Clearing of site including cutting down trees of all sizes, grubbing up roots, clearing all undergrowth, shrubs, removal of topsoil, rubbish etc. and disposal from site to Contractor's own dump. (Approximately 6.0 hectares)	Lump Sum			15,000.	00
Earthwork excavation to the required formation level and and delivery of excavated material for filling of specified area where directed including compaction of fill and testing as specified.	CU.M	48,300	8/=	386,400	00
Earthwork excavation to the required formation level and disposal of surplus excavated material off site to Contractor's own dump as specified.	CU.M	7,100	8/=	56,800	00
Close turfing on sloping surfaces including securing turves with wooden pegs, and securing turves with wooden pegs, and 50mm top soil as described.	SQ.M	410	6/=	2,460	00
Imported approved filling material for filling of specified area to the required formation levels including compaction, trimming slopes of	CU.M	Rate Only	10.00 ~~20/=~~	-	-
drawing and specification. Excavate unsuitable material, disposed off to Contractor's own dump and backfill with approved earthfilling materials including compaction, settlement and testing.	CU.M	Rate Only	15.00 ~~22/=~~	-	-
Excavate for 1m wide x 1m deep earth drain and dispose off all excavated material from site to Contractor's own dump.	M	Rate Only	10/=	-	-
Close turfing on horizontal surfaces including 50mm top soil as described.	SQ.M	Rate Only	7/=	-	-
Settlement plates consisting of 2" diameter Class B g.i. pipe in 5'0" increments complete with screw joint and 1'0" interval markings, welded to 2'0" x 2'0" m.s.plate on 3'0" x 3'0" of 9" thick gravel bedding as as described.	NO	Rate Only	500/=	-	-
TO COLLECTION:				445,660	00

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

c. Pada 1 Jun 2011, kontraktor sekali lagi mengemukakan rayuan agar tuntutan terhadap kerja membuang *'unsuitable material'* diberi pertimbangan sewajarnya oleh LPPB. Semakan Audit terhadap senarai kuantiti yang dibenarkan mendapati tiada nilai *'unsuitable material'* yang dipersetujui dalam dokumen kontrak. Lawatan Audit ke tapak projek bersama Pengurus Pembangunan, Jurutera dan Jurukur Bahan LPPB pada 6 Julai 2011 mendapati tapak projek berada dalam keadaan terbiar, ditumbuhi semak samun dan berair seperti di **Gambar 5.28** hingga **Gambar 5.29**.

Gambar 5.28
Tapak Projek Ditakung Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

Gambar 5.29
Tapak Projek Dalam Keadaan Semak Samun Dan Berair



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabatangan, Sandakan
Tarikh: 6 Julai 2011

d. Selain itu, sebanyak 3 arahan perubahan kerja telah ditandatangani oleh kontraktor pada 15 November 2010 setelah melebihi tempoh tarikh kerja patut siap dan menyebabkan nilai kontrak meningkat sejumlah RM0.53 juta iaitu daripada RM1.79 juta kepada RM2.32 juta seperti **Jadual 5.7**. LPPB menjelaskan melalui maklum balas bertarikh 14 November 2011 arahan perubahan kerja tersebut tidak akan melibatkan perubahan pada harga siling kontrak kerana projek ini belum siap sepenuhnya dan penutupan akaun projek belum dibuat. Bagaimanapun, LPPB telah menamatkan perkhidmatan kontraktor pada 19 Januari 2012.

Jadual 5.7
Arahan Perubahan Kerja Untuk Penyediaan Infrastruktur Kepada Syarikat Bina Makmur

Perkara	Tambahan (RM Juta)	Kurangan (RM Juta)	Nilai kontrak (RM Juta)
Nilai Kontrak asal	-	-	1.79
Arahan Perubahan Kerja 1	1.26	0.77	0.49
Arahan Perubahan Kerja 4	0.018	-	0.018
Arahan Perubahan Kerja 5	0.018	-	0.018
Jumlah			**2.32**

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan di 5 projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru Sindumin dan Pekan Baru Kota Kinabatangan adalah memuaskan kerana infrastruktur asas telah siap namun pembinaan bangunan komersil belum dibuat. Penyenggaraan di tapak projek juga tidak dibuat kerana peruntukan yang disediakan tidak mencukupi. Selain itu, satu projek di Pekan Baru Kinabatangan masih belum siap kerana LPPB lewat mengambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan projek mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan terhadap 4 sampel Pekan Baru dalam laporan ini tidak berulang, adalah disyorkan supaya LPPB memberi perhatian terhadap pelaksanaan projek infrastruktur asas di Pekan Baru yang lain dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

5.5.1. LPPB perlu mengutamakan pelaksanaan projek infrastruktur di kawasan yang bebas daripada sebarang halangan.

5.5.2. Kemudahan infrastruktur yang telah siap dibina sama ada untuk pembinaan bangunan komersil, perumahan, gerai dan sebagainya perlu dimanfaatkan supaya pembangunan di Pekan Baru boleh dinikmati oleh masyarakat setempat.

5.5.3. Mengadakan pakatan strategik bersama agensi lain untuk menarik minat pihak swasta membina bangunan di kawasan yang telah disediakan kemudahan infrastruktur asas dengan segera.

5.5.4. Kos penyenggaraan projek penyediaan infrastruktur asas di Pekan Baru perlu disediakan untuk memanjangkan usia penggunaan, memberi perlindungan dari sebarang pencerobohan/bencana yang mungkin timbul, meminimakan kos projek dan mempertingkatkan imej LPPB di mata masyarakat. Sehubungan itu, KKTP perlu mempertimbangkan tambahan peruntukan penyenggaraan.

5.5.5. LPPB perlu meningkatkan pemantauan terhadap setiap kerja yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik untuk memastikan pelaksanaan kerja adalah mematuhi syarat kontrak.

MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN
MAJLIS DAERAH BEAUFORT

6. PROGRAM KERJA NAIK TARAF BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR PBT

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Secara umumnya, objektif penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk serta merancang pembangunan bagi mewujudkan perbandaran yang sesuai dan teratur supaya penduduk dapat menikmati kemudahan yang disediakan dengan selamat dan selesa. Bagi menilai pencapaian terhadap objektif tersebut, dua Majlis telah dipilih sebagai sampel iaitu Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort. Majlis berkenaan juga bertanggungjawab merancang pembangunan, mengawal dan mentadbir urusan-urusan pembinaan, naik taraf dan menyenggara bangunan serta infrastruktur bagi kemudahan penduduk seperti dewan serbaguna, padang permainan, parit utama, longkang, jeti, pasar, lampu jalan dan jalan raya.

6.1.2. Bagi tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 494 projek pembinaan, kerja naik taraf serta senggaraan bangunan dan infrastruktur dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort dengan kos RM53.41 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Projek Yang Dilaksana Pada Tahun 2009 Hingga 2011

Majlis	Tahun	Bilangan Projek			Jumlah Projek	Nilai Projek (RM Juta)
		Persekutuan	Negeri	Majlis		
MPS	2009	26	13	-	39	5.92
	2010	37	36	-	73	19.03
	2011	24	13	-	37	12.61
MDB	2009	61	4	2	67	4.90
	2010	167	2	41	210	9.76
	2011	2	-	66	68	1.19
Jumlah		**317**	**68**	**109**	**494**	**53.41**

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort

6.1.3. Majlis memperoleh sumber kewangan daripada pembayar cukai kepada pihak Majlis serta peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembinaan, kerja naik taraf dan penyenggaraan bangunan serta infrastruktur. Jumlah peruntukan yang diperolehi oleh Majlis adalah seperti **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Peruntukan Yang Diperolehi Oleh Majlis Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Majlis	Tahun	Peruntukan			Jumlah (RM Juta)
		Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Majlis (RM Juta)	
MPS	2009	2.67	3.25	0	5.92
	2010	6.53	12.5	0	19.03
	2011	4.87	7.74	0	12.61
MDB	2009	4.43	0.61	0.40	5.44
	2010	8.72	0.26	0.88	9.86
	2011	0.55	0	0.65	1.20
Jumlah		**27.77**	**24.36**	**1.93**	**54.06**

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort

6.1.4. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 227 daripada 494 projek yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort adalah merupakan kerja naik taraf dengan kos RM26.21 juta atau 49.1% daripada keseluruhan kos projek yang dilaksanakan oleh kedua-dua Majlis bagi tempoh yang sama seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Kerja Naik Taraf Yang Dilaksana Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Majlis	Jenis Projek	Bilangan Projek (Mengikut Peruntukan)			Jumlah Kerja Naik Taraf	Nilai Projek (RM Juta)
			Persekutuan	Negeri	Majlis		
2009	MPS	Infrastruktur	15	7	-	22	3.26
		Bangunan	4	-	-	4	0.28
	MDB	Infrastruktur	20	1	-	21	1.67
		Bangunan	10	-	-	10	0.87
2010	MPS	Infrastruktur	24	18	-	42	10.41
		Bangunan	2	1	-	3	0.34
	MDB	Infrastruktur	91	1	8	100	5.22
		Bangunan	10	-	-	10	0.77
2011	MPS	Infrastruktur	3	1	-	4	1.63
		Bangunan	2	1	-	3	0.63
	MDB	Infrastruktur	-	-	4	4	0.68
		Bangunan	1	-	3	4	0.45
Jumlah			**182**	**30**	**15**	**227**	**26.21**

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan serta menepati matlamat yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2011. Sebanyak 34 kerja naik taraf telah dipilih

berasaskan kos projek yang tertinggi setiap tahun. Peringkat perlaksanaan, semakan dijalankan terhadap rekod dan dokumen berhubung kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur untuk projek yang terpilih. Tumpuan diberikan terhadap objektif projek, pengurusan projek/pihak yang terlibat dan peranan masing-masing, pelaksanaan dan pemantauan projek serta aspek kewangan. Lawatan tapak juga dijalankan bagi menentukan kerja-kerja telah dilaksanakan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan terhadap 15 kerja naik taraf di Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan 19 kerja naik taraf di Majlis Daerah Beaufort (MDB) yang melibatkan kos masing-masing berjumlah RM7.52 juta dan RM2.75 juta antara bulan Jun hingga September 2011 dan lawatan susulan pada bulan Mac 2012 mendapati, sebanyak 10 daripada 34 atau 29.4% kerja naik taraf mempunyai kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kerja dilaksana tidak mengikut perancangan.
- Kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi.
- Kualiti kerja tidak memuaskan.
- Sebahagian kerja tidak dilaksana.
- Infrastruktur yang dinaik taraf tidak digunakan.

6.4.1. Perancangan Kerja Naik Taraf

Proses pelantikan kontraktor adalah secara pemberian terus, sebut harga dan tender. Pada bulan November setiap tahun, Majlis dikehendaki menyediakan perancangan kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur bagi tujuan mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan pada tahun berikutnya. Perancangan yang disediakan pula hendaklah dikaji secara menyeluruh supaya tidak berlaku kerja naik taraf berulang bagi bangunan atau infrastruktur yang sama setiap tahun.

6.4.1.1. Projek Dilaksana Tiada Dalam Perancangan

a. Majlis Perbandaran Sandakan telah merancang untuk melaksanakan 24 kerja pada tahun 2009 hingga 2011. Manakala Majlis Daerah Beaufort merancang untuk melaksana 2 kerja pada tahun 2010. Bilangan kerja yang dirancang dan dilaksana adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Prestasi Projek Dilaksanakan

Majlis	Tahun	Bilangan Projek Dirancang	Projek Yang Dilaksanakan			Jumlah
			Mengikut Rancangan	Peratus	Tiada Dalam Rancangan	
MPS	2009	8	7	87.5	12	19
	2010	9	6	66.7	13	19
	2011	7	2	28.6	2	4
Jumlah		**24**	**15**	**62.5**	**27**	**42**
MDB	2009	*	*	*	*	-
	2010	2	2	100	108	110
	2011	*	*	*	*	-
Jumlah		**2**	**2**	**100**	**108**	**110**

Sumber: Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Beaufort
Nota: *Maklumat tidak dikemukakan

b. **Jadual 6.4** di atas menunjukkan, daripada 42 projek yang telah dilaksanakan oleh MPS sepanjang tahun 2009 hingga 2011 melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, 15 projek atau 62.5% adalah mengikut rancangan dan 27 projek tiada dalam rancangan. Manakala MDB telah melaksanakan 2 projek atau 100% sebagaimana dirancang, di samping melaksanakan 108 lagi projek yang tidak terdapat dalam rancangan pada tahun 2010.

c. Perkara ini berlaku kerana peruntukan yang diterima pada awal tahun daripada Kerajaan Persekutuan adalah terhad dan tidak dapat menampung keseluruhan projek yang dirancang. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Jun 2012 Majlis memaklumkan bahawa pihaknya telah menerima peruntukan pada pertengahan tahun, yang diluluskan bagi kerja-kerja yang telah ditentukan sahaja. Akibatnya kerja naik taraf yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan.

6.4.1.2. Pelaksanaan Projek Yang Berulang

a. Majlis hendaklah merancang kerja naik taraf sesuatu bangunan dan infrastruktur supaya tidak berlaku kerja naik taraf berulang bagi bangunan atau infrastruktur yang sama setiap tahun. Semakan dan lawatan Audit terhadap senarai projek yang diperolehi melalui kaedah sebut harga mendapati, berlaku kerja naik taraf yang berulang terhadap 3 bangunan pasar antara 2 hingga 3 kali dalam tahun yang sama atau dalam tempoh 2 tahun seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Kerja Naik Taraf Yang Berulang

Bangunan	Tahun Pelaksanaan	Kos Projek (RM)	Kerja Naik Taraf	Catatan
Pasar Sibuga Jaya Sandakan	2010	165,500	• Mengganti dan membaiki peralatan yang rosak.	Kerja naik taraf Pasar Sibuga Jaya dilaksanakan 2 kali dalam masa 2 tahun.
	2011	82,700	• Mengganti papan dan besi BRC yang telah rosak. • Mengganti perangkap minyak *stainless steel* yang hilang.	

Bangunan	Tahun Pelaksanaan	Kos Projek (RM)	Kerja Naik Taraf	Catatan
Pasar Ikan Pekan Beaufort	2009	47,400	• Kerja membekal dan memasang *wooden blind.* • Kerja membina R.C. tangga mengikut ukuran yang sedia ada untuk 5 bahagian bawah pintu *roller shutter*. • Kerja membekal dan memasang *roller shutter*.	Kerja naik taraf Pasar Ikan dilaksanakan 2 kali dalam masa 1 tahun.
		146,650	• Kerja membina dan menyiapkan bumbung tambahan. • Memasang *non slip tiles* (jubin). • Kerja membekal dan memasang *roller shutter*. • Membina R.C. tangga luar.	
Pasar Am Pekan Beaufort	2009	46,700	• Kerja mengganti 2 *sewage* paip. • Kerja memasang *non-slip tiles* (jubin). • Kerja memasang besi G.I. paip 1½ inci.	Kerja naik taraf Pasar Am dilaksanakan 3 kali dalam masa 2 tahun.
		53,150	• Kerja membaiki dan mengganti kerosakan lampu pasar. • Kerja membekal dan memasang *roller shutter door* .	
	2010	295,600	• Kerja *water proofing* untuk semua bahagian *R.C. Gutter, R.C. Canopy* dan *R.C. Flat roof*. • Membekal dan memasang *Colourbond roller shutter*. • Membaik pulih *sewerage system*.	

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Keadaan ini berlaku kerana pemeriksaan terhadap pasar-pasar berkenaan tidak dijalankan secara menyeluruh sebelum membuat perancangan kerja naik taraf. Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, MPS menjelaskan tahap kerosakan di Pasar Sibuga Jaya Sandakan pada tahun 2010 adalah berbeza dengan kerosakan pada tahun 2011. Dengan itu, peruntukan yang dipohon berdasarkan kerosakan semasa. Manakala kerja naik taraf Pasar Ikan dan Pasar Am Beaufort adalah melibatkan peruntukan khas yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja naik taraf bagi 3 buah pasar adalah kurang memuaskan kerana pemeriksaan tidak dijalankan secara menyeluruh sebelum memohon peruntukan. Kerja-kerja yang berulang ini mengakibatkan perolehan tidak ekonomi dan sepatutnya peruntukan tersebut boleh disalurkan kepada projek lain yang lebih memerlukan.

6.4.2. Pelaksanaan Projek

Objektif kerja naik taraf bangunan dan infrastruktur adalah untuk menyediakan kemudahan yang memberi keselesaan kepada penduduk setempat. Kontraktor yang dilantik, adalah bertanggungjawab melaksanakan kerja mengikut spesifikasi, berkualiti serta disiapkan pada masa yang ditetapkan. Majlis yang berkenaan pula bertanggungjawab menyelia kerja

kontraktor semasa pelaksanaannya. Pemeriksaan Audit mendapati, sebanyak 5 kerja naik taraf tidak dilaksanakan mengikut syarat kontrak seperti berikut:

6.4.2.1. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

a. Projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dari aspek saiz, jenis, bilangan dan kualiti yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Lawatan Audit mendapati, sebanyak 3 kerja naik taraf yang diperolehi melalui proses sebut harga di bawah seliaan MDB dengan kos berjumlah RM499,300 telah dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi. Kerja naik taraf yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Kerja Dilaksana Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Spesifikasi Ditetapkan	Penemuan
1.	Menaik Taraf Dan Membaiki Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort.	199,500	Membina parit simen berukuran 18" lebar x 200' panjang.	Parit simen dinaik taraf kurang 4" lebar dan 61' panjang.
2.	Menaik Taraf Pasar Ikan dan Pasar Am Pekan Beaufort.	199,800	• Pemasangan *non slip tiles* (jubin) di lantai dan tangga. • Pemasangan besi G.I. paip 1½ inci sepanjang 76 kaki.	• Jubin dipasang bukan dari jenis *non slip.* • Besi G.I paip 1½ inci hanya dipasang sepanjang 60 kaki.
3.	Menaik Taraf Titian Kg Anjal Padas Damit, Kg. Shah Bandar Padas Damit Dan Kg. Sungai Lama Padas Damit.	100,00	• Titian Kg, Anjal = 90' • Titian Kg. Shah Bandar = 60' • Titian Kg. Sungai Lama = 60'	• Kg, Anjal = 56'7" • Kg. Shah Bandar = 79' • Kg. Sungai Lama = 56'7" Beza keseluruhan kurang 17'10".

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kontraktor tidak mematuhi spesifikasi bagi kerja naik taraf Dewan Muhibbah Padas Damit, Pasar Ikan dan Pasar Am serta naik taraf titian adalah disebabkan kurang pemantauan oleh pihak MDB di mana hanya seorang Penolong Jurutera dan dibantu 2 orang pembantu tadbir yang mengurus dan memantau semua projek. Pemantauan menjadi lebih rumit di mana lokasi projek terletak lebih 25 km dari Majlis contohnya seperti Dewan Muhibbah Padas Damit dan titian di 3 kampung berkenaan.

c. Pengesahan terhadap kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian kerana bayaran telah dibuat sepenuhnya.

d. Majlis telah mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor mematuhi spesifikasi ditetapkan. Parit simen yang panjangnya kurang 61 kaki di Dewan Muhibah Padas Damit telah dibina sepanjang 112 kaki seperti **Gambar 6.1 dan Gambar 6.2**. Besi G.I *pipe* 1½ inci yang dipasang kurang 16 kaki di Pasar Am Pekan

Beaufort telah dipasang di lokasi yang ditetapkan seperti **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**. Manakala titian telah ditambah sepanjang 17'9" di Kg. Anjal seperti **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.8**. Namun jubin di Pasar Ikan tidak diganti kepada jenis *non slip* seperti **Gambar 6.9**.

Gambar 6.1
Parit Simen Yang Telah Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.2
Ukuran Panjang Parit 34 Meter (112 Kaki)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.3
Bahagian Yang Tidak Dipasang Besi G.I Paip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Am Pekan Beaufort
Tarikh: 13 September 2011

Gambar 6.4
Besi G.I. Yang Telah DiPasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Am Pekan Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.5
Satu Daripada 3 Titian Yang Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg Anjal Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 6.6
Ukuran Titian Kg. Anjal 56 Kaki 7 Inci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Anjal Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 6.7
Bahagian Titian Yang Dipanjangkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Titian Umum Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.8
Ukuran Titian Dipanjangkan 17 Kaki 9 Inci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Titian Umum Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012



Gambar 6.9
Jubin Di Pasang Bukan *Non-Slip Tiles*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ikan Pekan Beaufort
Tarikh: 13 September 2011

6.4.2.2. Kerja Tidak Berkualiti

a. Kontraktor yang dipertanggungjawabkan melaksanakan kerja naik taraf hendaklah menyempurnakan kerja dengan berkualiti. Lawatan Audit bersama Penolong Jurutera MDB telah dijalankan terhadap kerja naik taraf jalan di Taman Sri Panglima, Batu 2

Beaufort pada 13 September 2011. Kerja naik taraf ini diperolehi melalui proses sebut harga dengan kos RM298,556 dan telah siap pada tahun 2010. Hasil lawatan tersebut mendapati, kerja yang dilaksanakan adalah tidak kemas kerana jarak *strut* yang dipasang pada parit di tepi jalan tidak seragam iaitu antara 3 kaki hingga 6 kaki seperti **Gambar 6.10**.



Gambar 6.10
Jarak *Strut* Tidak Seragam

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sri Panglima
Tarikh: 13 September 2011

b. Ketiadaan garis panduan atau bahan rujukan bagi menyediakan Senarai Kuantiti adalah antara sebab pelaksanaan kerja kurang berkualiti. Senarai Kuantiti yang disediakan tidak menjelaskan bilangan dan jarak setiap *strut* yang perlu dipasang pada parit berkenaan. MDB menjelaskan arahan diberikan kepada kontraktor untuk memasang *strut* pada parit konkrit yang kritikal di lereng bukit jalan tersebut bagi tujuan mencegah keruntuhan tebing parit. Kerja tidak berkualiti dan tidak kemas ini memberi imej yang kurang baik kepada MDB.

6.4.2.3. Kerja Tidak Dilaksana

a. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor melaksanakan kerja sebagaimana ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Dua kerja naik taraf iaitu naik taraf Dewan Muhibbah Kg. Jimpangah, Beaufort dengan nilai projek berjumlah RM199,150 dan naik taraf Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort dengan nilai projek berjumlah RM199,500 telah dilaksanakan di bawah seliaan MDB. Semua kerja telah disahkan siap dan bayaran telah dibuat sepenuhnya. Antara kerja yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Kerja Tidak Dilaksana

Bil.	Projek	Arahan Kerja	Penemuan
1.	Menaik Taraf Dan Membaiki Dewan Muhibbah Kg. Jimpangah Beaufort.	• Mengganti keseluruhan atap Dewan dengan atap jenis spandex. • Mengganti 5 pintu dengan *solid door*.	• Atap di bahagian tandas tidak diganti. • Hanya 4 pintu daripada 5 pintu diganti dengan *solid door.*
2.	Menaik Taraf Dan Membaiki Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort.	• Membaiki tandas. • Mengganti 17 lampu kalimantang.	• Tandas tidak dibaiki. • Lampu kalimantang tidak diganti.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Lawatan Audit bersama Penolong Jurutera MDB pada bulan September 2011 mendapati, sebahagian daripada kerja tidak dilaksana oleh kontraktor sebagaimana ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, kontraktor telah diarahkan oleh pihak MDB untuk melaksanakan kerja berkenaan kecuali kerja membaiki tandas masih tidak dilaksana. Contoh kerja yang tidak dilaksana adalah seperti **Gambar 6.11** hingga **Gambar 6.18**.

Gambar 6.11
Atap Di Bahagian Tandas Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Kg. Jimpangah, Beaufort
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 6.12
Atap Di Bahagian Tandas Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Kg. Jimpangah, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.13
Lampu Kalimantang Yang Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 6.14
Lampu Kalimantang Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 6.15
Lampu Kalimantang Yang Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 6.16
Lampu Kalimantang Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Muhibbah Padas Damit, Beaufort
Tarikh: 22 Mac 2012

c. Perkara ini berlaku kerana pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak MDB ketika projek dilaksanakan oleh kontraktor. Kegagalan kontraktor melaksanakan kerja mengikut butiran kerja dalam Senarai Kuantiti menyebabkan penduduk atau pengguna tidak dapat memanfaatkan kemudahan tersebut dengan sewajarnya. Ini mengakibatkan Kerajaan menanggung kerugian kerana bayaran telah dibuat sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja adalah memuaskan kecuali pengesahan kerja siap bagi 2 projek dikeluarkan tanpa pemeriksaan yang rapi menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian terhadap bayaran yang telah dibuat.

6.4.3. Penggunaan Projek Selepas Naik Taraf

Tujuan kerja menaik taraf bangunan dan infrastruktur adalah bagi membolehkan ianya digunakan sepenuhnya, selamat dan selesa serta memberi faedah secara optimum. Lawatan Audit antara bulan Jun dan September 2011 mendapati, sebanyak 2 kerja menaik taraf tidak memberi faedah optimum dan tidak digunakan sepenuhnya seperti **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Bangunan Dan Infrastruktur Yang Di Naik Taraf Tidak Digunakan Sepenuhnya Dan Tidak Selamat Digunakan

Bil.	Projek	Penemuan
1.	Naik Taraf Parit Di Taman Fajar Perdana, Jalan Airport	Parit lama yang bersambung dengan parit yang dinaik taraf tidak dibersihkan.
2.	Naik Taraf Pasar Ikan Pekan Beaufort	Hanya 6 daripada 32 gerai disewa oleh peniaga.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.4.3.1. Kerja menaik taraf parit di Taman Fajar Perdana, Jalan Airport Batu 7, Sandakan yang diperolehi melalui proses sebut harga, telah disiapkan pada bulan Ogos 2010 melibatkan kos RM199,800. Lawatan Audit mendapati, kontraktor telah melaksanakan kerja dengan baik dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Bagaimanapun, parit tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerana parit sambungan tersumbat yang menyebabkan laluan air tersekat. Keadaan ini diakui oleh pegawai MPS seperti dalam borang pemeriksaan Audit. Syarikat konsesi yang bertanggungjawab membersihkan parit-parit di kawasan MPS telah diarah melaksanakan kerja pembersihan terhadap parit sambungan berkenaan dan laluan air telah lancar seperti **Gambar 6.17** hingga **Gambar 6.20**. Manakala Pasar Ikan Pekan Beaufort yang telah dinaik taraf sebanyak 2 kali pada tahun 2009 dengan kos masing-masing berjumlah RM199,800 dan RM47,400 didapati, hanya 6 daripada 32 meja gerai atau 18% digunakan oleh peniaga. Keadaan gerai ikan yang tidak digunakan sepenuhnya adalah seperti **Gambar 6.21**.

Gambar 6.17
Air Bertakung Walaupun Parit Telah Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Fajar Perdana, Sandakan
Tarikh: 14 Jun 2011

Gambar 6.18
Parit Lama Dipenuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Fajar Perdana, Sandakan
Tarikh: 14 Jun 2011

Gambar 6.19
Parit Lama Dipenuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Fajar Perdana, Sandakan
Tarikh: 14 Jun 2011

Gambar 6.20
Parit Lama Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Fajar Perdana, Sandakan
Tarikh: 13 Mac 2012



Gambar 6.21
Gerai Yang Terbiar Kosong

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ikan Pekan Beaufort
Tarikh: 13 September 2011

6.4.3.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, MPS menjelaskan bahawa kerja pembersihan parit adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi yang dilantik khusus untuk menyenggara sistem perparitan. Manakala gerai yang kosong di Pasar Ikan Pekan Beaufort, adalah disebabkan peniaga kurang berminat berniaga di bangunan pasar kerana terpaksa bersaing dengan peniaga di tepi jalan yang menawarkan harga ikan yang lebih murah. Di samping itu, bilangan tempat letak kereta yang terhad juga menyebabkan kurang sambutan daripada pembeli untuk mengunjungi pasar.

Pada pendapat Audit, penggunaan infrastruktur dan bangunan yang dinaik taraf kurang memuaskan kerana tidak dapat digunakan sepenuhnya dan tidak dapat memberi faedah yang optimum kepada orang ramai.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang di samping meningkatkan kualiti kerja menaik taraf, MPS dan MDB hendaklah memberi perhatian terhadap perkara berikut:

6.5.1. Kerja naik taraf terhadap bangunan dan infrastruktur yang telah dikenal pasti hendaklah dirancang secara menyeluruh supaya bangunan dan infrastruktur berkenaan menjadi lengkap serta memenuhi keperluan pengguna, selesa dan selamat digunakan.

6.5.2. Memeriksa bangunan dan infrastruktur yang di bawah tanggungjawab Majlis pada awal tahun untuk menentukan sama ada ianya perlu dinaik taraf atau tidak sebelum mengemukakan permohonan peruntukan pada bulan November setiap tahun.

6.5.3. Memantau kerja semasa pelaksanaan untuk menentukan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor adalah mengikut spesifikasi, berkualiti dan dilaksana dalam tempoh yang ditetapkan.

MAJLIS DAERAH KENINGAU
MAJLIS DAERAH RANAU
MAJLIS DAERAH SIPITANG

7. PENGURUSAN PEROLEHAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Ordinan dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan secara terus, sebut harga atau tender. PBT juga menerima aset yang dibeli dan dibekal terus oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Sabah (KKTP).

7.1.2. Pada tahun 2009 hingga 2011, Majlis Daerah Keningau (MDK), Majlis Daerah Ranau (MDR) dan Majlis Daerah Sipitang (MDS) telah melaksanakan sebanyak 270 perolehan kerja dan bekalan melibatkan sejumlah RM24.89 juta dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Dana Majlis. Bilangan perolehan mengikut kaedah pelaksanaan perolehan MDK, MDR dan MDS sepanjang tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Kaedah Perolehan MDK, MDR Dan MDS Bagi Tempoh 2009 Sehingga 2011

Kaedah	PBT	Bil. Perolehan Peruntukan			Jumlah (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)	Peratus (%)
		Persekutuan	Negeri	Majlis			
Pemberian Terus	MDK	20	4	1	1.66	5.54	22
	MDR	16	0	0	0.41		
	MDS	47	9	0	3.47		
Sebut Harga	MDK	54	0	0	6.39	18.10	73
	MDR	73	2	0	6.01		
	MDS	40	0	0	5.70		
Perolehan Dari KKTP	MDK	0	0	0	0.00	1.25	5
	MDR	0	4	0	1.25		
	MDS	0	0	0	0.00		
Jumlah		**250**	**19**	**1**	**24.89**	**24.89**	**100**

Sumber: Majlis Daerah Keningau, Majlis Daerah Ranau dan Majlis Daerah Sipitang

7.1.3. Sebanyak 73% perolehan kerja dan bekalan berjumlah RM18.10 juta adalah melalui sebut harga, manakala 22% perolehan kerja dan bekalan berjumlah RM5.54 juta adalah melalui pemberian terus. Perolehan dari KKTP mewakili 5% bernilai RM1.25 juta daripada keseluruhan perolehan kerja dan bekalan yang telah dilaksanakan bagi tempoh 2009 sehingga 2011.

7.1.4. Pengauditan Pengurusan Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pernah dijalankan di Majlis Daerah Kunak, Majlis Daerah Lahad Datu dan Majlis Daerah Semporna pada tahun 2010. Antara penemuan Audit yang dilaporkan ialah kerja tidak mengikut senarai kuantiti dan kerja siap tidak digunakan.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada MDK, MDR dan MDS melaksanakan pengurusan perolehan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan secara cekap dan ekonomi serta mencapai matlamat perolehan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap pengurusan perolehan adalah meliputi tahun 2009 hingga 2011 di MDK, MDR dan MDS. Saiz sampel pengauditan adalah 45 atau 17% daripada 270 perolehan yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga PBT tersebut berasaskan kos tertinggi dan kesesuaian projek. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen untuk setiap projek atau perolehan yang dipilih serta membuat analisis terhadap data. Lawatan fizikal ke tapak projek dan temu bual atau perbincangan dengan pegawai auditi turut dilakukan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

7.4.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 dan beberapa lawatan susulan terhadap pengurusan perolehan PBT di MDK, MDR dan MDS mendapati adalah baik dari segi pematuhan syarat sebut harga, pentadbiran sebut harga, pemantauan, penyeliaan projek/bekalan dan prestasi penyiapan projek. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek tidak disiapkan mengikut jadual.
- Spesifikasi kerja tidak dipatuhi.
- Kerja tidak berkualiti.
- Tapak berniaga siap disediakan tetapi tidak digunakan.

7.4.1.1. Prestasi Perolehan

a. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, MDK, MDR dan MDS telah menerima peruntukan berjumlah RM24.89 juta untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan.

Setakat bulan September 2011, prestasi penyiapan projek dan jumlah pembayaran kepada kontraktor adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Prestasi Perolehan MDK, MDR Dan MDS Bagi Tempoh 2009 Hingga September 2011

PBT	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah Sebenar Dibayar (RM Juta)	Peratusan Bayaran (%)	Prestasi Penyiapan Projek (%)
MDK	8.05	8.05	100	100
MDR	7.67	7.45	97	87
MDS	9.17	9.17	100	100
Jumlah	**24.89**	**24.67**	**99**	**96**

Sumber: Majlis Daerah Keningau, Majlis Daerah Ranau dan Majlis Daerah Sipitang

b. Perolehan kerja dan bekalan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan dalam perjanjian kontrak. Sebarang kelewatan menyiapkan projek perlu mendapat kelulusan lanjutan masa atau *extension of time* (EOT) daripada PBT. Lawatan Audit mendapati 2 daripada 45 perolehan kerja yang dilaksanakan gagal disiapkan mengikut jadual. Kedua-dua projek berkenaan adalah dibawah pengurusan MDR. Perkara ini disebabkan oleh kegagalan kontraktor mematuhi arahan pegawai MDR selain faktor keadaan cuaca yang tidak menentu. Ini menyebabkan kemudahan tidak dapat digunakan seperti yang dirancang. MDR dalam maklum balasnya bertarikh 17 November 2011 menyatakan bahawa kedua-dua kerja tersebut telah disiapkan oleh kontraktor dengan dikenakan denda kelewatan (L.A.D) berjumlah RM4,950. Selain itu, jumlah tuntutan pihak kontraktor juga telah dikurangkan sejumlah RM19,161 kerana kerja dilaksanakan tidak mengikut senarai kuantiti seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Perolehan Kerja Tidak Disiapkan Mengikut Jadual

Nama Projek	Tarikh				Bil. Hari Lewat	Denda (L.A.D) (RM)	Tuntutan Kontraktor Dikurangkan (RM)
	Mula	Sepatut Siap	Penyiapan Baru	Siap			
Projek Pembinaan Parit Konkrit Bertetulang Di Belakang Bangunan Kedai Pekan Kundasang, Ranau (RM88,490)	13.4.11	8.6.11	13.7.11	24.10.11	104	2,600	10,110
Projek Menaik Taraf Kawasan Letak Kenderaan Di Hadapan Masjid Pekan, Ranau (RM127,460)	13.4.11	8.6.11	21.7.11	24.10.11	94	2,350	9,051
Jumlah						**4,950**	**19,161**

Sumber: Majlis Daerah Ranau

Pada pendapat Audit, prestasi perolehan di MDK, MDR dan MDS adalah memuaskan.

7.4.1.2. Pelaksanaan Perolehan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 173.1, pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan, sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Peraturan Kewangan Kerajaan Negeri Sabah membenarkan perolehan tidak melebihi RM20,000 bagi pembiayaan Negeri dilaksanakan melalui perolehan terus dengan menggunakan Pesanan Pembelian Tempatan atau Perintah Kerja Am. Semakan Audit mendapati syarat dan peraturan semasa proses perolehan kerja dan bekalan dilaksanakan telah dipatuhi oleh MDK, MDR dan MDS. Bagaimanapun, kelemahan-kelemahan berikut telah dikenal pasti.

a. Spesifikasi Kerja Tidak Dipatuhi

i. Pelaksanaan kontrak hendaklah mengikut spesifikasi kerja dalam Senarai Kuantiti yang telah ditetapkan. Bagi perolehan kerja bernilai RM200,000 dan ke bawah, sebarang perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja Tanpa Perubahan Kos (V.O) PBT. Manakala bagi perolehan kerja bernilai RM200,000 ke atas, sebarang perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP). Semakan Audit mendapati 5 daripada 45 perolehan kerja yang dilaksanakan secara sebut harga bernilai RM1.12 juta atau 18% daripada RM6.10 juta tidak mengikut spesifikasi kerja seperti yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Pengesahan siap kerja telah dibuat oleh oleh Penolong Jurutera dan Pegawai Eksekutif. Semakan lanjut turut mendapati bayaran kepada kontraktor telah dibuat. Lawatan Audit bersama Penolong Jurutera dan Pegawai Eksekutif agensi pelaksana ke Daerah Keningau, Ranau dan Sipitang telah dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 dan hasil lawatan tersebut adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Perolehan Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kos Terlibat (RM)	Keadaan Fizikal
1.	Projek Membina Jalan Tembus Di Belakang Kawasan Tamu, Sipitang.	287,950	Membekal dan membina penghadang besi sepanjang parit belakang gerai kraftangan dengan besi paip 75mm setinggi 1.0 meter dan dicat warna kuning.	30 unit	8,400	Tidak dipasang seperti di **Gambar 7.1**.
2.	Projek Menaik Taraf Kawasan Lapang Di Pusat Riadah, Sipitang.	289,550	Membekal dan menyiapkan penutup parit besi menggunakan *frame* 2mm *angle bar*, lintang Y16 dan satu (1) lapis *flat bar* 50mm x 2mm bersaiz 1.8m x 600mm.	100	40,000	Sebahagian penutup parit dibina menggunakan konkrit seperti di **Gambar 7.3**.

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kos Terlibat (RM)	Keadaan Fizikal
			Kerja-kerja menyiapkan *road line marking & parking line*.	*Lump sum*	6,000	Kerja-kerja membuat *road line marking and parking line* seperti di **Gambar 7.4** tidak dibuat tetapi telah diperaku siap.
3.	Projek Menaik Taraf Jalan Dan Membina Kawasan Letak Kereta Di Belakang Kedai LPPB 2C, Sipitang.	194,700	Membina dan menyiapkan c*oncrete triangle road island*.	*Lump Sum*	5,000	Pengubahsuaian pembinaan *concrete triangle road island* kepada binaan bahu jalan seperti di **Gambar 7.6**.
4.	Projek Menaik Taraf Kawasan Tamu Pekan Mesapol, Sipitang.	146,700	Membekal dan memasang *stainless steel guard rail* 75mm sepanjang tepi tamu yang menghadap jalan dan parit.	15	6,900	4 unit rel penghadang yang dibekalkan tidak dipasang di bahagian hadapan tapak tamu Pekan Mesapol seperti di **Gambar 7.7**.
5.	Projek Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki Di Jalan OKK Sodomon, Keningau	199,000	Pembinaan semula laluan pejalan kaki sepanjang 300 meter.	300 meter	143,400	Panjang laluan pejalan kaki kurang 62 meter seperti di **Gambar 7.9**.
			Pembinaan *drainage slot* berukuran 200mm diameter.	50 unit	16,375	Bilangan *drainage slot* yang dibina kurang 20 unit seperti di **Gambar 7.10**.
			Pembinaan *Kerb Cast* tiada dalam Senarai Kuantiti.	-	-	*Kerb Cast* laluan pejalan kaki sepanjang 216.10 meter telah dibina tanpa kelulusan Arahan Perubahan Kerja daripada pihak KKTP seperti di **Gambar 7.11**.

Sumber: Majlis Daerah Keningau dan Majlis Daerah Sipitang

ii. Analisis Audit mendapati masalah ketidakpatuhan terhadap spesifikasi kerja ini disebabkan kelemahan pemantauan yang berterusan terhadap kerja kontraktor oleh agensi pelaksana. Pihak Audit mendapati tidak ada rekod yang menunjukkan bukti penyeliaan terhadap kerja kontraktor seperti laporan pemeriksaan atau arahan bertulis kepada kontraktor mengenai kerja yang tidak mematuhi spesifikasi. Keadaan ini merugikan pihak Kerajaan kerana bayaran telah dijelaskan terhadap kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.

iii. Selepas teguran Audit, MDK dan MDS telah mengarahkan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi seperti di **Gambar 7.2**, **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.8**. Selain itu, berdasarkan maklum balas pihak MDK bertarikh 15 November 2011 dan MDS bertarikh 17 November 2011 telah membuat pengiraan semula kos dan kelulusan untuk perubahan kerja yang terlibat telah diperolehi daripada KKTP.



Gambar 7.1
Penghadang Besi Tidak Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Gerai Kraftangan Kawasan Tamu, Sipitang
Tarikh: 27 September 2011

Gambar 7.2
Penghadang Besi Yang Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Gerai Kraftangan Kawasan Tamu, Sipitang
Tarikh: 11 Januari 2012



Gambar 7.3
Penutup Parit Dibina Menggunakan Konkrit (Tidak Mengikut Spesifikasi Kerja)

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Lapang Pusat Riadah, Sipitang
Tarikh: 15 Jun 2011

Gambar 7.4
Kerja Membuat *Road Line Marking And Parking Line* Tidak Dilaksanakan

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Lapang Pusat Riadah, Sipitang
Tarikh: 15 Jun 2011

Gambar 7.5
Kerja Membuat *Road Line Marking And Parking Line* Telah Dilaksanakan

Selepas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Lapang Pusat Riadah, Sipitang
Tarikh: 11 Januari 2012

Gambar 7.6
Pembinaan *Concrete Triangle Road Island* Diubah Kepada Binaan Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Belakang Kedai LPPB 2C, Sipitang
Tarikh: 16 Jun 2011

Gambar 7.7
Bahagian Hadapan Tapak Tamu Tidak Dipasang Dengan Rel Penghadang

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Tamu Mesapol, Sipitang
Tarikh: 16 Jun 2011

Gambar 7.8
Rel Penghadang Telah Dipasang

Selepas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Tamu Mesapol, Sipitang
Tarikh: 11 Januari 2012



Gambar 7.9
Panjang Laluan Pejalan Kaki Kurang 62 Meter

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Jalan OKK Sodomon, Keningau
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 7.10
Bilangan *Drainage Slot* Dibina Kurang 20 Unit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Jalan OKK Sodomon, Keningau
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 7.11
Pembinaan *Kerb Cast* Laluan Pejalan Kaki Tiada Dalam Senarai Kuantiti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Pejalan Kaki Di Jalan OKK Sodomon, Keningau
Tarikh: 16 Ogos 2011

7.4.1.3. Penggunaan

Lawatan Audit ke Daerah Keningau, Ranau dan Sipitang antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati 2 daripada 45 perolehan kerja dan bekalan yang siap dilaksanakan tidak digunakan. Keadaan ini berlaku disebabkan kajian awal di peringkat

perancangan tidak dijalankan terhadap kesesuaian tapak. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

a. Projek Pembinaan Tapak Tamu Malamam, Sipitang

Projek Pembinaan Tapak Tamu Malamam, Sipitang merupakan projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Sabah bernilai RM85,000. Projek dimulakan pada 20 Oktober 2009 dan siap sepenuhnya pada 2 Disember 2009. Lawatan Audit bersama Pegawai Eksekutif dan Penolong Jurutera MDS pada 27 September 2011 ke Tapak Tamu Malamam mendapati kawasan tapak tamu terbiar dan tidak digunakan seperti di **Gambar 7.12**. Berdasarkan maklumat yang diperolehi,Tapak Tamu Malamam ini terbiar dan tidak digunakan kerana tidak mendapat sambutan dari peniaga disebabkan kurangnya pembeli walaupun MDS telah berusaha mempromosikan dan menghebahkan operasi Tamu Mingguan Pekan Malamam kepada peniaga dan orang ramai sekitar Daerah Tenom dan Lawas di Negeri Sarawak. Sehubungan itu, berdasarkan maklum balas bertarikh 17 November 2011, MDS memaklumkan telah mengemukakan cadangan kepada KKTP untuk membina 2 buah gerai di tapak tersebut pada tahun 2012. Cadangan pembinaan gerai tersebut dibuat memandangkan tapak tersebut merupakan tempat persinggahan (*rest and relax/R&R*) bagi pengguna laluan jalan raya antara Daerah Tenom – Sipitang – Lawas (Sarawak) – Negara Brunei. Setakat tarikh 28 Jun 2012, cadangan pembinaan 2 buah gerai telah diluluskan dan dalam proses pembinaan oleh MDS.



Gambar 7.12
Tapak Tamu Malamam Terbiar Dan Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Tamu Malamam, Sipitang
Tarikh: 27 September 2011

b. Projek Menaik Taraf Pusat Pengumpulan Sampah, Keningau

Projek Menaik Taraf Pusat Pengumpulan Sampah sekitar Pekan Keningau merupakan projek yang dibuat secara sebut harga bernilai RM200,000. Projek dimulakan pada 20 Julai 2010 dan siap sepenuhnya pada 25 Ogos 2010. Bayaran terhadap kontraktor telah dibuat pada 4 Oktober 2010. Lawatan Audit bersama Jurutera MDK pada 5 Oktober 2011 ke lokasi pusat pengumpulan sampah yang dinaik taraf mendapati, sebuah pusat pengumpulan sampah yang sedia ada di Taman Tun Mahathir, Keningau bernilai RM23,500 seperti di

Gambar 7.13 telah dirobohkan oleh pihak MDK seperti di **Gambar 7.14** dan **Gambar 7.15**. Semakan Audit mendapati tiada kelulusan diperolehi daripada pihak KKTP sebelum pusat pengumpulan sampah tersebut dirobohkan. Pihak MDK menjelaskan melalui maklum balas bertarikh 15 November 2011 bahawa tindakan meroboh pusat pengumpulan sampah tersebut terpaksa diambil bagi mematuhi arahan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah kerana mendapat bantahan daripada Jabatan Muzium Sabah yang terletak berhampiran pusat tersebut.



Gambar 7.13
Pusat Pengumpulan Sampah Siap Dinaik Taraf

Sumber: Majlis Daerah Keningau
Lokasi: Taman Tun Mahathir, Keningau
Tarikh: 6 Disember 2010

Gambar 7.14
Kerja Merobohkan Pusat Pengumpulan Sampah Sedang Dijalankan



Sumber: Majlis Daerah Keningau
Lokasi: Taman Tun Mahathir, Keningau
Tarikh: 6 Disember 2010

Gambar 7.15
Tapak Pusat Pengumpulan Sampah Yang Telah Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tun Mahathir, Keningau
Tarikh: 5 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, kerja dan bekalan yang dilaksanakan di MDK, MDR dan MDS adalah memuaskan kecuali 2 perolehan kerja iaitu kajian awal terhadap kesesuaian tapak tidak dibuat menyebabkan ianya tidak digunakan dan merugikan kerajaan.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan perolehan yang lain, adalah disyorkan supaya PBT mengambil tindakan berikut:

7.5.1. Meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja pembinaan dan perolehan yang dilaksanakan, mengambil tindakan menyenarai hitam kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak, membuat pengiraan semula kos terlibat, mendapatkan kelulusan KKTP bagi perubahan kerja yang dibuat dan membuat pemeriksaan terperinci serta pengukuran fizikal untuk setiap kerja atau projek siap sebelum mengeluarkan Sijil Pengesahan Siap Praktikal.

7.5.2. Mengarahkan kontraktor melakukan kerja membaik pulih kerosakan bagi perolehan kerja atau projek yang masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

7.5.3. Membuat kajian awal di peringkat perancangan mengenai kesesuaian tapak projek bagi mengelakkan kerugian di pihak kerajaan.

8. PENGURUSAN PENYENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi bersama serta menjadi tumpuan masyarakat setempat dan sekitarnya. Kemudahan awam tersebut ialah projek-projek kemudahan masyarakat yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti dewan serbaguna, taman permainan, tandas awam, pondok menunggu bas/teksi, parit, jeti, pasar, lampu jalan dan laluan pejalan kaki untuk kegunaan awam.

8.1.2. Objektif penyenggaraan terhadap kemudahan awam yang dibina adalah memastikan keperluan asas di dalam sesebuah taman atau kawasan penempatan sesuai dan selesa untuk kegunaan masyarakat menjalankan kegiatan dan fungsi sosial khususnya dalam membentuk kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, harmoni, maju, dinamik dan progresif.

8.1.3. Secara keseluruhannya, penyenggaraan PBT adalah tertakluk kepada Akta, Ordinan dan Arahan Tetap Pihak Berkuasa Tempatan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Penyenggaraan dilaksanakan mengikut perancangan program penyenggaraan dan aduan awam melalui kaedah perolehan seperti pemberian terus, sebut harga dan tender dari KKTP.

8.1.4. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, Majlis Daerah Beaufort (MDB), Majlis Daerah Kota Belud (MDKB) dan Lembaga Bandaran Kudat (LBK) telah melaksanakan sebanyak 123 kerja penyenggaraan dengan menggunakan kaedah perolehan secara pemberian terus dan sebut harga seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kaedah Perolehan Penyenggaraan Kemudahan Awam PBT Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Kaedah	PBT	Bil. Penyenggaraan			Jumlah (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)	Peratus (%)
			Persekutuan	Negeri	Majlis			
1.	Pemberian Terus	MDB	7	2	9	0.85	2.99	39
		MDKB	0	4	0	0.60		
		LBK	42	3	0	1.54		
2.	Sebut Harga	MDB	4	2	7	0.56	4.67	61
		MDKB	10	2	0	1.73		
		LBK	23	0	8	2.38		
Jumlah			**86**	**13**	**24**	**7.66**	**7.66**	**100**

Sumber: MDB, MDKB Dan LBK

8.1.5. Sepanjang tempoh 2009 hingga 2011, penyenggaraan kemudahan awam dibuat melalui kaedah pemberian terus berjumlah RM2.99 juta dan kaedah sebut harga berjumlah RM4.67 juta.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan kemudahan awam PBT diuruskan dengan cekap, teratur dan berkesan untuk keselesaan orang awam.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kerja penyenggaraan kemudahan awam yang dilaksanakan oleh MDB, MDKB dan LBK bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan serta membuat analisis/perbandingan terhadap data dan borang soal selidik pelanggan. Lawatan Audit yang dilaksanakan adalah berdasarkan pemilihan sampel sebanyak 52% iaitu 64 daripada 123 senarai kerja penyenggaraan. Selain itu, lawatan ke atas 60 kemudahan awam sedia ada dijalankan bagi memeriksa keadaan fizikalnya. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta orang awam juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas terhadap program/aktiviti penyenggaraan kemudahan awam yang dilaksanakan.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 dan beberapa lawatan susulan terhadap pengurusan penyenggaraan kemudahan awam oleh 3 PBT yang dipilih adalah memuaskan iaitu sebanyak 58% berdasarkan analisis Audit terhadap 3 kriteria yang diaudit. Analisis tersebut terdiri daripada prestasi penyenggaraan, maklum balas orang awam dan kualiti kerja penyenggaraan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Program penyenggaraan tidak disediakan.

- Kerja penyenggaraan tidak mengikut spesifikasi serta tidak berkualiti.

8.4.1. Prestasi Penyenggaraan

8.4.1.1. PBT perlu mengawal dan menjaga kemudahan awam bagi memastikan ianya berfungsi, selesa dan selamat digunakan oleh orang awam. Sehubungan itu, program penyenggaraan bagi kemudahan awam perlu disediakan secara rutin dan berjadual untuk memastikan keadaan fizikalnya sentiasa berada dalam keadaan baik. Pemeriksaan Audit terhadap fail-fail projek dan anggaran belanjawan mendapati peruntukan bagi tujuan penyenggaraan kemudahan awam ada disediakan. Sejumlah RM7.66 juta telah

dibelanjakan untuk 123 kerja penyenggaraan kemudahan awam di PBT yang dipilih bagi tempoh 2009 hingga 2011. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Prestasi Pengurusan Penyenggaraan Kemudahan Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	PBT	Tahun	Bil. Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	MDB	2009	13	0.93	0.93	1.41	18.4
		2010	10	0.36	0.36		
		2011	8	0.12	0.12		
2.	MDKB	2009	6	0.68	0.68	2.33	30.4
		2010	6	1.05	1.05		
		2011	4	0.60	0.60		
3.	LBK	2009	29	1.16	1.16	3.92	51.2
		2010	46	2.66	2.66		
		2011	1	0.10	0.10		
Jumlah			**123**	**7.66**	**7.66**	**7.66**	**100**

Sumber: MDB, MDKB Dan LBK

8.4.1.2. Analisis Audit terhadap prestasi penyenggaraan kemudahan awam di 3 PBT yang dipilih mendapati LBK telah membelanjakan sejumlah RM3.92 juta atau sebanyak 51.2%. Manakala MDKB dan MDB masing-masing membelanjakan RM2.33 juta atau 30.4% dan RM1.41 juta atau 18.4% daripada jumlah keseluruhan penyenggaraan yang telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga PBT.

8.4.1.3. Adalah didapati ketiga-tiga PBT tidak menyediakan Program Penyenggaraan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan dibelanja seperti dirancang kerana penyenggaraan dilaksanakan secara *ad-hoc*. Lawatan Audit antara bulan Jun hingga September 2011 dan beberapa lawatan susulan ke PBT yang dipilih mendapati kemudahan awam yang disediakan mengalami kerosakan dan tidak selesa digunakan kerana tidak disenggara secara rutin dan berjadual. Ini adalah disebabkan PBT tidak menyediakan garis panduan berkaitan keperluan penyediaan Program Penyenggaraan kemudahan awam bagi memastikan kemudahan awam disenggara secara teratur. Impaknya, kemudahan awam tidak selesa dan tidak selamat digunakan oleh orang awam. Butiran lanjut hasil pemeriksaan Audit terhadap kemudahan awam berdasarkan peratusan keadaan fizikal adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Keadaan Fizikal Kemudahan Awam

Bil.	PBT	Bil. Kemudahan Awam Yang Dilawati	Keadaan Fizikal		Peratus (%)	
			Memuaskan	Tidak Memuaskan	Memuaskan	Tidak Memuaskan
1.	MDB	42	15	27	35.7	64.3
2.	MDKB	35	7	28	20.0	80.0
3.	LBK	47	15	32	32.0	68.0
Jumlah		**124**	**37**	**87**	**29.2**	**70.8**

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.1.4. Pemeriksaan fizikal Audit di daerah Beaufort, Kota Belud dan Kudat masing-masing mendapati sebanyak 64.3%, 80% dan 68% adalah tidak memuaskan dan memerlukan penyenggaraan daripada pihak PBT. Secara keseluruhannya, keadaan fizikal kemudahan awam bagi 3 PBT adalah tidak memuaskan kerana sebanyak 87 daripada 124 atau 70.8% keadaan fizikal kemudahan awam yang dilawati mengalami kerosakan, kotor dan terbiar.

8.4.1.5. Kemudahan awam yang disediakan perlu disenggara mengikut jadual dan keutamaan diberikan kepada kemudahan awam yang rosak. Hasil lawatan Audit bersama Penolong Jurutera PBT pada bulan Jun hingga September 2011 mendapati 6 jenis kemudahan awam perlu segera disenggara disebabkan tiada program penyenggaraan yang dirancang. Lawatan susulan Audit pada 5 hingga 9 Mac 2012 mendapati, keadaan kemudahan awam tersebut telah disenggara selepas teguran Audit kecuali Pasar Awam MDKB dan Dewan Serbaguna LBK adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Keadaan Kemudahan Awam Sebelum Dan Selepas Teguran Audit

Bil.	Jenis Kemudahan Awam	Keadaan Fizikal	
		Sebelum	Selepas
MDB			
1.	Parit / *Mainhole*	Tersumbat dan penutup parit pecah seperti di **Gambar 8.1** dan **Gambar 8.3**.	Telah dibersihkan seperti di **Gambar 8.2**. Manakala parit telah dibaiki seperti di **Gambar 8.4**.
2.	Tandas	Sinki pecah dan tandas dipenuhi semak samun seperti di **Gambar 8.5**, **Gambar 8.7**.	Sinki telah dibaiki dan semak samun telah dibersihkan seperti di **Gambar 8.6** dan **Gambar 8.8**.
3.	Laluan Pejalan Kaki	Rosak seperti di **Gambar 8.9**.	Kerosakan telah dibaiki seperti di **Gambar 8.10**.
MDKB			
4.	Pasar Awam	Pasar kotor disebabkan najis burung seperti di **Gambar 8.11** dan **Keratan Akhbar 8.1**.	Tiada perubahan.
5.	Tandas	Rosak dan tidak berfungsi akibat kebakaran seperti di **Gambar 8.12** dan **Gambar 8.14**.	Telah dibaiki seperti di **Gambar 8.13** dan **Gambar 8.15**.
LBK			
6.	Dewan Serbaguna	Dewan rosak dan membahayakan orang awam seperti di **Gambar 8.16**.	Tiada perubahan.
7.	Taman Awam	Laluan masuk ke Taman Permainan dipenuhi semak samun seperti di **Gambar 8.17**.	Laluan masuk ke Taman Permainan telah dibersihkan seperti di **Gambar 8.18**.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 8.1
Parit Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok C Kedai Lama Membakut
Tarikh: 17 Jun 2011

Gambar 8.2
Parit Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok C Kedai Lama Membakut
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 8.3
Penutup Parit Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Beaufort Jaya
Tarikh: 13 September 2011

Gambar 8.4
Parit Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Beaufort Jaya
Tarikh: 9 Mac 2012

Gambar 8.5
Sinki Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Beaufort
Tarikh: 21 Jun 2011

Gambar 8.6
Sinki Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Beaufort
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 8.7
Kawasan Luar Tandas Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Lama Membakut
Tarikh: 17 Jun 2011

Gambar 8.8
Semak Samun Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Lama Membakut
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 8.9
Laluan Pejalan Kaki Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Beaufort
Tarikh: 15 September 2011

Gambar 8.10
Laluan Pejalan Kaki Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Beaufort
Tarikh: 13 Mac 2012



Gambar 8.11
Pasar Awam Kotor Dengan Najis Burung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Kota Belud
Tarikh: 13 September 2011

Keratan Akhbar 8.1
Pasar Kota Belud Dipenuhi Dengan Najis Burung
(Borneo Post Bertarikh 1 Oktober 2011)



A10 THE BORNEO POST Saturday, October 1, 2011 HOME

KB market bombarded with bird droppings

KOTA BELUD: Like the Gaya Street in Kota Kinabalu, the market here has been heavily bombarded with droppings of swallows that have turned the building into their habitat.

Kota Kinabalu member of parliament Hiew King Cheu and DAP Sabah vice chairman Edward Ewol Mujin, who responded to complaints about the problem, found to their surprise the stalls covered with piles of bird droppings. It is bird shit everyday, and the people are having a tough time keeping the market clean and avoiding being hit by the droppings, Hiew said.

The stallholders use cardboards, plastic sheets and whatever they can get hold of to protect their goods from the droppings, he said.

"Even with that kind of precaution, they are still being hit by the bird droppings," he added.

The foul smell and filth aside, the traders and customers are worried that the bird droppings may cause a disease outbreak, he said, adding that an increasing number of customers are avoiding the market and the traders are losing business.

In view of this, Hiew said he will ask the district office to rid the market of the birds and clean up the place. This can be easily done by engaging the service of a pest control company, and there are ways to stop the birds from returning and nesting at the market, he said.

"It is a pity that no action has been taken to protect the people here from the nuisance and inconvenience caused by these birds.

"The three local state assemblymen and the member of parliament did not do anything about it, and this is very unusual," he said.

"It looks as if they have never been to the market. DAP was told by the people here that these people's representatives just don't care, and they only come here when they need votes and support."

Hiew said the situation at the market is getting serious as the birds are multiplying at a fast rate.

"Something has to be done and we don't want to see some health problems appearing and the hawkers losing their business altogether," he said.

The stalls at Kota Belud market under heavy "bombardment" of droppings from swallows nesting on the ceiling.

Gambar 8.12
Siling Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Taman Tun Said, Kota Belud
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 8.13
Siling Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Taman Tun Said, Kota Belud
Tarikh: 7 Mac 2012

Gambar 8.14
Sisa Runtuhan Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Taman Tun Said, Kota Belud
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 8.15
Sisa Runtuhan Siling Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Taman Tun Said, Kota Belud
Tarikh: 7 Mac 2012

8.4.1.6. Berdasarkan ulasan pihak MDKB terhadap penemuan Audit melalui maklum balas bertarikh 18 November 2011, kesan kotoran disebabkan najis burung merupakan isu lama yang masih belum dapat diatasi. Pihak MDKB dalam proses mendapatkan bantuan khidmat nasihat daripada Jabatan Hidupan Liar. Selepas daripada teguran Audit, LBK pula telah mendapat kelulusan peruntukan tahun 2012 daripada Kerajaan Persekutuan bagi kerja-kerja pembaikan Dewan Serbaguna Tanjung Kapur pada 28 Februari 2012. Bagaimanapun, semasa lawatan susulan Audit bersama dengan Penolong Jurutera LBK pada 6 Mac 2012 mendapati, kerosakan siling di Dewan Serbaguna Sikuati masih belum dibaiki.

Gambar 8.16
Dewan Yang Rosak Masih Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serbaguna Kg. Tg.Kapor, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.17
Laluan Masuk Penuh Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Permainan Taman Ehsan, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.18
Laluan Masuk Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Permainan Taman Ehsan, Kudat
Tarikh: 6 Mac 2012

Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan kemudahan awam adalah tidak memuaskan kerana ketiga-tiga PBT yang dipilih tidak mempunyai program penyenggaraan bagi memastikan penyenggaraan dilaksanakan secara berterusan dan berkala.

8.4.2. Maklum Balas Orang Awam

8.4.2.1. Maklum balas orang awam adalah penting untuk mendapatkan pandangan berkaitan tahap kepuasan penggunaan kemudahan awam yang disediakan oleh PBT. Pihak Audit telah mengedarkan 70 borang soal selidik kepada orang awam untuk mendapatkan gambaran tahap kepuasan terhadap kemudahan awam yang disediakan di PBT yang dipilih. Pihak Audit telah menetapkan 6 kriteria soal selidik sebagai penilaian dengan skala 1 bagi Tidak Berpuas Hati, 2 bagi Berpuas Hati dan 3 bagi Amat Berpuas Hati seperti dalam **Jadual 8.5** dan **Carta 8.1**.

Jadual 8.5
Soal Selidik Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Kemudahan Awam

Bil.	Kriteria	Skor Maklum Balas		
		1	2	3
1.	Adakah anda berpuas hati dengan kemudahan awam yang disediakan oleh PBT?	28	40	2
2.	Adakah anda berpuas hati dengan keadaan kemudahan yang disediakan?	38	29	3
3.	Adakah anda berpuas hati dengan tahap keselamatan kemudahan yang disediakan?	22	45	3
4.	Adakah anda berpuas hati dengan penyenggaraan kemudahan awam yang dilakukan?	36	30	4
5.	Adakah anda berpuas hati dengan lokasi kemudahan awam yang disediakan?	10	50	10
6.	Adakah anda berpuas hati dengan kebersihan persekitaran kemudahan awam yang disediakan?	39	27	4
Jumlah Skor		**173**	**221**	**26**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: Skala 1- Tidak Berpuas Hati 2- Berpuas Hati 3- Amat Berpuas Hati

Carta 8.1
Tahap Kepuasan Orang Awam Berdasarkan Soal Selidik Terhadap Kemudahan Awam Yang Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.2.2. Analisis Audit terhadap maklum balas tersebut mendapati 55.7% atau 39 maklum balas tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan kemudahan awam. Sebanyak 51.4% atau 36 maklum balas tidak berpuas hati dengan penyenggaraan kemudahan awam yang dilaksanakan. Manakala 71.4% atau 50 maklum balas berpuas hati dengan lokasi kemudahan awam yang disediakan. Secara keseluruhannya, sebanyak 41.2% atau 173 skor markah adalah tidak berpuas hati dan 247 atau 58.8% berpuas hati dengan kemudahan awam yang disediakan.

Pada pendapat Audit, maklum balas orang awam terhadap penyenggaraan kemudahan awam di ketiga-tiga PBT yang dipilih adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak PBT perlu memastikan keadaan dan tahap kebersihan kemudahan awam sentiasa baik dan selesa untuk digunakan.

8.4.3. Kualiti Kerja Penyenggaraan

8.4.3.1. Penyenggaraan bagi ketiga-tiga PBT yang dipilih adalah dilaksanakan oleh kontraktor melalui kaedah perolehan secara pemberian terus dan sebut harga. Dokumen Kontrak, Senarai Kuantiti dan Arahan Kerja merupakan panduan pelaksanaan penyenggaraan bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin. Oleh itu, penyenggaraan perlu dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan dalam kontrak dan berkualiti. Lawatan Audit ke PBT yang dipilih bermula dari bulan Jun hingga September 2011 mendapati, penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti. Ini berlaku disebabkan pemantauan yang dilaksanakan oleh PBT adalah kurang teliti. Penilaian terhadap keadaan fizikal kerja penyenggaraan kemudahan awam adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Penilaian Terhadap Keadaan Fizikal Selepas Penyenggaraan Kemudahan Awam

Bil.	PBT	Bil. Kemudahan Awam Yang Dilawati	Keadaan Fizikal		Peratus (%)	
			Memuaskan	Tidak Memuaskan	Memuaskan	Tidak Memuaskan
1.	MDB	24	23	1	95.8	4.2
2.	MDKB	13	11	2	84.6	15.4
3.	LBK	27	22	5	81.5	18.5
Jumlah		**64**	**56**	**8**	**87.5**	**12.5**

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.3.2. Analisis Audit terhadap Jadual di atas, mendapati sebanyak 4.2%, 15.4% dan 18.5% adalah tidak memuaskan bagi penilaian keadaan fizikal selepas kerja penyenggaraan yang dilaksanakan di MDB, MDKB dan LBK. Secara keseluruhannya, sebanyak 8 daripada 64 atau 12.7% kerja penyenggaraan kemudahan awam yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti.

8.4.3.3. Berdasarkan **Jadual 8.6**, didapati 8 daripada 64 kerja tidak mematuhi spesifikasi kerja dan tidak berkualiti bagi penyenggaraan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 8.7**. Kelemahan tersebut disahkan semasa lawatan Audit bersama Penolong Jurutera PBT pada bulan Jun hingga September 2011.

Jadual 8.7
Senarai Kerja Penyenggaraan Yang Tidak Mengikut Spesifikasi Kerja Dan Tidak Berkualiti

Bil.	Butiran Kerja	Kaedah Perolehan	Kos Projek (RM)	Keadaan Fizikal
MDB				
1.	Pembinaan, Pembaikan Dan Penyenggaraan Titian Umum Jalan Kg. Salagon 1	Sebut Harga	34,480	Lebar Titian Kurang 3 Kaki
MDKB				
2.	Penyenggaraan Jambatan Pasar Tani	Sebut Harga	29,998	Jambatan Bergoyang
3.	Penyenggaraan Pintu *Grill* Pasar Besar (Bahagian Gerai Ikan)	Pemberian Terus	9,760	*Roller* Pintu *Grill* Terkeluar
LBK				
4.	Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Matunggong	Sebut Harga	43,500	Meter Bekalan Elektrik Tidak Dipasang
5.	Penyenggaraan Tandas Awam Pantai Bak-Bak	Sebut Harga	18,000	6 Unit Cermin Muka Tidak Dipasang
6.	Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Tomborungus	Pemberian Terus	20,000	8 unit *Pedal Lock* Tidak Dipasang
7.	Penyenggaraan Dewan Serbaguna Sikuati	Sebut Harga	182,541	2 Unit Pintu Tidak Diganti
8.	Penyenggaraan Jeti Pengangkutan Ikan Kudat	Pemberian Terus	149,878	77 Unit Papan Lantai, 123 Unit Tiang *Bracing* Tidak Diganti Dan *Parapet* Tidak Dipasang

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Pembinaan, Pembaikan Dan Penyenggaraan Titian Umum Jalan Kg. Salagon 1

i. Kerja penyenggaraan Titian Umum Jalan Kg. Salagon 1 telah dilaksanakan pada tahun 2009 dengan kos berjumlah RM34,480. Spesifikasi kerja melibatkan pembinaan semula jambatan kayu berukuran 20 kaki x 15 kaki menggunakan kayu salangan batu. Lawatan Audit pada 16 Jun 2011 mendapati, ukuran lebar yang sepatutnya berukuran 15 kaki telah terkurang sebanyak 3 kaki seperti di **Gambar 8.19**.



Gambar 8.19
Lebar Jambatan Kurang 3 Kaki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg.Salagon 1, Beaufort
Tarikh: 16 Jun 2011

ii. Pemantauan dan pengesahan kerja siap oleh Penolong Jurutera yang tidak teliti menjadi penyebab ukuran tidak tepat. Impaknya, pembayaran penuh telah dibuat terhadap kerja yang tidak mengikut spesifikasi seperti di Senarai Kuantiti. Hasil teguran Audit, MDB telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menambah kelebaran sebanyak 3 kaki seperti yang dibangkitkan oleh pihak Audit. MDB juga akan memastikan pemeriksaan secara teliti dilaksanakan terhadap projek seterusnya sebelum Sijil Pengesahan Siap Praktikal dikeluarkan.

b. Penyenggaraan Jambatan Pasar Tani

Kerja penyenggaraan Jambatan Pasar Tani telah siap dilaksanakan pada 8 Disember 2009 dengan kos berjumlah RM29,998. Lawatan Audit pada 13 Julai 2011 mendapati, semua kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja. Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut mendapati jambatan tersebut tidak kukuh/bergoyang apabila orang awam melaluinya. Ini berlaku disebabkan jambatan tersebut yang berukuran panjang 25 kaki tidak mempunyai penahan di bawahnya yang boleh mengelakkan daripada bergoyang. Impaknya, jambatan akan bergoyang dengan kuat sekiranya terlalu ramai orang yang menggunakannya seperti di **Gambar 8.20**. Bagaimanapun, hasil teguran Audit MDKB telah mengambil tindakan dengan memasang tiang penyokong seperti di **Gambar 8.21**.

Gambar 8.20
Jambatan Yang Disenggara Bergoyang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Pasar Tani, Kota Belud
Tarikh: 13 Julai 2011

Gambar 8.21
Jambatan Telah Dipasang Tiang Penyokong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Pasar Tani, Kota Belud
Tarikh: 7 Mac 2012

c. Penyenggaraan Pintu *Grill* Pasar Besar (Bahagian Gerai Ikan)

i. Kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan pada 16 Jun 2011 dengan kos berjumlah RM9,760. Spesifikasi kerja menghendaki pintu *grill* pasar di bahagian gerai ikan diganti dengan yang baru. Lawatan Audit pada 13 Julai 2011 mendapati, pintu yang dibaiki telah rosak walaupun baru sebulan sahaja ia dibaiki. Kerosakan tersebut adalah seperti di **Gambar 8.22**.

Gambar 8.22
***Roller* Pintu *Grill* Terkeluar**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Kota Belud
Tarikh: 13 Julai 2011

ii. Berdasarkan ulasan pihak MDKB terhadap penemuan Audit melalui maklum balas bertarikh 18 November 2011, *roller* pintu *grill* akan dibaiki semula oleh pihak kontraktor yang terbabit. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada 7 Mac 2012 mendapati kerosakan tersebut masih belum dibaiki.

d. Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Matunggong

Kerja Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Matunggong yang telah siap dilaksanakan pada 17 Jun 2010 dengan kos berjumlah RM43,500. Salah satu spesifikasi kerja menghendaki penyambungan punca kuasa elektrik dan permohonan sambungan meter dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Lawatan Audit pada 20 Julai 2011 mendapati, kerja tersebut tidak dilaksanakan oleh pihak kontraktor seperti di **Gambar 8.23**. Ini berlaku kerana Penolong Jurutera yang mengesahkan kerja siap tidak memeriksa dengan teliti sebelum pembayaran dilaksanakan. Bagaimanapun, hasil teguran Audit LBK telah mengambil tindakan memasang meter bekalan elektrik seperti di **Gambar 8.24**.

Gambar 8.23
Meter Bekalan Elektrik Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pekan Matunggong, Kudat
Tarikh: 20 Julai 2011

Gambar 8.24
Meter Bekalan Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pekan Matunggong, Kudat
Tarikh: 6 Mac 2012

e. Penyenggaraan Tandas Awam Pantai Bak-Bak

Kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan pada 29 November 2010 dengan kos berjumlah RM18,000. Salah satu spesifikasi kerja menghendaki pihak kontraktor memasang 6 cermin muka di atas sinki tandas. Lawatan Audit pada 21 Julai 2011 mendapati, cermin muka tersebut tidak dipasang seperti di **Gambar 8.25**. Pemantauan dan pengesahan kerja siap oleh Penolong Jurutera LBK yang tidak teliti menjadi penyebab utama berlakunya pembayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan. Selepas teguran dan lawatan susulan Audit pada 5 Mac 2012 mendapati, kontraktor telah memasang cermin muka mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan seperti di **Gambar 8.26**.

Gambar 8.25
Cermin Muka Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pantai Bak-Bak, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.26
Cermin Muka Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pantai Bak-Bak, Kudat
Tarikh: 5 Mac 2012

f. Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Tomborungus

Kerja Penyenggaraan Tandas Awam Pekan Tomborungus telah siap dilaksanakan pada 29 November 2010 dengan kos berjumlah RM20,000. Salah satu spesifikasi

kerja menghendaki pihak kontraktor membaiki/mengganti 8 *pedal lock* pada semua pintu di tandas. Lawatan Audit pada 21 Julai 2011 mendapati, penggantian 8 *pedal lock* tidak dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Pemantauan yang tidak teliti oleh Penolong Jurutera LBK telah menyebabkan kerajaan membayar kos kerja yang tidak dilaksanakan seperti di **Gambar 8.27**. Lawatan susulan Audit pada 5 Mac 2012 mendapati 8 *pedal lock* telah dipasang seperti di **Gambar 8.28**.

Gambar 8.27
Engsel Tidak Diganti Dengan *Pedal Lock*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pekan Tomborungus,Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.28
***Pedal Lock* Telah Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Pekan Tomborungus,Kudat
Tarikh: 5 Mac 2012

g. Penyenggaraan Dewan Serbaguna Sikuati

Kerja Penyenggaraan Dewan Serbaguna Sikuati telah siap dilaksanakan pada 30 Julai 2010 dengan kos berjumlah RM182,541. Spesifikasi kerja menghendaki penggantian 2 buah pintu kayu padu berukuran 6 kaki lebar x 7 kaki tinggi (2 daun), termasuk kekunci, bingkai kayu dan 6 engsel. Lawatan Audit pada 20 Julai 2011 mendapati, kerja tersebut tidak dilaksanakan. Pemantauan yang tidak teliti menyebabkan kerajaan rugi kerana kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi seperti di **Gambar 8.29**. Hasil daripada teguran Audit, pihak LBK telah membaiki kerosakan pintu seperti di **Gambar 8.30**.

Gambar 8.29
Pintu Rosak Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Dewan Serbaguna Pekan Sikuati, Kudat
Tarikh : 20 Julai 2011

Gambar 8.30
Pintu Rosak Telah Diganti Dan Dipasang *Grill*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Dewan Serbaguna Pekan Sikuati, Kudat
Tarikh : 6 Mac 2012

h. Penyenggaraan Jeti Pengangkutan Ikan Kudat

Kerja penyenggaraan telah dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM149,878. Spesifikasi kerja menghendaki pelaksanaan kerja membaiki/ mengganti papan lantai, tiang *bracing* dan *parapet*. Lawatan Audit pada 21 Julai 2011 mendapati, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor tidak mengikut spesifikasi kerja seperti di **Gambar 8.31**, **Gambar 8.33** dan **Gambar 8.35**. Bagaimanapun, LBK telah mengarahkan kontraktor memasang tiang *bracing*, *parapet* dan papan lantai selepas teguran Audit seperti di **Gambar 8.32**, **Gambar 8.34** dan **Gambar 8.36**.

Gambar 8.31
123 Unit Tiang *Bracing* Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Jalan Angkasa, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.32
Tiang *Bracing* Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Jalan Angkasa, Kudat
Tarikh: 6 Mac 2012

Gambar 8.33
***Parapet* Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Jalan Angkasa, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.34
***Parapet* Telah Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Jalan Angkasa, Kudat
Tarikh: 6 Mac 2012

Gambar 8.35
6 Unit Tiang Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Hadapan Pasar Ikan, Kudat
Tarikh: 21 Julai 2011

Gambar 8.36
6 Unit Tiang Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Hadapan Pasar Ikan, Kudat
Tarikh: 6 Mac 2012

Pada pendapat Audit, kualiti kerja penyenggaraan kemudahan awam di ketiga-tiga PBT yang dipilih adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak PBT perlu memainkan peranan yang lebih efisyen dalam memantau kualiti kerja penyenggaraan agar mengikut spesifikasi dan berkualiti.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek penyenggaraan pada masa depan, adalah disyorkan supaya PBT mengambil tindakan berikut:

8.5.1. Program Penyenggaraan disediakan dengan peruntukan yang secukupnya bagi memastikan kemudahan awam disenggara secara berjadual dan teratur. Daftar Senarai Kemudahan Awam perlu diselenggara oleh setiap PBT untuk memudahkan pengurusan penyenggaraan.

8.5.2. Meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan Spesifikasi Kerja dipatuhi dan bayaran dijelaskan terhadap kerja-kerja yang sebenarnya dilaksanakan.

8.5.3. Memastikan kemudahan awam dapat beroperasi/berfungsi selepas kerja penyenggaraan dilaksanakan agar manfaat dapat dirasai oleh orang awam.

8.5.4. Memastikan semua projek kemudahan awam di PBT lengkap atau sempurna sesuai dengan fungsi kemudahan awam disediakan dengan mengambil kira keperluan orang awam.

8.5.5. Pemasangan papan tanda aduan kerosakan di setiap lokasi kemudahan awam untuk memudahkan laporan aduan dibuat.

MAJLIS DAERAH PENAMPANG

9. PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Mengikut Seksyen 82, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, setiap pemilik hartanah dalam kawasan perkadaran hendaklah membayar cukai taksiran tahunan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Cukai taksiran merupakan cukai yang boleh dikenakan terhadap hartanah yang dikenali sebagai harta pegangan berkadar seperti bangunan kediaman, perniagaan, perusahaan, pejabat dan tanah kosong dalam kawasan perkadaran. Ia ditaksir berdasarkan nilaian tahunan dan kadar peratus yang diwartakan. Nilaian tahunan adalah anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi daripada harta pegangan berkenaan jika disewakan.

9.1.2. Mengikut rekod Majlis, sehingga tahun 2011 bilangan hartanah dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Penampang (Majlis) adalah sebanyak 24,065 unit. Keluasan daerah Penampang pada masa kini adalah 42,472 hektar manakala keluasan kawasan perkadaran Majlis pada tahun 2011 adalah 1,307.76 hektar seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Kawasan Perkadaran Majlis Daerah Penampang Pada Tahun 2011

Bil.	Kawasan/Lokasi	Keluasan (Hektar)
1.	Donggongon Township	58.28
2.	Kasigui Township	48.16
3.	Kepayan/Bukit Padang	653.58
4.	Mile 4, Penampang	111.29
5.	Reservoir Garden	95.10
6.	Kg. Penampang Proper/Dambai/Hungab/Guunsing/Yunoh/Viccinity	168.35
7.	Kepayan/Ganang/Nasoob	173.00
Jumlah		**1,307.76**

Sumber: Majlis Daerah Penampang

9.1.3. Cukai taksiran yang dikenakan terhadap hartanah dalam kawasan perkadaran merupakan salah satu sumber kewangan utama Majlis untuk melaksanakan fungsi-fungsi Majlis. Antara fungsi Majlis adalah seperti berikut:

9.1.3.1. Memberi perkhidmatan berkaitan dengan kebersihan, keindahan dan kesihatan awam seperti perkhidmatan mengutip sampah dan memotong rumput.

9.1.3.2. Mengawal aktiviti pembangunan di kawasan perkadaran.

9.1.3.3. Menyedia dan mengurus kemudahan awam dan infrastruktur seperti taman rekreasi, lorong pejalan kaki dan perhentian bas.

9.1.3.4. Mengawal pembinaan dan pengubahsuaian bangunan termasuk rumah setinggan.

9.1.4. Pada tahun 2009 dan 2010, hasil kutipan cukai taksiran masing-masing menyumbang 53% dan 50% kepada pendapatan keseluruhan Majlis. Pada tahun 2011, sejumlah 24,065 hartanah direkodkan dalam kawasan perkadaran Majlis dan cukai taksiran yang boleh dikutip daripada pemilik hartanah adalah sejumlah RM9.75 juta. Pada tahun 2011, kadar peratus cukai taksiran yang ditetapkan bagi tujuan pengiraan cukai taksiran mengikut jenis hartanah adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Kadar Cukai Taksiran Majlis Daerah Penampang Pada Tahun 2011

Bil.	Jenis Hartanah	Kadar (%)
1.	Bangunan Komersial/Industri	9
2.	Rumah Persendirian Di Dalam Estet Perumahan	6
3.	Rumah Persendirian Di Luar Estet Perumahan	4
4.	Tanah Kosong (*Native Title*/*Field Register*)	0.025
5.	Tanah Kosong (*Country Lease*/*Town Lease*)	0.25
6.	Kadar Saluran Najis	1

Sumber: Majlis Daerah Penampang

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat untuk memaksimumkan kutipan hasil.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan cukai taksiran bagi tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, maklumat sebelum tahun 2009 juga diperolehi di mana berkaitan. Aspek penting yang dikaji adalah penentuan kawasan perkadaran, kerja penilaian hartanah dan proses pungutan cukai tahunan serta tunggakan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak semua dokumen yang berkaitan serta membuat analisis terhadap pangkalan data dalam sistem berkomputer cukai taksiran dengan menggunakan *Computer Assisted A*udit *Techniques* (CAATs). Ujian juga dibuat melalui *Walk Through Test* bagi memastikan integriti data yang tepat, sempurna dan kemas kini. Bilangan sampel yang dipilih untuk menganalisis data adalah 4% daripada jumlah bilangan hartanah. Selain itu, lawatan Audit dibuat terhadap hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi RM10,000 bagi menentukan kewujudan bangunan berkenaan dan memastikan ketepatan kadar cukai taksiran yang dikenakan terhadap pelbagai jenis hartanah. Temu bual dengan pegawai Majlis khususnya pegawai Bahagian Penilaian, Bahagian Akaun, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Pelesenan

dan pengurus serta kakitangan syarikat yang dilantik untuk memungut tunggakan cukai taksiran Majlis juga turut diadakan.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan cukai taksiran di Majlis Daerah Penampang telah dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011. Pada keseluruhannya didapati, pengurusan cukai taksiran di Majlis Daerah Penampang adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi kutipan cukai taksiran tidak menunjukkan peningkatan yang ketara.
- Keluasan kawasan perkadaran tidak dikaji semula.
- Penilaian semula hartanah tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Kerja penilaian semula hartanah lewat disiapkan.
- Senarai penilaian baru tidak dilaksanakan.
- Penambahan ruang premis tidak dinilai semula.
- Pangkalan data sistem berkomputer cukai taksiran tidak lengkap.

9.4.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran

9.4.1.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

a. Bagi tahun 2009 hingga 2011, cukai taksiran tahunan patut dikutip adalah masing-masing berjumlah RM9.04 juta, RM11.35 juta dan RM9.75 juta. Jumlah cukai taksiran patut dikutip bagi tahun 2011 telah berkurang sebanyak RM1.6 juta atau 14% berbanding dengan RM11.35 juta pada tahun 2010. Keadaan ini disebabkan kawasan Putatan dikeluarkan daripada kawasan perkadaran Majlis Daerah Penampang atas sebab penubuhan Majlis Daerah Putatan pada Ogos 2010.

b. Selain itu, analisis Audit terhadap prestasi kutipan cukai taksiran tahunan berbanding jumlah patut dikutip mendapati, peratus kutipan cukai taksiran tahunan telah merosot antara tahun 2009 dan 2010 iaitu dari 74% bagi tahun 2009 menurun kepada 62% bagi tahun 2010. Bagi tahun 2011 pula, berlaku sedikit peningkatan peratus kutipan cukai taksiran tahunan iaitu sebanyak 3% berbanding dengan tahun 2010. Jumlah yang dapat dikutip bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah masing-masing berjumlah RM6.73 juta (74%), RM7.02 juta (62%) dan RM6.31 juta (65%) seperti di **Carta 9.1**.

Carta 9.1
Kutipan Cukai Taksiran Tahunan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011



Sumber: Majlis Daerah Penampang

c. Keadaan ini berlaku antaranya disebabkan Majlis tidak mengambil inisiatif untuk mengadakan program galakan seperti kempen kesedaran, iklan di akhbar tempatan atau laman web dan kaunter bergerak. Selain itu, kekerapan pengeluaran bil cukai taksiran tahunan yang tidak mencukupi juga boleh menyebabkan prestasi kutipan cukai taksiran tahunan tiada peningkatan ketara. Mengikut Manual Prosedur Kerja, bil cukai taksiran tahunan hendaklah dikeluarkan 4 kali setahun. Semakan Audit terhadap rekod Majlis mendapati, bil-bil cukai taksiran tahunan hanya dikeluarkan 2 kali setahun bagi tahun 2009 hingga 2011.

9.4.1.2. Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

a. Sebuah syarikat tempatan (Syarikat) telah dilantik oleh Majlis untuk mengutip tunggakan cukai taksiran. Perjanjian antara Majlis dan Syarikat telah ditandatangani pada 21 Disember 2007 untuk melaksanakan kerja kutipan hasil tunggakan cukai taksiran Majlis bagi tempoh 5 tahun mulai Disember 2007 hingga Disember 2012. Syarikat bertanggungjawab memungut tunggakan cukai taksiran dengan mengeluarkan surat peringatan, *notice of demand* dan mengambil tindakan mahkamah jika perlu. Komisen sebanyak 15% daripada jumlah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran akan dibayar kepada Syarikat.

b. Mengikut rekod Majlis, peratus kutipan tunggakan cukai taksiran sebelum pelantikan Syarikat adalah antara 15.9% hingga 19.9% daripada jumlah tunggakan. Selepas pelantikan Syarikat, berlaku peningkatan terhadap peratus kutipan tunggakan cukai taksiran dari 19.9% bagi tahun 2007 kepada 25.2% bagi tahun 2008. Bagaimanapun, keseluruhan prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran oleh Syarikat adalah antara 22.7% hingga 25.2% bagi tahun 2008 hingga 2011 seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2005 Hingga 2011

Tahun	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus (%)	Catatan
2005	9.85	1.83	18.6	Sebelum pelantikan Syarikat.
2006	13.52	2.15	15.9	
2007	11.56	2.30	19.9	
2008	10.80	2.72	25.2	Selepas pelantikan Syarikat.
2009	12.39	2.81	22.7	
2010	13.98	3.42	24.5	
2011	11.14	2.61	23.4	

Sumber: Majlis Daerah Penampang

c. Keadaan ini disebabkan Majlis tidak menetapkan sasaran kutipan kepada Syarikat. Akibatnya, prestasi kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran Majlis merosot kerana Majlis dikehendaki membayar sebanyak 15% komisen kepada Syarikat daripada jumlah hasil kutipan tunggakan berkenaan. Syarikat memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 25 Februari 2012 bahawa kerja kutipan tunggakan cukai taksiran mulai tahun 2008 diutamakan berbanding cukai taksiran sebelum tahun 2007 kerana lebih mudah dikutip jika amaun tunggakan tidak besar. Selain itu, Syarikat juga menghadapi masalah mengutip tunggakan cukai taksiran bagi perumahan persendirian di kawasan kampung yang tidak menerima perkhidmatan Majlis. Semakan Audit selanjutnya mendapati, setakat 31 Disember 2011 sebanyak 30% jumlah tunggakan cukai taksiran mempunyai tempoh tunggakan (pengumuran) melebihi 6 tahun, sebanyak 15% cukai taksiran tertunggak antara 4 hingga 5 tahun dan sebanyak 26% cukai taksiran tertunggak antara 2 hingga 3 tahun seperti di **Carta 9.2**.

Carta 9.2
Pengumuran Tunggakan Cukai Taksiran
Setakat 31 Disember 2011



Sumber: Majlis Daerah Penampang

d. Mengikut rekod Majlis setakat 31 Disember 2011, sebanyak 25.8% atau RM3.39 juta daripada tunggakan cukai taksiran yang berjumlah RM13.16 juta adalah tunggakan

cukai taksiran Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Tunggakan cukai taksiran tersebut terdiri daripada RM2.44 juta untuk pencawang *Hydro Stepdown Transformer*, RM0.92 juta untuk pencawang-pencawang kecil dan RM26,530 untuk bangunan pejabat. Tempoh tunggakan SESB tersebut adalah selama 12 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2011. Pihak SESB telah mengambil keputusan tidak akan membayar cukai taksiran untuk pencawang-pencawang dan hanya membayar cukai taksiran untuk bangunan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SESB juga belum membayar cukai taksiran berjumlah RM26,530 untuk bangunan pejabatnya bagi tempoh antara tahun 2004 hingga 2011. Mengikut Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, pencawang-pencawang yang berada dalam kawasan perkadaran Majlis turut dikenakan cukai taksiran. Definisi bangunan yang dijelaskan dalam Seksyen 72, Ordinan Kerjaan Tempatan 1961 (Pindaan 2000) adalah *"Building" means any structure erected on land.....including any plant or machinery, together with the appliances and structures accessory hereto, which is used or intended to used mainly or exclusively in connection with the heating,....., generation and distribution of electricity....."*

e. Susulan Audit pada Februari 2012 mendapati, pihak SESB telah menjelaskan tunggakan cukai taksiran untuk bangunan pejabatnya dan pencawang *Hydro Stepdown Transformer* berjumlah RM2.34 juta, di mana faedah berjumlah RM0.13 juta dikecualikan atas kelulusan Majlis. Manakala tunggakan cukai taksiran bagi pencawang-pencawang kecil masih belum dibayar. Pihak SESB menyatakan bahawa syarikatnya sedang berusaha mendapatkan kelulusan pengecualian cukai taksiran bagi pencawang-pencawang kecil daripada Kerajaan Negeri.

f. Faktor-faktor yang menyebabkan prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran yang kurang memuaskan adalah seperti berikut:

i. Tiada Kordinasi Antara Bahagian Pelesenan Dan Bahagian Akaun

Kordinasi antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Akaun adalah penting untuk memastikan cukai taksiran dijelaskan sebelum Lesen Operasi Perniagaan diperbaharui. Semakan Audit mendapati tiada kordinasi antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Akaun sebelum pengeluaran lesen. Lawatan Audit antara tempoh 27 hingga 29 Julai 2011 mendapati, sebanyak 7 premis perdagangan telah berjaya memperbaharui lesen operasi perniagaannya walaupun mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi RM10,000 seperti di **Jadual 9.4** dan **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.4**.

Jadual 9.4
Lesen Operasi Perniagaan Dapat Diperbaharui Bagi Permis Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran RM10,000 Ke Atas

Bil.	ID Hartanah	Jumlah Tunggakan (RM)	Tempoh Tertunggak	Lesen Operasi Perniagaan Sah Sehingga
1.	H261-000/031	11,370	2005-2011	31 Disember 2011
2.	M017-004/000	17,595	2003-2011	31 Disember 2011
3.	M019-029/000	10,060	2006-2011	31 Disember 2010
4.	M010-016/000	15,494	2001-2011	31 Disember 2011
5.	M010-019/000	15,494	2001-2011	31 Disember 2011
6.	Q016-007	15,149	2000-2011	31 Disember 2011
7.	L045-002/000	24,219	2008-2011	31 Disember 2011

Sumber: Majlis Daerah Penampang

Gambar 9.1
Premis Perdagangan Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Melebihi RM10,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Light Industrial Bandar Koidupan, Penampang
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.2
Premis Perdagangan Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Melebihi RM10,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dongonggan New Township, Penampang
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.3
Premis Perdagangan Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Melebihi RM10,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Fu Guan Industrial Centre,Penampang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 9.4
Premis Perdagangan Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Melebihi RM10,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Dongonggan Ph.3, Penampang
Tarikh: 27 Julai 2011

ii. Surat Peringatan

- Semakan Audit mendapati, pengeluaran surat peringatan oleh syarikat yang dilantik adalah tidak teratur, sistematik dan konsisten kerana perjanjian tidak menyatakan kekerapan surat peringatan perlu dikeluarkan bagi sesuatu tempoh. Sehubungan itu, surat peringatan dikeluarkan mengikut budi bicara kakitangan Syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati, rekod pengeluaran surat peringatan bagi tahun 2008 dan 2009 tidak diselenggara manakala rekod bagi tahun 2010 adalah tidak lengkap. Bagaimanapun, berdasarkan rekod bagi tahun 2010 dan 2011 didapati, kekerapan pengeluaran surat peringatan adalah antara 1 hingga 3 kali setahun seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Kekerapan Pengeluaran Surat Peringatan

Bil.	ID Hartanah	Jumlah Tunggakan (RM)	Tempoh Tertunggak	Bil. Surat Peringatan Dikeluarkan	
				2010	2011
1.	L229-000/000	1,391	2007-2010	3	2
2.	L230-000/000	4,198	2002-2010	TM	1
3.	L231-000/000	2,745	2003-2010	3	1
4.	L242-000/000	2,627	2004-2010	3	2
5.	L275-000/000	3,806	2003-2010	TM	1
6.	L271-000/000	1,890	2006-2010	3	2
7.	L267-000/000	2,417	2004-2010	3	2
8.	G487-000/000	10,399	2000-2010	TM	1
9.	H262-000/046	16,361	2003-2010	TM	1
10.	F152-003/001	11,642	2000-2010	TM	1

Sumber: Majlis Daerah Penampang
Nota: TM – Tiada Maklumat

- Selain itu, pihak Audit juga mendapati beberapa kelemahan terhadap surat peringatan yang dikeluarkan. Kelemahan-kelemahan yang diperhatikan adalah surat peringatan berkenaan tidak mengarahkan pemilik hartanah menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh tertentu, tidak menyatakan cara bayaran dan tidak menegaskan tindakan mahkamah boleh diambil sekiranya tunggakan cukai taksiran tidak dijelaskan. Dengan itu, surat peringatan yang dikeluarkan oleh Syarikat adalah seperti penyata tunggakan cukai taksiran sahaja seperti di **Keratan Penyata 9.1**.

Keratan Penyata 9.1
Penyata Tunggakan Yang Dikeluarkan Oleh Syarikat

Pemilik : [redacted]
Alamat : [redacted]

Jenis : BANGUNAN
Lokasi : No -, Tgkt -, Lot -, Blok -
: AREA E-JALAN LINTAS KEPAYAN

NoAkaun : E001-001/001 NoGeran : 213200867

Jumlah Cukai Pintu / Ses Tanah Tertunggak Yang Perlu Dijelaskan : RM 32,961.60

Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke talian 088-711711/711713 atau terus berhubung ke Unit Kadaran MDPG.

Tahun		Am	P'bentung	Tangga	Corong	Lain	Faedah	Notis	Pelbagai	BAKI
2009	Db	15,260.00	-.--	-.--	-.--	-.--	1,220.80	-.--	-.--	16,480.80
	Cr	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	
2008	Db	15,260.00	-.--	-.--	-.--	-.--	1,220.80	-.--	-.--	16,480.80
	Cr	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	-.--	

Sekiranya tiada bantahan diterima dalam tempoh 7 (tujuh) hari selepas menerima notis ini, maklumat yang tertera dianggap telah dipersetujui sepenuhnya oleh pemilik.

Sumber: Majlis Daerah Penampang

iii. Tindakan Mahkamah

Mengikut Seksyen 90(1), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Majlis mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pemilik hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Sehubungan itu, Majlis melantik Syarikat bertanggungjawab memungut tunggakan cukai taksiran serta mengeluarkan surat peringatan dan mengambil tindakan mahkamah dengan mengeluarkan *notice of demand* kepada pemilik hartanah. Setakat pengauditan dijalankan pada Julai 2011, Syarikat tidak pernah mengeluarkan *notice of demand* atau mengambil tindakan mahkamah sejak pelantikan pada tahun 2008. Selepas teguran Audit, *notice of demand* telah dikeluarkan pada 18 Julai 2011 kepada 28 unit hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi RM10,000. Semakan selanjutnya pada September 2011 mendapati, daripada 28 *notice of demand* yang dikeluarkan sebanyak 10 atau 35.7% telah menjelaskan kesemua atau sebahagian tunggakan cukai taksiran seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Status Pembayaran Selepas *Notice Of Demand* Dikeluarkan Setakat September 2011

Bil.	ID Hartanah	Jumlah Tunggakan (RM)	Jumlah Dijelaskan (RM)	Jumlah Baki (RM)	Catatan
1.	G180-004/000	32,931	32,931	0	Bayaran Penuh
2.	L045-002/000	18,507	18,507	0	Bayaran Penuh
3.	H262-000/046	16,361	17,881	0	Bayaran Penuh
4.	L064-000/012	10,616	10,616	0	Bayaran Penuh
5.	L064-000/013	10,616	10,616	0	Bayaran Penuh
6.	G558-000/000	11,177	6,557	4,620	Sebahagian
7.	L143-000/000	32,622	5,000	27,622	Sebahagian
8.	G832-000/001	10,781	5,000	5,781	Sebahagian
9.	Q016-007	12,439	3,000	9,439	Sebahagian
10.	G942-000/000	11,437	50	10,772	Sebahagian
11.	H261-000/025	12,318	0	12,318	Belum Dibayar
12.	H262-000/006	14,501	0	14,501	Belum Dibayar
13.	F152-003/001	11,642	0	11,642	Belum Dibayar
14.	H263-001/023	14,450	0	14,450	Belum Dibayar
15.	I411-000/000	11,284	0	11,284	Belum Dibayar
16.	I491-000/015	21,808	0	21,808	Belum Dibayar
17.	J117-000/000	11,024	0	11,024	Belum Dibayar
18.	J151-000/000	13,549	0	13,549	Belum Dibayar
19.	J175-000/000	10,976	0	10,976	Belum Dibayar
20.	J442-000/000	12,334	0	12,334	Belum Dibayar
21.	K181-000/001	13,068	0	13,068	Belum Dibayar
22.	K238-000/000	12,363	0	12,363	Belum Dibayar
23.	G487-000/000	10,399	0	10,399	Belum Dibayar
24.	L260-000/000	13,230	0	13,230	Belum Dibayar
25.	M010-016/000	14,024	0	14,024	Belum Dibayar
26.	M010-019/000	14,024	0	14,024	Belum Dibayar
27.	M012-005/000	13,536	0	13,536	Belum Dibayar
28.	M017-004/000	15,525	0	15,525	Belum Dibayar
Jumlah		**407,542**	**110,158**	**298,289**	

Sumber: Majlis Daerah Penampang

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran adalah kurang memuaskan terutamanya prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran kerana peratus kutipan tunggakan cukai taksiran adalah antara 22.7% hingga 25.2%. Keadaan ini menyebabkan hasil kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran Majlis telah merosot kerana sebanyak 15% komisen hendaklah dibayar kepada Syarikat daripada jumlah hasil kutipan tunggakan.

9.4.2. Penilaian Semula Hartanah

9.4.2.1. Kawasan Perkadaran Tidak Dikaji Semula

a. Keluasan kawasan perkadaran perlu dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan kawasan pembangunan di luar kawasan perkadaran dapat dikenakan cukai taksiran. Sehubungan itu, perkhidmatan Majlis seperti pungutan sampah, pemotongan rumput, pembaikan dan penyenggaraan lampu jalan dapat diberikan demi kebaikan penduduk. Pada tahun 2011, keluasan daerah Penampang adalah

42,472.43 hektar dan keluasan kawasan perkadaran Majlis hanya 1,307.76 hektar atau 3% daripada keluasan daerah Penampang seperti di **Peta 9.1**.

Peta 9.1
Kawasan Perkadaran Majlis Daerah Penampang



Sumber: Majlis Daerah Penampang

b. Semakan Audit mendapati, keluasan kawasan perkadaran Majlis tidak diperluaskan sejak tahun 1986. Namun, proses mengkaji semula kawasan perkadaran ada dilaksanakan pada tahun 2003. Kajian semula itu dibuat untuk menjadikan keseluruhan daerah Penampang sebagai kawasan perkadaran Majlis. Bagaimanapun, setelah mendapat kelulusan lot ukur daripada Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU) pada Oktober 2006, pihak Majlis tidak menyediakan Memorandum mengenai cadangan perluasan kawasan perkadaran untuk dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri (KKTP). Memorandum tersebut yang antara lainnya mengandungi anggaran hasil dan kos tambahan daripada perluasan kawasan perkadaran perlu disertakan dengan permohonan perluasan kawasan perkadaran untuk pertimbangan dan seterusnya kelulusan KKTP serta Jemaah Kabinet Negeri. Pada tahun 2009, Majlis sekali lagi memohon untuk mengemas kini keluasan kawasan perkadaran. Bagaimanapun, setakat Disember 2011, Memorandum belum disediakan untuk pertimbangan dan kelulusan KKTP walaupun lot ukur telah diluluskan dan didaftarkan oleh JTU pada Januari 2011.

c. Mengikut Majlis, kawasan perkadaran tidak diperluaskan pada masa itu kerana mengambil kira kos tambahan akibat daripada perluasan kawasan perkadaran seperti pekerja, kenderaan, peralatan dan sebagainya. Kawasan perkadaran yang tidak diperluaskan menyebabkan kawasan pembangunan perumahan dan komersial yang berada di luar kawasan perkadaran seperti di **Gambar 9.5** hingga **Gambar 9.8** tidak dapat dikenakan cukai taksiran dan perkhidmatan Majlis tidak dapat diberikan. Mengikut anggaran Majlis, cukai taksiran yang berpotensi dapat dikutip adalah sejumlah RM7 juta setahun sekiranya kawasan perkadaran diperluaskan kepada keseluruhan daerah Penampang.

Gambar 9.5
Kawasan Perumahan Di Luar Kawasan Perkadaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Somerset, Penampang
Tarikh: 22 Julai 2011

Gambar 9.6
Kawasan Perumahan Di Luar Kawasan Perkadaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sri Cassia, Penampang
Tarikh: 22 Julai 2011

Gambar 9.7
Kawasan Perumahan Dan Komersial Di Luar Kawasan Perkadaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Country Height Plaza Phase 1, Penampang
Tarikh: 22 Julai 2011

Gambar 9.8
Kawasan Perumahan Dan Komersial Di Luar Kawasan Perkadaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Country Height Plaza Phase 1, Penampang
Tarikh: 22 Julai 2011

9.4.2.2. Penilaian Semula Hartanah Tidak Dijalankan Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan

Mengikut Seksyen 74(1), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penilaian semula harta pegangan boleh dilakukan setiap tahun atau tempoh yang lebih panjang dengan kebenaran Menteri, dengan syarat penilaian semula hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 4 tahun sekali. Semakan Audit mendapati, penilaian semula hartanah tidak dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada masa kini, nilai hartanah yang digunakan oleh Majlis untuk tujuan menentukan jumlah cukai taksiran adalah berdasarkan penilaian yang dibuat pada tahun 1986. Setakat Disember 2011, penilaian semula hanya dijalankan pada tahun 2000 dengan pelantikan Jurunilai Swasta. Penilaian semula tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan kerana penilaian semula hartanah dalam kawasan perkadaran melibatkan kos perkhidmatan Jurunilai yang membebankan Majlis.

Kelewatan menilai semula hartanah dalam kawasan perkadaran merugikan Majlis dari segi hasil kutipan cukai taksiran.

9.4.2.3. Kelewatan Kerja Penilaian Semula Hartanah Disiapkan

a. Sebuah syarikat jurunilai tempatan (Jurunilai) telah dilantik oleh Majlis untuk melaksanakan penilaian semula hartanah di kawasan perkadaran pada tahun 2000. Sebanyak 1% daripada jumlah nilai tahunan hartanah akan dibayar sebagai kos perkhidmatan Jurunilai. Mengikut Klausa 2.2 dan 19 perjanjian antara Majlis dan Jurunilai, kerja penilaian semula hendaklah disiapkan dalam tempoh 2 tahun. Bagaimanapun, Jurunilai boleh memaklumkan kelewatan menyiapkan kerja penilaian kepada Majlis dan memohon *Extension of Time(EOT)* secara bertulis. Manakala Klausa 21.2(g) menyatakan Majlis boleh menamatkan perjanjian sekiranya Jurunilai gagal menyiapkan kerja penilaian dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Semakan Audit mendapati, Jurunilai hanya dapat mengemukakan senarai penilaian muktamad pada tahun 2008, yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2002. Jurunilai tidak memohon *EOT* secara bertulis kepada Majlis mengenai kelewatan berkenaan. Majlis tidak mengeluarkan notis amaran manakala hanya satu surat peringatan dikeluarkan kepada Jurunilai pada 15 Oktober 2002. Selain itu, Majlis juga tidak mengambil tindakan untuk menamatkan perjanjian berkenaan. Kelewatan menyiapkan kerja penilaian adalah disebabkan Jurunilai mengambil masa yang lama untuk mengumpul maklumat mengenai hartanah persendirian. Kelewatan selama 6 tahun untuk menyiapkan kerja penilaian hartanah boleh menyebabkan senarai penilaian yang disediakan tidak menunjukkan keadaan semasa atau kemas kini. Ia boleh merugikan Majlis dari segi hasil kutipan cukai taksiran apabila senarai penilaian berkenaan diterima pakai. Lawatan Audit antara tempoh 27 hingga 29 Julai 2011 mendapati, sebanyak 3 unit hartanah perumahan dan 6 unit hartanah industri seperti di **Jadual 9.8**, **Gambar 9.9** dan **Gambar 9.10** adalah direkodkan sebagai tanah kosong dalam senarai penilaian pada tahun 2008 yang disediakan oleh Jurunilai.

Jadual 9.8
Senarai Hartanah Yang Direkod Sebagai Tanah Kosong Dalam Senarai Penilaian Baru

Bil.	Lokasi	Lot No.	Senarai Penilaian 1986			Senarai Penilaian 2008		
			Jenis Hartanah	Nilai Tahunan (RM)	Cukai Taksiran (RM)	Jenis Hartanah	Nilai Tahunan (RM)	Cukai Taksiran (RM)
1.	Taman Intan	Lot 3	Perumahan	8,800	616	Tanah Kosong	5,000	12.50
2.	Taman Intan	Lot 4	Perumahan	8,800	616	Tanah Kosong	5,000	12.50
3.	Taman Intan	Lot 5	Perumahan	8,800	616	Tanah Kosong	4,900	12.25
4.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 5	Bangunan Komersial	15,800	1,422	Tanah Kosong	21,900	54.75
5.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 6	Bangunan Komersial	15,800	1,422	Tanah Kosong	22,000	55.00
6.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 7	Bangunan Komersial	18,300	1,647	Tanah Kosong	22,800	57.00
7.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 8	Bangunan Komersial	18,300	1,647	Tanah Kosong	21,800	54.50
8.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 9	Bangunan Komersial	18,300	1,647	Tanah Kosong	21,800	54.50
9.	KR Industrial Park Fasa 1	Lot 10	Bangunan Komersial	18,300	1,647	Tanah Kosong	29,400	73.50
Jumlah				**131,200**	**11,280**		**154,600**	**386.50**

Sumber: Majlis Daerah Penampang

Gambar 9.9
Hartanah Yang Direkod Sebagai Tanah Kosong Dalam Senarai Penilaian Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Intan, Penampang
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 9.10
Hartanah Yang Direkod Sebagai Tanah Kosong Dalam Senarai Penilaian Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KR Industrial Park Ph.1, Penampang
Tarikh: 28 Julai 2011

9.4.2.4. Senarai Penilaian Baru Tidak Dilaksanakan Sejak Tahun 2008

a. Berdasarkan Seksyen 77(2), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, senarai penilaian baru hendaklah diwartakan. Semakan Audit mendapati, senarai penilaian baru telah diwartakan pada 24 Januari 2008. Mengikut Mesyuarat Penuh Majlis, senarai penilaian tersebut akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2010. Bagaimanapun, setakat Disember 2011, senarai penilaian baru belum dilaksanakan di mana cukai taksiran yang dikenakan oleh Majlis pada masa kini masih berdasarkan senarai penilaian yang dibuat pada tahun 1986.

b. Keadaan ini disebabkan Majlis menghadapi kekurangan kepakaran untuk membuat peralihan/tambahan/kemas kini data dalam sistem berkomputer cukai taksiran berdasarkan senarai penilaian baru tersebut. Dengan itu, Majlis mencadangkan pelantikan sebuah syarikat tempatan untuk melaksanakan kerja pengemaskinian data cukai taksiran. Surat permohonan pelantikan telah dikemukakan kepada KKTP untuk kelulusan pada 17 November 2009. Setakat pengauditan dijalankan pada Oktober 2011, Majlis belum mendapat kelulusan daripada KKTP walaupun 4 surat peringatan telah dikeluarkan. Susulan Audit terhadap KKTP mendapati, kelulusan pelantikan berkenaan telah diberikan pada 5 Disember 2011. Mengikut KKTP, kelewatan ini berlaku disebabkan kelulusan berkenaan melibatkan beberapa bahagian KKTP dan memerlukan masa yang panjang untuk penelitian.

c. Kelewatan melaksanakan senarai penilaian baru tersebut menyebabkan Majlis tidak dapat menambah kutipan hasil cukai taksiran bagi hartanah. Perbandingan hasil kutipan cukai taksiran terhadap senarai penilaian lama dan baru telah dibuat berdasarkan 1,104 unit (4.6%) sampel hartanah yang dipilih secara rawak mendapati, potensi hasil cukai taksiran Majlis sejumlah RM682,858 setahun tidak dapat dikutip akibat daripada kelewatan berkenaan seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Potensi Hasil Cukai Taksiran Tidak Dapat Dikutip

Bil.	Sampel Lokasi Dipilih	Bil. (Unit)	Cukai Taksiran Nilaian Tahun 1986 (RM)	Cukai Taksiran Nilaian Tahun 2008 (RM)	Perubahan	
					Jumlah (RM)	Peratus (%)
1.	Taman Eden Height Condominium	181	47,607	131,166	83,559	175.5
2.	Taman Grand Millenium Fasa 2A & 2B	84	55,692	49,672	-6,020	-10.8
3.	Taman Hilton	93	45,988	81,606	35,618	77.5
4.	Taman Millenium Court	72	16,898	36,680	19,782	117.1
5.	Taman Penampang	63	26,915	41,727	14,812	55.0
6.	Taman Sahabat	79	55,482	84,049	28,567	51.5
7.	Bandar Koidupan Penampang	168	315,030	516,270	201,240	63.9
8.	Light Industrial Bandar Koidupan	32	48,000	108,410	60,410	125.9
9.	Donggongan New Township	294	276,070	460,900	184,830	67.0
10.	Fu Guan Industrial Centre Fasa 2	12	31,000	38,470	7,470	24.1
11.	HSK Industrial Centre Fasa 1	36	66,600	119,190	52,590	79.0
Jumlah		**1,114**	**985,282**	**1,668,140**	**682,858**	**69.3**

Sumber: Majlis Daerah Penampang

9.4.2.5. Pengubahsuaian Atau Penambahan Ruang Premis Tidak Dinilai Semula

a. Mengikut Manual Prosedur Kerja, Bahagian Penilaian bertanggungjawab terhadap pengurusan penilaian taksiran cukai kadaran hartanah. Penilaian semula hendaklah dijalankan terhadap pengubahsuaian atau penambahan ruang premis untuk memastikan penambahan keluasan premis diambil kira untuk pengenaan cukai taksiran.

b. Semakan Audit mendapati Bahagian Penilaian tidak menjalankan pemantauan atau pemeriksaan terhadap pengubahsuaian atau penambahan ruang premis. Tiada jadual pemantauan disediakan di mana ia hanya dijalankan berdasarkan aduan awam. Lawatan Audit dijalankan pada 29 Julai 2011 terhadap Taman Imperial Villa yang telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada 29 Julai 2009 dan notis taksiran cukai kadaran dikeluarkan pada 2 September 2009. Pemeriksaan mendapati, sebanyak 5 unit hartanah telah menambahkan ruang premis manakala penilaian semula belum dijalankan supaya ia dapat diambil kira dalam pengenaan cukai taksiran seperti di **Gambar 9.11** dan **Gambar 9.12**.

Gambar 9.11
Penambahan Ruang Premis Perumahan Yang Belum Dinilai Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Imperial Villa,Penampang
Tarikh: 29 Julai 2011

Gambar 9.12
Penambahan Ruang Premis Perumahan Yang Belum Dinilai Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Imperial Villa,Penampang
Tarikh: 29 Julai 2011

c. Mengikut Majlis, pemantauan terhadap penambahan ruang premis tidak dijalankan kerana segala pengubahsuaian atau penambahan ruang premis telah diambil kira dalam penilaian semula yang telah dijalankan oleh Jurunilai antara tempoh Januari 2000 hingga Jun 2009. Bagaimanapun, pada masa kini senarai penilaian berkenaan belum dapat dilaksanakan maka penambahan ruang premis masih belum diambil kira dalam pengenaan cukai taksiran. Bagi hartanah yang dibina selepas Jun 2009 pula, Bahagian Penilaian telah mengambil tindakan selepas teguran Audit dengan menyediakan jadual pemantauan untuk memantau dan memeriksa pengubahsuaian atau penambahan ruang premis.

d. Pemantauan dan pemeriksaan hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan premis yang menambahkan ruang dikenakan cukai taksiran yang berpatutan. Kelewatan menilai semula premis berkenaan merugikan Majlis dari segi hasil kutipan cukai taksiran.

Pada pendapat Audit, kerja penilaian semula hartanah dalam kawasan perkadaran adalah kurang memuaskan kerana penilaian semula hartanah tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dan senarai penilaian baru tidak dilaksanakan sejak tahun 2008. Selain itu, keluasan kawasan perkadaran tidak dikaji semula supaya perkhidmatan Majlis dapat diberikan demi kebaikan penduduk.

9.4.3. Sistem Berkomputer Cukai Taksiran

9.4.3.1. Kawalan Akses

a. Mulai tahun 2008, pengurusan cukai taksiran Majlis dilaksanakan melalui sistem berkomputer. Bahagian Komputer bertanggungjawab mengenai pengurusan sistem berkomputer cukai taksiran. Selain itu, pengurusan had capaian terhadap sistem maklumat berkomputer adalah penting dengan memastikan integriti data dan ketepatan data.

b. Seramai 25 pengguna telah didaftar sebagai pengguna sistem berkomputer cukai taksiran dengan had capaian masing-masing. Kebanyakan mereka daripada Bahagian Akaun, Bahagian Penilaian dan Bahagian Pelesenan. Pihak Audit mendapati, dua kakitangan syarikat yang dilantik untuk mengutip tunggakan cukai taksiran mempunyai capaian tanpa had seperti mewujudkan atau membatalkan hartanah dan akaun, mengemas kini pemilikan hartanah, mengeluarkan resit rasmi, mengemas kini bayaran cukai taksiran dan sebagainya. Dua kakitangan tersebut juga didapati berkongsi *indentification* (ID) dan kata laluan yang sama. Had capaian,ID dan kata laluan bagi kakitangan Syarikat harus ditentukan dan dikawal untuk memastikan integriti data dalam sistem berkomputer terjamin.

c. Semakan Audit juga mendapati, seramai 8 daripada 25 nama ID mempunyai had capaian untuk membatalkan hartanah dan akaun dalam sistem berkomputer cukai taksiran. Majlis wajar mengehadkan bilangan pengguna yang berkuasa untuk membatalkan sesuatu hartanah atau akaun untuk menjamin ketepatan data dalam sistem berkenaan. Selain itu, pembatalan sesuatu hartanah dan akaun hendaklah mendapat pengesahan daripada pegawai atasan atau pegawai yang diberi kuasa bagi menjamin integriti data.

9.4.3.2. Pangkalan Data Tidak Lengkap

a. Pangkalan data yang lengkap dan kemas kini dalam sistem berkomputer cukai taksiran memainkan peranan penting untuk memastikan pengurusan cukai taksiran

adalah teratur, cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati, pangkalan data sistem berkomputer cukai taksiran seperti alamat dan nombor kad pengenalan pemilik hartanah adalah tidak lengkap dan kemas kini.

b. Analisis terhadap pangkalan data dalam sistem berkomputer cukai taksiran mendapati, 4.2% atau 846 daripada 20,048 hartanah tiada alamat pemilik hartanah yang lengkap dan kemas kini. Ia melibatkan 562 hartanah tiada alamat pemilik dan 284 hartanah tiada alamat yang lengkap dan kemas kini. Setakat September 2011, jumlah cukai taksiran tertunggak bagi hartanah yang mempunyai alamat yang tidak lengkap dan kemas kini serta tiada alamat adalah sejumlah RM830,223. Keadaan ini disebabkan bil cukai taksiran tidak dapat disampaikan kepada pemilik hartanah bagi tujuan pembayaran.

Pada pendapat Audit, sistem berkomputer cukai taksiran adalah baik bagi melaksanakan pengurusan cukai taksiran dengan teratur, cekap dan berkesan. Bagaimanapun, had capaian pengguna harus ditentukan mengikut senarai tugas dengan memastikan had capaian yang bersesuaian sahaja diberikan.

9.4.4. Maklum Balas Orang Awam

9.4.4.1. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 150 borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas orang awam mengenai kepuasan penduduk dalam kawasan perkadaran terhadap pengurusan cukai taksiran dan perkhidmatan Majlis. Pihak Audit berjaya mengumpul sebanyak 67.3% atau 101 daripada 150 borang soal selidik yang di edar.

9.4.4.2. Analisis Audit terhadap maklum balas responden mendapati, sebanyak 73% responden hanya menerima bil cukai taksiran sekali setahun manakala 12% responden tidak pernah menerima bil cukai taksiran dan selebihnya responden menerima bil cukai tidak berkala. Bagi kekerapan penerimaan surat peringatan pula, sebanyak 74% responden tidak menerima surat peringatan sekiranya cukai taksiran tertunggak manakala selebihnya responden ada menerima surat peringatan antara 1 hingga 2 kali setahun. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan responden terhadap perkhidmatan Majlis mendapati, keseluruhannya responden berpuas hati terhadap perkhidmatan Majlis seperti di **Carta 9.3**.

Carta 9.3
Maklum Balas Responden Terhadap Kepuasan Perkhidmatan Majlis



Sumber: Jabatan Audit Negara

9.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan cukai taksiran, pihak Audit mengesyorkan Majlis Daerah Penampang mengambil tindakan seperti berikut:

9.5.1. Majlis perlu memantau prestasi Syarikat selaku pemungut tunggakan cukai taksiran dengan menetapkan sasaran hasil kutipan. Selain itu, Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip cukai taksiran dengan mengadakan program galakan pembayaran cukai taksiran seperti kempen kesedaran, pengiklanan di akhbar tempatan atau laman web dan kaunter bergerak.

9.5.2. Surat peringatan perlu dikeluarkan secara berkala dan menyatakan dengan jelas mengenai tunggakan cukai taksiran yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pembayaran tidak dibuat dalam tempoh tersebut, tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pemilik hartanah.

9.5.3. Mewujudkan kordinasi antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Akaun untuk memastikan cukai taksiran dijelaskan sebelum Lesen Operasi Perniagaan dapat diperbaharui.

9.5.4. Keluasan kawasan perkadaran perlu dikaji semula dari semasa ke semasa supaya perkhidmatan Majlis dapat disampaikan ke kawasan pembangunan di luar kawasan perkadaran dan cukai taksiran dapat dikenakan.

9.5.5. Melaksanakan senarai penilaian baru dengan segera memandangkan kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi pelantikan sebuah syarikat tempatan untuk melaksanakan kerja pengemaskinian data cukai taksiran telah diperolehi. Selain itu, Majlis perlu melakukan pemantauan atau pemeriksaan di kawasan perkadaran

untuk memastikan pengubahsuaian atau tambahan ruang premis dinilai semula mengikut keluasan terkini.

9.5.6. Had capaian terhadap sistem berkomputer cukai taksiran oleh kakitangan Syarikat selaku pemungut tunggakan cukai taksiran hendaklah dihadkan mengikut kesesuaian manakala bagi urusan membatalkan hartanah dan akaun hendaklah disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa bagi menjamin integriti data

JABATAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM

10. PENGURUSAN RUMAH WARGA TUA

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (Jabatan) Negeri Sabah bertanggungjawab untuk mentadbir Rumah Warga Tua (RWT). Objektif penubuhan RWT adalah untuk memberikan penjagaan dan perlindungan kepada warga tua yang tidak mempunyai pendapatan, tempat tinggal dan anak yang sanggup menyara kehidupan mereka. Jabatan mentadbir 3 institusi RWT di Negeri Sabah iaitu RWT Sri Pritchard Kinarut Papar, RWT Sri Harapan Sandakan dan RWT Air PanasTawau.

10.1.2. Kaedah-kaedah Pengurusan Rumah Orang-orang Tua 1988, menetapkan peraturan dan tatacara pengurusan RWT. Kaedah ini merupakan panduan dan peraturan untuk kemasukan, penjagaan, jadual, aktiviti harian penghuni, kemudahan yang disediakan, prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi serta pelantikan lembaga pelawat. Kaedah menetapkan syarat kemasukan penghuni ke RWT adalah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sabah, berumur 60 tahun ke atas, tidak mempunyai pendapatan, tidak mempunyai anak untuk menampung hidup, tidak menghidap sakit mental atau penyakit berjangkit, tiada tempat tinggal, boleh mengurus diri sendiri dan tiada komplikasi kesihatan.

10.1.3. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 74 permohonan ke RWT diterima oleh Jabatan daripada pemohon, saudara terdekat seperti adik beradik atau saudara, hospital dan agensi penguatkuasa berkaitan. Sebanyak 69 atau 93% daripada 74 permohonan diluluskan sebagai penghuni dan 5 ditolak kerana tidak memenuhi syarat ditetapkan atau sudah meninggal dunia. Bilangan penghuni yang ditempatkan di institusi RWT sehingga tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Bilangan Penghuni RWT Sehingga Tahun 2011

Bil.	RWT	Penghuni		Bilangan Penghuni	Kapasiti RWT
		Lelaki (Bil.)	Perempuan (Bil.)		
1.	Sri Pritchard Kinarut, Papar	40	25	65	165
2.	Sri Harapan, Sandakan	32	17	49	100
3.	Air Panas, Tawau	20	16	36	100
Jumlah		**92**	**58**	**150**	**365**

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

10.1.4. Bahagian Pembangunan Orang Kurang Upayadan Institusi (Bahagian) bertanggungjawab untuk memantau RWT. Bahagian ini dianggotai 7 orang pegawai dari gred S17 hingga ke S44 dan berperanan mengendalikan perkhidmatan di institusi untuk

orang kurang upaya dan warga tua. Jabatan telah menyediakan anggaran peruntukan tahunan untuk pengurusan di RWT bagi memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga tua.

10.1.5. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Jabatan telah menerima peruntukan berjumlah RM4.91 juta di bawah yayasan-yayasan kebajikan rumah warga tua dan sejumlah RM4.16 juta telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Prestasi Perbelanjaan Yayasan-Yayasan Kebajikan Rumah Warga Tua Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2009	1.56	1.30	83.3
2010	1.74	1.48	85.1
2011	1.63	1.38	84.7
Jumlah	**4.93**	**4.16**	**84.4**

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan RWT di Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan pengurusan institusi RWT adalah bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat dan institusi RWT Sri Pritchard Kinarut Papar, RWT Sri Harapan Sandakan dan RWT Air Panas Tawau. Semakan Audit dibuat terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan pengurusan RWT. Perbincangan dan temubual juga dilakukan dengan pegawai berkaitan. Lawatan Audit ke Rumah Seri Kenangan Cheras, Kajang, Selangor Darul Ehsan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) turut dilakukan pada 22 September 2011 sebagai perbandingan/tanda aras.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 dan auditan susulan mendapati, pengurusan RWT telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Makanan tidak diagihkan berdasarkan diet penghuni.

- Menu makanan tidak berdasarkan keupayaan pemakanan penghuni.

- Jadual makan tidak mematuhi waktu disarankan.
- Pemberian ubat kepada penghuni tidak dapat disahkan.
- Kakitangan penjagaan dan rawatan kurang terlatih.
- Bilik penghuni tidak dikemas dan dilengkapkan.
- Kemudahan dan alat bantuan tidak disediakan.
- Kemudahan yang disediakan tidak digunakan.
- Peralatan snoezelen tidak digunakan, katil besi dan kabinet tidak digunakan.
- Persekitaran RWT tidak disenggara.
- Kawalan keselamatan tidak mencukupi.

10.4.1. Pemakanan

Makanan berasaskan diet telah disyorkan oleh pegawai perubatan semasa penghuni menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum mengemukakan borang permohonan. Makanan yang disyorkan hendaklah rendah kandungan garam, mengandungi diet seimbang, diet untuk kencing manis, diet biasa, susu dan makanan rendah lemak bagi penghuni yang sihat dan berpenyakit. Menu makanan yang menetapkan jenis makanan yang disajikan kepada penghuni perlulah dibuat berdasarkan pandangan pegawai yang berkelayakan untuk disesuaikan dengan keupayaan pemakanan warga tua. Manakala jadual makan hendaklah disediakan seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pemakanan Warga Emas di Institusi oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

10.4.1.1. Makanan Tidak Disajikan Berdasarkan Diet Penghuni

a. Penghuni hendaklah diberi makanan berdasarkan status pemakanan dan diet yang disyorkan oleh pegawai perubatan. Penghuni di RWT menghidap penyakit seperti tekanan darah tinggi, diabetis, hiperkolestrolemia dan gout hendaklah mematuhi syor diet pegawai perubatan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati, makanan yang disajikan tidak mematuhi syor diet pegawai perubatan mengikut jenis penyakit yang dihidapi oleh penghuni. Makanan berlemak dan berminyak dihidangkan kepada penghuni seperti di **Gambar 10.1** hingga **Gambar 10.4**.

Gambar 10.1
Makanan Berlemak Disajikan Kepada Penghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan,Sandakan
Tarikh: 14 Jun 2010

Gambar 10.2
Makanan Berminyak Dan Mengandungi Kulit Ayam Disajikan Kepada Penghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan,Sandakan
Tarikh: 14 Jun 2010

Gambar 10.3
Makanan Penghuni Tanpa Sukatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 6 September 2011

Gambar 10.4
Penyajian Makanan Tanpa Sukatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 16 September 2011

b. Penyajian tidak berdasarkan syor dan diet yang sesuai ini berlaku kerana penyeliaan kuantiti dan kualiti makanan penghuni tidak dilakukan oleh Jururawat. Ketiadaan penyeliaan pengagihan makanan boleh menjejaskan kesihatan penghuni. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan akan mengenal pasti penghuni yang menghidap penyakit dan meminta pandangan Pegawai Dietetik tentang saranan makanan yang sesuai. Jabatan juga telah mengeluarkan arahan bertulis kepada Jururawat untuk menjalankan pemantauan penyajian makanan berdasarkan diet penghuni.

10.4.1.2. Menu Makanan Tidak Disediakan Berdasarkan Keupayaan Pemakanan

a. Menu makanan penghuni perlu disediakan dengan mematuhi saranan pegawai berkelayakan dalam bidang dietetik untuk disesuaikan dengan keupayaan pemakanan warga tua. Pemeriksaan Audit mendapati, menu makanan telah disediakan untuk penghuni seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Menu Makan/Diet RWT

Saranan Menu Makan/Diet Rumah Warga Tua							
	Isnin	**Selasa**	**Rabu**	**Khamis**	**Jumaat**	**Sabtu**	**Ahad**
Sarapan	Kopi Roti sandwich (kaya+ marjerin) Telur rebus	Kopi Kochung kacang/ ayam	Kopi Roti sandwich (kacang mentega) Telur rebus	Kopi Bubur nasi Telur masin/sardin tauseh	Kopi Mihoon goreng+ sayur Telur rebus	Kopi Sandwich telur	Kopi Mee goreng
Makan Tengah Hari	Ikan masak asam Sayur tumis bayam (merah/ hijau) Limau manis tempatan	Ayam masak sup yuk choi Sayur tumis (kubis bulat/ panjang) Buah pisang	Ikan kukus taucu Sayur tumis (kentang/ terung) Buah pisang	Ikan masak sos tomato+ bawang besar Sayur tumis (*cauliflower*/ brokoli) Buah tembikai merah	Ayam masak sos tiram Sayur tumis (kailan/ sawi putih) Buah tembikai susu	Ikan goreng Sup Sayur (timun/ petola) Buah pisang	Ayam masak sos tomato Sayur sup(ham choi+ tauhu putih/ kuning) Buah tembikai kuning
Minum Petang	Teh *Bun* Kacang Tanah	Leong fun susu Cucur udang/ bawang	Teh Kek gulung	Teh Bubur kacang hijau/merah &ubi manis	Cendol susu Pau kacang hitam/ ayam	Teh Lepat pisang	Teh Pulut panggang
Makan Malam	Ayam goreng *kentucky* Sup sayur (timun/ petola) Buah betik	Ikan masak lemak Sayur tumis+ ikan bilis(sawi putih/ bunga) Buah tembikai susu	Ayam masak kurma/kari Sayur tumis bayam (merah/ Hijau) Buah betik	Ayam masak sup *red dates* Sayur tumis(sang choi kering) Buah pisang	Ikan masak kunyit Sayur tumis (kacang panjang/ pendek) Buah betik	Ayam masak kicap+ bawang besar Sayur tumis (kacang/sawi bunga) Buah betik	Ikan masak sup Sayur tumis (lobak+ kobis) Buah pisang
Minum Malam	Nestum Biskut *Marie*	Milo Kek gulung	Milo Biskut *Marie*	Milo *Bun* kismis	Nestum *Bun buttermilk*	Milo Biskut *Marie*	Milo *Bun* kacang hitam

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

b. Semakan Audit mendapati, menu yang disediakan tidak berdasarkan diet yang sesuai untuk penghuni seperti ulasan dan justifikasi Pegawai Dietetik, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Ulasan Dan Justifikasi Menu Rumah Warga Tua

Bil	Ulasan Menu	Justifikasi
1.	Menu bertekstur keras diberikan seperti buah tembikai susu pada hari Jumaat di waktu makan tengah hari.	Makanan bertekstur lembut penting bagi warga tua yang tidak bergigi atau memakai gigi palsu atau mengalami masalah pernafasan. Contoh, buah epal segar dimasak untuk dibuat *apple sauce* yang bertekstur lembut.
2.	Diet dengan modifikasi tekstur kurang disediakan kepada penghuni. Contohnya, ayam dan sayur dicincang halus.	
3.	Jenis makanan tidak disebut dan makanan yang sama jenis dihidang berturut-turut. Contoh: a. Kek gulung diberi pada hari Selasa (minum malam) dan hari Rabu (minum petang). b. Buah pisang pada hari Selasa dan Rabu bagi makan tengahari. c. Buah betik pada hari Jumaat dan Sabtu bagi makan malam. d. Menu telur diberikan ketika sarapan pagi Jumaat & Sabtu. e. Pada hari Sabtu, buah pisang diberi ketika makan tengahari dan lepat pisang pada minum petang.	•Variasi dalam penyediaan hidangan adalah penting bagi: a. Membekalkan pelbagai jenis nutrien. b. Mengelakkan rasa jemu terhadap hidangan makanan yang sama. •Jenis pisang yang berbeza boleh diberikan contohnya pisang rebus dan pisang rastali. •Cara masakan yang berbeza boleh disediakan contohnya telur separuh masak dan *scrambled egg.*
4.	Warga tua tidak diberikan minuman bersusu seperti susu rendah lemak.	Susu/produk tenusu penting untuk membekalkan keperluan kalsium yang mencukupi sekiranya diberikan 2 hidangan dalam sehari.
5.	Makanan berkalori tinggi dan berlemak kerap dihidangkan. Contohnya, mihun goreng, mee goreng, cucur udang, margerin, *buttermilk bun*, mentega kacang, ayam goreng, masakan berlemak.	Pilihan makanan yang berkalori rendah dan kurang berlemak adalah disarankan sekiranya terdapat warga tua yang berlebihan berat atau mempunyai penyakit jantung.
6.	Minum pagi disediakan oleh RWT Kinarut tetapi tiada senarai menu diberikan.	Menu adalah penting untuk keseragaman dalam penyediaan dan untuk kawalan kos.

Sumber: Rekod Pegawai Dietetik, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu

c. Keadaan ini disebabkan Jabatan tidak mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai diet yang sesuai untuk penghuni sama ada yang sihat atau menghidap penyakit sebelum menu disediakan.Ini mengakibatkan penghuni tidak mendapat makanan yang sesuai dengan diet. Menu makanan yang disediakan tanpa mendapat pandangan pegawai dietetik boleh mengganggu diet penghuni. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan pandangan tentang menu makanan berdasarkan kalori telah didapatkan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS). Pandangan dari segi dietetik lebih melihat secara terperinci dari segi kesesuaian makanan berdasarkan kesihatan penghuni seperti *hypertension*, diabetik dan lain-lain. Jabatan telah mengambil tindakan dengan meminta pandangan Pegawai Dietetik di hospital bahagian berkenaan mengenai kesesuaian makanandi RWT yang berkaitan.

10.4.1.3. Jadual Makan Tidak Mematuhi Waktu Yang Disarankan

a. Waktu makan hendaklah mematuhi saranan pegawai dietetik untuk memastikan warga tua berada pada tahap kesihatan yang baik. Pemeriksaan Audit mendapati,

waktu makan yang ditetapkan di ketiga-tiga RWT adalah berbeza dan tidak mematuhi waktu yang disarankan. Pandangan tentang waktu makan di RWT telah didapatkan daripada Pegawai Dietetik Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Jadual waktu makan di RWT dan ulasan oleh Pegawai Dietetik adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Jadual Waktu Makan Di RWT Dan Ulasan Pegawai Dietetik

Perkara	Waktu Disarankan	Waktu Makan RWT			Ulasan Pegawai Dietetik
		Sri Harapan	Air Panas	Sri Pritchard	
Sarapan pagi	7.00–7.30 pagi	7.00 pagi	7.00 pagi	7.00 pagi	RWT mematuhi waktu makan yang disarankan.
Minum pagi	10.00–10.30 pagi	Tidak Disediakan	Tidak Disediakan	10.00 pagi	RWT Sri Harapan dan RWT Air Panas tiada minum pagi.
Makan tengahari	12.30–1.00 tengahari	11.00 pagi	12.00 tengahari	12.00 tengahari	RWT Sri Harapan tidak mematuhi waktu makan disarankan.
Minum petang	3.30–4.00 petang	1.00 tengahari	2.00 petang	3.00 petang	RWT Sri Harapan dan RWT Air Panas tidak mematuhi waktu makandisarankan.
Makan Malam	6.30–7.00 malam	4.00 petang	5.00 petang	5.00 petang	RWT menyediakan hidangan lebih awal dari disarankan.
Minum Malam	9.00–9.30 malam	5.00 petang	7.00 malam	Tidak Disediakan	RWT Sri Harapan dan RWT Air Panas menyediakan hidangan minum malam awal dari waktu yang disarankan.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

b. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan tidak mendapatkan pandangan daripada Pegawai Dietetik semasa menetapkan jadual waktu makan di RWT. Berdasarkan temubual dengan Penguasa, waktu makan dan minum diawalkan atas permintaan penghuni. Ini mengakibatkan waktu makan dan minum penghuni tidak mematuhi saranan yang disyorkan dan boleh menjejaskan kesihatan. Selepas teguran Audit, Jabatan telah mengarahkan RWT untuk mematuhi jadual makan yang disarankan secara berperingkat. Jabatan juga akan mendapatkan nasihat dan saranan jadual pemakanan yang sesuai daripada Pegawai Dietetetik, Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu untuk setiap institusi.

Pada pendapat Audit, penyajian makanan kepada penghuni tidak memuaskan kerana tidak mematuhi diet yang sesuai berdasarkan syor pegawai perubatan, menu makanan tidak disediakan berdasarkan keupayaan pemakanan penghuni dan jadual waktu makan yang disediakan tidak mematuhi saranan pihak berkuasa kesihatan.

10.4.2. Rawatan

10.4.2.1. Pemberian Ubat Kepada Penghuni Tidak Dapat Disahkan

Pemberian ubat kepada penghuni hendaklah berdasarkan jadual dan perskripsi yang ditetapkan oleh pegawai perubatan. Pemeriksaan Audit mendapati, seramai 81 daripada 150 penghuni menghidap penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis,

hiperkolesterolemia, gout dan lain-lain. Pemeriksaan Audit juga mendapati, pemberian ubat di 2 daripada 3 RWT adalah teratur. Bagaimanapun, pemberian ubat di RWT Air Panas kepada penghuni yang menghidap penyakit tidak dapat disahkan kerana ketiadaan rekod disediakan. Temubual Audit mendapati, pegawai yang bertanggungjawab tidak menyedari keperluan menyelenggara rekod pemberian ubat. Ketiadaan rekod ini menyebabkan pemantauan kekerapan dan pematuhan pemberian ubat kepada penghuni tidak dapat disahkan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan tindakan telah diambil dengan memastikan pemberian ubat adalah berdasarkan saranan pegawai perubatan dengan menyelenggara rekod pemberian ubat.

10.4.2.2. Kakitangan Penjagaan Dan Rawatan Kurang Terlatih

a. Jururawat hendaklah dibantu oleh kakitangan yang terlatih untuk memastikan tugas penjagaan dan rawatan penghuni dilaksanakan dengan baik. Mengikut amalan biasa, tugas penjagaan dan rawatan dilakukan oleh Jururawat dibantu Atendan Kesihatan. Pemeriksaan Audit mendapati, tugas penjagaan dan rawatan penghuni di RWT dilaksanakan oleh Jururawat dan dibantu Pembantu Am Pejabat (PAP). Semakan selanjutnya mendapati, PAP tidak menerima latihan khusus dalam bidang penjagaan dan rawatan penghuni sebelum ditempatkan di RWT. Kemahiran penjagaan dan rawatan penghuni dipelajari daripada latihan yang dianjurkan oleh Jabatan dan tunjuk ajar kakitangan yang lebih kanan. Bilangan Jururawat, PAP dan penghuni di setiap RWT adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Bilangan Jururawat, PAP dan Penghuni RWT

RWT	Bilangan Jururawat	Bilangan Pembantu Am Pejabat (PAP)	Bilangan Penghuni	Masa Bertugas Jururawat
Sri Pritchard	4	23	65	8.00 pagi – 5.00 petang
Sri Harapan	3	11	49	8.00 pagi – 5.00 petang
Air Panas	2	8	36	8.00 pagi – 5.00 petang
Jumlah	**9**	**42**	**150**	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

b. Keadaan ini disebabkan Jabatan tidak menempatkan kakitangan yang berkelayakan untuk membantu tugas penjagaan dan rawatan penghuni. Ini boleh menjejaskan penjagaan dan rawatan penghuni kerana tidak dilaksanakan oleh kakitangan yang berkelayakan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan jawatan Atendan Kesihatan telah dilantik sebelum pelaksanaan Skim Saraan Baru (SSB). Bagaimanapun, selepas pelaksanaan SSB jawatan ditukar kepada Pembantu Am Rendah (PAR) dan kepada PAP di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Jabatan berpendapat PAP berkemampuan untuk menjalankan tugas Atendan Kesihatan kerana kemahiran telah diperolehi hasil daripada tunjuk ajar kakitangan yang lebih kanan.

Pada pendapat Audit, jadual pemberian ubat telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali pemberian ubat tidak dapat disahkan di satu daripada 3 RWT. Selain itu, penjagaan dan rawatan penghuni tidak memuaskan kerana tugas Jururawat tidak dibantu oleh kakitangan yang berkelayakan seperti Atendan Kesihatan.

10.4.3. Kemudahan

10.4.3.1. Bilik Penghuni Tidak Dikemaskan Dan Dilengkapkan

a. Bilik penghuni hendaklah dikemaskan dan dilengkapkan dengan kemudahan yang berfungsi seperti tingkap dan *mosquito net* untuk keselesaan dan kesihatan penghuni. Lawatan Audit yang dilakukan ke RWT Sri Harapan pada 13 hingga 17 Jun 2011, RWT Air Panas pada 23 November 2010 dan 4 hingga 7 Julai 2011 dan RWT Sri Pritchard pada 15 hingga 19 Ogos 2011 dan 6 September 2011 mendapati, bilik penghuni tidak dikemaskan, tidak dilengkapkan dengan *mosquito net* dan tingkap tidak boleh ditutup seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Keadaan Bilik Penghuni

RWT	No. Bilik	Bilangan Penghuni	Keadaan
Sri Harapan	Japanese Rose	11	Tingkap tidak boleh ditutup dan *mosquito net* tidak dipasang seperti di **Gambar 10.5** dan *frame* tingkap reput di **Gambar 10.6**.
Air Panas	Anggerik Villa	1	Bilik penghuni tidak dipasang *mosquito net*, siling rosak dan tidak dikemaskan seperti di **Gambar 10.7** dan bilik yang kemas seperti di **Gambar 10.8**.
	No. 2 Yun Fah Villa	3	
	No. 3 Yun Fah Villa	3	
	No. 4 Yun Fah Villa	2	
Sri Pritchard	No. 4 Bunga Matahari	2	Katil penghuni tidak dikemaskan seperti di **Gambar 10.9** dan katil yang kemas di **Gambar 10.10**.
	Bunga Mawar	14	Tiada *mosquito net* seperti di **Gambar 10.11** dan **Gambar 10.12**.
		13	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 10.5
Tingkap Tidak Boleh Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.6
***Frame* Tingkap Reput**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.7
Bilik Tidak Dikemaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 7 Julai 2011

Gambar 10.8
Bilik Yang Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 7 Julai 2011

Gambar 10.9
Katil Tidak Dikemaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 15 Ogos 2011

Gambar 10.10
Katil Yang Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 15 Ogos 2011

Gambar 10.11
***Mosquito Net* Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 6 September 2011

Gambar 10.12
***Mosquito Net* Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 6 September 2011

b. Keadaan ini adalah disebabkan Jabatan tidak memastikan agar bilik penghuni sentiasa dikemaskan dan dilengkapkan dengan kemudahan seperti *mosquito net* dan tingkap yang berfungsi untuk keselesaan penghuni. Disamping itu, Jabatan tidak

mewujudkan jawatan Penyelia Asrama mengikut amalan di institusi lain seperti Rumah Seri Kenangan, Cheras untuk membuat penyeliaan agar bilik penghuni dikemaskan dan lengkap. Keadaan ini boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan penghuni. Selepas teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan PAP Kanan (N4) telah dipertanggungjawabkan untuk tugas penjagaan bilik penghuni kerana jawatan Penyelia Asrama tidak diwujudkan di RWT. Semua Penguasa institusi RWT juga telah dimaklumkan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

10.4.3.2. Kemudahan Dan Alat Bantuan Tidak Mencukupi

a. Kemudahan dan alat bantuan perlu disediakan bagi memudahkan penghuni menjalani kehidupan seharian kerana warga tua mudah tercedera berbanding golongan lain. Lawatan Audit pada 22 hingga 26 November 2010 ke RWT Air Panas dan pada 13 hingga 17 Jun 2011 ke RWT Sri Harapan serta 15 hingga 19 Ogos 2011 ke RWT Sri Pritchard Kinarut mendapati, laluan pejalan kaki tidak dipasang *handrail*, bilik mandi dan tandas tidak dilengkapi dengan pemanas air dan bar pemegang di dinding seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8
Alat Bantuan Dan Kemudahan Tidak Disediakan

RWT	Keadaan	Lokasi
Air Panas	Laluan pejalan kaki tidak dipasang *handrail* yang menyukarkan penghuni berjalan seperti di **Gambar 10.13**.	Laluan pejalan kaki
	Tiada pemanas air dipasang di bilik mandi seperti di **Gambar 10.14**.	
Sri Harapan	Bar pemegang di dinding tandas tidak dipasang seperti di **Gambar 10.15** dan contoh bar yang patut dipasang di **Gambar 10.16**.	Blok perempuan
Sri Pritchard	Bar pemegang di dinding tandas tidak dipasang seperti di **Gambar 10.17**.	Tandas penghuni *bedridden*
	Pemanas air tidak dipasang di bilik mandi seperti di **Gambar 10.18**.	Tandas penghuni kendiri

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 10.13
***Handrail* Di Laluan Pejalan Kaki Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 22 November 2010

Gambar 10.14
Pemanas Air Tidak Dipasang Di Bilik Mandi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 24 November 2010

Gambar 10.15
Bar Pemegang Di Dinding Tandas Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.16
Bar Pemegang Di Dinding Tandas Yang Sepatutnya Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Seri Kenangan, Cheras
Tarikh: 22 September 2011

Gambar 10.17
Bar Pemegang Di Dinding Tandas Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 15 Ogos 2011

Gambar 10.18
Pemanas Air Tidak Disediakan Di Bilik Mandi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 15 Ogos 2011

b. Keadaan ini berlaku kerana Jabatan tidak menentukan keperluan alat bantuan yang memudahkan penghuni disediakan. Keadaan ini boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan penghuni. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan kemudahan dan alat bantuan akan disediakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan kewangan.

10.4.3.3. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Digunakan

a. Kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan hendaklah dimanfaatkan penghuni. Lawatan ke RWT Sri Harapan Sandakan pada 13 hingga 17 Jun 2011 mendapati, RWT mempunyai kemudahan seperti bangunan dobi, bengkel dan bilik dispensari untuk kegunaan penghuni. Lawatan Audit mendapati, kemudahan ini tidak digunakan oleh penghuni seperti di **Gambar 10.19** hingga **Gambar 10.21**.

Gambar 10.19
Bangunan Bengkel Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh:16 Jun 2011

Gambar 10.20
Bangunan Dobi Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh:16 Jun 2011



Gambar 10.21
Bilik Dispensari Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi:RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 16 Jun 2011

b. Menurut Penguasa, kemudahan ini tidak digunakan sejak beliau ditugaskan di RWT Sri Harapan pada tahun 1990. Kedua-dua bangunan dijadikan stor menyimpan barang-barang yang tidak digunakan manakala bilik dispensari berada jauh dari bilik penghuni. Disamping itu, aktiviti harian penghuni tidak dijadualkan bagi memanfaatkan kemudahan disediakan menyebabkan kemudahan tersebut tidak digunakan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan bangunan bengkel tidak digunakan kerana tiada penghuni berminat untuk menjalankan hobi yang memerlukan bengkel.Oleh itu, bangunan bengkel dijadikan stor penyimpanan barang. Jabatan menyatakan kemudahan di bangunan dobi tidak digunakan kerana kos operasi dan pembaikan yang tinggi. Jabatan memutuskan untuk menggunakan mesin basuh biasa dan ditempatkan di bilik kediaman penghuni. Manakala bilik dispensari pernah digunakan namun dipindahkan ke bilik jururawat atas faktor keselamatan, keselesaan penghuni dan kesesuaian kakitangan bertugas.

Pada pendapat Audit, bilik penghuni tidak berada dalam keadaan memuaskan kerana bilik tidak dikemaskan dan dilengkapkan dengan *mosquito net*. Selain itu, alat bantuan dan kemudahan untuk keselesaan penghuni tidak disediakan

dengan memuaskan.Kemudahan di satu daripada 3 institusi iaitu di RWT Sri Harapan, Sandakan tidak digunakan untuk aktiviti penghuni.

10.4.3.4. Peralatan

Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 3 Tahun 1993 (bagi perolehan aset sebelum tahun 2010) dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 (bagi perolehan aset tahun 2010 dan tahun berikutnya) menyatakan semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur yang bertujuan mengurangkan pembaziran, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan aset Kerajaan. Semakan Audit mendapati, perolehan kelengkapan RWT seperti peralatan snoezelen, katil besi boleh laras, katil besi dan kabinet katil yang dibuat pada tahun 1990 tidak digunakan. Penjelasan lanjut mengenai perolehan kelengkapan asrama adalah seperti di perenggan berikut:

a. Peralatan Tidak Digunakan

i. Jabatan telah membuat pengubahsuaian bilik dan perolehan peralatan snoezelen berjumlah RM283,600 pada tahun 2010. Menurut pegawai yang bertanggungjawab, projek ini dilaksanakan sebagai *pilot project* sebelum diperluaskan ke institusi lain di bawah Jabatan. Peralatan snoezelenini diletakkan dibawah tanggungjawab seorang Jururawat yang menjalankan aktiviti dan membuat laporan perkembangan penghuni yang menggunakannya. Lawatan Audit ke RWT Sri Pritchard pada 19 Ogos 2011 mendapati, peralatan yang dibeli tidak digunakan oleh penghuni sejak tahun 2010 seperti di **Gambar 10.22** dan **Gambar 10.23**.

Gambar 10.22
***Massage Chair* Dibeli Tidak Digunakan Di Bilik Snoezelen**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh:19 Ogos 2011

Gambar 10.23
***Infinity And Beyond Panel* Dibeli Tidak Digunakan Di Bilik Snoezelen**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh:19 Ogos 2011

ii. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan tidak menempatkan seorang Jurupulih Cara Kerja bagi memastikan peralatan digunakan sewajarnya. Ini mengakibatkan

peralatan yang dibekalkan tidak digunakan oleh penghuni. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan cadangan pembinaan bilik snoezelen diterima pada awalnya kerana Jabatan mempunyai seorang Jurupulih Cara Kerja di Ibu Pejabat untuk menjalankan operasi. Namun begitu, Jurupulih Cara Kerja tersebut telah bersara wajib. Jabatan telah memohon kelulusan pengisian jawatan tersebut namun masih dibekukan.

Pada pendapat Audit, pembelian peralatan yang tidak digunakan oleh penghuni adalah satu pembaziran.

b. Katil Besi Dan Kabinet Tidak Digunakan

i. Peralatan yang diperolehi hendaklah diagih dan digunakan. Lawatan Audit ke RWT Sri Harapan, Sandakan pada 16 Jun 2011 mendapati, sebanyak 26 katil besi boleh laras,15 katil besi dan 35 kabinet katil tidak pernah digunakan dan disimpan di bangunan dobi dan bengkel. Manakala di bengkel RWT Sri Pritchard Kinarut pada 16 Ogos 2011 didapati sebanyak 20 katil besi yang diperolehi sejak tahun 1990 tidak digunakan adalah seperti di **Gambar 10.24** dan **Gambar 10.25**.

Gambar 10.24
Katil Besi Dibeli Tidak Digunakan Disimpan Di Bangunan Dobi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh:16 Jun 2011

Gambar 10.25
Katil BesiTidak Digunakan Disimpan Di Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 16 Ogos 2011

ii. Nilai keseluruhan peralatan ini tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan. Peralatan ini tidak digunakan kerana perolehan dilakukan tanpa mengikut keperluan semasa dan menyebabkan pembaziran wang Kerajaan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan peralatan seperti katil dan kabinet akan digunakan untuk mengganti katil dan kabinet penghuni yang rosak. Manakala katil di RWT Kinarut telah digunakan bagi menggantikan katil penghuni yang usang atau rosak.

Pada pendapat Audit, perolehan peralatan di RWT tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana peralatan dibeli tidak digunakan.

10.4.4. Persekitaran Dan Keselamatan

10.4.4.1. Persekitaran RWT Tidak Disenggara

a. RWT hendaklah disenggara untuk memelihara aset Kerajaan, memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan, penjimatan perbelanjaan dan kos mengganti pada jangka masa panjang, pewujudan suasana kerja yang selesa dan memelihara imej Kerajaan Negeri. Lawatan Audit ke RWT Sri Harapan Sandakan pada 13 hingga 17 Jun 2011, RWT Air Panas Tawau pada 22 hingga 23 November 2010 dan 4 hingga 7 Julai 2011serta RWT Sri Pritchard Kinarut pada 15 hingga 19 Ogos 2011 mendapati, persekitaran dan kemudahan RWT tidak disenggara dengan baik seperti di **Gambar 10.26** hingga **Gambar 10.37**.

Gambar 10.26
Rumput Panjang Di Kawasan RWT Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 22 November 2010

Gambar 10.27
***Mosquito Net* Di Pintu Bilik Penghuni Rosak Dan Diganti Dengan Kotak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 22 November 2010

Gambar 10.28
Dinding Papan Di Rumah Mayat Usang Dan Dimakan Anai-Anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 22 November 2010

Gambar 10.29
Kuarters Kakitangan Terbiar Dan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 15 Jun 2011

Gambar 10.30
Pintu Bilik Penghuni Tiada Pemegang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 7 Julai 2011

Gambar 10.31
Kuarters KakitanganTerbakar Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 15 Jun 2011

Gambar 10.32
Pintu Tandas Dewan Serbaguna Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.33
Resapan Air Pada Siling Tandas Dewan Serbaguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.34
Gelagar Bumbung Di Laluan Pejalan Kaki Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.35
***Handrail* Pejalan Kaki Berkarat Sepanjang Laluan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.36
***Frame* Pintu Dispensari Dimakan Anai-anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 15 Jun 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 15 Jun 2011



Gambar 10.37
Penyerap Asap Di Dapur Tidak Berfungsi Sejak 17 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Pritchard, Kinarut
Tarikh: 15 Ogos 2011

b. Keadaan ini berlaku disebabkan penyenggaraan berkala tidak dilakukan dan RWT berkaitan telah merujuk perkara ini kepada JKR di daerah masing-masing untuk kerja pembaikan. Persekitaran yang tidak disenggara boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan penghuni serta memberikan gambaran yang tidak baik kepada Kerajaan. Jabatan memaklumkan RWT Tawau telah dibina pada bulan November

1962 dengan kos RM184,500 dan telah beroperasi pada tahun 1963. Jabatan berpandangan bahawa pembinaan baru RWT Tawau adalah lebih wajar kerana anggaran awal untuk pembaikan ialah sebanyak RM1.12 juta. Selepas teguran Audit, Jabatan telah memaklumkan kepada semua Penguasa institusi RWT berkenaan kerosakan RWT dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Pada pendapat Audit, persekitaran RWT tidak memuaskan kerana persekitaran RWT tidak disenggara dan kerosakan tidak dibaiki. Keadaan seperti ini boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

10.4.4.2. Kawalan Keselamatan Tidak Mencukupi

a. RWT hendaklah mempunyai kawalan keselamatan yang mencukupi untuk memberi perlindungan kepada penghuni. Pemeriksaan Audit mendapati, Jabatan telah menyediakan khidmat kawalan keselamatan di setiap RWT. Bagaimanapun, khidmat kawalan keselamatan tidak disediakan untuk sepanjang masa di 2 daripada 3 RWT. Butiran khidmat kawalan keselamatan di setiap RWT adalah seperti **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9
Khidmat Kawalan Keselamatan Di RWT

RWT	Bilangan Pengawal Keselamatan	Keluasan (Hektar)	Waktu Bertugas	Bilangan Hari Bertugas Dalam Seminggu (Hari)	Tempoh Kawalan Keselamatan Tidak Disediakan
Sri Harapan	2	20	• 4.30 petang - 12.30 pagi • 12.30 pagi - 8.00 pagi	7	8 pagi hingga 4.30 petang setiap hari.
Air Panas	1	2.91	10.00 pagi - 7.00 malam	6	● 7.00 malam hingga 10.00 pagi setiap hari bertugas. ● Satu hari dalam seminggu.
Sri Pritchard	4	11.33	● 7.00 pagi – 3.00 petang ● 3.00 petang - 11.00 malam ● 11.00 malam - 7.00 pagi	7	Disediakan sepanjang waktu.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

b. Adalah didapati, bilangan pengawal keselamatan tidak seimbang dengan keluasan RWT. Contohnya, bagi RWT Sri Harapan yang berkeluasan 20 hektar, seramai 2 orang pengawal keselamatan ditugaskan dalam 2 syif berbanding dengan yang diamalkan di RSK Cheras yang berkeluasan 15 hektar, seramai 8 orang pengawal keselamatan ditugaskan dalam 3 syif. Lawatan Audit ke RWT Sri Harapan Sandakan pada 13 hingga 17 Jun 2011 dan RWT Air Panas Tawau 4 hingga 7 Julai 2011 mendapati, pengawal keselamatan tidak berada di pondok pengawal dan kawalan keluar masuk waktu syif malam seperti di **Gambar 10.38** hingga **Gambar 10.39**.

Gambar 10.38
Tiada Kawalan Di Pintu Masuk Ke RWT



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Sri Harapan, Sandakan
Tarikh: 13 Jun 2011

Gambar 10.39
Tiada Kawalan Di Pintu Masuk Ke RWT



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RWT Air Panas, Tawau
Tarikh: 4 Julai 2011

c. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan tidak menempatkan bilangan pengawal keselamatan berdasarkan keperluan sebenar RWT Sri Harapan dan Air Panas. Kekurangan pengawal keselamatan boleh menjejaskan keselamatan penghuni dan aset Kerajaan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Jun 2012, Jabatan memaklumkan bahawa pembekuan permohonan jawatan masih berkuatkuasa dan Jabatan bercadang untuk *outsource* khidmat kawalan keselamatan.

Pada pendapat Audit, khidmat kawalan keselamatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana tidak disediakan sepanjang waktu.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan supaya Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am mengambil langkah-langkah seperti berikut:

10.5.1. Makanan diagihkan kepada penghuni berdasarkan saranan yang disyorkan oleh pegawai perubatan dan menu makanan disediakan berdasarkan diet yang disarankan pegawai Dietetik.Selain itu, jadual waktu makan diubah dengan mengambil kira waktu yang disarankan untuk warga tua.

10.5.2. Pemantauan rawatan pemberian ubat dilakukan secara sistematik dan Jururawat dibantu kakitangan berkelayakan seperti Atendan Kesihatan untuk menjalankan tugas penjagaan dan rawatan penghuni.

10.5.3. Memastikan bilik penghuni dikemaskan dan dilengkapkan dengan kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan penghuni serta menyediakan kemudahan dan alat bantuan yang mencukupi untuk keselesaan dan keselamatan penghuni. Selain itu, kemudahan yang disediakan dikendalikan kakitangan yang berkelayakan dan digunakan oleh penghuni.

Perolehan peralatan perlu dirancang dan dibuat dengan lebih teliti untuk memastikan penggunaannya.

10.5.4. Membina bangunan baru menggantikan RWT yang uzur dan memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi serta menyenggara persekitaran RWT secara berjadual.Aspek kawalan keselamatan di RWT ditambah agar khidmat kawalan keselamatan sentiasa diadakan.

10.5.5. Mewujudkan RWT yang boleh dijadikan contoh terbaik untuk penjagaan dan perlindungan warga tua.

JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

11. PENGURUSAN GUA SARANG BURUNG WALIT

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Di Negeri Sabah, sebanyak 23 gua batu kapur yang menjadi tempat tinggal burung walit telah diwartakan dalam Jadual 4 Seksyen 85, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 di mana 12 daripadanya adalah gua milik Kerajaan Negeri manakala 11 gua lagi adalah milik warisan. Taburan lokasi gua-gua batu kapur tersebut adalah seperti di **Peta 11.1**.

Peta 11.1
Taburan Gua Sarang Burung Walit Di Sabah



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Gua Milik Kerajaan Negeri
Gua Milik Warisan

11.1.2. Pengurusan gua sarang burung walit di Negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hidupan Liar Sabah (Jabatan) sepertimana dinyatakan di bawah Seksyen 85 dan 86, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Antara tanggungjawab tersebut ialah memelihara dan mengurus gua serta mengutip hasil dari aktiviti penuaian sarang burung walit. Matlamat utama Jabatan dalam konteks ini adalah untuk melindungi, memelihara dan menyelidik terhadap burung walit sebagai spesies yang terlindung sepertimana yang telah diwartakan dalam Jadual 2 (bil.163-166), Seksyen 25(a) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Jabatan juga bermatlamat untuk menjadikan gua sarang burung walit sebagai pusat rekreasi, pelancongan, latihan dan pendidikan. Manakala Jabatan Perhutanan pula bertanggungjawab terhadap hutan simpan di mana terdapatnya

gua-gua sarang burung walit sepertimana yang termaktub dalam Bahagian II – Hutan Simpan Seksyen 5 - 22, Enakmen Perhutanan 1968. Antara tanggungjawab Jabatan Perhutanan adalah untuk mengawal, memelihara dan memantau bagi menjamin hutan simpan terus terpelihara dan dilindungi. Ini kerana kawasan hutan di sekitar gua memberi impak terhadap suhu dan kelembapan gua. Keadaan tersebut adalah penting bagi mengekalkan habitat semulajadi burung walit. Pada keseluruhannya, gua sarang burung walit terletak di dalam kawasan hutan simpan dan hutan tanah milik Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, Gua Gomantong di Kinabatangan terletak di Hutan Simpan Gomantong, Gua Madai, Kunak di Hutan Simpan Madai-Baturong, Gua Pun Batu, Nabawan di Hutan Simpan Pensiangan dan Gua Kok Simpul, Pulau Balambangan di hutan tanah milik Kerajaan Negeri.

11.1.3. Mengikut peruntukan Seksyen 85 dan 86 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997, semua hasil yang diperolehi dari kutipan sarang burung di gua milik Kerajaan Negeri adalah menjadi hasil Kerajaan Negeri sepenuhnya manakala kutipan sarang burung dari gua warisan pula dikenakan bayaran royalti 10% daripada jumlah kutipan. Kaedah pengurusan kutipan sarang burung di gua milik Kerajaan Negeri dan warisan dilaksanakan secara tender di mana harga tender telah ditentukan dalam tawaran tender yang dipersetujui. Setakat ini, Jabatan hanya mengurus dan memberi tumpuan serta mengutip hasil sarang burung dari Gua Gomantong (milik Kerajaan Negeri) dan Gua Madai (milik warisan) sahaja. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011, hasil kutipan sarang burung yang diperolehi dari kedua-dua gua tersebut adalah berjumlah RM18.93 juta, RM18.93 juta dan RM 19.07 juta masing-masing.

11.1.4. Terdapat 4 spesies burung walit yang mendiami gua batu kapur iaitu Bersarang Putih (*Collocalia Fuciphagus*), Bersarang Hitam (*Collocalia Maximus*), Bersarang Lumut (*Collocalia Vanikorensis*) dan Layang-Layang Perut Putih (*Collocalia Esulenta*). Bagaimanapun, hanya sarang spesies Bersarang Putih dan Bersarang Hitam sahaja yang boleh dimakan untuk kesihatan dengan harga pasaran RM5,000 dan RM1,800 sekilogram masing-masing. Kebanyakan sarang burung dari Negeri Sabah diproses di Negeri Sarawak sebelum dieksport ke luar negara terutamanya Negara China.

11.1.5. Burung walit Bersarang Putih dan Bersarang Hitam membentuk sarang dalam tempoh lebih kurang 1 bulan dan mengeluarkan 2 dan sebiji telur bagi setiap pembiakan. Telur itu dijangka menetas selepas 28 dan 27 hari dieram. Anak burung ini akan menjadi matang dalam tempoh 8 dan 6 minggu. Tempoh pembiakan burung walit Bersarang Hitam lebih cepat berbanding burung walit Bersarang Putih seperti di **Gambar Rajah 11.1**.

Gambar Rajah 11.1
Kitaran Hidup Burung Walit Bersarang Putih dan Bersarang Hitam



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah
Nota: * - Burung Walit Bersarang Hitam

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan terhadap gua sarang burung oleh Jabatan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan gua dilindungi sebagai tempat perlindungan, spesies burung walit terpelihara, kaedah penuaian mengikut peraturan dan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada gua milik Kerajaan Negeri dan milik warisan yang aktif dan tidak aktif mengeluarkan sarang burung serta menjalankan aktiviti pelancongan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Hidupan Liar (JHL) Kota Kinabalu, Stesen Hidupan Liar Gomantong, Pejabat JHL Kunak dan Pejabat JHL Keningau dengan membuat semakan dan analisis data, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan gua sarang burung walit. Temu bual dengan pegawai JHL, pewaris, kontraktor dan pekerja yang terlibat juga dijalankan. Selain itu, lawatan dibuat ke lokasi yang dipilih iaitu Gua Gomantong di Kota Kinabatangan, Gua Madai di Kunak, Gua Pun Batu di Nabawan dan Gua Balambangan di Kudat untuk menentukan objektif jabatan mengenai pengurusan dan perlindungan terhadap gua dan spesies burung walit telah dilaksanakan dengan sewajarnya.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 dan beberapa lawatan susulan mendapati, prestasi pengurusan Gua Sarang Burung Walit adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Gua tidak diurus dan dilindungi.
- Kawasan hutan di sekitar gua diceroboh.
- Populasi burung walit terjejas.
- Kaedah dan peraturan penuaian tidak dipatuhi.
- Kawalan keselamatan tidak memuaskan.
- Program pelancongan tidak menyeluruh.
- Gua kotor dan tercemar.
- Kemudahan pelancongan tidak di sedia dan di senggara.
- Pengurusan pemberian tender tidak mematuhi peraturan kewangan.

11.4.1. Konservasi – Perlindungan Dan Pemuliharaan

Tujuan utama pengurusan gua sarang burung walit adalah untuk mewujudkan suatu sistem pengurusan gua sarang burung yang cekap dan berkesan supaya ekologi gua dan kadar kehidupan burung walit tidak terjejas. Ini adalah bagi memastikan dalam keghairahan mengutip sarang burung yang boleh mendatangkan hasil, aspek konservasi terhadap gua dan populasi burung walit diambil kira sewajarnya. Pemeriksaan Audit mendapati:

11.4.1.1. Gua Tidak Diurus Dan Dilindungi

a. Gua yang telah diwartakan sama ada milik Kerajaan Negeri atau warisan hendaklah diurus, dipelihara dan dilindungi bagi memastikan ekologi gua terus utuh dan spesies hidupan liar yang menghuni gua kekal hidup dalam habitat semula jadi. Mengikut rekod Jabatan, senarai gua dan status pengurusan yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Senarai Gua Dan Status Pengurusan Yang Dilaksanakan

Bil.	Nama Gua	Lokasi	Status Pengurusan
Gua Milik Kerajaan Negeri			
1.	Gua Gomantong	Kota Kinabatangan	Diurus
2.	Karuak	Kota Kinabatangan	Tidak
3.	Pangi		
4.	Baladut		
5.	Supu, Supu- Agop dan Sembuan		
6.	Bod Tai, Menungal River		
7.	Materis		
8.	Batangan		
9.	Pulau Berhala	Sandakan	
10.	Bahay simpul	Kudat	
11.	Siburungei		
12.	Pulau Si Amil	Semporna	
Gua Milik Warisan			
13.	Gua Madai dan Baturong	Kunak	Diurus
14.	Segama,Darvel Bay	Kota Kinabatangan	Tidak
15.	Sungai Kolumpong		
16.	Senobong termasuk Pengharapan Lingutan		
17.	Melikop		
18.	Batu Timbang,Kuamut		
19.	Melobong		
20.	Pulau Gaya,	Semporna	
21.	Batu Mandi	Kudat	
22.	Mantanani		
23.	Pun Batu/Pohun Batu	Nabawan	

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

b. Berdasarkan **Jadual 11.1** di atas, Jabatan hanya mengurus Gua Gomantong di Kota Kinabatangan dan Gua Madai di Kunak sahaja. Bagi tujuan pengurusan dan kawalan, Jabatan telah membina Stesen Hidupan Liar dan menempatkan 3 orang kakitangan di setiap gua. Pengurusan dan kawalan terhadap lain-lain gua tidak dapat dilaksanakan disebabkan pihak Jabatan menghadapi masalah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan dan kemudahan logistik. Lawatan Audit pada 20 September 2011 dan 6 Oktober 2011 ke Gua Pun Batu di Nabawan dan Gua Kok Simpul di Pulau Balambangan mendapati, kedua-dua gua tersebut telah tidak diurus oleh Jabatan seperti di **Gambar 11.1** dan **Gambar 11.2**. Ketidakupayaan Jabatan dalam mengurus dan memantau kesemua gua yang diwartakan telah mengakibatkan keadaan sebenar gua tersebut meliputi ekologi dan penghuninya tidak diketahui. Oleh itu, matlamat Jabatan untuk memelihara gua dan melindungi spesies hidupan liar tidak tercapai. Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, pihak Jabatan menjelaskan pemantauan hanya dilaksanakan terhadap gua-gua yang produktif mengeluarkan sarang burung sahaja disebabkan kekurangan kakitangan. Permohonan Jabatan untuk menambah bilangan kakitangan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2011, namun pengisian jawatan tersebut telah ditangguhkan untuk sementara waktu atas arahan Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Gambar 11.1
Gua Pun Batu Tidak Diurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Pun Batu, Nabawan
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 11.2
Gua Kok Simpul Tidak Diurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Balambangan, Kudat
Tarikh: 6 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan gua kurang memuaskan kerana hanya 2 daripada 23 gua yang diwartakan diurus, dilindungi dan dipantau disebabkan oleh ketidakupayaan Jabatan.

11.4.1.2. Kawasan Hutan Di Sekitar Gua Diceroboh

Keadaan gua yang lembap dengan ekologi semula jadi merupakan tempat yang sesuai bagi burung walit bersarang dan membiak. Faktor kelembapan dan keutuhan ekologi gua adalah dipengaruhi oleh keadaan di persekitarannya. Oleh itu, hutan yang terdapat di sekitar gua memainkan peranan penting bagi mengimbangi suhu dan kelembapan dalam gua. Pembukaan dan pencerobohan hutan termasuk hutan simpan di kawasan tersebut akan mengakibatkan peningkatan suhu dan pemanasan di dalam gua. Aktiviti tersebut jika tidak dikawal akan menjejas habitat semula jadi burung walit. Di Negeri Sabah, kesemua gua-gua sarang burung kecuali Gua Balambangan berada dalam kawasan hutan simpan di bawah jagaan dan tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Sabah sepertimana yang termaktub dalam Bahagian II – Hutan Simpan Seksyen 5-22 Enakmen Perhutanan 1968. Lawatan Audit bersama pihak Jabatan dan Jabatan Perhutanan telah dijalankan terhadap gua-gua yang berada dalam kawasan hutan simpan yang telah dipilih untuk tujuan pengauditan.

a. Hutan Simpan Gomantong

i. Hutan Simpan Gomantong di mana terletaknya Gua Gomantong merupakan Hutan Simpan Kelas I iaitu Hutan Simpan Perlindungan dengan keluasan 3,297 hektar seperti di **Peta 11.2**. Hutan simpan ini terletak di bawah kawalan Pejabat Perhutanan Daerah Kinabatangan.



Peta 11.2
Peta Topografi
Hutan Simpan Gomantong

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

ii. Lawatan Audit pada 16 Ogos 2011 mendapati, kawasan hutan simpan tersebut telah dipantau oleh Jabatan Perhutanan, bagaimanapun terdapat satu kawasan telah diceroboh. Sebagai langkah pemulihan, kawasan tersebut telah ditanam semula dengan bibit kayu kapur, jati dan selangan oleh Jabatan Perhutanan seperti di **Gambar 11.3**. Jabatan Perhutanan tidak dapat mengesan pencerobohan ini di peringkat awal disebabkan kawasan hutan simpan yang luas dan masalah kekurangan kakitangan walaupun jadual lawatan berkala ada disediakan. Pemantauan dilaksanakan secara berkala oleh Ketua Mukim Perhutanan Kinabatangan dengan kekuatan anggota seramai 4 orang. Pencerobohan terhadap hutan simpan di sekitar gua tersebut jika tidak dikawal akan mempengaruhi suhu dan kelembapan gua serta menjejas habitat semula jadi burung walit. Jabatan Perhutanan menyatakan, rondaan untuk menentukan tiada pencerobohan baru dan projek pemulihan hutan di kawasan hutan simpan tersebut akan diteruskan.



Gambar 11.3
Kawasan Hutan Simpan Diceroboh Ditanam Semula

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

b. Hutan Simpan Madai-Baturong

i. Hutan Simpan Madai-Baturong di mana terdapatnya Gua Madai merupakan Hutan Simpan (Kelas VI) dengan keluasan 5,867 hektar. Hutan simpan ini di bawah jagaan Pejabat Perhutanan Daerah Kunak dan dipantau oleh Ketua Mukim Perhutanan Madai dengan 5 anggota seperti di **Peta 11.3** dan **Peta 11.4**.

Peta 11.3
Peta Topografi
Hutan Simpan Madai-Baturong I



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Peta 11.4
Peta Topografi
Hutan Simpan Madai-Baturong II



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

ii. Lawatan Audit pada 10 hingga 11 Ogos 2011 ke Gua Madai mendapati, Hutan Simpan Madai-Baturong telah diceroboh seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Hutan Simpan Madai-Baturong Diceroboh

Bil.	Keadaan	Lokasi
1.	Hutan simpan diteroka secara haram dan ditanam dengan pokok kelapa sawit. Jabatan Perhutanan telah mengambil tindakan menebang pokok kelapa sawit terbabit dan kawasan itu kini hanya ditumbuhi semak sahaja seperti di **Gambar 11.4**. Manakala 5 kawasan lain ditanam dengan kebenaran Permit Sementara seperti di **Gambar 11.5**.	Berhampiran jalan menuju ke Gua Madai
2.	Rumah dibina tanpa mendapat Permit Tapak Rumah seperti di **Gambar 11.6**.	Berhampiran kawasan Gua Madai

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Gambar 11.4
Penanaman Pokok Kelapa Sawit Secara Haram Ditebang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Madai-Baturong, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Madai-Baturong, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.5
Penanaman Pokok Kelapa Sawit
Dengan Kebenaran Permit Sementara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Madai-Baturong, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.6
Rumah-Rumah Yang DibinaTanpa
Mendapat Permit Tapak Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Madai-Baturong, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

iii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 November 2011, menurut Jabatan Perhutanan permit berasaskan pertanian akan ditamatkan sepenuhnya pada tahun 2015 dan notis had masa keluar dari kawasan terbabit akan diedarkan dengan kadar segera. Bagi mengatasi masalah penempatan tanpa permit, Jabatan Perhutanan telah menawarkan permohonan permit penempatan secara rasmi. Seterusnya, Jabatan Perhutanan juga mengesyorkan agar pihak Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang tegas bagi menangani isu dan permasalahan pengurusan Gua Madai. Pencerobohan dan pembinaan rumah secara tidak terkawal di hutan simpan sekitar Gua Madai akan menjejaskan keseimbangan suhu dan kelembapan gua yang sesuai bagi burung walit bersarang dan membiak.

c. Hutan Simpan Pensiangan

Gua Pun Batu terletak di kawasan Hutan Simpan Pensiangan dengan keluasan 10,248 hektar. Hutan simpan ini di bawah pengurusan Pejabat Perhutanan Daerah Nabawan dan pihak konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi Pengurusan Hutan Mampan (FMU.8) iaitu Syarikat Idris Hydraulic (M) Bhd. Semakan Audit terhadap daftar kes dan pendakwaan di Pejabat Perhutanan Keningau mendapati, tiada kes pencerobohan dilaporkan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Lawatan Audit pada 20 September 2011 juga menunjukkan tiada bukti ditemui berlakunya aktiviti pencerobohan di dalam hutan simpan tersebut dan gua masih kekal dalam ekologi semulajadinya.

d. Hutan Simpan Balambangan

Di Pulau Balambangan terdapat Hutan Simpan Balambangan (Kelas I) dengan keluasan 371 hektar di bawah kawalan Pejabat Perhutanan Kudat. Namun, 4 buah gua yang terdapat di pulau ini terletak dalam kawasan hutan tanah milik Kerajaan.

Temu bual bersama pegawai Pejabat Perhutanan Kudat menyatakan tiada aktiviti pencerobohan hutan yang dilaporkan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 November 2011, pihak Jabatan Perhutanan menyatakan tidak mampu memantau kawasan hutan simpan tersebut kerana tiada kemudahan bot. Bot hanya akan dibekalkan pada tahun 2012. Oleh itu, kedudukan sebenar sama ada wujudnya aktiviti pencerobohan di kawasan hutan simpan tersebut tidak dapat disahkan dengan jelas. Hasil lawatan Audit pada 6 Oktober 2011 ke Gua Koksimpul yang terletak dalam kawasan hutan di tanah milik Kerajaan Negeri mendapati, tiada aktiviti pencerobohan hutan yang berlaku berhampiran kawasan gua tersebut. Berdasarkan keluasan hutan simpan dan hutan tanah milik Kerajaan yang masih ada di pulau ini, ekologi semula jadi gua adalah terpelihara.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap hutan simpan di persekitaran gua adalah memuaskan kerana ekologi gua tidak terjejas dan burung walit dapat membiak dalam habitat semula jadinya. Bagaimanapun, masalah pencerobohan dan penempatan dalam kawasan hutan di sekitar gua jika tidak diatasi akan memberi impak kepada ekologi gua dan habitat burung walit.

11.4.1.3. Populasi Burung Walit Terjejas

Penuaian sarang burung hendaklah dilakukan dalam tempoh yang sesuai bagi memastikan kitaran hidup burung walit terpelihara. Ianya juga akan menghasilkan sarang burung yang sempurna semasa dituai. Penuaian boleh dilakukan selepas sarang siap dibuat tetapi belum bertelur atau selepas anak burung matang dan boleh terbang. Notis penuaian akan dikeluarkan setelah pemeriksaan fizikal yang dilakukan oleh Jabatan bersama Pewaris (bagi Gua Madai) mendapati kriteria tersebut dipenuhi termasuk setelah 90% anak burung matang dan boleh terbang bagi penuaian musim kedua. Bagi Gua Gomantong, notis dikeluarkan oleh Pegawai Hidupan Liar Daerah Kota Kinabatangan dan Gua Madai pula oleh Pegawai Hidupan Liar Lahad Datu. Penuaian yang tidak teratur akan menjejaskan populasi burung walit. Berdasarkan kitaran hidup burung walit, tempoh penuaian yang sesuai adalah seperti di **Gambar Rajah 11.2**.

Gambar Rajah 11.2
Tempoh Penuaian Yang Sesuai Dalam Kitaran Hidup Burung Walit



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

a. Gua Gomantong

i. Perenggan 13(b) Kontrak Memajak Dan Mengutip Sarang Burung Dari Gua-Gua Milik Kerajaan Negeri Sabah menyatakan,musim penuaian dilakukan 2 kali setahun. Musim pertama yang dikenali sebagai ”Papas Putih dan Kepala Hitam” bermula dari bulan Februari hingga April manakala musim kedua yang dikenali sebagai ”Papas Hitam dan Kepala Putih” pula pada bulan Ogos hingga September. Selain itu, Jabatan telah mengarah kontraktor melakukan kerja-kerja pembersihan terhadap sisa tapak sarang burung pada setiap bulan Disember. Semakan Audit terhadap dokumen penuaian mendapati, Jabatan telah mengeluarkan notis penuaian kepada kontraktor terbabit sepertimana di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Tempoh Penuaian Di Gua Gomantong Dari Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Musim	Tarikh Notis	Tempoh Penuaian
2009	Pertama	27 Februari 2009/ 1 April 2009	28 Februari 2009/ 8 April 2009
	Kedua	6 Ogos 2009	9 hingga 30 Ogos 2009
	Pembersihan	14 Disember 2009	15 hingga 31 Disember 2009
2010	Pertama	12 Februari 2010	18 Februari hingga 5 Mac 2010
	Kedua	2 Ogos 2010	5 Ogos hingga8 September 2010
	Pembersihan	14 Disember 2010	18 hingga 31 Disember 2010
2011	Pertama	11 Februari 2011/ 30 Mac 2011	16 Februari hingga 1 Mac 2011 6 hingga 26 April 2011
	Kedua	8 Ogos 2011	9 Ogos hingga 10 September 2011
	Pembersihan	Tiada Rekod	Tiada Rekod

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

ii. Jabatan telah menerima pakai nisbah berat kutipan sarang burung sebagai ukuran populasi burung walit. Analisis terhadap jumlah kutipan sarang burung di Gua Gomantong mengikut berat bagi tempoh 2001 hingga 2010 menggambarkan populasi burung walit pada tahun 2008 hingga 2010 telah tidak berkembang dalam tempoh tersebut seperti di **Carta 11.1**.

Carta 11.1
Prestasi Kutipan Sarang Burung Di Gua Gomantong
Bagi Tempoh 2001 Hingga 2010



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

b. Gua Madai

i. Penuaian sarang burung di Gua Madai dijalankan 2 kali setahun iaitu dalam musim 'Papas' antara bulan April hingga Mei dan musim 'Penangoh' antara bulan Ogos hingga September. Manakala kerja-kerja membersihkan saki-baki sarang burung dilakukan dalam musim 'Penenging' iaitu pada bulan November hingga Disember setiap tahun. Pada tahun 2011, Jabatan telah mengeluarkan 2 kali notis penuaian sarang burung kepada pihak Pewaris seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Notis Penuaian Di Gua Madai Pada Tahun 2011

Musim	Tarikh Notis	Tempoh
Papas	22 Mac 2011	29 Mac hingga 24 April 2011
Penangoh	21 Julai 2011	2 hingga 28 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

ii. Jabatan mengeluarkan notis penuaian musim Penangoh setelah pemeriksaan fizikal bersama pihak Pewaris mendapati anak burung walit telah matang dan berupaya terbang. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada 11 Ogos 2011 mendapati,banyak anak burung mati semasa penuaian dijalankan seperti di **Gambar 11.7** dan **Gambar 11.8**.

Gambar 11.7
Anak Burung Mati Semasa Tempoh Penuaian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.8
Anak Burung Mati Semasa Tempoh Penuaian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

iii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, menurut Jabatan kadar kematian anak burung semasa musim menuai dianggarkan hanya 10%. Kadar kematian tersebut adalah masih rendah dan terkawal. Bagaimanapun, berdasarkan analisis jumlah kutipan sarang burung di Gua Madai bagi tempoh 2004 hingga 2010 mendapati, tiada perkembangan populasi burung walit bagi tempoh tersebut seperti di **Carta 11.2**. Keadaan ini juga disebabkan aktiviti kutipan luar musim, pertelingkahan antara pewaris telah menyebabkan kutipan sarang burung ditahan oleh pihak mahkamah dan aktiviti kecurian seperti yang dilaporkan dalam **Keratan Akhbar 11.1**.

Carta 11.2
Prestasi Kutipan Sarang Burung Di Gua Madai
Bagi Tempoh 2001 Hingga 2010



Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah



Tiga PTI curi sarang burung ditahan

Oleh JOHN TAMBANAN

KUNAK: Jawatankuasa Keselamatan Gua Madai dengan kerjasama Pegawai Penguasa Jabatan Hidupan Liar stesen Gua Madai, Kunak berjaya menangkap tiga pendatang tanpa izin (PTI) ketika mencerobok dan mencuri sarang burung di gua tersebut.

Tangkapan itu dibuat pada Sabtu lepas (30 Mei), dan siasatan mendapati mereka dari Kunak Jaya. Selepas tangkapan satu laporan polis telah dibuat oleh Jabatan Hidupan Liar di Balai Polis Kunak jam 10 pagi pada hari yang sama.

Menurut Timbalan Yang DiPertua Pewaris (Pertubuhan Kebajikan Idahan Pewaris Madai), Sulaiman Pengiran Atok, sarang burung seberat 2.8 kilogram dianggarkan bernilai RM4,200 ditahan oleh pihak penguasa Jabatan Hidupan Liar, Stesyen Kunak.

Ketiga-tiga pencerobok dan pencuri itu kini dalam tahanan di lokap Balai Polis Kunak untuk siasatan selanjutnya.

Sulaiman berkata, musim menuai sarang burung telahpun tamat dan kini masa ini burung-burung dalam peringkat membuat sarang untuk mereka bertelur.

"Maka adalah menjadi satu kesalahan menuai atau memungut sarang burung diluar waktu penuaian," katanya.

Sulaiman berkata, usaha Jawatankuasa Keselamatan Gua Madai mengawal gua itu dan sarang burung daripada dicuri atau dicerobohi oleh orang asing atau PTI adalah bertujuan untuk melindungi burung-burung yang bertelur daripada pupus.

Katanya, kegiatan mencuri dan mencerobok Gua Madai sebelum ini agak membimbangkan dan kini kepimpinan Ketua Madai baru Haji Shaharmansha Kaoh dengan sokongan ahli-ahli pewaris telah berjaya membanteras kegiatan seumpama itu.

Justeru itu pewaris berharap tindakan tegas dikenakan terhadap pencerobok mengikut undang-undang kerajaan yang sedia ada sebagai teladan kepada yang lain.

Tiga PTI yang berjaya ditangkap bersama sarang burung yang dicuri.

Keratan Akhbar 11.1
Laporan Kecurian Sarang Burung
Di Luar Musim Menuai

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Pada pendapat Audit, tempoh penuaian yang ditetapkan dalam notis penuaian adalah tidak sesuai. Kematian anak burung semasa musim menuai kerana belum matang dan berupaya terbang meninggalkan sarang akan menjejas populasi burung walit.

11.4.1.4. Kaedah Dan Peraturan Penuaian Tidak Dipatuhi

a. Kaedah dan peraturan penuaian yang teratur dan sempurna adalah penting bagi menjamin kitaran hidup burung walit terpelihara terutama semasa musim membuat sarang. Kawalan terhadap penggunaan peralatan menuai adalah perlu bagi memastikan ianya tidak disalah guna terutama di luar musim menuai. Pekerja juga tidak dibenarkan berada dalam kawasan gua selepas waktu bekerja. Lawatan Audit pada 18 Februari dan 16 Ogos 2011 ke Gua Gomantong serta ke Gua Madai pada 11 Ogos 2011 mendapati, kaedah dan peraturan penuaian yang ditetapkan telah tidak dipatuhi seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Kaedah Dan Peraturan Penuaian Tidak Dipatuhi

Lokasi	Keadaan
Gua Gomantong	Peralatan menuai disimpan semasa di luar musim menuai di rumah pekerja yang dibina dalam kawasan gua seperti di **Gambar 11.9** dan **Gambar 11.10.** Keadaan ini akan menyukarkan pihak Jabatan mengawal aktiviti kutipan di luar musim.
	Spot light digunakan semasa musim menuai seperti di **Gambar 11.11**. Penggunaan *spot light* adalah dilarang kerana boleh menjejas habitat semula jadi burung walit.
	Pekerja kontraktor mendiami rumah pekerja di kawasan gua sepanjang masa musim menuai seperti di **Gambar 11.12**. Keadaan ini menyebabkan aktiviti di kawasan gua sukar dikawal terutama pada waktu malam.
Gua Madai	Rumah dibina di sekitar kawasan gua yang didiami oleh Pewaris dan pekerja tanpa mendapat permit dari Jabatan Perhutanan. Keadaan ini menyukarkan pihak Jabatan dan Pewaris untuk memantau aktiviti mencuri sarang burung di luar musim atau pada waktu malam.

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Gambar 11.9
Peralatan Menuai Disimpan Dalam Rumah Pekerja Di luar Musim Menuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pekerja di Gua Gomantong
Tarikh: 18 Februari 2011

Gambar 11.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pekerja di Gua Gomantong
Tarikh: 18 Februari 2011

Gambar 11.11
***Spot light* Digunakan Semasa Menuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.12
Pondok Dibina Di Kawasan Gua Sebagai Tempat Tinggal Pekerja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, Jabatan telah memberi amaran kepada pihak kontraktor yang melanggar syarat kontrak. Bagaimanapun, Jabatan menghadapi kesukaran untuk mengatasi masalah yang wujud kerana pihak kontraktor tidak memaklumkan sub-kontraktor yang dilantik seperti mana yang dikehendaki dalam syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, kaedah dan peraturan menuai yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah kurang memuaskan kerana terdapat penggunaan peralatan yang dilarang dan pekerja tidak mematuhi tempoh masa bekerja serta tinggal dalam kawasan gua.

11.4.1.5. Kawalan Keselamatan Tidak Memuaskan

Kawalan keselamatan merupakan salah satu aspek penting bagi memastikan gua sarang burung dan penghuninya terutama burung walit terpelihara. Semua pekerja yang bertugas

dan pelawat yang mengunjungi gua tersebut perlulah dikawal dengan memastikan semua peraturan keselamatan yang ditetapkan dipatuhi.

a. Sistem Kawalan Keselamatan

i. Gua Gomantong

- Bagi mengawal keselamatan di Gua Gomantong, Jabatan telah melantik Syarikat Kris Force (M) Sdn. Bhd. secara kontrak bernilai RM434,284 bagi tempoh 16 Julai 2009 hingga 31 Disember 2010 dengan bayaran RM21,483 sebulan. Mengikut syarat kontrak, syarikat ini dikehendaki menyediakan pengawal dan bertugas seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Bilangan Pengawal Keselamatan Dan
Tempoh Bertugas Mengikut Musim Di Gua Gomantong

Musim Bertugas	Bilangan Pengawal		Tempoh Bertugas	Kadar Bayaran
Musim Bukan Menuai	10 orang	5 tanpa senjata	7 pagi hingga 7 malam	RM4.50 sejam seorang tanpa senjata
		4 tanpa senjata + 1 bersenjata	7 malam hingga 7 pagi	RM4.50 sejam seorang tanpa senjata dan RM10 sejam seorang bagi yang bersenjata
Musim Menuai	8 Orang	7 tanpa senjata + 1 bersenjata	24 jam	RM4.50 sejam seorang tanpa senjata dan RM10 sejam seorang bagi yang bersenjata

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

- Lawatan Audit pada 16 Ogos 2011 iaitu pada musim menuai mendapati, tiada pengawal keselamatan bertugas di pondok pengawal pintu masuk Gua Gomantong. Pihak Audit juga tidak menemui seorang pun pengawal keselamatan di Stesen Hidupan Liar Gomantong, di sekitar kawasan dan dalam gua. Keadaan pondok pengawal yang kosong tanpa pengawal bertugas adalah seperti di **Gambar 11.13**. Selain itu, daftar kehadiran bertugas pengawal keselamatan juga tidak diselenggara. Keadaan ini menyebabkan kawalan keselamatan terhadap persekitaran gua tidak dapat dijalankan dengan sewajarnya.



Gambar 11.13
Pondok Pengawal Keselamatan Tanpa Pengawal Bertugas

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

- Hasil semakan Audit terhadap rekod pembayaran pula mendapati, pihak Jabatan telah menjelaskan tuntutan syarikat mengikut syarat yang dinyatakan dalam dokumen kontrak, di mana invois disahkan oleh Pegawai Hidupan Liar Kota Kinabatangan dan baucar bayaran telah diperakui oleh Timbalan Pengarah Jabatan. Keadaan ini menyebabkan kesahihan tuntutan oleh syarikat tersebut adalah diragui. Contoh invois dan baucar terbabit seperti di **Jadual 11.7**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, Jabatan telah mengambil tindakan dengan memantau syarikat terbabit dan buku daftar kehadiran bertugas diselenggara bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan memuaskan sebelum tuntutan dibayar.

Jadual 11.7
Contoh Invois Dan Baucar Pembayaran
Kontrak Menyediakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Berseragam
Di Gua Gomantong Bagi Tempoh Bulan Mac Hingga Oktober 2010

Bil.	No. Baucar	Tarikh Baucar	Invois /Tarikh	Bulan Tuntutan	Jumlah Tuntutan (RM)
1.	0003433	01.11.2010	2100110/ 01.11.2010	10/2010	21,483
2.	0003165	01.11.2010	2100109/ 01.10.2010	09/2010	20,790
3.	0002821	01.09.2010	2100108(13)	08/2010	32,419
4.	0002820	01.09.2010	2100107(12)	07/2010	21,483
5.	0002819	01.09.2010	2100100	06/2010	20,790
6.	0002056	04.08.2010	210015(10)	05/2010	21,483
7.	0001320	10.05.2010	2100103(8)/ 01.04.2010	03/2010	21,483

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

ii. Gua Madai

Pihak Pewaris telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kebersihan Gua Madai bagi mengawal keselamatan di Gua Madai. Lawatan Audit pada 11 Ogos 2011 mendapati, pondok pengawal telah dibina di luar dan dalam kawasan gua dan ada pengawal keselamatan yang bertugas.

b. Laluan Keluar Masuk ke Gua

Kawalan terhadap laluan yang digunakan untuk keluar masuk ke gua adalah penting bagi mengawal aktiviti pencerobohan dan kegiatan mencuri sarang burung disamping dapat memantau hasil kutipan sarang burung. Adalah didapati:

i. Gua Gomantong

Jabatan ada menetapkan 2 laluan keluar masuk ke gua berkenaan iaitu laluan utama ke Gua Simud Hitam yang juga merupakan laluan eko-pelancongan dan satu laluan ke lain-lain gua di Gua Gomantong. Sebagai langkah kawalan, Jabatan menghendaki semua pekerja memakai pas pekerja semasa berada di kawasan gua. Pas tersebut hanya diberi kepada pekerja kontraktor yang berdaftar sahaja.

ii. Gua Madai

Pihak Jabatan dan pihak pewaris menetapkan laluan keluar masuk ke gua yang perlu diikuti oleh pewaris dan pekerjanya. Selain faktor keselamatan, ianya dapat memastikan kutipan sarang burung dapat ditimbang dan direkodkan serta bayaran royalti dan perkhidmatan dikenakan. Semasa lawatan Audit pada 11 Ogos 2011 mendapati, 2 laluan keluar masuk iaitu laluan di pintu utama gua dan laluan pintu belakang. Kebanyakan aktiviti semasa musim menuai Gua Madai berpusat di laluan pintu utama gua di mana terdapat balai urusetia dan pondok timbangan yang sentiasa dipantau pegawai Jabatan dan pihak pewaris. Pemeriksaan Audit di laluan pintu belakang pula mendapati, tiada pondok kawalan dan timbangan serta tiada pegawai Jabatan dan pewaris yang bertugas seperti di **Gambar 11.14**. Keadaan ini boleh menyebabkan hasil sarang burung mudah dibawa keluar secara haram. Temu bual dengan Ketua Pewaris Madai memaklumkan terdapat beberapa laluan haram di sekitar kawasan gua yang diguna oleh pewaris yang tidak amanah dan penceroboh haram. Namun, ianya sukar dikawal kerana lokasinya yang luas dan bentuk topografi yang curam.



Gambar 11.14
Laluan Pintu Belakang Gua Yang Tidak Dikawal

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh:11 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan terhadap gua sarang burung adalah kurang memuaskan. Syarikat pengawal keselamatan tidak menjalankan tugas sewajarnya dan menuntut bayaran yang diragui kesahihannya serta terdapat laluan keluar masuk yang tidak dikawal.

11.4.2. Aktiviti Eko-Pelancongan

Gua sarang burung walit dengan sifat semula jadinya berpotensi menjadi destinasi pelancongan menarik dan berdaya maju. Ini adalah kerana struktur gua batu kapur biasanya amat menarik dan ditambah dengan adanya habitat burung walit yang mendapat perhatian umum. Selain itu, pengurusan dan kaedah mengutip sarang burung yang diamalkan boleh menarik minat pelancong untuk mengetahuinya. Kemudahan dan infrastruktur berkaitan eko-pelancongan yang baik dan aktiviti promosi yang terancang akan merancakkan lagi usaha tersebut. Usaha ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang mensasarkan eko-pelancongan sebagai salah satu sumber ekonomi dan pendapatan negeri.

11.4.2.1. Aktiviti/Program Pelancongan Tidak Menyeluruh

Perancangan aktiviti eko-pelancongan yang teratur dan promosi yang berkesan dengan kerjasama agensi berkaitan seperti Lembaga Pelancongan Sabah dan pihak swasta perlu disediakan untuk menarik lebih ramai pelancong melawat gua-gua sarang burung. Perancangan aktiviti yang disediakan hendaklah jelas, teratur dan bersepadu agar matlamatnya tercapai. Setiap aktiviti yang dirancang hendaklah diberi peruntukan kewangan dan jumlah kakitangan yang mencukupi untuk mengurus dan memantau bagi memastikan aktiviti eko-pelancongan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

a. Gua Gomantong

Gua Gomantong telah dipromosikan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik di mana ianya termasuk di dalam pakej promosi pelancongan oleh Lembaga Pelancongan Sabah. Bagi tujuan mengurus dan memantau aktiviti eko-pelancongan yang dijalankan, Jabatan telah mendirikan pusat penerangan pelancongan pada tahun 2005 dengan kos RM1.80 juta menggunakan peruntukan dari ’Akaun Amanah Mengendalikan Sarang Burung Gua Gomantong’ dan mengenakan bayaran masuk mengikut kadar yang ditetapkan dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2002 seperti di **Jadual 11.8**. Semakan Audit terhadap rekod kehadiran pelancong mendapati, pada tahun 2009, 2010 dan 2011 bilangan pelancong yang datang adalah seramai 12,253, 15,701 dan 11,638 orang masing-masing.

Jadual 11.8
Kadar Bayaran Masuk Ke Gua Gomantong

Bahagian I			
Kewarganegaraan		**Dewasa (RM)**	**Kanak –kanak dibawah 18 tahun (RM)**
Warganegara		5	2
Bukan Warganegara		30	15
Bahagian II			
Kamera/Video untuk kegunaan Professional/Komersil (RM)	**Kamera/Video untuk kegunaan sendiri (RM)**	**Kamera untuk kegunaan sendiri (RM)**	**Peralatan pembuatan filem (RM)**
1,000	50	30	10,000

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

b. Gua Madai

Gua Madai dengan bentuk geografi yang menarik berpotensi dijadikan sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Kaedah pengurusan gua yang dilaksanakan oleh pewaris yang unik dengan latar belakang sejarahnya yang tersendiri juga telah menjadikan gua ini terkenal. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati, tiada perancangan khusus disediakan bagi membangunkan aktiviti eko-pelancongan di Gua Madai. Lawatan Audit pada 15 Julai 2011 mendapati, pusat penerangan pelancongan seperti di **Gambar 11.15** telah siap dibina pada tahun 2009 dengan kos RM2.50 juta daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan. Projek ini di laksana dan dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Lahad Datu. Akibat ketiadaan perancangan, pusat tersebut terbiar tidak digunakan sehingga kini. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pihak pewaris juga tidak dilibatkan dalam perancangan dan pembangunan eko-pelancongan Gua Madai. Ianya adalah penting bagi memastikan pewaris mendapat faedah hasil pembangunan eko-pelancongan yang dilaksanakan.



Gambar 11.15
Pusat Penerangan Pelancongan Masih Kosong Dan Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

c. Gua Pun Batu dan Gua Balambangan

Gua Pun Batu dan Gua Balambangan berpotensi menjadi destinasi pelancongan sekiranya dimajukan kerana topografi dan pemandangannya yang menarik seperti di **Gambar 11.16** dan **Gambar 11.17**. Semakan Audit mendapati, Jabatan tidak menyediakan perancangan untuk melaksanakan aktiviti eko-pelancongan kerana

tidak mempunyai peruntukan dan kakitangan yang mencukupi bagi memaju dan mengurus kedua-dua gua tersebut. Ini menyebabkan ianya terbiar begitu sahaja. Setakat ini, berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, Jabatan hanya menggalakkan kemasukan pelancong untuk aktiviti mengenali dan mencintai ekologi semula jadi gua batu kapur.

Gambar 11.16
Potensi Pelancongan Di Gua Pun Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua PunBatu, Nabawan
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 11.17
Potensi Pelancongan Di Gua Balambangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Pulau Balambangan, Kudat
Tarikh: 6 Oktober 2011

11.4.2.2. Gua Kotor Dan Tercemar

a. Selain keunikan gua dengan habitat alam semula jadi, kebersihan gua adalah penting untuk menarik minat kedatangan pelancong. Oleh itu, kebersihan gua hendaklah dijaga dan dipantau dari masa ke semasa. Lawatan Audit pada 16 Ogos 2011 di Gua Gomantong, 11 Ogos 2011 di Gua Madai dan 20 September 2011 di Gua Pun Batu mendapati, tahap kebersihan gua tidak memuaskan kerana terdapat sampah sarap, pondok terbiar dan kesan vandalisme seperti di **Jadual 11.9**.

Jadual 11.9
Tahap Kebersihan Gua Tidak Memuaskan

Bil.	Lokasi	Keadaan Fizikal
1.	Gua Gomantong	Sampah sarap di Gua Gomantong seperti di **Gambar 11.18**.
		Vandalisma ke atas dinding-dinding gua seperti di **Gambar 11.22**.
2.	Gua Madai	Sampah-sarap di Gua Madai seperti di **Gambar11.19**.
		Pondok terbiar seperti di **Gambar 11.20**.
		Vandalisma ke atas dinding-dinding gua seperti di **Gambar 11.23**.
3.	Gua Pun Batu	Pondok terbiar seperti di **Gambar 11.21**.

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

Gambar 11.18
Pembuangan Sampah-Sarap Di Dalam Gua



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.19
Pembuangan Sampah-Sarap Di Dalam Gua



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.20
Pondok Terbiar Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.21
Pondok Terbiar Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Pun Batu, Nabawan
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 11.22
Dinding Gua Diconteng



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.23
Dinding Gua Diconteng



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

b. Keadaan gua yang kotor dan tercemar akan menjejaskan imej gua-gua tersebut sebagai destinasi pelancongan menarik dan unik. Surat notis dan amaran telah diberi

kepada pihak kontraktor supaya membersihkan kawasan gua, pondok yang tidak digunakan dan kesan vandalisme di kawasan gua.

Pada pendapat Audit, tahap kebersihan gua adalah kurang memuaskan kerana gua dicemari dengan sampah-sarap, pondok terbiar dan aktiviti vandalisme tidak terkawal.

11.4.2.3. Kemudahan Pelancongan Tidak Disedia Dan Disenggara

a. Gua Gomantong

i. Jabatan telah mewujudkan 'Akaun Amanah Mengendalikan Sarang Burung Gua Gomantong' bagi menyedia dan mengurus kemudahan eko-pelancongan di Gua Gomantong. Sumber hasil Akaun ini diperolehi daripada kutipan bayaran masuk dan yuran konservasi 1% daripada amaun kontrak mengutip sarang burung. Mengikut rekod Akaun Amanah, hasil yang dikutip pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah berjumlah RM464,430, RM464,400 dan RM354,266 masing-masing. Semakan Audit mendapati, hasil Akaun Amanah tersebut hanya digunakan untuk membayar perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan. Sebagai contoh, pada tahun 2010 sahaja, Jabatan telah membayar sejumlah RM434,284 bagi tujuan tersebut. Oleh itu, tiada kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan terhadap kemudahan pelancongan dilaksanakan. Bagi maksud tersebut, berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, Jabatan memaklumkan telah memohon peruntukan penyenggaraan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, tetapi belum diluluskan. Lawatan Audit pada 16 Ogos 2011 mendapati, kemudahan pelancongan tidak disedia dan disenggara seperti di **Jadual 11.10**.

Jadual 11.10
Kemudahan Pelancongan Tidak Disedia Dan Disenggara

Lokasi	Keadaan Fizikal
Gua Gomantong	Kemudahan chalet terbiar menjadi usang, tidak diurus dan tidak boleh digunakan lagi seperti di **Gambar 11.24** dan **Gambar 11.25**.
	Tiada tempat makan/minum untuk kemudahan pelancong.
	Kemudahan peralatan atau kelengkapan pelancong seperti topi dan kasut keselamatan tidak disediakan, hanya dimaklumkan di papan kenyataan sahaja.
	Pokok dan anak sungai di laluan pelancong yang boleh menambah daya tarikan tidak dilabelkan seperti di **Gambar 11.26** dan **Gambar 11.27**.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 11.24
Chalet Terbiar Dan Dilitupi Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.25
Kemudahan Di Chalet Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.26
Nama Anak Sungai Tidak Dilabel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

Gambar 11.27
Nama Pokok Tidak Dilabel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Gomantong, Kota Kinabatangan
Tarikh: 16 Ogos 2011

b. Gua Madai

i. Pemeriksaan Audit pada 11 Ogos 2011 terhadap kemudahan pelancongan di Gua Madai adalah seperti di **Jadual 11.11**.

Jadual 11.11
Kemudahan Pelancongan Tidak Disedia Dan Disenggara

Lokasi	Keadaan Fizikal
Gua Madai	Laluan pejalan kaki tidak disenggara dengan sewajarnya menyebabkan ianya rosak dan terbiar. Selepas teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, pihak Jabatan memaklumkan telah mengambil tindakan menyenggara dan membaiki kerosakan yang berlaku seperti di **Gambar 11.28** hingga **Gambar 11.31**.
	Kemudahan tempat mandi awam di Pusat Penerangan Pelancongan kotor dan ditumbuhi rumput. Selepas teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, pihak Jabatan memaklumkan kemudahan tersebut telah dibersih dan disenggara seperti di **Gambar 11.32** dan **Gambar 11.33**.
	Tempat penginapan dan notis peringatan mengenai keselamatan untuk kemudahan serta keselamatan pelancong juga belum disediakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 11.28
Laluan *Trekking* Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.29
Laluan *Trekking* Telah Dibersihkan



Sumber: Stesen Hidupan Liar Madai, Kunak
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 11.30
Tiang Penyokong Reput Dan Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.31
Tiang Penyokong Telah Dibaiki



Sumber: Stesen Hidupan Liar Madai, Kunak
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 11.32
Tempat Mandi Awam
Kotor Dan Ditumbuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 11.33
Tempat Mandi Awam
Telah Dibersihkan



Sumber: Stesen Hidupan Liar Madai, Kunak
Lokasi: Gua Madai, Kunak
Tarikh: 16 Februari 2012

ii. Semakan Audit terhadap rekod peruntukan Jabatan mendapati, Jabatan tidak menyediakan peruntukan terhadap penyenggaraan dan pembaikan kemudahan pelancongan. Jabatan juga, tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengurus dan menyenggara kemudahan yang dibina. Kelemahan tersebut telah mengakibatkan Kerajaan Negeri mengalami kerugian kerana kemudahan yang dibina telah terbiar dan rosak serta menjejaskan imej Jabatan. Selain itu, matlamat untuk menjadikan Gua Madai sebagai destinasi pelancongan tidak tercapai. Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Januari 2012, Jabatan menyatakan tawaran sebut harga untuk mengendali kantin dan kedai cenderamata di Pusat Penerangan Pelancongan akan dikeluarkan. Jabatan juga akan berbincang dengan pihak pewaris untuk menjadikan pusat tersebut sebagai tempat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan. Bagi menaik taraf kemudahan yang sedia ada, Jabatan telah membaiki laluan *trekking* dan membersihkan tandas serta tempat mandi awam.

c. Gua Pun Batu Dan Gua Balambangan

Lawatan Audit ke Gua Pun Batu, Nabawan dan Gua Balambangan di Pulau Balambangan, Kudat pada 20 September 2011 dan 6 Oktober 2011 mendapati, tiada sebarang kemudahan untuk aktiviti eko-pelancongan disediakan oleh Jabatan. Bagaimanapun, pihak swasta ada menawarkan kemudahan chalet yang termasuk di dalam pakej eko-pelancongan di Pulau Balambangan seperti di **Gambar 11.34**. Chalet tersebut mempunyai 6 buah bilik tidur dan sebuah bilik informasi pelancongan. Temu bual Audit dengan pemilik chalet tersebut mendapati, bilangan pelancong paling ramai ialah antara bulan Mac hingga Julai setiap tahun kerana pada tempoh tersebut keadaan laut tenang dan cuaca agak baik.



Gambar 11.34
Chalet Swasta Berhampiran Gua Balambangan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Balambangan, Kudat
Tarikh: 6 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti eko-pelancongan yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah kurang memuaskan. Kemudahan pelancongan serta promosi bagi menjadikan gua-gua tersebut sebagai destinasi pelancongan tidak dibuat dengan sewajarnya.

11.4.3. Pengurusan Hasil

Semua hasil yang diperolehi hendaklah diurus dengan teratur dan direkodkan dengan kemas kini mengikut peraturan kewangan dan garis panduan yang berkuat kuasa. Kutipan sarang burung dilaksanakan oleh pihak swasta melalui kaedah tender. Manakala pengurusan hasil dari aktiviti eko-pelancongan dilaksanakan sendiri oleh Jabatan. Di bawah pengurusan gua sarang burung, hasil yang diperoleh oleh Jabatan adalah seperti di **Jadual 11.10**.

Jadual 11.12
Kutipan Hasil Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Jenis Hasil	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Bayaran Memajak dan Mengutip Sarang Burung Di Gua Gomantong.	18,745,095	18,745,095	11,712,850
Bayaran Royalti 10% Hasil Sarang Burung Di Gua Madai.	325,000	325,000	325,000
Hasil Daripada Aktiviti Eko-Pelancongan Gua Gomantong.	531,352	464,400	354,266
Jumlah	**19,601,447**	**19,534,495**	**12,392,116**

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

11.4.3.1. Pengurusan Pemberian Tender Tidak Mematuhi Garis Panduan Dan Peraturan Kewangan

Proses pemberian tender hendaklah mematuhi peraturan kewangan dan garis panduan semasa dengan menawarkan tender secara terbuka, memilih kontraktor yang memenuhi syarat dan berkeupayaan serta menyediakan dokumen kontrak dan ditandatangani. Semasa menyediakan dokumen kontrak, perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti bon pelaksanaan, waranti, jadual pembayaran, bayaran pendahuluan dan penamatan kontrak. Pengecualian proses tatacara sebut harga dan tender bagi peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri adalah di bawah kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Setiap kontrak yang disediakan oleh Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah dipastikan ianya menjaga kepentingan dan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Perjanjian Kontrak yang hendak ditandatangani perlu disemak dan diluluskan oleh Peguam Besar Negeri atau Penasihat Undang-Undang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Jabatan hendaklah sentiasa mengawasi prestasi pematuhan syarat kontrak. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil jika kontraktor gagal memenuhi obligasi di bawah kontrak. Semakan Audit mendapati:

a. Syarikat Yang Mempunyai Tunggakan Dilantik Semula

i. Pengurusan tender kutipan sarang burung bagi Gua Gomantong ditawarkan secara terbuka dan telah disiarkan melalui akhbar tempatan. Proses tawaran tender telah diuruskan oleh Jabatan manakala keputusan tender ditentukan oleh Jawatankuasa Tender, Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Seramai 7 kontraktor telah dilantik untuk memajak dan mengutip sarang burung di Gua

Gomantong bagi tempoh 2009 hingga 2011. Semakan Audit mendapati, seramai 6 kontraktor yang dilantik merupakan kontraktor baru dan 1 kontraktor lagi adalah kontraktor yang dilantik semula. Kontraktor tersebut adalah Pewaris Gua Gomantong (1884) Sdn. Bhd. yang mempunyai tunggakan sewa pajakan berjumlah RM2,247,060. Status kontraktor yang dilantik bagi tempoh 2006 hingga 2008 dan 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 11.11**.

Jadual 11.13
Kontraktor Yang Dilantik Bagi Memajak Dan Mengutip Sarang Burung Dari Gua-Gua Milik Kerajaan Negeri-Negeri Sabah Bagi Tahun 2006 Hingga 2008 Dan 2009 Hingga 2011

No. Lot	2006 Hingga 2008	2009 Hingga 2011	Lantikan Baru/ Lantikan Semula
1	Mercu Mashyur Sdn. Bhd.	Mercu Mashyur Agriculture Sdn. Bhd.	Lantikan Baru
2	Pewaris Gua Gomantong (1884)Sdn. Bhd.	Pewaris Gua Gomantong (1884) Sdn. Bhd.	Lantikan Semula
3	Sihat Maju	Prospek Mewah Sdn. Bhd.	Lantikan Baru
4	Terus Sihat Sdn.Bhd.	Wahyu Teguh Sdn. Bhd.	Lantikan Baru
5	Adayo Trus Sdn. Bhd.	Syarikat Akin Resources Sdn. Bhd.	Lantikan Baru
6	Warisan Tetap Resources Sdn. Bhd.	Takhta Jaya Sdn. Bhd.	Lantikan Baru
7	First Maxim Sdn. Bhd.	Syarikat Koridor Kaya Sdn. Bhd.	Lantikan Baru

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

ii. Setakat 31 Disember 2011, terdapat seramai 4 kontraktor yang mempunyai tunggakan hasil berjumlah RM7,749,675 seperti di **Jadual 11.12**. Semakan Audit terhadap rekod tunggakan hasil mendapati, Syarikat Terus Sihat Sdn. Bhd. yang dilantik bagi tempoh 2006 hingga 2008 masih belum menjelaskan tunggakan berjumlah RM717,000 walaupun surat peringatan telah dikeluarkan sebanyak 4 kali sejak 2008. Tindakan yang tegas perlu diambil bagi mengutip tunggakan hasil dan syarikat yang dilantik semula perlulah menjelaskan tunggakan terlebih dahulu agar kepentingan Jabatan terpelihara.

Jadual 11.14
Senarai Tunggakan Hasil Tender Sarang Burung
Setakat 31 Disember 2011

Bil.	Nama Kontraktor	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Mercu Mashyur Agriculture Sdn. Bhd.	5,097,245
2.	Syarikat Akin Resources Sdn. Bhd.	450,000
3.	Syarikat Koridor Kaya Sdn. Bhd.	1,485,000
4.	Syarikat Terus Sihat Sdn. Bhd.	717,000
Jumlah		**7,749,675**

Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah

b. Dokumen Kontrak Tidak Disedia

Jabatan telah melantik Syarikat Seri Warisan Corporation bagi mengurus kutipan royalti sarang burung di Gua Madai. Pelantikan tersebut mendapat pengecualian tender daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan harga RM325,000 setahun bagi tempoh 2010 hingga 2012. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati, dokumen kontrak mengenai pelantikan Syarikat tersebut masih belum disediakan. Selain menyalahi peraturan kewangan, ketiadaan dokumen kontrak juga menyebabkan kepentingan Jabatan tidak terjamin.

Pada pendapat Audit, pengurusan hasil Jabatan termasuk tunggakan hasil adalah kurang memuaskan kerana jumlah tunggakan hasil kian meningkat dan dokumen kontrak mengutip royalti sarang burung tidak disediakan mengakibatkan kepentingan Kerajaan tidak terpelihara.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan supaya Jabatan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

11.5.1. Jabatan hendaklah mengurus, mengawal dan memelihara semua gua yang telah diwartakan dengan membuat lawatan dan pemeriksaan berkala. Sehubungan itu, program pemantauan bersama antara Jabatan dengan Jabatan Perhutanan bagi mengawal hutan simpan di kawasan gua perlu dipertingkatkan.

11.5.2. Jabatan hendaklah memastikan notis penuaian sarang burung dikeluarkan dalam tempoh yang sesuai dengan kitaran hidup burung walit agar populasi burung walit tidak terjejas. Selain itu, Jabatan hendaklah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak dan memantau kerja yang dilaksanakan.

11.5.3. Jabatan perlu menyediakan perancangan yang bersepadu, peruntukan pembangunan dan penyenggaraan yang mencukupi bagi menjayakan program eko-pelancongan burung walit.

11.5.4. Mengadakan perbincangan dengan pihak pewaris bagi mengatasi masalah pengurusan gua, kawalan hutan simpan dan kaedah kutipan sarang burung bagi menambahbaik pengurusan gua milik warisan.

11.5.5. Jabatan hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik semula telah menjelaskan tunggakan, mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan tunggakan hasil dan menyediakan dokumen kontrak pelantikan agar kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara.

JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA SABAH

12. PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN TEKNIKAL DAN PERDAGANGAN

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan (ILTP), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Kemahiran Bumiputera telah ditubuhkan pada awal tahun 1980-an dan merupakan salah sebuah Bahagian di bawah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (Jabatan). Objektif ILTP adalah melaksanakan program latihan kemahiran teknikal dan perdagangan dengan memberi latihan kemahiran kepada pelatih yang mengikuti latihan di kampus ILTP. ILTP mempunyai 2 buah kampus latihan yang terletak di daerah Papar dan Kota Kinabalu. ILTP kampus Papar merupakan kampus utama dan telah beroperasi sejak tahun 1982 manakala kampus Kota Kinabalu mula beroperasi pada tahun 2006.

12.1.2. Bagi ILTP kampus Kota Kinabalu, ia hanya menawarkan satu kursus iaitu kursus Juru kecantikan Dan Dandanan Rambut bagi tempoh kursus selama 6 bulan dan Sijil Kemahiran Jabatan akan diberikan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan. Manakala, sebanyak 12 kursus ditawarkan kepada pelatih di ILTP kampus Papar yang terdiri daripada 6 jenis latihan Perdagangan dan 6 jenis kursus Teknikal seperti di **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1
Kursus Yang Ditawarkan Di ILTP Kampus Papar

Bil.	Program Latihan	Tahap	Tempoh Program (Bulan)
Perdagangan			
1.	Kerani Dan Pembantu Pentadbiran	1 Dan 2	12
2.	Setiausaha	1 Dan 2	12
3.	Juru kecantikan Dan Juru estetik	1 Dan 2	12
4.	Pendandan Rambut	1 Dan 2	12
5.	Pembantu Dan Juruteknik Sistem Komputer	2 Dan 3	18
6.	Pembantu Dan Penyelia Sistem Maklumat	2 Dan 3	18
Teknikal			
1.	Mekanik Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara	1 Dan 2	12
2.	Juruelektrik	1 Dan 2	12
3.	Juru kimpal Arka Logam Berperisai	1 Dan 2	12
4.	Mekanik Kenderaan Perdagangan	1 Dan 2	12
5.	Mekanik Kenderaan Motor	1 Dan 2	12
6.	Mekanik Jentera Pertanian	1 Dan 2	20

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

12.1.3. Dua belas program latihan ini telah mendapat pengiktirafan pentauliahan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang mana kurikulum latihan adalah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Pelatih yang lulus latihan dan berjaya menamatkan latihan dalam tempoh 12 hingga 20 bulan layak dianugerahkan Sijil

Kemahiran Malaysia (SKM). Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010, ILTP telah berjaya melatih seramai 1,604 orang pelatih peringkat Sijil dari pelbagai kursus.

12.1.4. Bagi memastikan program latihan di ILTP berjalan lancar, peruntukan sejumlah RM16.25 juta telah diluluskan bagi tahun 2009 hingga 2011. Manakala, sejumlah RM10.66 juta atau 65.6% telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut mengenai peruntukan diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Peruntukan Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)
1.	Peruntukan Diluluskan	4.56	5.40	6.29	16.25
2.	Perbelanjaan Sebenar	3.33	3.69	3.64	10.66
3.	Pencapaian Perbelanjaan (%)	73	68.3	57.9	65.6

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

12.1.5. Pengauditan Pengurusan Program Latihan Teknikal Dan Perdagangan pernah dilaksanakan dan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah tahun 2004 dengan beberapa kelemahan yang dibangkitkan seperti pematuhan syarat kelayakan pengambilan pelatih, pelantikan pegawai latihan dan pelaksanaan kajian keberkesanan program latihan telah diambil tindakan oleh Jabatan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dari segi pengurusan kemudahan infrastruktur dan latihan perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh Jabatan.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan program latihan kemahiran di ILTP dirancang dan dilaksanakan dengan cekap serta berkesan bagi mencapai objektif ILTP.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi pengurusan pelatih, program latihan, kelayakan Jurulatih, kemudahan ILTP dan peralatan latihan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, skop pengauditan ditumpukan kepada 12 jenis program latihan yang ditauliahkan kecuali bagi pengurusan peralatan latihan di mana sebanyak 6 daripada 12 kursus yang ditauliahkan diambil sebagai sampel. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak serta menganalisis maklumat serta data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan dengan pengurusan program latihan yang ditawarkan oleh ILTP. Lawatan Audit turut dijalankan ke ILTP kampus Papar yang bertujuan membuat pemeriksaan fizikal terhadap kemudahan seperti asrama dan peralatan latihan yang disediakan di ILTP. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab diadakan bagi mendapatkan ulasan mengenai pengurusan program latihan anjuran ILTP khasnya. Selain itu, borang soal selidik turut

diedarkan kepada 100% pelatih ILTP bagi sesi 2010/2011 dan jurulatih bagi mendapatkan maklum balas mengenai program latihan yang dianjurkan oleh ILTP.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Jun hingga September 2011 mendapati, prestasi pengurusan program latihan anjuran ILTP adalah memuaskan di mana objektif ILTP untuk melaksanakan program latihan kemahiran teknikal dan perdagangan tercapai dengan seramai 539 orang pelatih berjaya menamatkan latihan bagi tempoh 3 tahun. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan program latihan yang telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Keadaan asrama yang kurang kondusif.

- Bangunan asrama baharu dengan kos pembinaan sejumlah RM4.90 juta belum diduduki sejak siap pada tahun 2008.

- Meja dan kerusi yang dibeli dengan kos sejumlah RM95,800 pada tahun 2010 belum digunakan.

- Alat kelengkapan asrama bernilai RM0.48 juta tidak dapat dikesan.

- Pembayaran elaun bulanan kepada pelatih tidak konsisten pada setiap bulan.

- Pengagihan pakaian seragam dan kasut keselamatan kepada pelatih dibuat antara 6 hingga 10 bulan selepas sesi latihan bermula.

- Peralatan latihan belum disediakan mengikut keperluan NOSS.

- Tindakan pembaikan bagi peralatan latihan yang rosak sejak tahun 2008 belum dilaksanakan serta 10 unit *Metal Inert Gas* dan 1 Unit *AC Spot Welder* tidak digunakan sejak tahun 2006.

12.4.1. Prestasi Program Latihan

ILTP menetapkan sasaran dan kriteria prestasi pelatih dalam menganjurkan program latihan kemahiran. Pada umumnya, kurikulum latihan Pensijilan Kemahiran Malaysia adalah berdasarkan kepada NOSS di mana setiap program latihan yang mendapat pentauliahan Pensijilan Kemahiran Malaysia adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh JPK. Selain itu, pihak pengurusan telah melantik jurulatih yang berkelayakan bagi memastikan program latihan yang dianjurkan berjalan lancar. Penemuan Audit terhadap prestasi program latihan adalah seperti berikut:

12.4.1.1. Pelatih

ILTP mengguna pakai Garis Panduan Dan Kriteria Pemilihan Program Latihan Teknik Dan Perdagangan (ILTP) Jabatan bertarikh 4 Julai 2005 sebagai panduan mengenai syarat kemasukan pelatih ke ILTP. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, seramai 641 orang daripada 655 orang pelatih yang mendaftar atau 97.9% telah memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan. Selain itu, bagi tempoh yang sama, seramai 539 orang pelatih atau 82.3% telah berjaya menamatkan latihan.

12.4.1.2. Pentauliahan Program Latihan

ILTP kampus Papar telah berjaya menganjurkan 100% latihan mengikut rancangan iaitu masing-masing sebanyak 11, 10 dan 11 bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, setiap program latihan yang ditauliahkan hendaklah mempunyai tempoh pentauliahan yang sah. Semakan Audit mendapati, tempoh pentauliahan bagi 11 atau 91.7% daripada 12 program latihan yang ditauliahkan masih sah kecuali kursus Pendandan Rambut Muda Tahap 1 yang telah luput sejak 30 Jun 2010. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap fail pentauliahan program latihan mendapati, Sijil Perakuan Pentauliahan bagi program Pendandan Rambut Muda berkenaan telah diperbaharui dan berkuat kuasa dari 1 Julai 2011 hingga 30 Jun 2014.

12.4.1.3. Jurulatih

ILTP mempunyai seramai 41 orang jurulatih yang terdiri daripada 9 orang jurulatih berjawatan tetap dan 32 orang jurulatih sambilan di mana setiap jurulatih yang dilantik bertanggungjawab untuk mengajar program latihan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati, seramai 39 orang jurulatih yang dilantik atau 95.1% memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi program latihan dari segi pengurusan pelatih, pematuhan tempoh pentauliahan program latihan dan pelantikan jurulatih adalah baik.

12.4.2. Kemudahan Pelatih

Pelbagai kemudahan seperti asrama, makan dan minum, elaun bulanan, pakaian seragam, kasut keselamatan serta peralatan latihan disediakan kepada pelatih yang mengikuti kursus di ILTP. Semakan Audit terhadap kemudahan pelatih oleh pihak ILTP adalah seperti perenggan berikut:

12.4.2.1. Kemudahan Asrama

Kemudahan asrama disediakan kepada pelatih sebagai tempat penginapan pelatih sepanjang tempoh mengikuti latihan di ILTP. Bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pelatih, blok bangunan dan bilik asrama termasuklah kelengkapan asrama hendaklah

berkeadaan baik, selamat dan selesa digunakan. Penemuan Audit terhadap kemudahan asrama adalah seperti berikut:

a. Blok Asrama Lama Kurang Kondusif

i. Kemudahan asrama lama ILTP terdiri daripada 2 blok pelatih lelaki dan 2 blok pelatih perempuan. Setiap blok mempunyai 10 buah bilik asrama yang mana setiap bilik dihuni antara 4 hingga 7 orang pelatih. Selain itu, bilik mandi, tandas, surau dan bilik rehat ada disediakan di setiap blok asrama. Lawatan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati, fizikal bangunan asrama serta kelengkapan bilik asrama bagi 22 daripada 40 buah bilik asrama berada dalam keadaan kurang kondusif seperti di **Jadual 12.3** dan **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.6**.

Jadual 12.3
Blok Asrama Kurang Kondusif

Bil.	Perkara	Catatan
1.	Bangunan Blok Asrama	Cat bangunan usang dan pudar.
2.	Lampu Kalimantang Bilik Asrama, Bilik Rehat Dan Surau	28 daripada 95 buah lampu rosak.
3.	Katil Bilik Asrama	4 daripada 128 buah katil rosak.
4.	Meja Belajar Pelatih	2 daripada 119 buah meja rosak.
5.	Kipas Bilik Asrama	2 daripada 18 buah kipas tidak berfungsi.
6.	Pintu Bilik Asrama	2 daripada 22 buah pintu rosak.
7.	Tombol Pintu Bilik Asrama	1 daripada 22 buah pintu tidak dipasang.
8.	Pintu Tandas	15 daripada 24 pintu tandas mengalami kerosakan dan tercabut.
9.	Pintu Bilik Mandi	10 daripada 24 pintu bilik mandi tercabut.
10.	Kepala Paip *Shower*	12 daripada 24 kepala paip *shower* rosak.
11.	Siling Blok Asrama	Siling koridor blok asrama berlubang dan dinding serta siling tandas berkulat.
12.	Paip Air Singki Tandas	14 daripada 30 paip air singki rosak.
13.	Paip Air *Laundry Partition*	Semua atau 10 *Laundry Partition* tidak dapat digunakan kerana paip air rosak serta tersumbat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 12.1
Dinding Bangunan Blok Asrama Berkulat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.2
Cat Siling Blok Asrama Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.3
Meja Pelatih Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 14 Julai 2011

Gambar 12.4
Siling Dan DindingTandas Berkulat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.5
Ruang Bilik Rehat Tidak Kondusif



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.6
Lampu Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

ii. Keadaan fizikal bangunan dan kelengkapan asrama yang kurang kondusif menjejaskan keselesaan dan boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada pelatih. Semakan Audit mendapati, penyenggaraan asrama dilaksanakan secara *ad hoc* kerana pihak ILTP tidak ada menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala. Pemeriksaan Audit terhadap laporan perbelanjaan Jabatan mendapati, peruntukan sejumlah RM500,000 untuk penyenggaraan bangunan termasuklah asrama telah diluluskan pada tahun 2011 dengan sejumlah RM270,730 atau 54.1% telah dibelanjakan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 1 Mac 2012, pihak Jabatan memaklumkan kerja-kerja penyenggaraan 4 buah bilik mandi dan tandas di blok asrama dengan kos sejumlah RM158,310 telah siap dilaksanakan pada 30 Disember 2011.

Pada pendapat Audit, kemudahan blok asrama pelatih adalah kurang memuaskan kerana keadaan blok bangunan dan bilik asrama yang kurang kondusif.

b. Blok Asrama Baharu Belum Diduduki

i. Permohonan Jabatan untuk membina bangunan asrama baharu telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOFS) pada 12 Januari 2007 untuk menampung bilangan pelatih yang semakin bertambah pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati, pembinaan 4 buah blok asrama baharu adalah melibatkan pembinaan 2 buah blok asrama lelaki dan 2 buah blok asrama perempuan yang dilaksanakan secara reka dan bina dengan menggunakan khidmat juru perunding dan kontraktor. Projek pembinaan 4 buah blok asrama baharu ini diberikan kepada kontraktor Ragam Bernas Sdn. Bhd. pada 12 Februari 2007 melalui rundingan terus daripada MOFS dengan nilai kontrak sejumlah RM4.90 juta. Manakala, Sabah Interdesign Sdn. Bhd. dilantik sebagai juru perunding bangunan asrama. Projek pembinaan blok asrama ini bermula pada 15 Mac 2007 dan telah siap sepenuhnya pada 24 September 2008 dengan tempoh kecacatan berakhir pada 24 September 2009 seperti di **Gambar 12.7** dan **Gambar 12.8**.

Gambar 12.7
Blok Asrama Baharu Yang Siap Pada Tahun 2008



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 12.8
Empat Buah Blok Asrama Baharu Yang Siap Pada Tahun 2008



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Januari 2012

ii. Semakan Audit mendapati,sebanyak 4 buah blok bangunan asrama berkenaan belum dapat digunakan kerana kelulusan Sijil Layak Menduduki belum diperolehi. Pemeriksaan Audit terhadap fail berkaitan mendapati, punca Sijil Layak Menduduki belum dapat dikeluarkan oleh Majlis Daerah Papar adalah disebabkan beberapa piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah (Jabatan Bomba Dan Penyelamat) tidak dipatuhi seperti *Standby Pump* tidak dapat berfungsi secara *mode 'Auto'* dan manual, sistem *Hose Reel* tidak mengikut piawaian yang ditetapkan dan lampu kecemasan tidak berfungsi dengan sempurna. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama-sama dengan pegawai ILTP pada bulan Julai 2011 mendapati, sebanyak 10 buah bilik asrama di blok asrama lelaki telah dihuni oleh pelatih lelaki sejak tahun 2010 seperti di **Gambar 12.9** dan **Gambar 12.10**.

Gambar 12.9
Blok Asrama Lelaki Yang Telah Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.10
Bilik Asrama YangTelah Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

iii. Pegawai ILTP memaklumkan 10 buah bilik di blok asrama baharu terpaksa digunakan kerana blok asrama lama tidak dapat menampung bilangan pelatih disebabkan pertambahan 2 kursus baharu bermula pada tahun 2010 dan 2011. Ketiadaan Sijil Layak Menduduki menyebabkan bangunan asrama baharu belum dapat digunakan. Maklum balas Jabatan bertarikh 25 Mei 2012, menyatakan tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan piawaian Jabatan Bomba Dan Penyelamat telah dilaksanakan dan pemeriksaan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat telah dijalankan pada 10 Januari 2012.

Pada pendapat Audit, kemudahan blok asrama baharu adalah kurang memuaskan kerana blok asrama telah siap pada tahun 2008 tetapi belum dapat diduduki.

c. Perolehan Kelengkapan Asrama

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.3 Tahun 1993 (bagi perolehan aset sebelum tahun 2010) dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.9 Tahun 2010 (bagi perolehan aset tahun 2010 dan tahun berikutnya) menyatakan semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bertujuan mengurangkan pembaziran, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan aset Kerajaan. Semakan Audit mendapati, perolehan kelengkapan asrama seperti meja, kerusi, almari, tilam dan katil telah dibuat pada tahun 2008 dan 2010. Penjelasan lanjut mengenai perolehan kelengkapan asrama adalah seperti di perenggan berikut:

i. Meja Dan Kerusi Baharu Bagi Perolehan Tahun 2010 Belum Digunakan

- Pemeriksaan Audit mendapati, perolehan kelengkapan asrama pada 13 Disember 2010 dibuat secara tender daripada syarikat Mercu Hajat Sdn. Bhd. (MHSB) dengan kos sejumlah RM387,860 yang melibatkan pembekalan katil, tilam, almari, meja dan kerusi. Bagaimanapun, pihak Audit

tidak dapat mengesahkan fizikal sebenar kelengkapan asrama yang dibekalkan oleh syarikat MHSB kerana kad Kew. 313 tidak di selenggara dan nombor siri pendaftaran serta tanda Hak Milik Kerajaan tidak dilabel. Lawatan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati, sebanyak 248 buah meja yang dibeli dengan kos sejumlah RM86,800 atau berharga RM350 seunit dan sebanyak 60 buah kerusi yang bernilai RM9,000 atau berharga RM150 seunit belum digunakan selepas satu tahun dibekalkan dan hanya disimpan di bangunan blok asrama baharu seperti di **Gambar 12.11** dan **Gambar 12.12**.

Gambar 12.11
Perolehan Meja Baharu Dengan Kos Sejumlah RM86,800



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 12.12
Perolehan Kerusi Baharu Dengan Kos Sejumlah RM9,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 26 Julai 2011

- Semakan Audit mendapati, kajian perolehan tidak dibuat dengan teliti di mana saiz meja baharu adalah besar iaitu berukuran 5 kaki x 3 kaki berbanding dengan saiz meja lama yang hanya berukuran 2.2 kaki x 1.8 kaki. Penempatan meja baharu berkenaan dalam bilik asrama telah menyebabkan ruang bilik asrama yang berkeluasan 20 kaki x 18 kaki menjadi sempit seperti di **Gambar 12.13** dan **Gambar 12.14**.

Gambar 12.13
Perbandingan Antara Meja Belajar Baharu Dengan Meja Belajar Lama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 23 September 2011

Gambar 12.14
Bilik Asrama Menjadi Sempit Apabila Sebuah Meja Baharu Dimasukkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok Asrama, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 23 September 2011

- Meja dan kerusi yang tidak digunakan itu telah menyebabkan pembaziran wang awam kerana Kerajaan telah membiayai sejumlah RM95,800 atas pembelian meja dan kerusi berkenaan. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan Jawatankuasa Perolehan Dan Penyenggaraan ILTP telah ditubuhkan pada 2 Mei 2012 bagi merancang serta mengurus pembelian, pembekalan dan penyenggaraan aset Jabatan.

ii. Kelengkapan Asrama Tidak Dapat Dikesan

- Jabatan telah menandatangani kontrak dengan syarikat MD Haziq Enterprise pada 30 Disember 2008 dengan kos sejumlah RM500,000 (termasuk RM18,860 untuk bayaran *general conditionsand preliminaries*) bagi membekal kelengkapan asrama di ILTP kampus Papar. Pemeriksaan Audit terhadap rekod mendapati, kelengkapan asrama berkenaan telah dibekalkan dan di sah terima oleh pegawai ILTP pada 31 Disember 2008 yang mana kelulusan pembayaran telah dibuat pada tarikh yang sama. Lawatan Audit bersama-sama dengan pegawai ILTP pada bulan September 2011 bagi mengesahkan kewujudan fizikal kelengkapan asrama berkenaan mendapati, sebanyak 9 daripada 14 kelengkapan asrama dengan kos sejumlah RM218,484 tidak dapat dikesan fizikalnya iaitu *Sliding Nylon Mosquito Netting,* sebanyak *3 Seater Setteess, Round Dining Table, Dining Chairs, Side Table, Rectangular Table, Crockery Cupboard, Cupboard Cabinet* dan *Worktop Set.* Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan fizikal sebenar 5 kelengkapan yang dibekalkan seperti *Single Bed*, *Wardrobes*, *Study Table*, *Study Chair* dan *6" Thick Rubber Foam Mattress* kerana tidak ada kad Kew.313 diselenggara. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Kelengkapan Asrama Yang Tidak Dapat Dikesan

Bil.	Perkara	Kuantiti (Unit)	Kos (RM)	Catatan
1.	*Single Bed*	152	85,120	Pegawai ILTP memaklumkan kelengkapan asrama berkenaan telah digunakan untuk kemudahan pelatih di asrama lama dan ada yang telah dilupuskan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerana tidak ada kad Kew.313 diselenggara.
2.	*Wardrobes*	152	85,120	
3.	*Study Table*	152	42,560	
4.	*Study Chair*	152	14,896	
5.	*6" Thick Rubber Foam Mattress For Single Bed*	152	34,960	
6.	*Sliding Nylon Mosquito Netting Including All Necessary Aluminium Framing Dan Complete With Timber Pelmet (Bedroom)*	8728 *sq/f*	74,188	Fizikal inventori tidak dapat dikesan.
7.	*Round Dining Table*	8	6,000	
8.	*Dining Chairs*	48	4,704	
9.	*3 Seater Setteess*	24	16,800	
10.	*Side table*	16	1,792	
11.	*Rectangular Table*	4	1,400	
12.	*Crockery Cupboard*	8	29,600	
13.	*Cupboard Cabinet*	8	39,200	
14.	*Worktop*	4	44,800	
Jumlah			**481,140**	

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

- Semakan Audit mendapati, pemeriksaan fizikal terhadap aset dan inventori tidak pernah dijalankan oleh pihak ILTP atau Jabatan bagi memastikan setiap aset dan inventori mempunyai rekod lengkap serta berada di lokasi. Kesan daripada pengurusan aset yang tidak cekap boleh menyebabkan risiko kehilangan atau penyalahgunaan aset Kerajaan berlaku. Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Mei 2012, pihak Jabatan memberi bahawa satu Jawatankuasa Penyiasat Dalaman telah dilantik pada 21 Disember 2011 serta laporan polis telah dibuat pada 27 Mac 2012 berhubung kes kehilangan 9 jenis kelengkapan asrama berkenaan. Pihak Jabatan turut menyatakan pemeriksaan aset dan inventori telah dijalankan pada 6 Mac 2012.

Pada pendapat Audit, perolehan kelengkapan asrama adalah kurang memuaskan kerana perolehan kelengkapan asrama baharu tidak digunakan dan kad daftar aset/inventori tidak diselenggara telah menyebabkan kelengkapan asrama tidak dapat dikesan.

12.4.2.2. Sajian Menu Tidak Disediakan Mengikut Kontrak

a. Kemudahan makan dan minum disediakan secara percuma sepanjang tempoh pelatih mengikut latihan di ILTP. Kontrak telah ditandatangani pada 1 Februari 2011 antara Jabatan dengan syarikat Eka Jaya Catering (EJC) untuk membekalkan makan dan minum pelatih bagi tempoh 2 tahun bermula pada 1 Februari 2011 hingga 31

Januari 2013 dengan kos keseluruhan berjumlah RM2.19 juta. Mengikut klausa 5dalam kontrak tersebut,syarikat EJC dikehendaki menyajikan makanan dan minuman kepada pelatih mengikut ketetapan menu yang disediakan dalam kontrak. Lawatan Audit telah dijalankan bersama-sama dengan kakitangan ILTP pada 13 September hingga 23 September 2011 iaitu semasa waktu hidangan mendapati, sajian menu tidak mengikut kontrak seperti di **Jadual 12.5**.

Jadual 12.5
Sajian Menu Tidak Disediakan Mengikut Kontrak

Bil.	Tarikh Lawatan	Waktu Sajian	Sajian Makanan Yang Tidak Dipatuhi	Catatan
1.	13.9.2011 (Selasa)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Kopi tidak disajikan.
			Karipap sardin	Tiada disajikan.
		Makan Tengah Hari	Pisang emas	Diganti dengan buah tembikai.
			Air suam dan sirap atau oren	Diganti dengan air pandan.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Tiada disajikan.
			Gula dan Susu	Tiada disajikan.
2.	14.9.2011 (Rabu)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Karipap daging	Diganti dengan 2 keping roti berinti kaya.
			Kuih linggang	Tiada disajikan.
		Minum Petang	Onde-onde	Tiada disajikan.
3.	15.9.2011 (Khamis)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Bingka ubi	Diganti dengan kastard jagung.
			Pulut panggang	Tiada disajikan.
		Makan Tengah Hari	Ayam masak kicap	Diganti dengan ayam masak kurma.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Kastad Jagung	Tiada disajikan.
4.	19.9.2011 (Isnin)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Bingka gandum	Tiada disajikan.
		Makan Tengah Hari	Daging masak merah	Diganti dengan daging masak kicap.
			Sayur daun (sawi atau pucuk timum tumis)	Diganti dengan sayur kubis.
			Buah betik	Diganti dengan buah tembikai.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Popia goreng dan kuih linggang	Diganti dengan kuih talam.
5.	20.9.2011 (Selasa)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Karipap sardin	Tiada disajikan.
		Makan Tengah Hari	Pisang emas	Diganti dengan buah tembikai.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
6.	22.9.2011 (Khamis)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Kopi tidak disajikan.
			Pulut panggang	Tiada disajikan.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
7.	23.9.2011 (Jumaat)	Minum Pagi	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Cucur badak (Ubi manis berinti serunding kelapa)	Diganti dengan roti 2 keping berinti mentega.
			Pisang goreng	Tiada disajikan.
		Makan Tengah Hari	Nasi minyak	Diganti dengan nasi putih.
			Buah limau	Diganti dengan buah tembikai.
		Minum Petang	Kopi dan Teh	Teh tidak disajikan.
			Gula dan Susu	Susu tidak disajikan.
			Popia goreng	Tiada disajikan.

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

b. Selain itu, pihak Audit mendapati, tidak ada menu dipamerkan di dalam dewan makan untuk makluman pelatih. Klausa yang sama menyatakan Pengarah hendaklah melantik seorang pegawai untuk menjalankan pemeriksaan terhadap penyediaan menu oleh syarikat EJC bagi memastikan ia mengikut ketetapan menu dalam kontrak. Pemeriksaan Audit mendapati, Pengarah tidak ada melantik pegawai bagi membuat pemeriksaan terhadap pematuhan penyediaan menu oleh syarikat EJC. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati, Pengurus Kampus ada menempatkan 2 orang pegawai yang berlainan bagi menjalankan pemeriksaan terhadap penyediaan menu makanan oleh syarikat EJC pada setiap hari. Semakan Audit mendapati, pegawai yang ditugaskan ada membuat catatan ringkas dan hanya menegur secara lisan sekiranya syarikat EJC tidak menyediakan menu yang sepatutnya.

c. Pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak ILTP telah menyebabkan kerugian kepada Jabatan kerana membuat pembayaran atas pembekalan makanan yang tidak disediakan oleh pihak EJC. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa surat amaran telah diberikan kepada pihak EJC terhadap ketidakpatuhan menyediakan menu mengikut kontrak serta telah melantik Pengurus Kampus ILTP untuk menjalankan pemantauan secara berterusan terhadap penyediaan menu oleh pihak EJC.

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan makan dan minum pelatih adalah kurang memuaskan kerana hidangan menu kepada pelatih oleh pembekal makanan yang dilantik tidak mengikut sajian menu yang ditetapkan dalam kontrak.

12.4.2.3. Tempoh Pembayaran Elaun Bulanan Tidak Konsisten

a. Setiap pelatih yang mengikuti program latihan di ILTP layak menerima elaun sejumlah RM60 (sebelum tahun 2011) dan RM100 (mulai tahun 2011) yang dimasukkan ke dalam akaun bank pelatih pada setiap bulan bagi membiayai perbelanjaan keperluan harian. Semakan Audit mendapati, elaun lewat dibayar kepada pelatih antara satu hingga 2 bulan seperti di **Jadual 12.6**.

Jadual 12.6
Tempoh Pembayaran Elaun Pelatih Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bulan	2009		2010		2011	
	Bulan Dibayar Kepada Pelatih	Tempoh Pembayaran (Bulan)	Bulan Dibayar Kepada Pelatih	Tempoh Pembayaran (Bulan)	Bulan Dibayar Kepada Pelatih	Tempoh Pembayaran (Bulan)
Januari	Februari	0	April	2	April	2
Februari	Mac	0	April	1	April	1
Mac	April	0	Mei	1	April	0
April	Mei	0	Mei	0	Julai	2
Mei	Jun	0	Julai	1	Julai	1
Jun	September	2	Julai	0	Ogos	1
Julai	Oktober	2	September	1	Ogos	0
Ogos	November	2	September	0	September	0
September	November	1	Oktober	0	November	1
Oktober	Disember	1	Disember	1	November	0
November	Februari 2010	2	Januari 2011	1	Januari 2012	1
Disember	Februari 2010	1	Januari 2011	0	Januari 2012	0

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Nota: 0- Tiada Kelewatan Pembayaran Elaun

b. Analisis Audit mendapati, bagi tahun 2009 hingga 2011, berlaku kelewatan pembayaran elaun kepada pelatih sebanyak 7 kali iaitu antara satu hingga 2 bulan. Semakan Audit mendapati, pihak pengurusan tidak ada menetapkan tarikh elaun dibayar kepada pelatih pada setiap bulan. Tempoh masa pembayaran elaun yang tidak konsisten ini memberi kesulitan kepada pelatih terutama pelatih kurang kemampuan (miskin) untuk membiayai perbelanjaan membeli keperluan harian dan pembelajaran masing-masing. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan menjelaskan bahawa pengurusan pembayaran elaun pelatih akan dibuat selewat-lewatnya pada minggu pertama setiap bulan bagi memastikan pelatih mendapat elaun bulanan dalam tempoh masa yang ditetapkan**.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran elaun bulanan kepada pelatih adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan antara satu hingga 2 bulan dalam tempoh pembayaran elaun bulanan kepada pelatih.

12.4.2.4. Perolehan Pakaian Seragam Dan Kasut Keselamatan Lewat Dibuat

a. Setiap pelatih dibekalkan dengan sepasang baju seragam dan kasut keselamatan (pelatih program Teknikal) mengikut kursus masing-masing untuk sesi latihan teori atau amali di bengkel. Semakan Audit terhadap perolehan pakaian seragam dan kasut keselamatan pelatih adalah seperti berikut:

i. Bagi tahun 2009 hingga 2011, perolehan bekalan pakaian seragam kepada pelatih dibuat secara sebut harga. Manakala, pembekalan kasut keselamatan kepada pelatih dibuat secara pembelian terus bagi tempoh tahun yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.7**.

Jadual 12.7
Perolehan Pakaian Seragam Dan Kasut Keselamatan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Pakaian			Kasut		
		Tahun					
		2009	2010	2011	2009	2010	2011
1.	Tarikh Surat Tawaran Kepada Pembekal.	TB	22 Jun	15 Mac	TB	TB	TB
2.	Tarikh Perintah Kerja Am/ Pesanan Pembelian Disediakan.	2 Februari hingga 10 Ogos	5 Julai	1 Jun	16 Februari	15 September	18 Julai
3.	Kos Perolehan (RM).	45,549	28,350	34,506	12,100	12,100	18,900
4.	Tarikh Terima Tempahan Dari Pembekal.	6 Mac hingga 8September	2 Ogos	12 Julai	26 Mac dan 27 Mac	25 Oktober	23 September
5.	Tarikh Bekalan Diagihkan Kepada Pelatih.	Rekod tidak ada diselenggara	Rekod tidak ada diselenggara	Julai hingga September	30 Mac	26 Oktober	26 September

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Nota: TB- Tidak Berkenaan

ii. Pengagihan pakaian seragam kepada pelatih bagi tahun 2011 dibuat antara 7 hingga 9 bulan selepas sesi pembelajaran bermula. Selain itu, pihak Audit mendapati, tempahan pakaian seragam pada tahun 2009 hingga 2011 hanya dibuat antara 5 hingga 7 bulan selepas sesi latihan bermula.

iii. Bagi tahun 2010 dan 2011, kasut keselamatan hanya diagihkan kepada pelatih masing-masing selepas 10 bulan dan 9 bulan sesi latihan bermula. Lawatan Audit pada bulan September 2011 mendapati, pelatih memakai pakaian dan kasut sendiri semasa menjalankan latihan amali di bengkel seperti di **Gambar 12.15** dan **Gambar 12.16**.

Gambar 12.15
Pelatih Memakai Pakaian Dan Kasut Sendiri Semasa Menjalankan Latihan Amali Di Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 15 September 2011

Gambar 12.16
Pelatih Memakai Pakaian Dan Kasut Sendiri Semasa Menjalankan Latihan Amali Di Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 14 September 2011

iv. Kelewatan mengagihkan kasut keselamatan kepada pelatih telah menyebabkan pelatih menggunakan kasut biasa di mana boleh mendedahkan pelatih kepada risiko kecederaan seperti tergelincir atau tertusuk benda tajam kerana penggunaan peralatan bengkel, minyak, gris dan lain-lain.

v. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa tempahan pakaian seragam dan kasut keselamatan untuk pelatih akan dirancang dan dilaksanakan awal iaitu selewat-lewatnya 3 bulan selepas sesi latihan bermula.

Pada pendapat Audit, perolehan pakaian seragam dan kasut keselamatan pelatih adalah kurang memuaskan kerana pengagihan pakaian seragam dan kasut keselamatan kepada pelatih dibuat antara 7 hingga 10 bulan selepas sesi latihan bermula.

12.4.2.5. Peralatan Latihan

Pihak Jabatan menyediakan pelbagai peralatan latihan mengikut sukatan pelajaran NOSS sebagai kemudahan pembelajaran kepada pelatih. Peruntukan kewangan sejumlah RM1.2 juta (program Teknikal sahaja) telah diluluskan bagi tahun 2009 hingga 2011 dengan sejumlah RM150,412 atau 12.5% telah dibelanjakan untuk membiayai pembelian peralatan latihan termasuk stok guna habis bagi kursus teknikal di ILTP. Perolehan peralatan latihan dibuat secara pembelian terus, sebut harga dan tender yang mana permohonan keperluan peralatan latihan dikemukakan oleh jurulatih program latihan masing-masing secara bertulis atau lisan kepada pihak pengurusan. Penemuan Audit terhadap prestasi peralatan latihan adalah seperti berikut:

a. Peralatan Latihan Belum Disediakan Mengikut Keperluan NOSS

i. Peralatan latihan yang digunakan adalah berdasarkan kepada peralatan latihan yang terkandung dalam NOSS. Pemeriksaan Audit mendapati, lawatan sambil belajar telah dianjurkan ke syarikat swasta selama satu hari atau 8 jam kerana ketiadaan peralatan latihan seperti *trailer* dan *prime mover* sejak program ditauliahkan pada tahun 2006. Semakan Audit terhadap tempoh jam yang ditetapkan bagi latihan *trailer* dan *prime mover* adalah masing-masing selama 28 jam dan 54 jam di mana ia melibatkan sesi pembelajaran seperti *perform trailer system*, *replace trailer legs*, *repair air suspension leveling valve*, *repair suspension air bellows* dan lain-lain. Pihak Audit mendapati, tempoh masa pembelajaran yang masing-masing hanya 28.6% dan 14.8% daripada tempoh masa yang ditetapkan boleh menjejaskan pencapaian *end result performance* pelatih dalam bidang penyenggaraan kenderaan kerana pelatih tidak diberikan pendedahan secukupnya.

ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa pihaknya dalam proses menyenaraikan keperluan peralatan latihan termasuklah *trailer* dan *prime mover*.

b. Penyenggaraan Peralatan Latihan Yang Rosak Belum Dilaksanakan

i. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.9 Tahun 2010 menyatakan penyenggaraan aset Kerajaan perlu dilaksanakan bagi memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan, meningkatkan keupayaan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat dan mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif. Lawatan Audit pada bulan September 2011 ke Bengkel Teknikal mendapati, peralatan latihan telah rosak tetapi belum diambil tindakan pembaikan seperti di **Jadual 12.8**.

Jadual 12.8
Peralatan Latihan Yang Rosak

Jenis Program Latihan	Peralatan Latihan Yang Rosak	Rujukan Gambar
Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Jurukimpal)	8 unit *Thermal Arc (Inverter Welder)* telah rosak sejak tahun 2008.	**12.17**
	1 unit *Plasma Cutter* telah rosak sejak tahun 2008.	**12.18**
Mekanik Jentera Pertanian(MJP)	*Backhoe Case* 580E telah rosak sejak bulan Mac 2011.	**12.19**
	Nissan Excavator telah rosak sejak bulan Julai 2010.	**12.20**

Sumber: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Gambar 12.17
Thermal Arc (Inverter Welder)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jurukimpal, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 12.18
Plasma Cutter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jurukimpal, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 14 September 2011

Gambar 12.19
***Backhoe Case* 580E**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel MJP, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 19 September2011

Gambar 12.20
Nissan Excavator



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel MJP, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 19 September 2011

ii. Pemeriksaan Audit terhadap rekod peralatan latihan mendapati, program penyenggaraan secara berjadual bagi peralatan latihan tidak ada disediakan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh penyenggaraan terakhir yang pernah dilaksanakan kerana tidak ada direkodkan dalam kad Kew.312. Kelewatan tindakan penyenggaraan atau penggantian peralatan latihan ini boleh menjejaskan sesi latihan kerana pelatih tidak diberikan pendedahan secukupnya disebabkan peralatan latihan belum dibaiki. Selepas teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa bahawa jadual penyenggaraan secara berkala telah disediakan bagi memastikan sesi latihan dapat berjalan lancar.

c. Peralatan Latihan Tidak Digunakan

i. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.9 Tahun 2010 menyatakan semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur yang bertujuan mengurangkan pembaziran, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan aset Kerajaan. Semakan Audit terhadap prestasi penggunaan peralatan latihan di ILTP mendapati, semua peralatan latihan digunakan mengikut keperluan NOSS kecuali peralatan latihan seperti di perenggan berikut:

ii. Pembelian Awal Bagi 6 Unit Penyaman Udara Model *York*

- Lawatan Audit pada bulan September 2011 ke bengkel Program Mekanik Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara mendapati, sebanyak 6 unit penyaman udara model *York* bernilai RM8,360 yang dibekalkan pada 30 Disember 2010 untuk tujuan latihan masih berada dalam kotak pembungkusan penyaman udara masing-masing dan belum digunakan sejak dibeli pada tahun 2010 seperti di **Gambar 12.21**.



Gambar 12.21
Pembelian 6 Unit Penyaman Udara Baharu Untuk Latihan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: ILTP Kampus Papar
Tarikh: 22 September 2011

- Pihak Audit mendapati, pembelian 6 unit penyaman udara berkenaan adalah sebagai stok penggantian dan hanya digunakan sekiranya penyaman udara lama telah rosak. Namun begitu, pembelian awal stok peralatan latihan boleh menyebabkan risiko kerugian kepada Kerajaan sekiranya penyaman udara berkenaan rosak apabila hendak digunakan kerana tempoh waranti (jaminan) telah tamat.

iii. Peralatan Latihan Yang Tiada Dalam Keperluan NOSS

- Lawatan Audit ke bengkel Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Jurukimpal) pada bulan September 2011 mendapati, 10 unit *Metal Inert Gas* dan 1 unit *AC Spot Welder* tidak digunakan sejak program Jurukimpal ditauliahkan pada tahun 2006 kerana tidak terkandung dalam sesi pembelajaran mengikut NOSS seperti di **Gambar 12.22** dan **Gambar 12.23**.

Gambar 12.22
Metal Inert Gas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jurukimpal, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 22 September 2011

Gambar 12.23
AC Spot Welder



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bengkel Jurukimpal, ILTP Kampus Papar
Tarikh: 22 September 2011

- Selain itu, pihak Audit mendapati, penyimpanan peralatan latihan berkenaan di dalam bengkel latihan telah menghadkan ruang bengkel. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mei 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa tindakan pelupusan akan diambil terhadap peralatan latihan berkenaan.

Pada pendapat Audit, kemudahan peralatan latihan adalah kurang memuaskan kerana peralatan latihan belum disediakan mengikut keperluan NOSS, tindakan pembaikan bagi peralatan latihan yang rosak belum dilaksanakan dan risiko pembelian awal peralatan latihan.

12.4.3. Kajian Keberkesanan Program Latihan Dalam Pasaran Kerja

12.4.3.1. Secara amnya, program latihan yang mendapat Pensijilan Kemahiran Malaysia dapat menyediakan laluan kerjaya kepada individu kerana sijil yang diperolehi diiktiraf oleh mana-mana industri di Malaysia. Pihak Audit mendapati, Bahagian Perancangan Tenaga Manusia (PERTAMA) diberi tanggungjawab untuk menjalankan kajian mengenai keberkesanan program latihan yang dianjurkan oleh Jabatan termasuklah program latihan anjuran ILTP.

12.4.3.2. Semakan Audit mendapati, sebanyak 6 kajian telah dilaksanakan pada tahun 2010 bagi menilai kemajuan kerjaya bekas pelatih ILTP yang melibatkan 6 kursus iaitu kursus Kerani, Sistem Maklumat, Sistem Komputer, Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara, Juruelektrik dan Juruestetik yang mana masing-masing melibatkan sesi latihan antara satu hingga 2 tahun. Antara objektif kajian yang dijalankan adalah meninjau sama ada20% daripada graduan pelatih ILTP mendapat pekerjaan sepadan dengan latihan yang diikuti. Semakan Audit mendapati, secara keseluruhannya antara 20% hingga 57.1% responden kajian mendapat pekerjaan mengikut bidang kemahiran yang diceburi. Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2012, pihak Jabatan memaklumkan bahawa kajian menyeluruh terhadap 12 program latihan anjuran ILTP telah dilaksanakan pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, usaha Jabatan menjalankan kajian bagi mengesan pembangunan kerjaya bekas pelatih adalah baik.

12.4.4. Maklum Balas Pelatih Dan Jurulatih

12.4.4.1. Borang soal selidik digunakan sebagai satu kaedah untuk mendapatkan maklumat berdasarkan kepada maklum balas pelatih dan jurulatih terhadap program latihan anjuran ILTP. Dua jenis borang soal selidik telah diedarkan kepada pelatih dan jurulatih seperti di **Jadual 12.9**.

Jadual 12.9
Bilangan Soal Selidik Yang Diedar Dan Diterima

Responden	Bilangan Soal Selidik		Peratus Terima (%)
	Diedar	Diterima	
Pelatih	241	230	95.4
Jurulatih	41	36	87.8
Jumlah	**282**	**266**	**94.3**

Sumber: Jabatan Audit Negara

12.4.4.2. Analisis Audit terhadap soal selidik yang diterima adalah seperti berikut:

a. Pelatih memberikan maklum balas positif di mana secara puratanya, seramai 190 orang pelatih atau 82.6% bersetuju modul latihan mudah difahami dan diikuti, bilik kuliah yang disediakan sesuai dan memadai, alat bantuan latihan berkeadaan baik dan mencukupi serta tugasan atau latihan yang diberikan semasa tugasan amali adalah mengikut sukatan pelajaran. Selain itu, pelatih turut bersetuju jurulatih berkebolehan menjalankan sesi pengajaran dengan baik.

b. Seramai 35 orang atau 97.2% jurulatih berpendapat setiap jurulatih perlu menghadiri latihan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Selain itu, seramai 34 orang atau 94.4% bersetuju modul yang digunakan adalah selari dengan kehendak tenaga kerja dalam pasaran. Seramai 21 orang atau 58.3% memberikan maklum balas bahawa peralatan pembelajaran kepada pelatih tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, maklum balas pelatih dan jurulatih terhadap keperluan dan pelaksanaan program latihan di ILTP adalah baik.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan program latihan yang dianjurkan oleh pihak Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan (ILTP) dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar, pihak Audit mengesyorkan pihak Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan pihak ILTP khasnya mengambil tindakan-tindakan bagi tujuan penambahbaikan seperti berikut:

12.5.1. Melaksanakan program penyenggaraan *preventive* dan *corrective* secara berkala terhadap bangunan asrama dan peralatan latihan agar ia selamat digunakan dan berfungsi dengan baik.

12.5.2. Mengambil tindakan sewajarnya untuk membolehkan permohonan Sijil Layak Menduduki bagi bangunan asrama baharu diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

12.5.3. Merancang dengan teliti dan melaksanakan perolehan terhadap kelengkapan asrama, peralatan latihan serta pakaian seragam dan kasut keselamatan mengikut keperluan pelatih dalam tempoh masa yang bersesuaian.

12.5.4. Melaksanakan sistem pengurusan kewangan yang berkesan seperti menjalankan pemeriksaan aset dan inventori sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun bagi memastikan kewujudan fizikal aset, meningkatkan kerja penyeliaan terhadap pembekalan makanan bagi menjamin kualiti pembekalan serta menetapkan jadual pembayaran elaun kepada pelatih pada setiap bulan.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

13. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit POIC Sabah Sdn. Bhd., Perkasa Realty Sdn. Bhd. dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan dilaporkan di **Bahagian** ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SABAH

14. POIC SABAH SDN. BHD.

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. POIC Sabah Sdn. Bhd. (POIC) ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Syarikat 1965. POIC mempunyai saham dibenarkan berjumlah RM150 juta dan berbayar berjumlah RM108.06 juta. POIC merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Perindustrian.

14.1.2. Objektif POIC adalah untuk menggalakkan/menerajui industri pemprosesan kelapa sawit hiliran dengan menambah nilai kepada ladang kelapa sawit serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan. Aktiviti utama yang dijalankan oleh POIC adalah dalam pembangunan kelompok/rangkaian/gugusan perindustrian kelapa sawit di Lahad Datu.

14.1.3. Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah POIC yang dilantik adalah terdiri daripada ahli politik, 5 wakil Kerajaan dan 3 ahli perniagaan/bebas. Dalam mengendalikan urusan syarikat, POIC diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 48 pegawai dan kakitangan.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan POIC adalah memuaskan atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek tadbir urus korporat, prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan aktiviti serta pemantauan POIC. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan dengan pengurusan POIC bagi tahun 2009 hingga 2011. Manakala Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 hingga tahun 2010 digunakan untuk analisis kewangan. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan pembangunan dan penjualan tanah di POIC Lahad Datu. Di samping itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Pengauditan dijalankan di Pejabat POIC di Sabah Trade Centre, Kota Kinabalu. Lawatan juga dibuat ke POIC Lahad Datu.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun 2011 hingga September 2011 dan beberapa tindakan susulan mendapati, pada umumnya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus POIC adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti utama POIC seperti jeti yang telah siap pada tahun 2008 belum beroperasi dan pelabur tidak menyiapkan kilang serta tidak menjelaskan bayaran harga tanah mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelemahan dalam tadbir urus pula adalah seperti Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan, *Standard Operating Procedures* tidak komprehensif dan pengurusan pembayaran, perolehan serta aset kurang teratur. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus POIC adalah seperti berikut:

14.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan POIC, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

14.4.1.1. Analisis Trend

Analisis trend bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati jumlah pendapatan telah menurun daripada RM121.05 juta pada tahun 2008 kepada RM16.50 juta pada tahun 2009 dan meningkat RM17.44 juta kepada RM33.94 juta pada tahun 2010. Jumlah pendapatan

yang besar pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh pengurangan pada perbelanjaan iaitu *Allowance for Foreseeable Loss* sejumlah RM66.62 juta. Trend perbelanjaan adalah meningkat daripada RM61.76 juta pada tahun 2008, kepada RM73.20 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, pada tahun 2010, perbelanjaan syarikat menurun kepada RM33.01 juta. POIC telah mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM59.29 juta pada tahun 2008. Manakala pada tahun 2009, syarikat telah mencatat kerugian sejumlah RM56.70 juta. Pada tahun 2010, syarikat telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.93 juta.

14.4.1.2. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian bersih bagi tempoh 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.1**, **Carta 14.1** dan **Carta 14.2**.

Jadual 14.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian POIC
Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	121.05	16.50	33.94
Jumlah Perbelanjaan	-61.76	-73.20	- 33.01
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	**59.29**	**- 56.70**	**0.93**
Cukai Pendapatan	-	-	-
Keuntungan/Kerugian Bersih	**59.29**	**- 56.70**	**0.93**
Kerugian Terkumpul	**- 83.21**	**- 139.91**	**- 138.98**

Sumber: Penyata Kewangan POIC

Carta 14.1
Trend Keuntungan/Kerugian POIC
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber:Penyata Kewangan POIC

Carta 14.2
Trend Pendapatan dan Perbelanjaan POIC
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber:Penyata Kewangan POIC

14.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan dan Nisbah Kecekapan. Kedudukan Nisbah Kewangan POIC adalah seperti di **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan POIC Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	1.12:1	0.97:1	0.91:1
Margin Keuntungan	49%	-344%	3%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.18:1	-0.16:1	0.002:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	-0.71:1	1.04:1	-0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan POIC

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala nisbah kecairan pada kadar 1:1 adalah dianggap setara iaitu semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati, Nisbah Semasa POIC bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah antara 0.91:1 hingga 1.12:1. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa POIC tidak mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut analisis Audit, POIC telah menjana RM0.49 bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2009, syarikat mengalami kerugian berjumlah RM3.44 bagi setiap ringgit hasil pendapatan. Syarikat sekali lagi menjana pendapatan pada tahun 2010 pada kadar RM0.03 bagi setiap ringgit hasil pendapatan yang diperoleh. Berdasarkan kepada margin ini dapat dirumuskan bahawa walaupun tahap kecekapan operasi syarikat tidak konsisten, namun prestasi ini telah menunjukkan peningkatan keupayaan pada tahun 2010.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati, Nisbah Kecekapan POIC bagi tahun 2008 dan 2010 adalah 0.18:1 dan 0.002:1 masing-masing. Bagaimanapun, bagi

tahun 2009, setiap ringgit pelaburan aset yang dilakukan mengalami kerugian RM0.16. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa POIC telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi keupayaan untuk menguruskan aset dengan cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati, Nisbah Kecekapan POIC bagi tahun 2008 dan 2010 adalah 0.71:1 dan 0.03:1 masing-masing. Bagaimanapun, bagi tahun 2009, setiap ringgit modal digunakan mengalami kerugian RM1.04. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa POIC telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi keupayaan untuk menguruskan modal yang dilaburkan dengan cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan POIC adalah memuaskan.

14.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti POIC adalah tertumpu kepada penyediaan infrastruktur, penjualan tanah dan penyewaan tanah. Semakan terhadap aktiviti POIC mendapati perkara berikut:

14.4.2.1. Penyediaan Infrastruktur

a. Salah satu daripada objektif penubuhan POIC adalah untuk membangunkan kawasan POIC Lahad Datu, termasuk menyediakan infrastruktur asas. Infrastruktur yang perlu disediakan adalah jeti, jalan raya, bekalan tenaga elektrik, bekalan air, perparitan, sistem pembetungan dan telekomunikasi. Setakat bulan Jun 2011, POIC telah membelanjakan sejumlah RM733.89 juta untuk projek pembinaan infrastruktur. Projek pembinaan infrastruktur POIC Lahad Datu telah dibahagikan kepada 5 projek bernilai RM868.50 juta.

b. Bagi meningkatkan kawalan dalaman, pemilihan kontraktor hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa Tender untuk memastikan ketelusan dalam pelantikan kontraktor. Semakan Audit mendapati Sri Jutaya Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan kesemua 5 projek pembinaan infrastruktur POIC di Lahad Datu. Pelantikan kontraktor tersebut adalah melalui *selective/restricted tender* di peringkat POIC dan pemberian terus daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah manakala pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja Fasa 3A adalah melalui tender terbuka Lembaga Tender Negeri. Komponen projek pembinaan infrastruktur adalah seperti di **Jadual 14.3**.

Jadual 14.3
Komponen Projek Pembinaan Infrastruktur

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Kaedah Perolehan	Tarikh Lantikan
1.	Fasa 1A	31.33	Pemberian Terus	29.07.2005
2.	Fasa 1B & 2	218.97	Pemberian Terus	27.01.2006
3.	*Power Supply*	82.00	Pemberian Terus	22.11.2006
4.	*Oil Jetty*	94.00	Pemberian Terus	27.02.2007
5.	Fasa 3A	442.20	Tender Terbuka	25.02.2009

Sumber: POIC

c. Kontraktor yang dilantik hendaklah mematuhi semua syarat dan terma perjanjian untuk memastikan pelaksanaan projek pembinaan berjalan dengan lancar. Sekiranya terdapat syarat dan terma yang tidak dipatuhi, kedua-dua pihak boleh menamatkan perjanjian yang ditandatangani. Selain itu, pembinaan projek hendaklah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaannya. Lawatan Audit pada 19 hingga 20 September 2011 mendapati, pembinaan 4 projek telah disiapkan mengikut jadual pelaksanaannya dan satu projek sedang dalam pembinaan seperti di **Jadual 14.4**. Projek tersebut adalah pembinaan infrastruktur Fasa 3A yang sepatutnya siap pada 16 Mac 2012.

Jadual 14.4
Status Pelaksanaan Pembinaan Infrastruktur

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Sepatut Siap	Tarikh Sebenar Siap*	Catatan
1.	Fasa 1A	31.33	01.08.2006	22.08.2006	Siap seperti di **Gambar 14.1**
2.	Fasa 1B & 2	218.97	15.08.2007	14.08.2007	
3.	*Power Supply*	82.00	29.02.2008	09.02.2010	Siap seperti di **Gambar 14.2**
4.	*Oil Jetty*	94.00	12.07.2008	11.07.2008	Siap seperti di **Gambar 14.3**
5.	Fasa 3A	442.20	16.03.2012	-	75.5 % siap dan lewat jadual 3.3%** seperti di **Gambar 14.4** hingga**14.6**.

Sumber: POIC
Nota : * - Sijil Perakuan Siap Kerja/*Provisional Taking Over Certificate*
** - Setakat bulan Julai 2011

Gambar 14.1
Jalan Raya Yang Siap Dibina(Fasa 1 Dan 2)



Sumber: POIC
Lokasi: POIC Lahad Datu

Gambar 14.2
Transmission And Distribution System



Sumber: POIC
Lokasi: POIC Lahad Datu

Gambar 14.3
***Oil Jetty* Yang Telah Siap Dibina Tetapi Belum Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: POIC Lahad Datu
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 14.4
***Bulk Fertilizer Terminal* Yang Sedang Dibina, Fasa 3A**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: POIC Lahad Datu
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 14.5
Penyediaan Infrastruktur POIC Lahad Datu Fasa 3A



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: POIC Lahad Datu
Tarikh: 20 September 2011

Gambar 14.6
Penyediaan Tapak POIC Lahad Datu Fasa3A



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: POIC Lahad Datu
Tarikh: 20 September 2011

d. Kemajuan kerja fizikal projek Fasa 3A yang sedang dilaksanakan pula telah terlewat daripada jadual sebanyak 3.3% setakat bulan Julai 2011. POIC memaklumkan bahawa kelewatan dalam pelaksanaan projek adalah disebabkan oleh penangguhan dalam saluran pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan melalui *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)* dari tahun 2011 ke 2012 yang melibatkan RM100 juta. POIC telah mendapatkan pembiayaan secara komersil untuk meneruskan projek tersebut dan melangsaikan tuntutan kontrak tertunggak sebanyak RM94.50 juta (setakat Januari 2012). Dokumentasi untuk pembiayaan komersil tersebut telah dimuktamadkan pada Disember 2011 dan pengeluaran telah dibuat pada Februari 2012. Semakan lanjut mendapati jeti yang telah siap dibina pada bulan Julai 2008 belum beroperasi setakat bulan Oktober 2011.

14.4.2.2. Penjualan Tanah

Mengikut polisi POIC, sebahagian tanah yang diperuntukkan perlu dijual kepada pelabur bagi memastikan objektif pewujudan kawasan perindustrian kelompok POIC Lahad Datu bagi memajukan kawasan tersebut dan mewujudkan peluang pekerjaan tercapai. Hasil pengauditan mendapati perkara berikut:

a. POIC telah memperuntukkan 63 lot tanah di POIC Lahad Datu bagi fasa 1 dan 2 dengan keluasan 582.49 ekar untuk dijual kepada pelabur. Sebanyak 44 lot tanah dengan keluasan 414.87 ekar telah dijual kepada 36 syarikat bagi tempoh 2006 hingga 2011. Setakat bulan November 2011, sebanyak 19 lot tanah dengan keluasan 167.62 ekar masih belum dijual oleh POIC. POIC menjelaskan bahawa promosi seperti mencetak risalah, menyertai pameran dan seminar telah dilaksanakan bagi memasarkan tanah tersebut kepada pelabur. Maklumat lanjut penjualan tanah POIC Lahad Datu adalah seperti di **Jadual 14.5**.

Jadual 14.5
Status Penjualan Tanah POIC Lahad Datu

Perihal Tanah	Lot (Bilangan)			Keluasan (Ekar)		
	Fasa 1	Fasa 2	Jumlah	Fasa 1	Fasa 2	Jumlah
Tanah Untuk Dijual	26	37	63	355.52	226.97	582.49
Telah Dijual	19	25	44	263.72	151.15	414.87
Baki	**7**	**12**	**19**	**91.80**	**75.82**	**167.62**

Sumber: POIC

b. POIC telah memperoleh sejumlah RM215.23 juta daripada penjualan tanah tersebut dan dijangka akan mewujudkan 2,059 peluang pekerjaan kepada orang ramai. Bagaimanapun, setakat bulan Oktober 2011, peluang pekerjaan yang diwujudkan berdasarkan 9 kilang yang telah siap dan beroperasi adalah sebanyak 275 seperti di **Jadual 14.6**.

Jadual 14.6
Pendapatan Penjualan Tanah Dan Peluang
Pekerjaan Yang Diwujudkan Setakat Oktober 2011

Perihal	Status Pembinaan Kilang			
	Beroperasi/Siap	Dalam Pembinaan	Lain-Lain *	Jumlah
Keluasan Tanah (Ekar)	94.21	151.03	169.63	414.87
Harga Jualan (RM Juta)	48.92	78.16	88.15	215.23
Bilangan Kilang	9	10	17	36
Nilai Pelaburan (RM Juta)	529.00	814.70	864.30	2,208.00
Peluang Pekerjaan	275	951	833	2,059

Sumber: POIC
Nota: * - *Pending/planning for construction*/bercadang menjual balik tanah/sedang diambil tindakan undang-undang/perjanjian jual beli baru ditandatangani

c. Mengikut perjanjian jual beli (perjanjian) tanah, pembeli hendaklah membangunkan tanah dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh penyerahan tanah. Selain itu, kilang/jenis perniagaan yang dijalankan juga hendaklah seperti yang dinyatakan

dalam perjanjian tersebut. Semakan Audit mendapati 11 kes penyerahan tanah kepada pembeli mengambil masa antara 1 hingga melebihi 4 tahun dan 3 pembeli belum menyiapkan kilang mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebuah syarikat iaitu Woodtra Reforestation Sdn. Bhd. telah melanggar syarat perjanjian kerana menjalankan aktiviti perniagaan yang berbeza daripada yang dinyatakan dalam perjanjian. Aktiviti perniagaan yang sepatutnya dijalankan adalah *oleochemical-soap & detergents* tetapi telah menjalankan *cement premix*. Pihak POIC telah mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat tersebut pada 6 September 2011.

d. Pembeli hendaklah menjelaskan harga tanah dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Mengikut perjanjian, sebarang kelewatan akan dikenakan faedah pada kadar 10% setahun. Semakan Audit mendapati 4 syarikat belum menjelaskan bayaran sepenuhnya walaupun tempoh bayaran telah tamat. Semakan lanjut mendapati POIC tidak mengenakan faedah terhadap kelewatan pembayaran harga tanah kepada pembeli yang telah membuat rayuan dengan memberi justifikasi yang munasabah kepada POIC. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa lanjutan tempoh belum diberikan kepada pelabur tersebut dan faedah sejumlah RM335,489 telah dikenakan ke atas tunggakan yang belum dijelaskan. Butiran terperinci mengenai syarikat yang belum menjelaskan bayaran adalah seperti di **Jadual 14.7**.

Jadual 14.7
Syarikat Yang Belum Menjelaskan Bayaran Tanah Sepenuhnya Setakat 31 Disember 2011

Bil.	Syarikat	Harga Tanah (RM Juta)	Bayaran (RM Juta)	Baki (RM Juta)	Tarikh Perjanjian	Tarikh Matang
1.	Gamalux Oils Sdn. Bhd.	2.61	0.76	1.85	08.03.2011	08.06.2011
2.	Natural Specialty Fats Sdn. Bhd.	3.19	0.32	2.87	28.03.2011	28.06.2011
3.	SAB Bio Fuel Sdn. Bhd.	13.05	1.31	11.74	30.06.2011	31.08.2011
4.	Excelwin Biotech Sdn.Bhd.*	1.33	0.13	1.20	18.07.2011	18.11.2011
Jumlah		**20.18**	**2.52**	**17.66**		

Sumber: POIC
Nota: * - Tarikh matang adalah pada 19.10.2011 telah diberi lanjutan masa 1 bulan sehingga 18.11.2011 bagi baki 90% dengan kadar faedah 10% setahun

14.4.2.3. Penyewaan Tanah

Lot tanah yang tidak dijual atau disimpan sebagai tanah rizab POIC akan disewakan kepada individu/syarikat yang berminat. Semakan Audit mendapati 4 lot tanah bagi fasa 1 dan 2 yang dicadangkan untuk disewakan tetapi hanya satu lot tanah yang telah disewa oleh sebuah syarikat. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa setakat Januari 2012, terdapat 2 pelabur yang berminat dan kini sedang dalam proses rundingan untuk penyewaan tanah. Maklumat tanah untuk disewakan dan penyewa adalah seperti di **Jadual 14.8**.

Jadual 14.8
Status Penyewaan Tanah Setakat Bulan September 2011

Bil.	No. Lot	Keluasan (Ekar)	Status	Sewa Bulanan (RM)
1.	17	10.00	Belum disewa	0
2.	18	10.26	Belum disewa	0
3.	19A	10.14	Belum disewa	0
4.	36B	6.22	Disewa oleh Blossom Bio Energy Sdn.Bhd. mulai 2.7.2010	27,094

Sumber: POIC

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti POIC adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelewatan penyerahan tapak tanah dan pembinaan kilang akan menyebabkan objektif POIC untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan akan lewat dicapai.

14.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat POIC mendapati perkara berikut:

14.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Jawatankuasa Audit perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat Syarikat Induk. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Tiga orang ahli termasuk Pengerusi mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang yang bukan pengarah dan bukan dari pengurusan Syarikat Induk. Setiausaha Jawatankuasa pula ialah Pengurus atau Pegawai Audit Dalaman Syarikat Induk. Unit Audit Dalam ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati POIC tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan pada 12 Disember 2011.

14.4.3.2. Strategi Dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat Kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Semakan Audit mendapati POIC ada menyediakan

Rancangan Korporat/Pelan Strategik pada tahun 2004. Bagaimanapun, Rancangan Korporat/Pelan Strategik tersebut tidak menetapkan tempoh yang diliputi sama ada jangka pendek atau jangka panjang. Selain itu, Rancangan Korporat/Pelan Strategik tersebut juga tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

14.4.3.3. *Standard Operating Procedures*

a. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab. SOP adalah berbeza bagi setiap Bahagian/Unit kerana disediakan berdasarkan skop kerja masing-masing. Selain itu, SOP hendaklah dipanjangkan kepada kakitangan sebagai rujukan utama kepada anggota semasa menjalankan tugas. Semakan Audit mendapati, SOP/polisi yang meliputi pengurusan kewangan dan perakaunan yang asas seperti prosedur penyediaan akaun, pelantikan juruaudit, pembayaran dividen, perolehan, polisi perakaunan, penerimaan, pembayaran, pelaburan dan pinjaman ada disediakan di POIC. Bagaimanapun, SOP tersebut tidak komprehensif kerana ia hanya merangkumi prosedur penyediaan akaun sahaja. Selain itu, SOP tersebut juga belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa SOP telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 12 Disember 2011.

b. Semakan selanjutnya mendapati POIC ada menyediakan *General Terms And Conditions Of Employment* berkuatkuasa mulai bulan Julai 2005. Perkara utama yang terkandung dalam prosedur ini ialah syarat perkhidmatan, kelakuan dan disiplin, gaji, bonus dan elaun, waktu bekerja, kenaikan pangkat, penamatan kerja, umur bersara, jenis cuti, kemudahan perubatan dan kemudahan lain. Prosedur tersebut telah diluluskan penggunaannya oleh Lembaga Pengarah dan telah dikemas kini sehingga 2009. Bagaimanapun,ia tidak lengkap/kemas kini kerana kelayakan elaun CEO tidak dimasukkan dalam prosedur tersebut.

Pihak Audit berpendapat POIC mempunyai sistem dan prosedur asas bagi membolehkan POIC beroperasi dengan baik. POIC perlu menetapkan/menyediakan prosedur yang lengkap/komprehensif bagi memastikan sistem dan prosedur yang diamalkan adalah baik untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.

14.4.3.4. Pengurusan Kewangan

Pendekatan pematuhan terhadap pengauditan pengurusan kewangan dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Aspek yang diliputi bagi pengauditan ini adalah berkaitan dengan kawalan bajet, kawalan terimaan atau jualan, kawalan

perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil pengauditan terhadap aspek pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Terimaan

Kawalan/Pengurusan terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan/hasil sesebuah organisasi diurus dan dikendalikan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan diakaunkan dengan sempurna. Terimaan utama POIC adalah pendapatan daripada jualan tanah dan geran daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan. Terimaan POIC pada tahun 2009 dan 2010 adalah masing-masing sejumlah RM16.50 juta dan RM33.94 juta. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan terimaan mendapati perkara seperti berikut:

i. Tunggakan Hasil Belum Dikutip

Semua hasil hendaklah dikutip mengikut tempoh yang ditetapkan/apabila tempoh kutipan telah matang. Semakan Audit mendapati setakat bulan Julai 2011, POIC belum menerima pembayaran sejumlah RM255,822 daripada 5 penghutang seperti di **Jadual 14.9**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa sehingga setakat Januari 2012, semua tunggakan hasil berikut telah diselesaikan kecuali bagi Syarikat SPC Biodiesel Sdn. Bhd. di mana surat peringatan bertarikh 25.10.2011 dan 12.1.2012 telah dihantar.

Jadual 14.9
Bayaran Belum Diterima Daripada Penghutang Melebihi 3 Bulan

Bil.	Nama	Perihal Bayaran	Jumlah (RM)	Tempoh Tunggakan (Bulan)
1.	Bristeel Properties Sdn. Bhd.	Yuran *option* & bil air	42,560	4
2.	SPC Biodiesel Sdn. Bhd.	Cukai tanah	128,369	9 hingga 32
3.	Sawit Raya Oil (Sabah) Sdn. Bhd.	Cukai tanah	18,624	9 hingga 26
4.	TS Shipping and Forwarding Sdn. Bhd.	Bayaran balik kos *security arrangement*	1,150	26
5.	Zurex Corporation Sdn. Bhd.	Cukai tanah & bil air	65,119	3 hingga 12
Jumlah			**255,822**	

Sumber: POIC

b. Kawalan Perbelanjaan

Kawalan/Pengurusan perbelanjaan yang berhemat, cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan kerugian kepada sesebuah organisasi. Perbelanjaan POIC adalah terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran serta kewangan. Perbelanjaan POIC adalah masing-masing berjumlah RM73.20 juta dan RM33.01 juta pada tahun 2009 dan 2010. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati lapan bayaran yuran konsultan tidak

disokong dengan dokumen sokongan yang melibatkan bayaran sejumlah RM44,752. Selain itu didapati semua baucar bayaran berserta dokumen sokongan yang telah diproses pembayaran tidak dicop “telah dibayar”.

14.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Tahun 1993 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati POIC belum pernah mengisytiharkan pembayaran dividen kerana masih berada dalam kedudukan kerugian terkumpul.

a. Tunggakan Bayaran Kepada Pemiutang/Akaun Kena Bayar

Semua tanggungan hendaklah dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Penyata Akaun Kena Bayar mendapati POIC belum menjelaskan sejumlah RM144.21 juta kepada pelbagai pemiutang setakat bulan Julai 2011 seperti di **Jadual 14.10**. Semakan lanjut mendapati tunggakan bayaran premium tanah sejumlah RM130.68 juta belum dijelaskan kepada Jabatan Tanah Dan Ukur sejak tahun 2009 kerana POIC bercadang untuk memohon pengurangan bayaran premium tersebut. Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian pada bulan November 2010. Bagaimanapun, surat rayuan/permohonan pengurangan kadar bayaran premium belum dikemukakan kepada Jabatan Tanah Dan Ukur setakat bulan September 2011. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihak POIC memaklumkan bahawa sehingga Januari 2012, semua tunggakan bayaran telah dijelaskan kecuali tunggakan kepada Jabatan Tanah dan Ukur.

Jadual 14.10
Tunggakan Bayaran Kepada Pemiutang Melebihi 3 Bulan

Bil.	Nama	Perihal Tunggakan	Jumlah (RM Juta)	Tempoh Tunggakan (Bulan)
1.	Jabatan Tanah & Ukur	Premium Tanah	130.68	24
2.	Sri Jutaya Sdn.Bhd.	Bayaran Interim Projek	10.17	4 hingga 7
3.	Perunding Pertama	Yuran konsultan	3.25	4
4.	K.K.I.P. Communication Sdn. Bhd.	Bil elektrik	0.11	19
Jumlah			**144.21**	

Sumber: POIC

14.4.3.6. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bayaran

bonus dan asasnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Induk atau Badan Berkanun berkenaan. Semakan Audit mendapati bayaran bonus kepada anggota POIC dibuat walaupun syarikat mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM84.34 juta pada tahun 2007. Semakan lanjut mendapati bayaran bonus bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 tidak dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal untuk kelulusan seperti di **Jadual 14.11**.

Jadual 14.11
Pembayaran Bonus Kepada Anggota POIC Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Tahun	Bonus (RM)	Bil. Kakitangan	Keuntungan/ (Kerugian) Sebelum Cukai (RM Juta)	Kadar Bayaran Bonus
2007	118,105	36	-84.34	Berdasarkan prestasi/pencapaian individu
2008	163,067	44	59.30	Berdasarkan prestasi/pencapaian individu
2009	0	0	-56.70	Tiada bonus dibayar
2010	354,383	47	0.93	Berdasarkan prestasi/pencapaian individu

Sumber: POIC

14.4.3.7. Pengurusan Aset

Pengurusan aset merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Sehingga bulan Ogos 2011, POIC memiliki aset bernilai RM170.93 juta. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset POIC mendapati perkara berikut:

a. Daftar yang disediakan adalah tidak kemas kini kerana terdapat maklumat penempatan tidak diisi. Selain itu, tidak ada rekod diselenggara bagi semua penerimaan dan pengeluarannya.

b. Semua aset dan inventori POIC tidak dilabel.

c. POIC tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan POIC adalah memuaskan.

14.5. SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan operasi dan tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan POIC adalah memuaskan. Bagaimanapun, adalah disyorkan agar pihak POIC mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

14.5.1. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja pembinaan oleh pelabur untuk memastikan penyiapan kilang mengikut tempoh yang ditetapkan.

14.5.2. Mengenakan penalti terhadap pelabur yang gagal menjelaskan bayaran harga tanah mengikut syarat perjanjian jual beli.

14.5.3. Mengemas kini *Standard Operating Procedures* (SOP) agar lebih terperinci. SOP tersebut perlu mengandungi prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab.

14.5.4. Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan bagi memastikan pengurusan kewangan terutamanya kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan aset teratur.

15. PERKASA REALTY SDN. BHD.

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Perkasa Realty Sdn. Bhd. (PRSB) yang diperbadankan pada tahun 1977. PRSB adalah anak syarikat Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal berbayar PRSB adalah berjumlah RM300,102 dan modal dibenarkan adalah berjumlah RM10 juta. Selain itu, PRSB mempunyai satu anak syarikat iaitu Syarikat Tetap Perkasa Sdn. Bhd. dengan 60% pegangan saham.

15.1.2. Objektif penubuhan PRSB adalah untuk menambah bilangan Bumiputera menceburi bidang perniagaan dan membantu usahawan Bumiputera memiliki rumah kedai melalui skim pinjaman *soft loan*. Aktiviti utama syarikat adalah dalam bidang hartanah iaitu membina, menjual dan menyewa bangunan rumah kedai terutama di kawasan luar bandar dan pekan baru kepada usahawan Bumiputera. Sumber kewangan untuk melaksanakan projek rumah kedai diperoleh melalui bantuan geran Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui SEDCO.

15.1.3. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak 16 projek rumah kedai dengan kos berjumlah RM29.12 juta telah dibelanjakan melibatkan 14 daerah seluruh Sabah. Taburan projek rumah kedai untuk RMKe-9 adalah seperti di **Peta 15.1**.

Peta 15.1
Taburan Projek Rumah Kedai Di Bawah RMK-9



Sumber: Perkasa Realty Sdn. Bhd.

15.1.4. PRSB mempunyai 6 ahli Lembaga Pengarah iaitu seorang pengerusi dari badan NGO, 2 orang pegawai Kerajaan Negeri, 2 orang Pegawai Badan Berkanun Negeri dan

seorang adalah merupakan ahli perniagaan. PRSB ditadbir oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh seramai 27 orang kakitangan.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PRSB adalah memuaskan atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

15.3.1. Skop pengauditan adalah meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat. Aspek yang ditekankan adalah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, maklumat bagi tahun sebelum 2009 juga diperolehi untuk kajian selanjutnya.

15.3.2. Metodologi pengauditan adalah semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah dijalankan. Selain itu, analisis terhadap penyata kewangan telah dilakukan untuk analisis prestasi kewangan PRSB bagi tempoh tahun 2009 hingga 2010. *Walk through test* terhadap sistem keperluan dalaman pengurusan kewangan PRSB juga telah dijalankan. Pemilihan sampel terhadap transaksi operasi/aktiviti dan pemeriksaan fizikal terhadap aset telah dilaksanakan. Lawatan ke rumah kedai yang disewakan di Ranau, Kota Kinabalu dan Lahad Datu juga dibuat.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap PRSB telah dijalankan pada 10 Mei hingga 9 September 2011. Pada keseluruhannya, didapati prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan kerana dalam tempoh dua tahun PRSB telah mencatat keuntungan untuk tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM1.41 juta kecuali pada tahun 2008, PRSB mengalami kerugian berjumlah RM0.74 juta. Selain itu, analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati nisbah kecekapan, keuntungan dan kestabilan menunjukkan kedudukan positif dan kukuh. Demikian juga, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

15.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PRSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010.

15.4.1.1. Analisis Trend

Dalam tempoh 3 tahun iaitu 2008 hingga 2010, pendapatan PRSB adalah berjumlah RM9.57 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM8.52 juta. Analisis terhadap pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:

a. Pendapatan PRSB terdiri daripada 3 sumber utama iaitu sewaan, pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan operasi. Pendapatan sewaan adalah mewakili RM1.47 juta hingga RM1.69 juta atau 42% hingga 72.8%. Manakala, pendapatan faedah mewakili RM1.25 juta hingga RM1.35 juta atau 32.3% hingga 66.8% dan RM0.80 juta hingga RM1.03 juta atau 22.6% hingga 25.8% bagi lain-lain pendapatan operasi. Pendapatan daripada sewaan menunjukkan peningkatan 1.4% bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan 12.8% bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009. Lain-lain pendapatan operasi menunjukkan peningkatan yang sangat ketara iaitu 28.8% dan 200%. Manakala, pendapatan faedah menunjukkan penurunan 7.4% bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008 tetapi meningkat 3.2% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Peningkatan luar biasa bagi lain-lain pendapatan operasi iaitu sebanyak 200% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah disebabkan oleh keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2009, selepas syarikat mengalami kerugian disebabkan penjualan saham pada tahun 2008. Kesannya, prestasi kewangan PRSB pada tahun 2008 adalah terjejas sedikit akibat daripada kerugian yang dicatatkan melalui item lain-lain pendapatan operasi berjumlah RM0.80 juta.

b. Perbelanjaan PRSB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah antara RM2.58 juta hingga RM3.22 juta. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan adalah meningkat setiap tahun iaitu 5.8% bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008. Seterusnya, pada tahun 2010 perbelanjaan telah meningkat sebanyak 17.9% berbanding tahun 2009. Berdasarkan penyata pendapatan dan perbelanjaan tahun 2010, perbelanjaan PRSB yang utama adalah bayaran gaji dan emolumen kakitangan iaitu sebanyak RM1.22 juta atau 37.9%, diikuti oleh kos pembiayaan berjumlah RM0.45 juta dan cukai taksiran RM0.17 juta.

c. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi PRSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 15.1**, **Carta 15.1** dan **Carta 15.2**.

Jadual 15.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi PRSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	2,818,045	2,738,175	2,974,166
Pendapatan/(Rugi) Dari Lain-lain Operasi	(795,408)	802,500	1,027,723
Jumlah Pendapatan	**2,022,637**	**3,540,675**	**4,001,889**
Perbelanjaan Pentadbiran	(2,200,166)	(2,250,758)	(2,769,723)
Kos Pembiayaan	(376,890)	(480,102)	(446,139)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(554,419)**	**809,815**	**786,027**
Cukai	(188,068)	(87,600)	(97,321)
Untung/(Rugi) Bersih	**(742,487)**	**722,215**	**688,706**

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Realty Sdn. Bhd.

Carta 15.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan
Perkasa Realty Sdn. Bhd.

Carta 15.2
Trend Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan
Perkasa Realty Sdn. Bhd.

15.4.1.2. Analisis Nisbah

Analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan PRSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 15.2**.

Jadual 15.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.26:1	0.20:1	0.22:1
Margin Keuntungan	- 19.7%	29.6%	26.4%
Nisbah Pulangan Ke atas Aset	- 0.01:1	0.01:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	- 0.21:1	0.31:1	0.24:1

Sumber: Penyata Kewangan Perkasa Realty Sdn. Bhd.

a. **Nisbah Semasa** digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati pada tahun 2008 hingga 2010, Nisbah Semasa PRSB adalah antara 0.20:1 hingga 0.26:1. Ini menunjukkan bahawa tahap kecairan aset semasa PRSB adalah rendah dan kemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek adalah terhad.

b. **Margin Keuntungan** digunakan untuk mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperolehi daripada perniagaan sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, PRSB telah memperolehi keuntungan sebanyak 29.6% pada tahun 2009 dan 26.4% pada tahun 2010. Bagaimanapun, PRSB telah mencatatkan kerugian sebanyak 19.7% disebabkan oleh kerugian yang dicatatkan pada tahun 2008. Ini menunjukkan bahawa PRSB adalah berdaya saing dan cekap dalam menjana aktiviti dan operasinya kerana telah mencatatkan keuntungan dalam tempoh tahun 2009 dan 2010.

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** digunakan untuk mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan, PRSB telah mengalami kerugian sebanyak satu sen pada tahun 2008. Manakala, pada tahun 2009 dan 2010 pulangan ke atas aset hanya satu sen sahaja. Ini menunjukkan pulangan daripada pelaburan terhadap aset syarikat adalah terlalu rendah dan perlu diperbaiki.

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan, PRSB telah mengalami kerugian sejumlah 21 sen bagi tahun 2008. Bagi tahun 2009 dan 2010, pulangan ke atas ekuiti adalah masing-masing berjumlah 31 sen dan 24 sen.Ini menunjukkan pelaburan ekuiti syarikat adalah memuaskan untuk tahun 2009 dan 2010 kecuali pada tahun 2008 di mana syarikat mengalami kerugian.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PRSB adalah memuaskan dan berdaya maju kerana mencatatkan lebihan pendapatan selepas cukai berjumlah RM1.41 juta bagi tempoh dua tahun iaitu tahun 2009 dan 2010. Selain itu, margin keuntungan dan nisbah pulangan ke atas ekuiti menunjukkan keadaan yang positif. Bagaimanapun,

nisbah kecairan dan nisbah pulangan ke atas aset adalah rendah dan perlu ditingkatkan.

15.4.2. Pengurusan Aktiviti

Kawalan terhadap pengurusan aktiviti adalah penting untuk membolehkan syarikat mencapai objektif utama yang ditetapkan serta memenuhi kehendak pelanggan. Kawalan operasi yang cekap dan berkesan tanpa mengabaikan aspek kualiti dapat membantu pihak pengurusan menjimatkan kos. Dalam tempoh 34 tahun (1978 hingga 2011) sebanyak 687 buah rumah kedai telah dibina dengan kos pembinaan berjumlah RM120.62 juta. Dari tahun 2009 hingga 2011, sejumlah 61 unit rumah kedai telah dibina dengan kos berjumlah RM16.54 juta. Pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap aktiviti penjualan dan penyewaan rumah kedai. Rumah kedai yang siap dibina akan dijual melalui skim pinjaman *soft loan* iaitu pihak pembeli membuat perjanjian jual beli dengan PRSB dengan kadar faedah 5% hingga 6% setahun secara *reducing balance* atau pinjaman melalui bank komersial.

15.4.2.1 Penjualan Dan Penyewaan Rumah Kedai

Pencapaian penjualan dan penyewaan rumah kedai adalah baik iaitu 97.1% di mana 667 daripada 687 unit yang dibina telah dapat dijual atau disewakan kepada usahawan Bumiputera. Penjualan rumah kedai adalah 589 daripada 687 unit atau 85.7%. Manakala sewaan rumah kedai adalah sebanyak 78 atau 11.3% dan rumah kedai yang belum dijual ataupun disewa adalah sebanyak 20 unit atau 3%. Laporan lengkap pembinaan, penjualan dan penyewaan rumah kedai serta rumah kedai yang belum disewakan ataupun dijual adalah seperti di **Jadual 15.3**.

Jadual 15.3
Pembinaan, Penjualan Dan Penyewaan Rumah Kedai Serta Rumah Kedai Yang Belum Disewakan Ataupun Dijual

Tahun	Bilangan Dibina	Bilangan Dijual	Bilangan Disewa	Bilangan Belum Terjual / Disewakan	Peratusan Pencapaian Jualan/Sewaan (%)
1978-2003	552	477	63	12	97.8
2004	32	28	4	0	100
2006	12	10	2	0	100
2007	48	46	2	0	100
2009	37	26	6	5	86.5
2010	6	2	1	3	50
Jumlah	**687**	**589**	**78**	**20**	**97.1**

Sumber: Perkasa Realty Sdn. Bhd.

a. Penjualan Rumah Kedai

Dalam tempoh 33 tahun, sebanyak 589 unit daripada 687 rumah kedai yang dibina telah dijual. Manakala, sebanyak 286 unit daripada 589 unit tersebut telah selesai

dibayar oleh pembeli, manakala selebihnya sebanyak 303 unit lagi masih dibiayai melalui pinjaman *soft loan* berjumlah RM92.72 juta. Jumlah bayaran ansuran yang tertunggak bagi 303 peminjam adalah berjumlah RM4.44 juta. Semakan lanjut terhadap *Master Listing* bagi 303 peminjam mendapati perkara berikut:

i. Seramai 60 peminjam dengan jumlah pinjaman sebanyak RM13.40 juta telah dikategorikan sebagai penghutang/peminjam tegar kerana keengganan membayar mengikut jadual ansuran yang dipersetujui dalam perjanjian jual beli. Jumlah tunggakan ansuran yang belum dijelaskan oleh 60 peminjam/penghutang adalah berjumlah RM3.87 juta dengan bayaran ansuran antara RM1,199 hingga RM2,300 sebulan.

ii. Seramai 7 peminjam yang dikategorikan sebagai penghutang tegar dengan tunggakan berjumlah RM2,750 hingga RM92,414 sejak tahun 2005 hingga tahun 2011.

iii. Pihak Audit telah memilih sebanyak 60 sampel atau 19.8% daripada 303 peminjam untuk semakan lanjut dan mendapati perkara berikut:

- Seramai 36 daripada 60 peminjam gagal melunaskan ansuran mereka mengikut perjanjian dengan jumlah tunggakan antara RM2,512 hingga RM222,000.

- Seramai 18 daripada 60 peminjam telah diambil tindakan saman dan dibicarakan di mahkamah. Selebihnya pihak PRSB telah mengeluarkan surat amaran atau surat peringatan kepada peminjam.

iv. Seramai 7 peminjam tidak tersenarai dalam *master listing* dan gagal menjelaskan tunggakan disebabkan oleh peminjam telah meninggal dunia, pewaris tidak dapat membayar, rekod tidak kemas kini dan peminjam menghadapi masalah dalam perniagaan mereka. Kesannya, kutipan bayaran pinjaman kurang daripada jumlah sepatutnya dikutip.

b. Sewaan Rumah Kedai

Berdasarkan rekod di Bahagian Pengurusan Pentadbiran Dan Kredit mendapati, sebanyak 78 unit rumah kedai telah disewakan kepada individu dan syarikat. Daripada 78 penyewa tersebut, seramai 16 penyewa dikategorikan sebagai penyewa/penghutang tegar kerana lewat menyelesaikan ansuran sewa bulanan mereka dengan tunggakan berjumlah RM1.23 juta. Pihak Audit telah memeriksa 15 atau 20% fail penyewa dan mendapati perkara berikut:

i. Perjanjian sewa bagi 6 daripada 15 penyewa telah tamat tempoh antara tahun 1998 hingga 2005 dan belum diperbaharui. Bagaimanapun, perkara ini telah

diambil tindakan oleh pihak PRSB dengan mengemukakan senarai terbabit kepada peguam syarikat untuk memperbaharui perjanjian sewa.

ii. Seramai 14 penyewa telah dikategorikan sebagai penyewa/penghutang dengan tunggakan berjumlah antara RM5,300 hingga RM 216,101 bagi tempoh 2 hingga 16 tahun. Daripada 14 penyewa tersebut seramai 4 penyewa mempunyai tunggakan tertinggi iaitu antara RM170,357 hingga RM216,101. Pemeriksaan lanjut terhadap 4 penyewa terbabit mendapati perkara berikut:

- Berdasarkan rekod PRSB, penyewa telah menyewa rumah kedai di Lot 10, Blok B, Tuaran dari tahun 1990 dengan kadar sewaan berjumlah RM1,800 sebulan untuk tempoh 3 tahun dan tiada perjanjian baharu ditandatangani. Setakat bulan Mac 2012, penyewa mempunyai tunggakan berjumlah RM214,000. Lawatan Audit ke premis pada 7 Mac 2012 mendapati, penyewa telah menyewakan premis tersebut kepada pihak ketiga tanpa kelulusan PRSB dan bercanggah dengan syarat perjanjian sewa yang ditandatangani. Temu bual Audit dengan pihak ketiga tersebut difahamkan bayaran sewa adalah berjumlah RM1,900 sebulan. Seterusnya, pihak PRSB, penyewa asal serta pihak ketiga telah berunding dan atas persetujuan bersama bayaran sewa berjumlah RM1,900 sebulan disalurkan terus kepada pihak PRSB bermula dari tahun 2011. Bayaran RM1,900 tersebut adalah bagi bayaran RM1,800 sewa bulanan dan bakinya RM100 untuk bayar ansuran yang tertunggak. Selain itu, penyewa asal dan pihak ketiga tersebut telah menyewakan sebahagian premis yang disewa kepada pihak lain iaitu dengan kadar bayaran RM300 sebulan dan tanpa kelulusan pihak PRSB. Rumah kedai yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 15.1** dan **15.2**.

Gambar 15.1
Bangunan Milik PRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Blok B, Lot 10, Tuaran
Tarikh: 7 Mac 2012

Gambar 15.2
Penyewa Baharu Tanpa Kelulusan PRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Blok B, Lot 10, Tuaran
Tarikh: 7 Mac 2012

- Berdasarkan rekod PRSB, penyewa telah menyewa rumah kedai Lot 6, Blok A, Ranau dengan kadar sewaan berjumlah RM1,500 sebulan. Perjanjian sewa telah ditandatangani pada 1987 iaitu bagi tempoh 3 tahun dan tiada

perjanjian baharu ditandatangani. Mengikut rekod sehingga bulan Mac 2012, penyewa mempunyai tunggakan berjumlah RM170,357. Lawatan Audit pada 8 Mac 2012, mendapati rumah kedai telah disewakan kepada pihak ketiga yang terbabit dengan perniagaan makanan. Hasil rundingan antara pihak PRSB, penyewa asal dan pihak ketiga tersebut, bayaran sewa bulanan berjumlah RM2,500 telah disalurkan terus oleh pihak ketiga kepada pihak PRSB mulai pada tahun 2011. Bayaran sewa RM2,500 sebulan kepada pihak PRSB adalah terdiri daripada RM1,500 bayaran sewa bulanan dan bakinya RM1,000 adalah untuk bayaran tunggakan. Rumah kedai yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 15.3** dan **Gambar 15.4**.

Gambar 15.3
Penyewa Pertama yang Mengusahakan Hotel Di Tingkat 1



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Blok A Lot 6, Ranau
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 15.4
Pihak Ketiga Yang Menyewa Rumah Kedai Tanpa Kelulusan PRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Blok A Lot 6, Ranau
Tarikh: 8 Mac 2012

- Berdasarkan rekod PRSB, penyewa telah menyewa rumah kedai Lot 2, kedai SEDCO, Sembulan Kota Kinabalu dari tahun 1980 dan mempunyai tunggakan berjumlah RM216,101. Tindakan mahkamah telah diambil terhadap penyewa setelah beberapa surat peringatan dikeluarkan dan rumah kedai telah ditarik balik. Lawatan Audit pada 6 Mac 2012 mendapati, rumah kedai telah disewakan kepada 3 penyewa baharu dengan kadar sewa RM1,500 sebulan setiap penyewa. Perjanjian telah dibuat antara penyewa dengan PRSB untuk tempoh 3 tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2013. Mengikut rekod, bayaran sewa oleh 3 penyewa baharu adalah kemas kini. Rumah kedai yang disewa oleh 3 penyewa baharu adalah seperti di **Gambar 15.5** dan **Gambar 15.6**.

Gambar 15.5
Bangunan Milik PRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Lot 2, Sembulan
Tarikh: 6 Mac 2012

Gambar 15.6
Disewakan Kepada 3 Pengusaha



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Lot 2, Sembulan
Tarikh: 6 Mac 2012

- Mengikut rekod PRSB, rumah kedai Lot 3, Kedai SEDCO Sembulan Kota Kinabalu telah disewakan kepada pengusaha restoran pada tahun 1980an dan mempunyai tunggakan berjumlah RM175,467 kerana penyewa tidak berupaya dan menghadapi masalah kewangan. Pada tahun 2008, Pihak PRSB telah mengambil tindakan mahkamah dan penyewa diperintahkan membayar tunggakan serta bangunan telah disita. Lawatan Audit pada 6 Mac 2012 mendapati, premis tersebut telah diserah kembali oleh pihak PRSB kepada penyewa asal dengan syarat penyewa membayar sewa pada kadar RM2,500 sebulan iaitu bayaran RM1,500 untuk sewa bulanan dan RM1,000 untuk bayaran ansuran sewa yang tertunggak. Sekiranya penyewa gagal membayar dalam tempoh 3 bulan, penyewa akan diarahkan mengosongkan premis. Rumah kedai yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 15.6** dan **Gambar 15.7**.

Gambar 15.6
Bangunan Kedai Milik PRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Lot 3, Sembulan
Tarikh: 6 Mac 2012

Gambar 15.7
Pengusaha Restoran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai SEDCO Lot 3, Sembulan
Tarikh: 6 Mac 2012

iii. Kesannya, kutipan hasil sewa tertunggak dan penyewa menyewakan kepada pihak ketiga tanpa kelulusan PRSB.

c. Rumah Kedai Belum Dijual Atau Disewa

Rumah kedai yang siap dibina perlu memperolehi Sijil Menduduki sebelum didiami atau dimasuki. Semakan Audit mendapati, sebanyak 20 unit daripada 687 rumah kedai atau 3% belum dapat dijual ataupun disewakan. Rumah kedai tidak dapat dijual dan disewakan kerana Sijil Menduduki belum diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan seperti Rumah Kedai Sikuati, Kudat dan Nabawan. Kesannya bangunan yang siap dibina tidak dapat dijual ataupun disewakan dan kemungkinan pencerobohan bangunan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Lawatan Audit pada 8 Mac 2012 ke rumah kedai di Sikuati, Kudat dan Nabawan mendapati, rumah kedai belum diduduki seperti di **Gambar 15.8** dan **Gambar 15.9**. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas bertarikh 6 Jun 2012, mendapati Sijil Menduduki rumah kedai Sikuati, Kudat telah diperolehi pada 18 April 2012.

Gambar 15.8
Bangunan Rumah Kedai Yang Belum Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Kedai PRSB Sikuati, Kudat.
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 15.9
Bangunan Rumah Kedai Yang Belum Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Kedai PRSB Pekan Nabawan.
Tarikh: 8 Mac 2012

Pada pendapat Audit, pembinaan rumah kedai oleh PRSB adalah berjaya dan mencapai sasaran kerana 667 daripada 687 rumah kedai atau 97.1% telah dibeli ataupun disewa kepada usahawan Bumiputera. Bagaimanapun, terdapat kedai disewakan kepada pihak ketiga dan perjanjian sewa yang tamat tidak diperbaharui.

15.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat PRSB adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

15.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan oleh syarikat kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Semakan Audit mendapati PRSB ada menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi tempoh 2009 hingga bulan Mei 2011. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini adalah berkaitan Penyata Kewangan Tahunan, Laporan Audit Dalam dan laporan terhadap projek PRSB.

15.4.3.2. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan/Badan Berkanun selaku pemegang saham syarikat. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi jangkaan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati dividen dengan kadar 10% untuk tahun kewangan 2008 dan 2009 masing-masing berjumlah RM22,207 telah dibayar kepada pemegang saham pada 30 Jun 2009 dan 30 Disember 2010. Semakan lanjut mendapati, PRSB telah mengisytiharkan dividen untuk tahun terdahulu berjumlah RM4.98 juta namun masih lagi belum dibayar kepada SEDCO.

15.4.3.3. Pembayaran Bonus

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus bagi syarikat induk dan semua syarikat subsidiari masing-masing perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk atau badan berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati untuk tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2010 bonus dan bantuan khas berjumlah RM0.28 juta telah dibayar kepada kakitangan PRSB. Bagaimanapun, pembayaran bonus tersebut hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PRSB dan tiada bukti kelulusan diperolehi daripada Lembaga Pengarah SEDCO atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

15.4.3.4. Kelemahan Dalam Pengurusan Kewangan

Sebanyak 17 urusniaga terimaan yang dimasukkan oleh penyewa ke dalam akaun bank PRSB berjumlah RM29,212 bagi tahun 2009 dan 2010 belum diselaraskan dengan akaun penghutang penyewa. Manakala, sebanyak 63 urusniaga terimaan tahun 1998 hingga 2008 berjumlah RM150,509 juga tidak dapat diselaraskan ke akaun penghutang penyewa dan telah dipindah ke akaun *“Unknown Loanees Payment”.* Perkara ini berlaku disebabkan oleh penyewa berkenaan tidak memaklumkan kepada PRSB berkaitan

pembayaran yang dibuat melalui bank. Kesannya, baki pinjaman individu yang terbabit adalah tidak kemas kini.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan PRSB adalah memuaskan.

15.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan syarikat dari aspek pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

15.5.1. Prestasi Kewangan terutama nisbah semasa dan nisbah pulangan ke atas aset perlu ditingkatkan.

15.5.2. Sijil Layak Menduduki untuk projek rumah kedai pekan Nabawan yang telah siap perlu diselesaikan dengan segera supaya rumah kedai tersebut dapat dijual ataupun disewakan bagi meningkatkan pendapatan syarikat PRSB.

15.5.3. Rekod penghutang dan penyewa hendaklah dikemas kini supaya jumlah tunggakan pinjaman dan sewaan adalah tepat dan membolehkan tindakan susulan diambil terhadap penyewa yang ingkar. Usaha mengutip tunggakan perlu dipergiatkan dan penghutang/penyewa tegar perlu diambil tindakan tegas seperti tindakan mahkamah dan menyita premis.

16. SABAH ENERGY CORPORATION SDN. BHD.

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SECSB) ditubuhkan pada 1 April 1996 di bawah Akta Syarikat 1965. SECSB mempunyai saham dibenarkan sejumlah RM500 juta dan berbayar sejumlah RM242.67 juta. SECSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat.

16.1.2. Objektif SECSB adalah untuk menerajui pembangunan sumber tenaga di Negeri Sabah dan menjalankan projek pembangunan termasuk aktiviti pengilangan, pemasangan, pemprosesan dan pemasaran.

16.1.3. Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah SECSB yang dilantik adalah terdiri daripada ahli politik, 3 wakil Kerajaan dan 5 ahli perniagaan/bebas.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan SECSB adalah memuaskan atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek tadbir urus korporat, prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan aktiviti serta pemantauan SECSB. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, peraturan kewangan, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan rekod berkaitan dengan pengurusan SECSB bagi tahun 2009 hingga 2011. Manakala Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 hingga tahun 2010 digunakan untuk analisis kewangan. Di samping itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Pengauditan dijalankan di Pejabat SECSB di Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu. Lawatan juga dibuat ke pejabat/lokasi hartanah SECSB di Kota Kinabalu dan W.P. Labuan pada 21 Mac 2012 dan 12 hingga 13 April 2012.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2011 hingga Mac 2012 dan beberapa tindakan susulan mendapati pada umumnya prestasi kewangan SECSB adalah baik. Selain itu, pengurusan aktiviti dan tadbir urus serta pengurusan kewangan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti utama SECSB seperti penyenggaraan rumah kurang memuaskan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus dan pengurusan kewangan SECSB adalah seperti berikut:

16.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan SECSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

16.4.1.1. Analisis Trend

Analisis trend bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat daripada sejumlah RM42.26 juta pada tahun 2008 kepada RM44.25 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, jumlah pendapatan mengalami sedikit penurunan pada tahun 2010 iaitu kepada RM34.60 juta. Penurunan jumlah pendapatan pada tahun 2010 adalah disebabkan pendapatan dari lain-lain pendapatan yang mengalami penurunan sejumlah RM10.03 juta kepada RM20.48 juta pada tahun 2010. Manakala trend perbelanjaan adalah berbeza berbanding trend pendapatan, di mana perbelanjaan mengalami penurunan bagi setiap tahun bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2010. Perbelanjaan syarikat adalah masing-masing berjumlah RM37.12 juta, RM33.75 juta dan RM19.81 juta bagi tahun 2008, 2009 dan 2010.

16.4.1.2. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian bersih SECSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 16.1** dan **Carta 16.1**.

Jadual 16.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai SECSB
Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010

Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	42.26	44.25	34.60
Jumlah Perbelanjaan	(37.13)	(33.75)	(19.81)
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	**5.13**	**10.50**	**14.79**
Cukai Pendapatan	1.58	(3.11)	(3.70)
Keuntungan/Kerugian Bersih	**3.55**	**7.39**	**11.09**
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	**109.44**	**107.83**	**112.92**

Sumber: Penyata Kewangan SECSB

Carta 16.1
Trend Keuntungan/Kerugian Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan SECSB

Carta 16.2
Trend Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan SECSB

16.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Semasa, Nisbah Keuntungan dan Nisbah Kecekapan. Kedudukan Nisbah Kewangan SECSB adalah seperti di **Jadual 16.2**.

Jadual 16.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	19.02:1	6.94:1	7.16:1
Margin Keuntungan	12.1%	23.7%	42.7%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.01:1	0.03:1	0.03:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.01:1	0.03:1	0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan SECSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala nisbah kecairan pada kadar 1:1 adalah dianggap setara iaitu semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa SECSB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah antara 6.94:1 hingga 19.02:1. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa SECSB mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, SECSB telah menjana 12 sen pada tahun 2008. Margin keuntungan menunjukkan trend yang meningkat setiap tahun di mana keuntungan yang dijana bagi setiap ringgit pendapatan diperoleh bagi tahun 2009 dan 2010 adalah masing-masing pada 23 sen dan 42 sen. Berdasarkan kepada margin ini dapat dirumuskan bahawa syarikat telah berjaya menjana keuntungan setiap tahun melalui operasinya bagi tempoh 2008 hingga 2010.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati, Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun 2008 adalah 0.01:1. Nisbah ini meningkat kepada 0.03:1 pada tahun 2009, dan kekal pada nisbah yang sama pada tahun 2010. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa SECSB telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi keupayaan untuk menguruskan aset dengan cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada tahun 2009.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati, Nisbah Pulangan Atas Ekuiti SECSB meningkat setiap tahun di mana nisbah yang ditunjukkan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masing adalah 0.01, 0.03 dan 0.04. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa SECSB telah menunjukkan peningkatan secara konsisten dari segi keupayaan untuk menguruskan modal yang dilaburkan dengan cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada 2008 hingga 2010.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SECSB adalah baik.

16.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti SECSB adalah pengurusan dan pembangunan hartanah, pengagihan/penjualan gas asli, projek serta pelaburan. Semakan terhadap aktiviti SECSB mendapati perkara berikut:

16.4.2.1. Pengurusan Dan Pembangunan Hartanah

a. SECSB memiliki tanah seluas 371.75 ekar di Sabah dan W.P. Labuan yang terdiri daripada perindustrian, komersial dan perumahan seperti di **Jadual 16.3**.

Jadual 16.3
Hartanah Milik SECSB

Bil.	Lokasi Tanah	Keluasan Tanah Mengikut Sektor (Ekar)			
		Perindustrian	Komersial	Perumahan	Jumlah
1.	Sabah	9.97	3.62	5.00	18.59
2.	Wilayah Persekutuan Labuan	281.91	6.80	64.45	353.16
Jumlah		**291.88**	**10.42**	**69.45**	**371.75**

Sumber: SECSB

b. Pendapatan daripada penyewaan tanah, rumah dan lot komersial bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 16.4**.

Jadual 16.4
Pendapatan Daripada Penyewaan Tanah, Lot Komersial Dan Rumah
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Perihal	Tahun		
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
1.	Sewa Tanah Perindustrian	10,702,262	10,772,825	10,806,990
2.	Sewa Rumah	1,669,345	1,695,814	1,681,140
3.	Sewa Lot Komersial	77,547	98,318	96,552
Jumlah		**12,449,154**	**12,566,957**	**12,584,682**

Sumber: SECSB

c. Pengurusan Penyewaan Tanah

SECSB menyewakan 7 lot tanah bagi tempoh jangka panjang antara 16 hingga 51 tahun dengan pulangan sejumlah RM10.70 juta hingga RM10.81 juta setahun. Semakan Audit mendapati 6 lot tanah SECSB belum disewakan/dibangunkan. Satu lot tanah akan dibangunkan sebagai tapak perumahan, sebanyak 2 lot dicadangkan sebagai gudang dan 3 lot belum ada sebarang perancangan.

d. Prestasi Penyewaan Rumah Dan Lot Komersial

i. Sasaran hendaklah ditetapkan untuk membolehkan penilaian dibuat terhadap pencapaian sebenar penyewaan. SECSB telah menetapkan sasaran penyewaan rumah pada kadar 90% daripada keseluruhan rumahnya. Semakan Audit

mendapati penyewaan rumah bagi tempoh 3 tahun telah melebihi sasaran yang ditetapkan masing-masing sebanyak 2%, 3% dan 4% pada tahun 2009, 2010 dan 2011 seperti di **Jadual 16.5**.

Jadual 16.5
Prestasi Penyewaan Sebenar Rumah SECSB Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Penyewaan	Tahun		
		2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
1.	Sasaran	90	90	90
2.	Sebenar	92	93	94
Perbezaan		**2**	**3**	**4**

Sumber: SECSB

ii. Penyenggaraan Premis (Rumah Dan Lot Komersial)

- Premis (rumah dan lot komersial) hendaklah disenggara untuk memastikan premis tidak cepat usang dan dalam keadaan yang boleh disewa supaya dapat menarik minat penyewa. Semakan Audit mendapati SECSB telah membelanjakan sejumlah RM441,689, RM799,512 dan RM405,233 masing-masing untuk menyenggara premisnya bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 seperti di **Jadual 16.6**.

Jadual 16.6
Perbelanjaan Penyenggaraan Premis SECSB

Bil.	Premis	Tahun		
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
1.	**Rumah:**			
	Major and preventive	251,990	630,595	202,149
	General Repair	56,012	40,574	57,782
	Repainting	40,408	23,384	29,636
	Plumbing	30,915	41,686	31,293
	Electrical work	20,125	24,375	27,023
	Labour	11,289	8,416	12,649
	House cleaning	3,372	2,644	3,940
	Transportation	3,185	3,160	10,200
	Grass cutting	1,952	2,237	3,819
	Jumlah	**419,248**	**777,071**	**378,491**
2.	**Lot Perdagangan**	**22,441**	**22,441**	**26,742**
Jumlah		**441,689**	**799,512**	**405,233**

Sumber: SECSB

- Semakan lanjut mendapati perbelanjaan penyenggaraan pada tahun 2010 telah meningkat sejumlah RM357,823 atau 81% berbanding tahun 2009 disebabkan pembinaan *retaining wall* (belakang 4 unit rumah yang telah dijual) dan pemasangan tingkap aluminium (23 unit) di perumahan Batu Arang W.P. Labuan serta pemasangan jubin (53 unit) di perumahan Ranca Ranca W.P. Labuan seperti di **Gambar 16.1** dan **Gambar 16.2**.

Gambar 16.1
Pembinaan *Retaining Wall*
Di Belakang Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perumahan Batu Arang W.P. Labuan
Tarikh: 12 April 2012

Gambar 16.2
Pemasangan Jubin Dalam Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perumahan Ranca Ranca W.P. Labuan
Tarikh: 12 April 2012

iii. Pemeriksaan Terhadap Rumah Tanpa Penyewa

Peraturan SECSB menetapkan pemeriksaan hendaklah dibuat terhadap semua rumah yang belum ada penyewa sekurang-kurang sekali dalam sebulan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan telah dijalankan setiap bulan sehingga bulan Februari 2012.

16.4.2.2. Pengurusan Dan Pembangunan Projek

a. SECSB telah merancang untuk melaksanakan 6 projek bagi tempoh 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, semua projek tersebut masih belum dimulakan. Ini disebabkan oleh faktor seperti dinyatakan di **Jadual 16.7**.

Jadual 16.7
Projek Pembangunan SECSB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Tahun	Projek	Jenis aktiviti/ Perniagaan/ konsep	Kos Projek (RM juta)	Pegangan Saham %	Status
1.	2011	*Compressed Natural Gas (CNG).*	Gas asli dimampatkan di stesen induk di KKIP dan diangkut dengan trak kepada pelanggan. Ia dinyahmampat di stesen kecil yang terletak di premis pelanggan sebelum digunakan.	17.4	TB	Projek belum dimulakan kerana perjanjian *engineering, procurement, construction and commissioning (EPCC)* dan perjanjian jual beli gas asli masih belum ditandatangani masing-masing dengan pembekal dan pelanggan.
2.	2011	*District Cooling System (DCS) Project for UMS.*	SECSB sedang menjalankan kajian kemungkinan yang diketuai oleh Makhostia Sdn. Bhd. ke atas UMS.	TB	TB	*Memorandum Of Understanding* (MOU) telah ditandatangan pada 7.4.2011. Projek masih lagi dalam peringkat kajian kemungkinan.
3.	2011	*Liquefied Natural Gas (LNG)*	Kapasiti: 0.76 tan setahun atau 100 MMscfd.	950	20	Perjanjian usahasama sedang dalam peringkat

Bil.	Tahun	Projek	Jenis aktiviti/ Perniagaan/ konsep	Kos Projek (RM juta)	Pegangan Saham %	Status
		Regasification Terminal (RGT) di Lahad Datu.				akhir untuk pelaksanaan.
4.	2011	*Sepangar Shipyard Project in Sepangar.*	Pembaikan dan penyenggaraan kapal.	44.523	20	Sedang menunggu kelulusan DBKK ke atas Pelan Pembangunan.
5.	2011	*Mixed Commercial & Residential Development* (Teluk Likas – 3.58 ekar).	SEC *Entitlement*: RM40.628 yang terdiri daripada 70,620 kaki persegi bangunan kedai/pejabat 13 tingkat, 40 tempat letak kereta dan kelayakan tunai (RM4 juta).	TB	TB	Sedang menunggu kelulusan DBKK ke atas Pelan Pembangunan.
6.	2011	*Proposed warehouse development* (Ranca Ranca Land – 9.73 ekar + 6.67 ekar).	Kelayakan SEC: RM19.68 juta yang terdiri daripada 22 unit gudang 1 ½ dan 2 tingkat.	TB	TB	Sedang menunggu kelulusan Labuan Corporation ke atas Pelan Pembangunan.

Sumber: SECSB
Nota: TB – Tidak berkenaan

b. Penjelasan lanjut mengenai projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh SECSB adalah seperti berikut:

i. ***Compressed Natural Gas (CNG)***

Projek *Compressed Natural Gas* (CNG) merupakan satu kaedah agihan gas asli yang tidak menggunakan paip konvensional. Gas asli dimampatkan di stesen induk di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) Sepanggar` dan diangkut dengan trak kepada pelanggan. Ia dinyahmampat di stesen kecil yang terletak di premis pelanggan sebelum digunakan. Projek ini dijangka membolehkan SECSB untuk mengagihkan gas asli dengan kos yang lebih murah kepada pelanggan di kawasan liputan. Sehingga ke tarikh pengauditan, projek belum dimulakan kerana perjanjian *engineering, procurement, construction and commissioning* (EPCC) dan perjanjian jual beli gas asli masih belum ditandatangani.

ii. ***District Cooling System* (*DCS*)**

SECSB bercadang untuk melaksanakan pembangunan *District Cooling System* (DCS) untuk memperkenalkan teknologi ini di Negeri Sabah dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga di Sabah. Projek ini adalah pembangunan *District Cooling System* sama ada *electrical chillers plant* atau *co-generation plant* bagi bandar di Sabah. Kajian kemungkinan sedang dijalankan dan jika didapati projek ini boleh dilaksanakan, Makhostia Sdn. Bhd. (MSB) dan SECSB akan mewujudkan syarikat usahasama untuk bertindak sebagai syarikat pembangunan projek bagi menjalankan dan menguruskan pembangunan projek DCS di Sabah. Satu MOU telah ditandatangani pada 7 April 2011 di antara SECSB dan MSB bagi menjalankan kajian kemungkinan pelaksanaan DCS di

UMS. Sehingga ke tarikh pengauditan, projek masih lagi dalam peringkat kajian kemungkinan.

iii. *Regasification Terminal (RGT)*

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan tenaga elektrik di kawasan Lahad Datu, Petronas Gas Berhad (PGB) telah dilantik untuk membangunkan *Regasification Terminal* (RGT) di POIC Lahad Datu, bersama dengan SECSB untuk menukarkan *LNG* kepada gas asli. Projek tersebut terdiri daripada *LNG Receiving Jetty and Jetty Topside, LNG Storage Tanks, Regasification and Utilities Systems* dan Bangunan Pejabat Terminal. Kos projek dianggarkan berjumlah RM950 juta, yang akan dibiayai melalui ekuiti dan pinjaman pada nisbah 70% kepada 30%. Bahagian ekuiti SECSB berjumlah RM57 juta. Lembaga Pengarah SECSB telah meluluskan pelaburan RM57 juta tersebut pada 29 September 2011 dan pemegang saham SECSB telah meluluskan pelaburan tersebut dalam mesyuarat agung luarbiasa pada 13 Oktober 2011. Sehingga setakat tarikh pengauditan, perjanjian usahasama sedang dalam peringkat akhir untuk pelaksanaan.

iv. *Mixed Commercial & Residential Development*, Teluk Likas

Mesyuarat Lembaga Pengarah telah memutuskan pada 3 Jun 2011 untuk memberikan projek kepada Syarikat Gandingan Erajuta Sdn. Bhd. dan Perjanjian Pembangunan telah ditandatangani pada 18 Jun 2011 yang akan memberikan pulangan sejumlah RM47.17 juta dalam bentuk ruang pejabat, tempat letak kereta dan tunai berjumlah RM4 juta. Setakat tarikh pengauditan, projek tersebut belum dimulakan seperti di **Gambar 16.3**.



Gambar 16.3
Projek SECSB Dengan Gandingan Erajuta Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Likas, Kota Kinabalu
Tarikh: 21 Mac 2012

v. *Proposed Warehouse Development, Ranca Ranca Land*

Pada 28 Jun 2007, Lembaga Pengarah telah meluluskan rancangan untuk membina 138 unit rumah berkembar dan rumah teres 2 tingkat di Ranca Ranca III, W.P. Labuan. Bagaimanapun, rancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan

disebabkan oleh syarat yang telah dikenakan oleh Perbadanan Labuan yang menyebabkan pengurangan bilangan rumah daripada 138 unit kepada 97 unit rumah dan keperluan untuk membina 30% rumah kos rendah. Cadangan tersebut diubah kepada pembangunan industri dan komersial iaitu 71 unit gudang oleh Lazenda Corporation Sdn. Bhd. di atas 2 bidang tanah di Ranca Ranca III dan Ranca Ranca KM4 dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 September 2011. Pulangan kepada SECSB adalah sejumlah RM19.68 juta dalam bentuk 22 unit gudang. Perjanjian Pembangunan telah ditandatangani pada 3 Januari 2012 dan projek dijangka akan siap dalam tempoh 30 bulan dari tarikh mula kerja pembinaan. Lawatan Audit mendapati projek belum dimulakan seperti di **Gambar 16.4** dan **Gambar 16.5**.

Gambar 16.4
Projek *Proposed Warehouse Development* Dengan Lazenda Development Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranca Ranca III, W.P. Labuan
Tarikh: 12 April 2012

Gambar 16.5
Projek *Proposed Warehouse Development* Dengan Lazenda Development Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranca Ranca KM4, W.P. Labuan
Tarikh: 12 April 2012

vi. ***Sepanggar Shipyard Project***, **Teluk Sepanggar**

SECSB telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah di Teluk Sepanggar daripada *Natural Gas Landing Terminal and Office cum Complex* kepada Perindustrian (*shipyard*) pada 22 Julai 2003 kepada Jabatan Tanah dan Ukur. Permohonan tersebut hanya diluluskan pada 27 Mei 2008 dan Lembaga Pengarah telah meluluskan 20% pelaburan dengan sumbangan ekuiti sejumlah RM3.34 juta di dalam cadangan *Shipyard Project* dengan kos RM44.52 juta di Teluk Sepanggar secara usahasama dengan Syarikat Weldan Marine Services Sdn. Bhd. (WMSSB). Projek tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat Sepanggar Shipyard Sdn. Bhd. iaitu syarikat usahasama yang diwujudkan pada 25 Mac 2008 dengan saham dibenarkan RM10 juta dan saham berbayar RM4 juta. Sehingga ke tarikh pengauditan, projek masih belum dimulakan kerana masih menunggu kelulusan pelan pembangunan dari DBKK.

16.4.2.3. Promosi

a. Promosi/pemasaran hendaklah dibuat untuk membolehkan orang ramai/syarikat mengetahui aktiviti perniagaan yang ditawarkan oleh SECSB. Sehubungan dengan itu, rancangan promosi/pemasaran yang teratur dan berkesan hendaklah disediakan untuk membolehkan penilaian dibuat terhadap keberkesanan promosi/pemasaran yang dilaksanakan. SECSB telah membelanjakan sejumlah RM17,134, RM9,864 dan RM74,708 masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011 untuk tujuan promosi dan publisiti. Semakan Audit mendapati SECSB ada membuat promosi/pemasaran seperti mencetak risalah, menghubungi *potential client* melalui surat atau telefon dan mengadakan perjumpaan/perbincangan secara tidak formal. Selain itu, SECSB juga telah mengadakan *Awareness Talk On Clean And Safe Supply Of Compressed Natural Gas Via Virtual Pipeline System* pada tahun 2011 dan menyertai pameran *Sabah International Expo* pada tahun 2010 dan BIMP-EAGA Expo pada tahun 2011. Pada tahun 2012, SECSB telah menandatangani perjanjian penjualan gas dengan 2 syarikat.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SECSB adalah baik.

16.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SECSB mendapati perkara berikut:

16.4.3.1. Audit Dalam

Unit Audit Dalam ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan memantau perjalanan pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam ada menyediakan rancangan pengauditan tahunan. Semakan lanjut mendapati Unit Audit Dalam telah menjalankan pengauditan/pemeriksaan di SECSB dan anak syarikatnya sekurang-kurangnya 3 kali setahun dalam bidang yang tertentu mengikut rancangan. Penemuan Unit Audit Dalam akan dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sekurang-kurangnya 3 kali setahun.

16.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Jawatankuasa Audit perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat Syarikat Induk.

Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Tiga orang ahli termasuk Pengerusi mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang bukan pengarah dan bukan dari pengurusan Syarikat Induk. Setiausaha Jawatankuasa pula ialah Pengurus atau Pegawai Audit Dalaman Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati SECSB ada menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dengan keahlian seramai 5 orang seperti di **Jadual 16.8**. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011.

Jadual 16.8
Keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Pelantikan
1.	Encik Bruno Vun @ Bruno Vun Leong Chung	Pengerusi	01.06.2011
2.	YBhg Datuk Maznah Binti Haji Abdul Ghani	Ahli	29.08.2007
3.	Encik Victor Rajasekran	Ahli	02.11.2006
4.	Encik Seeto Yee	Ahli	22.04.2005
5.	Datuk Yusoff Haji Sarangit	Ahli	Automatik mengikut jawatan
6.	Cik Anita Dhawan	Setiausaha	

Sumber: SECSB

16.4.3.3. Strategi Dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat Kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Semakan Audit mendapati SECSB ada menyediakan Rancangan Korporat/Pelan Strategik untuk tempoh 3 tahun. Di samping itu, Rancangan Korporat/Pelan Strategik tersebut dikemas kini setiap tahun dan dibentang/diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

16.4.3.4. Sistem Dan Prosedur

Pemeriksaan Audit terhadap sistem dan prosedur SECSB mendapati perkara berikut:

a. *Memorandum And Articles*

Memorandum And Articles merupakan dokumen rujukan utama syarikat. *Memorandum And Articles* mengandungi antaranya:

i. Pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Setiausaha Syarikat;

ii. Elaun, kemudahan dan pemecatan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Setiausaha Syarikat;

iii. Kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Setiausaha Syarikat;

iv. Jenis operasi syarikat; dan

v. Penggulungan syarikat.

Semakan Audit mendapati SECSB ada menyediakan *Memorandum And Articles* dan mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965.

b. *Standard Operating Procedures*

i. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab. SOP adalah berbeza bagi setiap Bahagian/Unit kerana disediakan berdasarkan skop kerja masing-masing. Selain itu, SOP hendaklah dipanjangkan kepada kakitangan sebagai rujukan utama kepada anggota semasa menjalankan tugas. Semakan Audit mendapati, SOP/polisi yang meliputi pengurusan kewangan dan perakaunan yang asas seperti prosedur penyediaan akaun, pelantikan juruaudit, pembayaran dividen, perolehan, polisi perakaunan, penerimaan, pembayaran, pelaburan dan pinjaman tidak ada disediakan di SECSB. SECSB telah mendapat persijilan MS ISO yang meliputi beberapa aspek pengurusan kewangan dan perakaunan yang asas seperti prosedur perolehan, pengurusan penyewaan rumah dan penjualan gas.

ii. Semakan selanjutnya mendapati SECSB ada menyediakan *General terms and Conditions of Service* berkuat kuasa mulai 2005. Perkara utama yang terkandung dalam prosedur ini ialah syarat perkhidmatan, kelakuan dan disiplin, gaji, bonus dan elaun, waktu bekerja, kenaikan pangkat, penamatan kerja, umur bersara, jenis cuti, kemudahan perubatan dan kemudahan lain. Bagaimanapun, ianya adalah secara umum sahaja. Peraturan/prosedur yang khusus/spesifik dinyatakan dalam dokumen lain iaitu *General Administrative Regulations* berkuat kuasa mulai tahun 2005. Prosedur tersebut telah diluluskan penggunaannya oleh Lembaga Pengarah dan telah dikemas kini pada tahun 2009.

Pihak Audit berpendapat SECSB mempunyai sistem dan prosedur asas bagi membolehkan SECSB beroperasi dengan cekap.

16.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Pendekatan pematuhan terhadap pengauditan pengurusan kewangan dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Aspek yang diliputi bagi pengauditan ini

adalah berkaitan dengan kawalan bajet, kawalan terimaan atau jualan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil pengauditan terhadap aspek pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Terimaan

Kawalan/Pengurusan terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan/hasil sesebuah organisasi diurus dan dikendalikan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan diakaunkan dengan sempurna. Terimaan utama SECSB adalah pendapatan daripada penyewaan tanah, lot perdagangan dan rumah serta penjualan gas. Terimaan SECSB pada tahun 2009 dan 2010 adalah masing-masing sejumlah RM44.52 juta dan RM34.60 juta. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan terimaan mendapati perkara seperti berikut:

i. Kawalan Penggunaan Resit

Resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada pembayar sebagai akuan terimaan wang pada masa urusan dibuat. Semakan Audit secara persampelan mendapati SECSB mengeluarkan resit rasmi bagi setiap terimaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati SECSB merekod stok buku resit tersebut dalam daftar dan disimpan dalam kabinet di bilik Eksekutif Akaun.

ii. Kemasukan Wang Ke Bank

Mengikut Amalan Terbaik, wang kutipan hendaklah dimasukkan ke bank pada hari yang sama kutipan dibuat. Semakan Audit secara persampelan mendapati semua kutipan wang tunai dimasukkan ke bank pada hari yang sama. Semakan selanjutnya mendapati slip bayaran masuk bank telah disemak dan difailkan dengan teratur.

iii. Penyata Penyesuaian Bank

Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank bulanan dibuat bagi memastikan semua terimaan dan bayaran yang dimasukkan ke dalam akaun bank telah diakaunkan dengan tepat dan kemas kini. Semakan Audit mendapati SECSB mempunyai 6 akaun bank masing-masing 5 dan 1 di Kota Kinabalu dan W.P. Labuan seperti di **Jadual 16.9**.

Jadual 16.9
Senarai Akaun Bank SECSB Pada Tahun 2011

Bil.	Nama	Lokasi
1.	Public Bank Berhad	Kota Kinabalu
2.	Alliance Bank (M) Berhad	Kota Kinabalu
		W.P. Labuan
3.	Malayan Banking Berhad	Kota Kinabalu
4.	RHB Bank Berhad	Kota Kinabalu
5.	AmIslamic Berhad	Kota Kinabalu

Sumber: SECSB

b. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan yang berhemat, cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan kerugian kepada sesebuah organisasi. Perbelanjaan SECSB adalah terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran serta kewangan. Perbelanjaan SECSB adalah masing-masing berjumlah RM33.75 juta, dan RM19.81 juta pada tahun 2009 dan 2010. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara seperti berikut:

i. Perolehan

- **Jawatankuasa Tender/Sebut harga**

  Jawatankuasa Tender/Sebut harga ditubuhkan untuk membuat analisis terhadap perolehan bagi menentukan harga perolehan yang diperolehi adalah yang terbaik dan menguntungkan. Prosedur perolehan SECSB menetapkan sebut harga hendaklah diperoleh daripada 3 pembekal bagi perolehan bernilai kurang RM5,000 dan 5 pembekal bagi perolehan bernilai RM5,001 hingga kurang RM50,000. Manakala perolehan bernilai RM50,000 dan ke atas pula hendaklah dibuat melalui tender. Semakan Audit mendapati SECSB telah menubuhkan Jawatankuasa tersebut.

ii. Pengurusan Perolehan

Mengikut Amalan Terbaik, semua perolehan perlu dibuat menggunakan Borang Pesanan Pembelian Tempatan (LPO)/Pesanan Kerja (GWO) atau surat pesanan rasmi untuk mengesahkan perolehan yang dibuat telah mendapat kebenaran. Selain itu, pengasingan tugas juga perlu dilaksanakan di kalangan kakitangan bagi urusan perolehan untuk mempertingkatkan kawalan dalaman dan akauntabiliti dalam pengurusan perolehan. Semakan Audit mendapati SECSB telah mematuhi amalan tersebut dalam pengurusan perolehan.

iii. Pengurusan Pembayaran

Semakan Audit terhadap pengurusan pembayaran mendapati perkara berikut:

- **Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham**

  Pekeliling Perbendaharaan Tahun 1993 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati SECSB telah mengisytiharkan pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 16.10**.

Jadual 16.10
Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2007 Hingga 2011

Bil.	Dividen Diisytihar		Pembayaran			
	Tahun Kewangan	Jumlah (RM)	No. Waran/ Tarikh	Jumlah (RM)	No. Baucar/ Tarikh	Jumlah (RM)
1.	2007	7,000,000	001/2007 19.12.2007	5,110,000	PV 1145 24.12.2007	5,110,000
2.	2008	9,000,000	001/2008 9.12.2008	6,660,000	PV 0992 15.12.2008	5,660,000
3.	2009	12,000,000	001/2009 15.12.2009	9,000,000	PV 0797 28.6.2010	8,000,000
4.	2010	8,000,000	001/2010 15.12.2010	6,000,000	PV 0500 16.5.2011	6,000,000
5.	2011	6,333,000	**Belum Dibayar**			
Jumlah		**42,333,000**		**26,770,000**		**24,770,000**

Sumber: SECSB

iv. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila Syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Cadangan bayaran bonus dan asasnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Induk atau Badan Berkanun berkenaan. Semakan Audit mendapati bayaran bonus bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 tidak dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal untuk kelulusan seperti di **Jadual 16.11**.

Jadual 16.11
Pembayaran Bonus Kepada Anggota SECSB Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (RM Juta)	Bonus (RM Juta)	Bil. Kakitangan	Kadar Bayaran Bonus
2007	99.61	1.61	59	6 bulan gaji
2008	5.13	1.65	59	6 bulan gaji
2009	10.50	1.79	60	6 bulan gaji
2010	14.79	1.87	61	6 bulan gaji
2011	TM	1.86	62	6 bulan gaji

Sumber: SECSB
Nota: TM – Maklumat belum diperoleh

v. Pengurusan Aset

Pengurusan aset merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Sehingga bulan Disember 2011, SECSB memiliki aset bernilai RM3.01 juta. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aset SECSB mendapati daftar yang disediakan adalah kemas kini.

vi. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan yang dibuat hendaklah mencapai sasaran dan mendapat pulangan yang sewajarnya. Semakan terhadap pelaburan SECSB mendapati perkara berikut:

- SECSB membuat pelaburan saham dalam 4 syarikat subsidiarinya berjumlah RM71.42 juta. Bagaimanapun, hanya satu syarikat subsidiari yang masih aktif, manakala yang selebihnya masih berstatus dorman/dalam proses pembubaran/telah berhenti beroperasi seperti di **Jadual 16.12**.

Jadual 16.12
Pelaburan Saham SECSB Dalam Syarikat Subsidiari

Bil.	Nama	Tarikh Penubuhan	Pegangan Saham (%)	Status Syarikat
1.	Asian Supply Base Sdn. Bhd.	17.3.1984	100	Aktif
2.	Maboraya Sdn. Bhd.	4.9.1995	100	Dorman
3.	Sabah Coal Sdn. Bhd.	19.8.1994	100	*Under liquidation*
4.	Sanergy Marine Sdn. Bhd.	15.11.1983	100	*Ceased Operation*

Sumber: SECSB

- Analisis Audit terhadap penyata kewangan syarikat subsidiari yang aktif mendapati bagi tempoh 2008 hingga 2010, syarikat berkenaan menunjukkan prestasi kewangan yang sangat baik dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai tahunan di antara RM29.29 juta hingga RM43.7 juta. SECSB telah menerima dividen masing-masing berjumlah RM3 juta bagi tahun 2008

dan 2009, manakala sejumlah RM4.75 juta bagi tahun 2010. Jumlah *amount due* kepada syarikat induk bagi semua syarikat subsidiari bagi tahun 2008 hingga 2010 ialah RM220.42 juta.

- SECSB juga membuat pelaburan dalam simpanan tetap di 4 buah bank perdagangan tempatan. Simpanan tetap SECSB di bank perdagangan tempatan adalah sejumlah RM11.17 juta setakat 31 Disember 2011. Semakan Audit mendapati SECSB telah menerima faedah sejumlah RM373,382, RM284,793 dan RM45,120 masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Maklumat lanjut pelaburan simpanan tetap SECSB seperti di **Jadual 16.13**.

Jadual 16.13
Pelaburan Simpanan Tetap Untuk 4 Akaun SECSB Dalam Bank Perdagangan

Bil.	Tahun	Simpanan Tetap (RM)	Faedah (RM)
1.	2009	55,747,432	373,382
2.	2010	119,102,646	284,793
3.	2011	11,169,877	45,120

Sumber: SECSB

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan SECSB adalah baik.

16.4.3.6. Pemantauan

Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan operasi syarikat mencapai matlamatnya atau mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan oleh pihak tertentu amat penting bagi memastikan perjalanan dan pengurusan syarikat dibuat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat (KPSKTM) dan SECSB mendapati perkara berikut:

a. Pemantauan Di Peringkat Kementerian

Pihak KPSKTM memantau pengurusan SECSB melalui kaedah berikut:

i. Pelantikan Menteri dan Setiausaha Tetap KPSKTM sebagai Pengerusi dan pengarah dalam Lembaga Pengarah SECSB.

ii. SECSB dikehendaki mengemukakan laporan bulanan kepada Ketua Menteri, Kementerian Kewangan dan KPSKTM serta Lembaga Pengarah SECSB.

b. Pemantauan Di Peringkat Syarikat

Pihak SECSB membuat pemantauan terhadap pengurusan dan operasi syarikat melalui kaedah berikut:

i. Mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 3 kali setahun untuk membincangkan perkara berkenaan pengurusan kewangan dan operasi syarikat.

ii. Jawatankuasa Pengurusan ditubuhkan pada tahun 1991 dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dianggotai oleh ketua bahagian dan pegawai kanan SECSB. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat masing-masing sebanyak 4 kali pada tahun 2009 dan masing-masing 5 kali pada tahun 2010 dan 2011. Jawatankuasa telah membincangkan perkara berkenaan pengurusan kewangan dan operasi syarikat.

iii. Unit Audit Dalam telah membuat pengauditan terhadap SECSB dan syarikat subsidiari SECSB mengikut jadual perancangan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh KPSKTM dan SECSB adalah baik.

16.5. SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan operasi dan tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan SECSB adalah baik. Bagaimanapun, adalah disyorkan agar pihak SECSB mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

16.5.1. Mempercepatkan pembangunan hartanah atau menyewakan 6 lot tanah yang belum dibangunkan dengan mengenalpasti pemaju dan penyewa yang berpotensi.

16.5.2. Memastikan semua premis yang akan disewakan sentiasa disenggara untuk memastikan premis tidak cepat usang dan dalam keadaan yang baik supaya dapat menarik minat penyewa.

16.5.3. Mematuhi pekeliling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan tadbir urus syarikat.



BAHAGIAN III
PERKARA AM

17. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/ Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu, dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

17.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

17.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2010.

17.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

18. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010, sejumlah 55 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2012, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 38 syor bagi tahun 2010. Bagi 17 syor lagi, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor yang telah diberi oleh pihak Audit. Perkara yang belum selesai adalah seperti berikut:

18.1. KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

- **Program Pembangunan Tanaman Korporasi Pembangunan Desa**

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman** Peserta Kontrak Korporasi diberikan modal pinjaman dalam bentuk bibit tanaman dan pondok cendawan. Pinjaman perlu dibayar balik oleh peserta melalui potongan jualan hasil cendawan segar yang dibekalkan kepada Korporasi dimana pihak Korporasi	Jumlah pinjaman peserta yang tertunggak telah menurun di mana baki pinjaman peserta pada penghujung tahun 2010 adalah sebanyak RM97,849.93 dan telah menurun kepada RM42,718.75 pada akhir bulan Februari 2012.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	akan memotong sebanyak 70% daripada hasil jualan peserta sebagai bayaran balik dalam tempoh 5 tahun. Baki Pinjaman Peserta semakin meningkat walaupun telah membuat pembayaran balik semasa penjualan hasil oleh peserta.	

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.2. JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

- Projek Lembu Pedaging

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Prestasi Bayaran Balik Ternakan** Prestasi bayaran balik ternakan adalah tidak memuaskan kerana jumlah bayaran balik ternakan sangat rendah iaitu 37% bagi Projek TRANSFORMASI dan 20% bagi Projek PKLP.	Pihak JPHPT telah menubuhkan Unit Pembayaran Balik Ternakan di peringkat Ibu Pejabat yang berperanan menyelaras ketiga-tiga pihak iaitu pihak penternak, ladang milik Jabatan dan Pejabat Cawangan di daerah bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi Jabatan. Pihak JPHPT juga telah memohon tambahan peruntukkan kewangan, kakitangan dan kenderaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.3. DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

- Pengurusan Penyenggaraan Sistem Saluran Najis

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Kerosakan Belum Diambil Tindakan** Kerosakan loji pengolahan kumbahan belum diambil tindakan menyebabkan 27 daripada 55 atau 49% loji pengolahan kumbahan tidak berfungsi. Mengikut rekod DBKK, loji-loji tersebut tidak berfungsi sejak tahun 2008.	Setakat akhir bulan Februari 2012, sebanyak 7 daripada 27 loji yang tidak berfungsi tersebut telah diperbaiki. Sebanyak 20 loji lagi belum diperbaiki kerana memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Peruntukan yang terhad menyebabkan keutamaan perlu diberi kepada kerja-kerja pembaikan asas seperti paip tersumbat, membaiki pam yang rosak dan sebagainya bagi memastikan tidak beraku *blockage.* DBKK akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tujuan tersebut.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.4. MAJLIS PERBANDARAN TAWAU

- Pengurusan Tempat Letak Kereta

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Tempat Letak Kereta Terhad** Bilangan petak letak kereta masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna terutama di waktu puncak.	Pihak MPT akan menambah bilangan tempat letak kereta dan membina tempat letak kereta bertingkat dalam RMKe-10.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	**Hasil Tidak Dapat dikutip** Kelewatan melaksanakan pindaan terhadap Undang-Undang Kecil menyebabkan hasil tidak dapat dikutip berjumlah RM3.60 juta.	MPT telah mengemukakan *TMC Parking By-Law 2011* kepada Peguam Besar Negeri untuk semakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.5. MAJLIS DAERAH KUNAK, MAJLIS DAERAH LAHAD DATU MAJLIS DAERAH SEMPORNA

- Pengurusan Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Kerja/Bekalan Tidak Mengikut Senarai Kuantiti** a. Membina Tandas Awam Kawasan Pekan Semporna.	Surat peringatan Bil:MDSPA 100-0/20/Jld.III (113) bertarikh 14 November 2011 telah dikeluarkan oleh MDS bagi menuntut bayaran balik daripada pihak kontraktor.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.6. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA

- Pengurusan Program Bantuan Pelajar Sekolah Rendah Dan Tadika

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Stor Penyimpanan Susu Tidak Sesuai** Keadaan stor dan kaedah penyimpanan susu adalah kurang memuaskan dan tidak menepati Garis Panduan Penyimpanan Susu di 25 buah sekolah dan 2 buah tadika yang dilawati.	KPM&HEP telah membuat pemantauan terhadap stor penyimpanan susu di sekolah-sekolah. Nasihat dan pengedaran garis panduan juga telah dibuat bagi membantu pihak sekolah mengatasi masalah kaedah dan tempat penyimpanan ini. KPM&HEP memohon kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sabah agar dapat menyediakan peruntukan khusus untuk penyediaan stor penyimpanan. Lawatan pemantauan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ke sekolah rendah mendapati sebilangan sekolah telah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.7. JABATAN PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

- Pengurusan Koleksi Dan Kemudahan Perpustakaan

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Prestasi Projek** Sebanyak 3 perpustakaan dalam pembinaan dan pembinaan bagi 2 perpustakaan belum lagi dimulakan.	• **3 buah bangunan perpustakaan belum siap:** Status fizikal: 1) K.Belud (95%)

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		2) Matunggong (72%) 3) K. Penyu (63.06%) • **2 perpustakaan belum dapat dimulakan** 1) PD Tg. Labian – Projek penggantian bangunan baru diluluskan dalam RMKe-10. Projek akan dilaksanakan dalam tahun 2013. 2) Bot bergerak – Peruntukan RMKe-9 tidak mencukupi. Peruntukan telah disalurkan ke projek PNS yang lain. Permohonan RMKe-10 tidak diluluskan.
2.	**Pengurusan Koleksi Perpustakaan** **Koleksi Yang Tidak Dipamerkan** Lawatan Audit pada bulan Julai hingga Oktober 2010 di 18 perpustakaan desa (PD) mendapati, koleksi di 7 PD sama ada diletakkan di atas meja, lantai atau dimasukkan ke dalam kotak dan disimpan dalam stor.	Perpustakaan berusaha untuk membekalkan rak bagi PD yang masih mempunyai ruang. Pembelian akan dibuat sebaik sahaja kelulusan *"Virement"* dari Perbekalan dan Bahan-Bahan Lain kepada Harta Modal bagi peruntukan PD diterima daripada Kementerian Kewangan. Peruntukan Harta Modal bagi program PD yang diluluskan untuk tahun 2012 adalah RM500.00.
3.	**Pelupusan Koleksi** Lawatan Audit pada bulan Julai 2010 hingga Oktober 2010 di 3 perpustakaan wilayah dan 6 perpustakaan cawangan mendapati, lambakan buku lama di dalam stor untuk tindakan pilih buang berlaku di Tawau, Kudat, Lahad Datu dan Beluran. Bagaimanapun, kuantiti dan nilai buku koleksi tersebut tidak dapat dipastikan kerana tidak ada senarai dibuat.	Menunggu kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.8. LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

- Projek Kemudahan Pelancongan

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Projek Siap Tidak Digunakan Sepenuhnya** a. Bilik Pameran di Taman Bukit Tawau telah siap tetapi kemudahan perabot bahan pameran belum lengkap untuk membolehkan kemudahan bilik pameran dimanfaatkan.	Perabot-perabot bahan pameran telah dipasang sepenuhnya pada Mac 2012. Bagaimanapun, bahan pameran masih dalam proses penyediaan dan Bilik Pameran dijangka akan dibuka sepenuhnya pada Disember 2012 sempena Ekspo Biodiversiti di Taman Bukit Tawau.

18.9. LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

- Supernesa Sdn. Bhd.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Pelantikan Konsultan Pengurusan Projek (PMC)** Bayaran yuran pengurusan terlebih bayar sejumlah RM939,326 kepada Ablelead Management Sdn. Bhd.	Supernesa telah mengemukakan salinan Perjanjian Konsultan Pengurusan yang diperolehi daripada Pejabat Peguam. Mengikut perjanjian tersebut, bayaran telah dibuat selaras dengan Perjanjian Pengurusan. Bagaimanapun, Supernesa diminta mengemukakan salinan Perjanjian yang telah disahkan benar oleh Peguam berkenaan.
2.	**Pembayaran Dibuat Terhadap Kerja Yang Belum Dilaksanakan** Pembayaran sejumlah RM1.41 juta telah dibuat kepada subkontraktor bagi kerja yang belum dilaksanakan.	Supernesa telah memohon agar bayaran tersebut dipotong dari Wang Tahanan *(Retention Sum)* subkontraktor Norisham Construction & Dev. S/B yang masih ada pada SPNB berjumlah RM2,168,832.
3.	**Tadbir Urus Korporat – Pengurusan Sumber Manusia** Pengambilan Pekerja Tidak Menjaga Kepentingan Syarikat/Agensi. i. Pegawai Komunikasi dilantik secara kontrak pada 1 Julai 2006 tetapi tidak pernah hadir bertugas. Kontrak diperbaharui setiap tahun dan gaji dibayar secarat etap. ii. Pegawai Seranta S17 berstatus sementara dilantik pada 1 Mac 2009 tidak pernah hadir bertugas namun gaji dibayar secara tetap.	• Akan diselaraskan mengikut *Standard Operating Procedures* yang hampir siap. • Surat perlantikan mereka yang telah diperbaharui mengandungi terma di mana syarikat memberi kelonggaran dari segi kehadiran ke pejabat disebabkan mereka ditugaskan untuk mencari projek-projek di luar berdasarkan pengalaman kerja mereka. • Laporan bulanan mengenai status perolehan projek akan disediakan oleh 2 kakitangan tersebut untuk memantau sejauh mana kerja-kerja yang dibuat oleh mereka.

Sumber: Jabatan Audit Negara

18.10. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

- Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Bayaran Komisen Kepada Agen** Bayaran kepada 2 agen berjumlah RM200,000 dan RM367,500 kerana membantu mendapatkan kontrak daripada Suruhanjaya Pilihan Raya dan mendapatkan sebuah helikopter untuk digunakan semasa	Sabah Air telah memenangi kes saman terhadap Syarikat Pengurusan bagi mendapatkan semula kerugian semasa Sabah Air diurus oleh Syarikat Pengurusan. Bayaran ganti rugi belum ditentukan oleh

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	pilihan raya telah dibuat tanpa rekod /dokumen /bukti untuk menyokong pembayaran tersebut dan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.	Mahkamah. Bagaimanapun, Peguam Syarikat Pengurusan telah mengemukakan rayuan.
2.	**Pelantikan Pengurus Projek** Pelantikan kedua-dua pengurus projek tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Tidak ada bukti menunjukkan kerja telah dilaksanakan oleh pengurus projek bagi kontrak Pejabat Pembangunan Negeri Sabah.	
3.	**Bayaran Elaun** • Elaun Hazard – kadar baru yang dinaikkan pada bulan Mac 2008 belum dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. • Elaun Insentif Penerbangan – Pembayaran elaun belum dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.	Penyediaan *Standard Operating Procedures* yang komprehensif dan semakan *General Terms And Conditions Of Employment* sedang dalam proses dan merupakan sebahagian daripada keperluan AS9110 dan pensijilan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

19. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2010

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Setakat 30 April 2012, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 24 November 2011.

20. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SABAH

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa)telah mengadakan mesyuarat dan memanggil Ketua Jabatan terlibat iaitu pada 14 hingga 15 Mac 2011 dan 3 Mei 2011 untuk memberi penjelasan terhadap isu-isu Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2008 dan 2009. Pada tahun 2012, Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 16 Mac 2012 untuk membincangkan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 (LKAN 2010) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah, Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. Manakala Jawatankuasa bermesyuarat pada 16 hingga 18 April 2012 bagi mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan

dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Ringkasan jadual Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah seperti **Jadual 20.1**.

Jadual 20.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sabah Sehingga Bulan April 2012

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	16 Mac 2012	• Kementerian Kewangan Negeri • Jabatan Bendahari Negeri	• Pembentangan isu-isu Penyata Kewangan Negeri dan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah • Pembentangan isu-isu LKAN 2010 kepada Jawatankuasa mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan.
2.	16-18 April 2012	• Sabah Air Aviation Sdn. Bhd. • Majlis Daerah Semporna, Majlis Daerah Kunak dan Majlis Daerah Lahad Datu • Supernesa Sdn. Bhd. • Perpustakaan Negeri Sabah. • Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. • Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. • Majlis Perbandaran Tawau. • Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. • Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna. • Korporasi Pembangunan Desa. • Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak. • Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga. • Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah. • Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO). • Majlis Ugama Islam Sabah. • Pejabat Daerah Semporna. • Lembaga Industri Getah.	Mendengar penjelasan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2010 berkaitan: • Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan. • Agensi Belum Menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2010. • Jabatan/Agensi yang berada kedudukan terendah bagi pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti tahun 2010.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

13 Jun 2012